

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 50

Selasa

18 November 2014

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2015

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B.27	(Halaman 37)
Maksud B.60	(Halaman 64)
Maksud B.29	(Halaman 108)
Maksud B.47	(Halaman 162)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat

(Halaman 26)

Usul Anggaran Pembangunan 2015

Jawatankuasa:-

Maksud P.27	(Halaman 37)
Maksud P.60	(Halaman 64)
Maksud P.29	(Halaman 108)
Maksud P.47	(Halaman 162)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA
Selasa, 18 November 2014
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA
[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya cuma ingin ingatkan, sesuaiilah kita kemukakan soalan tambahan mengikut peraturan mesyuarat yang dibuat secara ringkas dan padat. Elok jugalah jawapan-jawapan daripada pihak Yang Berhormat Menteri dilakukan secara ringkas juga. Terima kasih.

1. **Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah rancangan dan perkembangan proses pembentukan *Economic Cooperation Agreement (ECA)* untuk pelabur-pelabur dan pengusaha-pengusaha antara Malaysia dan Taiwan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bintulu.

Soalan ini adalah berkaitan dengan hubungan dagangan antara Malaysia dengan Taiwan, khususnya cadangan untuk ditandatangani suatu perjanjian perdagangan antara Malaysia dengan Taiwan.

Sehubungan dengan itu, untuk makluman Yang Berhormat, Taiwan adalah satu kawasan yang mempunyai penduduk kira-kira 23 juta orang. Ia berdasarkan pendapatan per kapita. Ia merupakan sebuah negara maju. Hampir kira-kira USD40,000 pendapatan per kapita Taiwan berbanding Malaysia kira-kira USD10,000 – USD11,000.

Jadi Taiwan adalah satu kawasan yang maju dan asas ekonominya adalah pembuatan khususnya bidang *electrical* dan elektronik. Itu sedikit latar belakang berkaitan dengan negara Taiwan.

Yang keduanya Tuan Yang di-Pertua, hubungan Malaysia dan Taiwan dalam bidang ekonomi dan perdagangan adalah baik dan boleh dikatakan amat baik. Taiwan merupakan rakan dagangan Malaysia yang kelapan terbesar pada tahun lalu. Jumlah perdagangan dua hala antara Malaysia – Taiwan meningkat dengan ketara dalam tempoh empat ke lima tahun yang lalu

iaitu kira-kira RM33 bilion pada tahun 2009 meningkat kepada RM53 bilion pada tahun 2013, peningkatan 60%. Jadi Taiwan merupakan rakan dagangan yang kelapan terbesar. Sebuah negara yang penting dan hubungan antara Malaysia – Taiwan adalah baik.

Yang ketiganya dari segi pelaburan. Setakat ini jumlah pelaburan Taiwan di Malaysia bernilai kira-kira USD5.4 bilion. Jadi sama ada perdagangan ataupun pelaburan, hubungan ekonomi antara Malaysia dengan Taiwan adalah baik. Kerajaan sedia maklum bahawa beberapa buah negara telah pun menandatangani perjanjian perdagangan bebas antara Taiwan dengan Singapura dan New Zealand umpamanya telah tandatangan perjanjian, dipanggil ASTEP, tidak dipanggil FTA. Sebagai contoh dengan Singapura dipanggil *Agreement between Singapore and the Separate Customs Territory of Taiwan, Penghu, Kinmen and Matsu* (ASTEP) namanya.

Begitu jugalah negara New Zealand telah tandatangan pada tahun lalu. Satu Perjanjian ASTEP juga namanya. Jadi beberapa kerajaan sedia maklum bahawa beberapa buah negara telah pun tandatangan perjanjian dengan Taiwan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menangani isu ini, kerajaan berpandukan kepada dasar semasa. Dasar kita ialah dasar dengan izin dipanggil 1China Policy di mana kita menghormati dasar China iaitu Taiwan adalah sebahagian daripada PRC, People's Republic of China.

Maka apa jua yang kita lakukan adalah berasaskan kepada dasar negara iaitu menghormati dasar negara China dan pihak MITI sentiasa berbincang dan merunding dengan pihak Wisma Putra sebelum apa-apa tindakan diambil. Jadi antara sebab kenapa kita berhati-hati dalam perkara ini ialah kerana kita ada satu 1China Policy.

Dalam pada itu saya ingin memaklumkan Yang Berhormat Bintulu bahawa kita terbuka dan sentiasa mencari jalan bagaimana kita boleh meningkatkan hubungan dagangan dan pelaburan dengan Taiwan ini tanpa kita menjejaskan 1China Policy. Jadi ini pendekatan yang diambil oleh kerajaan. Sekarang ini kita belum membuat apa-apa keputusan berkaitan dengan cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Bintulu.

Selain daripada dasar dengan izin, 1China Policy sebelum kita tandatangan satu-satu perjanjian, sudah pasti kita kena buat kajian. Semua itu, satu kajian telah pun dibuat oleh pihak ASLI dan *Chung-Hua Institution for Economic Research* dan kajian ini sudah pun ada hasilnya. Akan tetapi yang lebih penting ialah kita menghormati dasar 1China Policy yang diamalkan oleh kerajaan buat masa ini.

Mengenai FTA, kita mempunyai sikap terbuka. Kita telah tandatangan 13 buah FTA setakat ini, yang terkini dengan negara Turki. Jadi Malaysia mempunyai pendekatan yang terbuka dalam isu FTA kerana kita merupakan sebuah negara yang bergantung banyak kepada perdagangan luar. Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya difahamkan kita hari ini tak berapa sihat, pun datang jawab ini soalan. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kita faham dalam isu ini tujuan ECA adalah memudahcarakan perdagangan dan ekonomi dua hala Malaysia dan Taiwan.

■1010

Pengecualian cukai menarik pelabur ke Malaysia ataupun Malaysia ke Taiwan. Meningkatkan kerjasama ekonomi Malaysia-Taiwan. Malaysia, kita memang faham. Kita *One China Policy*. Saya rasa, kalau boleh negara kita mesti mahu sampaikan mesej kepada negara China. Kita bersama Taiwan bukan hendak bercerita mengenai ECA berkaitan dengan politik. Ini tidak kena-mengena dengan politik. Ini kena-mengena dengan ekonomi. Rakyat kita melabur di Taiwan, ataupun Taiwan melabur di Malaysia. Kita mesti mahu ingat, rakyat kita sekarang macam pelajar kita akan lebih kurang 18,000 orang. Pelajar dari Malaysia sedang melanjutkan pelajaran di Taiwan. Saya pernah berbincang bersama mahasiswa dan mahasiswi, mereka kata mereka belajar di sana. Apabila mereka balik, hendak berniaga dengan siapa? Mereka memang ada *connection* dengan Taiwan. Inilah, kalau kita tidak lihat, kita tidak sampai ke negara China, rakyat ini apabila balik besok, semua marah dengan kita. Ini lah kita bagi peluang.

Semua mahasiswa dan mahasiswi balik akan undi pada pembangkang. Tidak bagi peluang tetapi negara China lain. Dia tidak payah undi, dia orang angkat tangan tetapi kita mesti mahu melihat perkara ini. Kalau tengok sampai hari ini, ramai mahasiswa dan mahasiswi balik dari Taiwan dia orang marah sama kita. Kita tidak menjaga kepentingan mahasiswa dan mahasiswi ataupun generasi yang muda ini. Saya di sini ingin memberitahu kita ada perjanjian yang ditandatangani Malaysia dengan Taiwan; 1993 - *Investment Politician Agreement*; 1996- *Double Taxation Avoidance Agreement*. Kita pun ada *sign*. Apa masalah kalau kita *seriously* pertimbangkan ECA ini untuk rakyat Malaysia, terutama sekali rakyat Malaysia kita.

Saya hendak tanya soalan. Bolehkah kementerian ambil inisiatif berbincang dengan negara China. Kalau negara China langsung tidak setuju, kenapa bising dengan negara China sekarang, sebab China pun sekarang berbincang dengan Taiwan. Ada perjanjian juga atas *economy cooperation* bersama. Kita Cuma hendak selesaikan kepentingan rakyat. Bagi tahu dengan dia, kalau boleh kementerian tolong, bolehkah kementerian mengambil satu inisiatif berbincang dengan Kementerian Luar Negeri dan negara China. Bukan bersama *Ambassador* tetapi bersama Negara China - macam mana kita boleh *win-win situation* menyelesaikan masalah ini. Sekian terima kasih.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bintulu atas cadangan supaya kita adakan perbincangan dengan pihak-pihak berkenaan. Seperti yang saya maklumkan, isu utamanya ialah kita ada satu dasar dan kita hormati dasar ini. Dalam pada itu, kita tidak tutup pada perbincangan. Seperti yang saya sebut dalam jawapan saya tadi, kita telah mengadakan perbincangan dengan pelbagai pihak, bagaimana kita boleh tangani masalah ini dengan mengambil kira sensitiviti berkaitan dengan *One China Policy*, dengan izin. Itulah kaedah yang kita telah mulakan, malahan kita telah berbincang dan bermula 2011 lagi, sudah tiga tahun. Belum ada kaedah dan kita ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bintulu atas cadangan tersebut. Memang benar pelajar kita ramai di sana, tetapi seperti yang saya maklum tadi hubungan kita amat baik dengan Taiwan-perdagangan dan pelaburan. Memang benar kalau ada perjanjian perdagangan bebas di mana-

mana kawasan negara di dunia, ini akan memberi kesan yang baik kepada perdagangan dan pelaburan. Itu memang jelas daripada pengalaman kita - 13 perjanjian telah kita tangani hasilnya baik. Akan tetapi dalam kes Taiwan ini, kita harus menghormati negara China yang merupakan rakan dagangan kita yang pertama antara Malaysia dan China. Jadi kita akan cuba cari satu penyelesaian yang berbentuk *win-win*. Terima kasih.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, dengan adakan ECA, bolehkah Yang Berhormat Menteri jelaskan dengan lebih mendalam modus operandi mengenai tadi disebutkan *win-win situation*, dan adakah pegawai khas telah kita tubuhkan supaya kita dapat meneruskan koordinasi di antara kedua-dua negara?

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang jelas soalan tadi. Jika saya faham Yang Berhormat Kota Melaka dengan tepat, Yang Berhormat Kota Melaka ingin tahu berkaitan dengan mungkin perjanjian yang telah ditangani oleh Singapura dan New Zealand, mungkin dengan Taiwan.

Jadi biasanya ECA ini meliputi beberapa perkara. Yang pertama, dipanggil perdagangan dalam *goods*- barangan; yang kedua, *services*- perkhidmatan; dan yang ketiga, *investment*. Itulah ruang lingkup ataupun skop biasa ECA, dan perjanjian-perjanjian yang lain. Akan tetapi tumpuan utama pada peringkat awal ialah dagangan dalam barangan, *trade in goods*. Yang ini kurang sukar, selepas itu dilihat pula kepada sektor perkhidmatan yang mencabar; dan ketiga ialah sektor pelaburan itu peringkat-peringkat perbincangan apabila diadakan sebarang rundingan.

Seterusnya ialah peringkat lebih maju ataupun lebih progresif di mana hal-hal lain dibincangkan seperti mana dalam R-CEP iaitu Regional Comprehensive Economic Partnership dan juga TPP. Ini melibatkan bukan sahaja hal-hal yang saya sebutkan tadi tetapi juga hal-hal lain yang tidak ada kaitan langsung dengan dagangan. Terima kasih.

2. Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, adakah Kerajaan Persekutuan akan memberi peruntukan dan bekerjasama dengan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu untuk membina lebih banyak kawasan atau bangunan meletak kenderaan di Bandaraya Kota Kinabalu. Jika ya, nyatakan rancangan dan peruntukan yang disediakan.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kota Kinabalu, Kementerian KPKT Yang Berhormat, melalui pihak berkuasa tempatan memang menyediakan-sentiasa menyediakan peruntukan untuk melaksanakan sebarang projek-projek kecil di pihak berkuasa tempatan pada setiap tahun. Ini melalui sumbangan membantu kadar dan geran-geran tahunan. Juga bagi meningkatkan pelbagai kemudahan, bukan sahaja tertakluk kepada membina tempat letak kereta di semua kawasan pihak berkuasa tempatan. Ini termasuklah peruntukan yang disalurkan oleh kementerian kepada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu seperti soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, setiap tahun. Peruntukan ini akan dipertimbangkan

berdasarkan kepada permohonan-permohonan terutama daripada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu yang tertakluk kepada untuk menambahkan lagi tempat-tempat letak kereta.

Untuk makluman Yang Berhormat Kota Kinabalu, tempat letak kereta ini merupakan salah satu elemen penting dalam bandar atau mana-mana pemajuan sama ada perumahan ataupun komersial kerana tempat letak kereta disediakan berperanan menyokong fungsi dan juga aktiviti pemajuan tersebut.

Bagi makluman Yang Berhormat Kota Kinabalu, pada tahun 2011 kementerian telah pun meluluskan peruntukkan bagi pembinaan ruang tempat letak kereta berhampiran dengan kawasan lapang di Taman Kingfisher Yang Berhormat, pada tahun 2011 dan pada tahun 2014, kementerian telah pun menerima permohonan peruntukan daripada pihak Bandaraya Kota Kinabalu untuk membina tempat letak kereta yang baru.

■1020

Saya sendiri telah turun untuk melihat kepada cadangan tempat-tempat letak kereta yang hendak dicadangkan oleh Dewan Bandaraya Kota Kinabalu. Hasil daripada itu, maka kementerian telah pun meluluskan cadangan pembinaan tempat letak kereta terbuka berhampiran dengan Klinik Luyang. Yang Berhormat tahukan? Dekat mana Klinik Kesihatan Luyang, dengan peruntukan sebanyak RM468,515.

Selain daripada itu Yang Berhormat, pihak Dewan Bandaraya Kota Kinabalu juga sedang dalam perancangan untuk membina tempat letak kereta bertingkat di Foh Sang dan bagi kawasan Foh Sang ini yang akan disediakan jumlah petak sebanyak 350 hingga 400 petak, reka bentuk sedang disediakan. Yang paling penting ialah konsultasi dengan penduduk-penduduk di kawasan persekitaran itu perlu dilakukan dan akan dilakukan dalam bulan November ini sebelum sebarang ketetapan dilakukan untuk diturunkan peruntukan untuk membina tempat letak kereta yang berkenaan.

Selain daripada itu saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Kota Kinabalu, bahawa bangunan tempat letak kereta bertingkat, 5 tingkat di kawasan tempat letak kereta terbuka Kampung Air dalam pusat perniagaan Kota Kinabalu (CBD Area) sebanyak 450 petak akan dibina. Bangunan tempat letak kereta bertingkat di kawasan tempat letak kereta terbuka Damai Phase 3, dengan izin dengan 250 petak.

Kawasan tempat letak kereta terbuka di Pekan Menggatal, dalam kawasan lapang sedia ada yang digunakan sebagai tempat letak kereta sebanyak 220 petak dicadangkan. Kawasan tempat letak kereta terbuka berdekatan Dewan Serbaguna Damai sebagai tambahan kepada kawasan tempat letak kereta yang ada pada kawasan lapang milik Dewan Bandaraya Kota Kinabalu sebanyak 60 petak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah kementerian memberi peruntukan kepada DBKK, tadi saya dengar hanya RM400,000 juta, setiap tahun dalam bajet

yang penting. Setiap tahun dalam bajet, jika ya, sila nyatakan berapa peruntukan yang telah diberi kepada DBKK dan berapakah anggaran perbelanjaan DBKK setiap tahun?

Oleh kerana *Mayor* Kota Kinabalu mendakwa bahawa DBKK adalah menghadapi kesusahan dalam melancarkan atau membina seperti bangunan letak kenderaan di kawasan bandar raya? Oleh sebab kerana Kerajaan Persekutuan belum memberi peruntukan, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin tahu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Kenapa ia lewat dan apakah mekanisme Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan itu kepada DBKK. Minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh jawab satu soalan tambahan, Yang Berhormat.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Saya jawab satu sahaja. Selepas ini Yang Berhormat boleh jumpa saya di belakang. Saya dah jawab tadi, Yang Berhormat. Peruntukan yang kementerian luluskan ialah RM468,515 bukan RM468 juta. RM468,515 untuk membina tempat letak kereta di Klinik Luyang. Saya telah jelaskan daripada awal tadi, Yang Berhormat bahawa kementerian telah memberikan bantuan, 2 jenis bantuan kepada pihak berkuasa tempatan.

Satu ialah sumbangan membantu kadar dan yang lagi satu ialah geran tahunan. Setiap tahun, pihak berkuasa tempatan perlulah merancang tentang keperluan-keperluan yang diperlukan. Saya pun telah sebut tadi kementerian akan menambahkan peruntukan kepada mana-mana keperluan yang diperlukan, terutama kepada menyediakan lebih banyak lagi tempat-tempat letak kereta. Saya telah bacakan senarai tadi Yang Berhormat, saya harap Yang Berhormat faham. Saya tidak sebutkan jumlahnya berapa juta tetapi saya sebut...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Jadi kenapa *Mayor* masih *complaint* tidak cukup duit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Kinabalu, duduk.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Tidak mengapa, tidak mengapa. Duduk dahulu. Nanti, Yang Berhormat Sudah, sudah. *Mayor* itu menyebut bahawa peruntukan tidak cukup, kutipan hasil perlu dipelbagaikan. Kalau mengharap kepada kutipan cara mengutip hasil yang sedia ada, mungkin tidak akan dapat menambah sumber pendapatan kepada pihak berkuasa tempatan. Maknanya, pihak berkuasa tempatan perlu mempelbagaikan sumber kewangan untuk menambahkan hasil. Selain daripada itu, boleh mendapatkan peruntukan daripada kementerian. Itu sahaja Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawab kepada sahabat saya dari Kota Kinabalu. Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Kota Kinabalu

sudah ketinggalan zaman, sebenarnya. Dia tidak tahu sebab dia tidak buat kerja itu, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tempat letak kereta di KK semua sudah dilaksanakan.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Yang di-Pertua, ini niat jahat. Suruh dia tarik balik, tiada kerja. Hari-hari tukang kacau sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan, soalan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Soalannya betul atau tidak, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kerajaan Pusat telah pun memberi banyak peruntukan kepada DBKK, mengikut projek-projek yang dikemukakan kepada pihak kementerian? Akan tetapi masalahnya pelaksanaannya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri juga memantau pelaksanaan DBKK ini terutama sekali pembersihan Bandaraya Kota Kinabalu dan landskap yang belum begitu memuaskan, terutama dalam segi kebersihan.

Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri pergi ke Kota Kinabalu, kawasan saya nampaklah sampah-sampah terapung-apung di sungai-sungai, di tepi-tepi laut, di tepi-tepi parit semua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri melihat perkara ini dan membantu...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: *[Menyampuk]* Tuan Yang di-Pertua, ini bukan dia punya kawasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Kinabalu duduk. *You are out of focus*, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Dia tidak buat kerja,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan, cukuplah Yang Berhormat .

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya dia tidak buat kerja. Dia tidak tengok mana yang masalah sebenar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kita dalam Q&A ini Yang Berhormat. Cukuplah.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Bukan saya tidak buat kerja, Persekutuan yang tidak buat kerja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Kinabalu, duduk. Tidak elok macam ini Yang Berhormat. Orang kampung nampak tengok televisyen sekarang.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Yang Berhormat Kota Kinabalu, tidak payahlah terlalu garang sangat, mentang-mentang keluar televisyen pagi ini. Saya hendak memaklumkan tadi empat projek yang akan dilakukan oleh Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, kepada empat kawasan. Tak, tak Yang Berhormat, duduk, duduk. Ini bukan soal jawab.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: *[Bangun]* Tapi Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa yang Yang Berhormat Timbalan Menteri beri itu, apa ini empat ratus ribu, apa itu?

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Saya ingin Yang Berhormat ini baru mendapat makluman, itu yang baru nak bereaksi. Sepatah kata Yang Berhormat Bayan Baru, nak bereaksi di dalam Parlimen. Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, empat projek yang saya sebutkan tadi itu. Sudah lah, cukup lah Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Saya reaksi lah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Sudah lah cukup, cukup. Nanti kalau nak berucap, berucaplah semasa perbahasan nanti. Empat projek yang telah disebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua, berjumlah RM50,500,000. Selain daripada RM468,515,000 yang saya sebutkan tadi. Soalan Yang Berhormat Putatan tadi itu saya tidak hendak jawab langsung, kerana tiada kaitan langsung dengan tempat letak kereta. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, tegang sedikit mungkin kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri berbaju merah dan Yang Berhormat Kota Kinabalu *tie* merah. Dia bertembung merah dengan merah. Saya jemput Yang Berhormat Dato' Noraini binti Ahmad.

3. Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan status terkini pencapaian program MYCarbon yang mensasarkan pengurangan 40 peratus dalam pelepasan gas rumah hijau negara menjelang 2020 berikutan komitmen yang diberi oleh YAB Perdana Menteri pada 2009 di *United Nations Summit on Climate Change*.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Parit Sulong, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dengan kerjasama United Nations Development Program (UNDP) sedang melaksanakan program laporan GHG Kebangsaan atau pun *Green House Gasses* Kebangsaan, atau dikenali sebagai MYCarbon bagi menggalakkan laporan pelepasan GHG oleh organisasi pihak korporat dan syarikat swasta.

■1030

Program ini telah dilancarkan pada 3 Disember 2013. Program ini masih di peringkat fasa perintis di mana pelaksanaan dan sehingga kini telah mendapat penyertaan daripada 26 buah organisasi dari pelbagai kategori seperti penjana tenaga, pengangkutan, telekomunikasi, pembuatan dan proses industri, rawatan air dan perkhidmatan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Malaysia akan mengambil *indicator* sukarela bersyarat *conditional volunteer indicator* untuk mengurangkan intensiti karbon berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar ataupun GDP sehingga 40% menjelang tahun 2020 di Conference of The Parties Ke-15 atau COP 15 United Nations Framework Convention Climate Change di Copenhagen di Denmark pada tahun 2009.

Semasa menyampaikan ucapan di Persidangan Climate Summit 2014 di New York, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa status pencapaian

pengurangan intensiti karbon negara sebanyak 33% daripada 40% yang disasarkan telah tercapai 33%. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi menjejaki pelepasan sasaran 40% intensiti karbon berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar ataupun KDNK menjelang tahun 2020.

Insentif menjejaki sasaran ini bagi mengurangkan intensiti pelepasan karbon dilaksanakan meliputi tiga program utama iaitu kecekapan penggunaan tenaga ataupun *energy efficiency use*, tenaga boleh diperbaharui atau *renewable energy* dan pengurusan sisa pepejal. Dalam masa yang sama keluasan hutan negara perlu dikekalkan pada tahap sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah keluasan tanah. Ini untuk menjamin penyerapan dan penyimpanan karbon secara berterusan.

Sehubungan itu kementerian telah melaksanakan Kempen Menanam 26 Juta Pokok dengan tema Hijaukan Bumi, Satu Warga Satu Pokok yang telah dilancarkan secara serentak di seluruh negara sempena Sambutan Hari Bumi Sedunia pada 22 April 2010. Sehingga Ogos 2014, Tuan Yang di-Pertua sebanyak 62.5 juta batang pokok telah ditanam di kawasan seluas 79,379.61 hektar. Sekian, terima kasih.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya membawa soalan tambahan saya, saya hendak mengucapkan selamat datang kepada Ketua-ketua Kampung Parlimen Gerik yang berada di sebelah kanan. Gerik juga dapat nama.

Okey jadinya soalan tambahan saya adalah daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, saya hendak bertanya kepada kementerian apakah cabaran yang dihadapi oleh kementerian dalam proses pengumpulan data pelepasan GHG ini dan apakah perancangan dan aktiviti yang telah dirangka dan dirancang selain daripada program penanaman pokok ini untuk mengurangkan pelepasan gas hijau ini dan pencapaiannya setakat ini. Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong atas soalan tambahan yang begitu bernas. Tuan Yang di-Pertua, cabaran memang banyak kerana apabila kita buat pengiraan dan inventori daripada program-program yang dilaksanakan, ia memerlukan kepakaran yang tinggi. Walaupun demikian, kementerian sudah pun buat sebelum Projek MYCarbon ini dilancarkan sejak tahun 2013. Program yang telah pun dilaksanakan termasuklah *feed-in tariff* yang berkaitan dengan kegunaan pelbagai sumber untuk menjana bekalan elektrik seperti biogas, biomas, mini hidro dan solar PV atau solar *photovoltaic*.

Selain daripada itu program-program yang lain adalah *Green Building Index (GBI)*, kitar semula penggunaan biodiesel, *Compressed Natural Gas Used* atau CNG, *Green Technology Financing Scheme* ini memang ada, Defend Avoidance. Selepas itu pengangkutan menghasilkan memang banyaklah gas rumah hijau, *forest conservation* ataupun pemeliharaan hutan, *governments to lead by examples*, aktiviti kerajaan.

Jadi pengurangan ini pada tahun 2013 kesemuanya ialah 52,027,682.69 metrik tan semuanya pengurangan ini. Jadi pengurangan ini ialah 33% daripada 40%. Kita sasarkan *target* untuk pengurangan pada tahun 2020 ialah 63,020,508.2 metrik tan. Jadi sebelum tahun 2020 kita

sudah capai 33%, hanya 7% lagi yang tinggal iaitu kita perlu mengurangkan 10,992,825.51 metrik tan yang tinggal. Jadi itu senang sahaja kita mencapainya pada tahun 2020 mengikut itu.

Untuk pertanyaan berkaitan dengan pemeliharaan hutan. Hutan di negara kita adalah 20.3 juta hektar kesemuanya. Jadi hutan inilah yang menyerap banyak gas karbon dioksida yang terhasil di negara kita. Negara kita menghasilkan 0.64% daripada keseluruhan jumlah yang terhasil oleh dunia iaitu 34.5%. Jadi hutan kita menyerap 49% dalam setahun gas karbon dioksida yang terhasil di negara kita sendiri. Negara-negara lain memang banyak menghasilkan gas-gas rumah hijau seperti negara China yang menghasilkan 9.8 bilion metrik tan dan negara Amerika Syarikat menghasilkan 15.1 bilion metrik tan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1040

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu, saya harapkan Tuan Yang di-Pertua supaya mengarahkan Yang Berhormat Bintulu dan Yang Berhormat Putrajaya supaya jangan bising di dalam Dewan. Suara mereka terlalu kuat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, soalan Yang Berhormat.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, penyumbang utama untuk kesan rumah hijau selain kilang-kilang dan juga kenderaan adalah gas yang dilepaskan oleh penghawa dingin atau *air conditioning*. Gas-gas yang digunakan oleh *air conditioner* adalah R22 iaitu CFC yang tidak mesra alam dan begitu mudah dilepaskan ke udara semasa *technician* buat *maintenance* semasa kalau ada kebocoran gas untuk penghawa dingin.

Ini bukan sahaja untuk penghawa dingin di rumah-rumah tetapi juga untuk penghawa dingin komersial yang menggunakan gas R134a. Kedua-dua gas R22 dan gas R134a ini kedua-dua merupakan tidak mesra alam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, soalan terus, Yang Berhormat.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Ada soalan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang apakah alternatif untuk menggantikan gas R22 ini, CFC ini? Adakah kementerian akan menggunakan cara undang-undang supaya memaksa ataupun mengitar semula gas R22 ini supaya gas R22 ini boleh dikutip balik dan dikitar semula, diguna balik untuk penyaman udara? Juga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah cukup satu soalan Yang Berhormat.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Satu lagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Satu soalan Yang Berhormat, satu soalan sahaja.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Ya, satu soalan. Okey, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab terus kepada soalan Yang Berhormat.

Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, gas untuk penghawa dingin CFC telah pun *diprohibitkan*, tidak diguna pakai lagi. Sudah lama pun tidak diguna pakai, CFC. Sekarang yang diguna pakai ialah HCFC, *hydrochlorofluorocarbon*.

Walaupun demikian, di dalam perjanjian *Montreal Protocol*, HCFC yang sekarang guna di merata-rata dunia juga akan dibatalkan penggunaannya. Akan dibatalkan dan tidak diguna pakai lagi pada tahun 2020. Jadi waktu sekarang adalah pengurangan, berapakah kurangnya dan seterusnya pada tahun 2020.

Sekarang, *Conference of Parties of Montreal Protocol* sedang berjalan di Paris, Perancis untuk membincangkan semua perkara ini. Kalau HCFC ini sudah pun diharamkan juga, maka satu lagi gas yang tidak membuat pencemaran kepada udara iaitu HCF, *hydrofluorocarbon*. Sebenarnya, apa yang berlaku kepada semua gas ini yang akan diharamkan penggunaannya ialah semacam CFC. CFC, ia keluar di permukaan tanah, ianya naik tetapi tidak begitu tinggi, 10 kilometer sahaja ke udara tetapi oleh kerana UV, sinaran ultra violet ini bercampur dengan CFC ini, maka ianya dipecahkan menjadi satu atom dan atom inilah yang naik jauh ke udara yang membuat lubang di lapisan ozon di *outerspace* itu. Itulah sebabnya ianya tidak diguna pakai, CFC dan HCFC walaupun ianya kurang macam itu tetapi akan diharamkan juga pada tahun 2020.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

4. Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan tindakan yang telah dan akan diambil bagi membantu penduduk luar bandar terutama kawasan Rengit dan Senggarang dalam parlimen Batu Pahat yang berhadapan dengan dwi-masalah yang menekan kenaikan harga barang-barang keperluan harian dan turunnya harga produk keluaran kampung.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat.

Menjawab soalan Yang Berhormat, kerajaan amat memandang berat mengenai dengan isu yang berkaitan kenaikan harga barang keperluan kerana ianya memberi kesan kepada kos sara hidup rakyat terutamanya penduduk di luar bandar dan juga di kawasan-kawasan yang terbabit termasuklah Rengit dan juga Senggarang dalam Parlimen Batu Pahat.

Pemantauan harga barang keperluan rakyat merupakan salah satu inisiatif kerajaan bagi mengesan pergerakan harga barangan yang dijual supaya ianya tidak membebankan rakyat. Walau bagaimanapun, harga barangan yang dijual dalam pasaran tempatan ditentukan oleh pelbagai faktor terutamanya penawaran dan juga permintaan di dalam dan juga luar negara. Oleh yang demikian, kawasan Rengit dan juga Senggarang di mana aktiviti pertanian utamanya ialah kelapa sawit dan juga kelapa secara langsung menghadapi kesan dari faktor tersebut.

Kementerian Pertanian, Industri dan Asas Tani telah pun melaksanakan inisiatif jaminan bekalan dan juga pengedaran agromakanan bagi membantu menangani kenaikan harga untuk komuniti terpilih yang lebih efisien. Bagi tujuan tersebut, strategi yang akan diambil di kawasan Parlimen Batu Pahat adalah penaiktarafan dan peningkatan imej pasar tani borong dan juga kekal sedia ada dan juga penubuhan empat pusat pengumpulan peladang iaitu di Rengit, Batu Pahat Tengah, Batu Pahat Utara dan Parit Raja. Ini maklumat yang kita dapat daripada Kementerian Pertanian, Industri dan Asas Tani.

Selain daripada dapat membantu petani memasarkan dan juga menjual sendiri hasil pertanian secara terus, penubuhan pasar tani dan juga pusat pengumpulan peladang ini dapat mengurangkan peranan orang tengah dan juga menyediakan ruang pasaran tambahan bagi komuniti agromakanan untuk mengurangkan kenaikan harga barang-barang keperluan harian di sana.

Di samping itu, untuk makluman Yang Berhormat, KPDNKK telah melaksanakan penguatkuasaan di kawasan Rengit dan juga Senggarang dalam Parlimen Batu Pahat sepanjang 1 Januari 2014 sehingga 15 September yang lalu di mana sebanyak 1,579 pemeriksaan ke atas premis telah dijalankan dengan menghasilkan tiga kes iaitu satu kes tanda harga di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan juga dua kes di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972 dengan nilai rampasan RM78.80 dan dua kes telah dikompaun dengan kutipan sebanyak RM500 manakala satu kes lagi masih dalam pengkompaunan.

■1050

Bagi mengekang peniaga menaikkan harga barangan dengan sewenang-wenangnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah dan akan terus melaksanakan beberapa program atau langkah pemantauan seperti penguatkuasaan undang-undang iaitu mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan dengan mempergiatkan lagi pemeriksaan dan pemantauan. Kedua, Program Pemantauan Harga. Ketiga, mengadakan Program Pendidikan Kepenggunaan dan keempat, mengadakan sesi konsultasi bersama industri.

Justeru itu, melalui langkah-langkah ini hasrat kerajaan untuk menangani masalah kenaikan harga barangan secara tidak terkawal seperti Yang Berhormat sebut tadi terutamanya melibatkan golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah dapat dicapai. Ini sudah tentu akan memperbaiki dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup golongan tersasar agar dapat menikmati kesejahteraan hidup. Terima kasih.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih kerana sangat prihatin kepada rakyat khususnya kawasan DUN Senggarang dan DUN Rengit. Soalan tambahan saya, bila dilaksanakan GST ada senarai barang yang disebut, dilaporkan oleh media lebih 40 barang yang akan dikecualikan daripada cukai GST dengan harapan bahawa harga barang tersebut tidak akan naik. Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak rakyat Malaysia dan khususnya di Rengit atau di Batu Pahat. Kami mahukan jaminan ataupun boleh tidak Yang Berhormat Menteri dan kerajaan memberikan jaminan bahawa

senarai itu tidak akan berubah-ubah. Tambah boleh kurang jangan. Selagi GST dilaksanakan, selagi ada bulan dan matahari. Kedua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Satu soalan Yang Berhormat.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Dia ada kaitan dengan jaminan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh tidak Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri dalam Dewan yang mulia ini sekali lagi untuk mengekang kenaikan harga barang memastikan bahawa barang-barang kawalan yang dikecualikan daripada cukai GST tidak dinaikkan sewenang-wenangnya seperti gula, beras, minyak masak. Dia tidak kena GST tetapi dinaikkan menerusi cara-cara lain yang sebenarnya Yang Berhormat Menteri arif dan mengetahui kaedah dan caranya. Tuan Yang di-Pertua, orang kampung saya hendak dengar jawapan jaminan itu. Terima kasih.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat atas soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat, sekiranya Yang Berhormat minta supaya kerajaan memberi jaminan supaya harga barang ini tidak berubah. Cuma jaminan Yang Berhormat minta ini jangan naik, turun, makna kata berubah juga. Jadi kalau sudah naik tidak turun macam mana hendak berubah? *[Ketawa]* Jadi sebab itu Yang Berhormat, jaminan untuk pastikan barang ini tidak berubah tidak mungkin kerana kalau sekiranya barang itu harganya turun sudah pun berubah daripada harga itu. Jadi *insya-Allah* Yang Berhormat

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak pernah turun.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: *Insya-Allah* Yang Berhormat, semalam saya pun sudah sebut mengenai dengan penguat kuasa. Kita sudah pun ada seribu berapa ratus anggota penguatkuasaan untuk memastikan apabila GST ini telah dilaksanakan dan penambahan pegawai penguat kuasa ini pun telah pun diluluskan oleh Kabinet dekat 500 orang. So, jumlahnya lebih kurang 2,300 pegawai penguat kuasa yang akan memastikan apabila GST ini dilaksanakan pada April tahun hadapan, masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu akan kita tangani. Memang kita tahu kesempatan ini akan diambil oleh peniaga-peniaga yang untuk hendak mencari keuntungan cepat ataupun lebih. Akan tetapi kita akan buat kawalan kerana kita akan pastikan dan pendakwaan akan dibuat terhadap mana-mana peniaga yang mengambil kesempatan daripada pelaksanaan GST ini. Terima kasih.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Angka inflasi kita daripada Januari sampai bulan September 2014 adalah berjumlah 3.3%. Keduanya, kita akui bahawa penurunan harga komoditi terutamanya getah yang berlaku pada ketika ini di mana kerajaan telah mengambil tindakan memberikan bantuan *one-off* serta memperkenalkan insentif pengeluaran getah yang akan berkuat kuasa pada Januari tahun 2015.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah sebenarnya bentuk kerjasama serta rantaian dengan lain-lain kementerian juga agensi. Pertamanya, bagi memastikan kita dapat mendidik rakyat, dapat mempelbagaikan usaha bagi menambahkan pendapatan. Keduanya, kita dapat mengawal rantaian penawaran supaya kita dapat pastikan

apa juga harga-harga barangan pada ketika ini dapat dikawal sentiasa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat dari Jasin. Untuk makluman Yang Berhormat, memang ada kerjasama yang telah kita adakan terutama sekali bersama-sama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Ini kerana Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sentiasa bekerjasama untuk memastikan supaya barangan keperluan harian yang dijual di pasar-pasar ataupun di luar bandar dan juga bandar. Akan dapat kita pastikan supaya barangan ini sentiasa mengikut harga yang telah ditetapkan.

Jadi sebab itu Yang Berhormat, dalam program bersama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini kita ada Program Pembangunan Agro Bazar Kedai Rakyat dan juga program pembangunan produk dan juga penjenamaan bersama-sama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini. Jadi, kerjasama ini telah pun menghasilkan banyak pasar-pasar tani dan juga pasar-pasar Agro Bazar, kedai-kedai Agro Bazar yang wujud. Untuk membantu kementerian bagi menangani masalah kenaikan harga barang keperluan harian sama ada di bandar ataupun di luar bandar. Terima kasih.

[Soalan No. 5 – Y.B. Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur (Silam) tidak hadir]

6. Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar] minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) secara terperinci senarai nama, umur, negeri kelahiran, latar belakang keluarga, dan kejayaan yang dicapai untuk kanak-kanak yang mengikut program Projek Perintis Permata Negara sejak ia dilaksanakan sehingga hari ini; dan
- (b) apakah rancangan jangka masa pendek dan jangka masa panjang Projek Perintis Permata Negara supaya setiap kanak-kanak di Malaysia boleh menikmati pendidikan yang sempurna dan berkualiti dan bagaimanakah peruntukkan dana 2014 telah dibelanjakan selaras untuk mencapai objektif berkenaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Salam transformasi. *Bismillahi Rahmani Rahim*, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Permata Negara telah bermula dengan Projek Perintis Permata mulai tahun 2007 sehingga tahun 2009. Dalam tempoh itu sejumlah 14 Pusat Anak Permata Negara (PAPN) telah dibangunkan di setiap negeri bagi menguji kesesuaian kurikulum Permata yang telah dibangunkan selaras dengan kurikulum *Sure Start* yang dipakai di *Pen Green Centre, Corby England*. Kurikulum ini kemudiannya ditambah baik oleh sekumpulan pakar pendidikan awal dengan mengambil kira kesesuaian persekitaran dan budaya masyarakat tempatan. Objektif pembangunan PAPN di setiap negeri adalah bagi membuat penilaian uji rintis kesesuaian kurikulum PERMATA untuk dilaksanakan di pelbagai negeri yang mempunyai perbezaan etnik, adat dan budaya setempat.

Kajian UPSI dan Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Kebangsaan pada tahun 2007 mendapati 84% kanak-kanak di PERMATA Negara mencapai perkembangan emosi yang baik dan membentuk personaliti yang tenang, stabil, ceria dan berkeyakinan diri berbanding dengan mereka yang tidak mengikuti kurikulum PERMATA. Kajian itu juga merumuskan bahawa mereka lebih istimewa berbanding kanak-kanak bukan PERMATA dengan lebih 80% daripadanya mencapai kemahiran pra sains, boleh menggunakan ayat dengan penuh dan betul, pandai mengurus diri sendiri serta bersifat mesra dan mudah mengikut arahan.

■1100

Hasil daripada kejayaan pelaksanaan kurikulum semasa projek rintis ini, maka mulai 2009 kerajaan telah meluluskan perluasan Program PERMATA Negara melalui dua fasa utama seperti berikut:

Fasa 1 mulai 2009. Pemakaian kurikulum kebangsaan kurikulum PERMATA kepada taska yang dikelolakan oleh kerajaan dan badan-badan berkanun seperti Taska KEMAS, Taska Perpaduan, PAPN, Taska Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu, Taska Tempat Kerja dan Taska Komuniti yang terpilih. Sehingga kini, sejumlah 700 buah taska telah bernaung di bawah Program PERMATA Negara.

Fasa 2 mulai 2013. Pemakaian kurikulum kebangsaan ini telah diperluaskan kepada semua taska kelolaan pihak swasta dengan pindaan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 dan Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak 1984. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, latar belakang mereka yang dapat memasuki Program PERMATA Negara adalah seperti berikut:

- (i) kanak-kanak yang berumur kurang daripada empat tahun;
- (ii) anak-anak dari keluarga yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM1,500 sebulan di kawasan pedalaman dan RM3,000 sebulan di kawasan pinggir bandar;
- (iii) perkhidmatan pusat ini memberikan keutamaan kepada ibu bapa yang tinggal atau bekerja berhampiran pusat tidak lebih daripada 10 kilometer daripada pusat PERMATA; dan
- (iv) keutamaan diberikan kepada permohonan daripada ibu tunggal dan ibu bapa yang mempunyai bilangan anak dan tanggungan yang ramai.

Sehingga kini, jumlah kanak-kanak yang sedang mengikuti pelajaran PERMATA Negara mengikut umur adalah seperti berikut:

- (i) 2009 - empat sehingga lima tahun 106 orang;
- (ii) 2010 - tiga sehingga empat tahun 765 orang,
- (iii) 2011 - dua sehingga 3 tahun 704 orang,
- (iv) 2012 - satu sehingga dua tahun 242 orang, dan
- (v) 2013 - 0 sehingga satu tahun, yakni *baby* enam orang yang sedang dibuat percubaan di Dungun Terengganu;
- (vi) Keseluruhan taska PERMATA, pusat anak PERMATA Negara 83 tempat, 1,823;

- (vii) Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) 414 - 7,775 anak-anak;
 - (viii) Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi 41 pusat dengan 883;
 - (ix) Taska tempat kerja (TTK) 98 dengan jumlah 5,113;
 - (x) Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu 64 - 2,825.
- Jumlahnya ialah 18,419.

Yang Berhormat Kapar turut meminta senarai nama, umur, negeri kelahiran dan latar belakang keluarga anak-anak yang telah mengikuti Program PERMATA ini. Berdasarkan Akta Perlindungan Peribadi 2010 yang menghalang data peribadi dipergunakan secara umum, maka saya tidak dapat mendedahkan maklumat-maklumat tersebut seperti yang dipohon oleh Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi perancangan masa hadapan, Bahagian PERMATA sedang membangunkan satu instrumen penilaian standard dan kualiti yang dinamakan PERMATA Q. Pembangunan instrumen pemantauan standard dan kualiti Taska PERMATA ini bersesuaian dan selaras dengan falsafah dan objektif kurikulum PERMATA Negara dan juga memenuhi dan menepati kehendak Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1980 dan Peraturan TASKA oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Terima kasih.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berpendapat bahawa kanak-kanak adalah aset yang paling utama negara, khususnya pada peringkat pendidikan awal iaitu di bawah umur empat tahun. Persoalan saya ialah semua lapisan masyarakat iaitu kanak-kanak, Melayu yang miskin, India, China, Iban, Kadazan, Dayak dan lain-lain dapat mengikuti program ini. Berapakah peratus etnik kaum ini yang mengikuti Program PERMATA?

Saya mengikuti laman *website* PERMATA. Setakat hari ini jumlah pelajar ialah 1,780 orang. So, berapakah peratus etnik yang mengikuti program ini? Soalan kedua saya ialah berkaitan Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Berkaitan, berkaitan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Sebab tadi, Tuan Yang di-Pertua ini penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Nanti Yang Berhormat kemukakan, saya minta Yang Berhormat Menteri jawab satu soalan sahaja.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *No*, yang ini penting sebab bila saya tanya latar belakang, Yang Berhormat Menteri jawab tadi prasyarat. Itu berbeza.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, cukuplah Yang Berhormat ya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: So, latar belakang adalah latar belakang tentang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah dua soalan dalam itu. Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: ...kanak-kanak yang mengikut. So, saya minta penerangan dan penjelasan. Bukan prasyarat yang ada dalam *website* Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, saya jawab yang penghabisan tadi. Kenapa saya tidak dapat bagi angka-angka ini sebab ini ialah soal peribadi. Akan tetapi saya hendak sebut pada Yang Berhormat. Di antara orang yang mengikuti tadika ini ada yang bernama Lee Jun Kwan, ada yang bernama Rameshraw a/l Venkatasamaraw, ada nama Kevin a/l Ramesh. Ada nama Angelina Low Yee Peng, Benjamin Below a/l Kenny, Terresa Tanjun anak Samuel. Nuar Adrian Aaron Zawier. Jadi, ini ialah pelbagai kaum dan juga etnik tetapi saya tidak dapat *release* nama secara terperinci kepada Yang Berhormat.

Saya hendak sebutkan di sini secara tegasnya bahawa PERMATA ini ialah terdiri daripada pelbagai kaum. Kita dapati bahawa nama-nama yang saya sebutkan ini ialah contoh nama-nama yang menunjukkan bahawa mereka terdiri daripada pelbagai kaum dan juga etnik di negara ini. Jadi, apa pun pandangan Yang Berhormat, persepsi yang salah tidak perlu ada kerana PERMATA ialah untuk negara, untuk masa depan negara.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa pun persepsi dan pandangan rakan-rakan di sebelah sana, PERMATA tetap program yang baik dalam negara ini. Soalan tambahan saya, apakah mekanisme dan perancangan PERMATA dalam usaha untuk pembinaan dan apakah memang ada usul untuk pembinaan pusat-pusat PERMATA di seluruh negara, khususnya di setiap kawasan Parlimen? Ringkas sahaja soalan saya, terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jawapannya ringkas tetapi sebelum itu saya hendak beritahu Yang Berhormat, terdapat 15 kawasan yang belum lagi ada taska. Sama ada KEMAS, PERPADUAN atau pun PERMATA. Yang Berhormat Perdana Menteri *concern* perkara ini dan mengarahkan supaya taska diadakan di kawasan ini iaitu di Padang Serai, Bagan, Bukit Bendera, Jelutong, Bayan Lepas, Kluang, Sembrong, Kota Tinggi, Tebrau, Tanjong Piai, Kepong, Wangsa Maju, Lanang, Selangau, Hulu Rajang.

Ini ialah 15 yang kita akan buat serta-merta sebab tidak ada taska di sana sebab benda ini penting. Walaupun majoriti kawasan ini ialah kawasan pembangkang, kita perlu didik anak-anak kita supaya lebih tenang, ceria dan boleh membentuk menjadi pemimpin yang unggul di masa akan datang. Matlamat kerajaan ialah untuk memastikan supaya semua sekali, 222 Parlimen ini mempunyai taska dan selepas itu kita akan terus menambahkan taska sebab Taska PERMATA ini penting kerana kurikulum yang dibentuk melalui taska sekarang ini sudah dipakai di pihak kerajaan dan juga swasta. *Insyaa-Allah*.

7. **Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bagaimana tahap keberkesanan Program Bandar Selamat setakat ini dan berapakah bilangan Program Bandar Selamat yang telah diwujudkan.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd Sadique]: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Yang di-Pertua, panjang sedikit ini Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari kawasan Alor Gajah.

Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, di bawah Program Transformasi Kerajaan atau GTP, NKRA mengurangkan jenayah, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia atau pun (JBPD) telah pun melaksanakan Program Bandar Selamat dari tahun 2010 sehingga kini.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Alor Gajah, Program Bandar Selamat ini diwujudkan atas arahan Kabinet pada 28 Januari 2004, Yang Berhormat dan KPKT telah pun diarahkan untuk menyediakan Program Bandar Selamat dengan mewujudkan alam persekitaran bandar yang lebih selamat di bawah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.

Untuk makluman Yang Berhormat, daripada tahun 2010 sehingga tahun 2012 sebanyak 1,295 kawasan *hotspots*. Dalam 151 kawasan pihak berkuasa tempatan di Malaysia telah pun menjadikan Program Bandar Selamat ini sebagai agenda tetap dalam mesyuarat majlis penuh pihak berkuasa tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, dalam pada masa yang sama sebanyak 18,102 lampu jalan telah pun dipasang sama ada yang baru atau pun dinaik taraf, 2,460 cermin keselamatan, 281 km rel pengadang atau *bollard* bagi mengasingkan laluan pejalan kaki dan laluan bermotor, tiga penggera keselamatan, 1,165 papan tanda keselamatan PDRM dan 34,813 unit tempat letak motosikal berkunci telah pun dipasang di kawasan-kawasan *hotspots* yang saya nyatakan tadi.

■1110

Berdasarkan daripada Laporan Tahunan GTP 2012, indeks jenayah jalanan pada keseluruhannya telah dapat dikurangkan sebanyak 35% pada tahun 2010, 40% pada tahun 2011 dan diikuti 41% pada tahun 2012.

Bermula daripada tahun 2013 ini Tuan Yang di-Pertua, di bawah GTP 2.0 NKRA mengurangkan jenayah bagi Program Bandar Selamat, sebanyak 64 lagi kawasan *blackspot* telah pun diputihkan untuk meningkatkan persepsi rasa selamat orang awam. Selain daripada itu, semua aktiviti dan program pemutihan dilaksanakan secara bersepadu dan kolaborasi pintar di antara agensi kerajaan iaitu pihak berkuasa tempatan, PDRM, AADK, Jabatan Imigresen, Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan secara khususnya kepada masyarakat tempatan.

Pada keseluruhannya Tuan Yang di-Pertua, persepsi yang telah pun dapat diwujudkan di kawasan *blackspot* yang telah pun diputihkan meningkat sebanyak 61% berbanding dengan 34% sebelum program pemutihan ini dilakukan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]: Terima kasih. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengalu-alukan kehadiran Ketua-ketua Cawangan Wanita UMNO Bahagian Bagan Serai. Selamat datang ke Parlimen. [*Tepuk*]

Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi itu. Soalan tambahan saya adalah adakah kerajaan bercadang untuk mempromosikan Buku 15 Langkah Bandar Selamat dalam bentuk visual iaitu video yang boleh dimuat turun ke dalam media seperti *YouTube, Facebook, Twitter, Instagram* dan sebagainya supaya masyarakat mendapat maklumat yang lengkap mengenai Program Bandar Selamat yang disebut tadi. Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Alor Gajah. Cadangan Yang Berhormat itu adalah cadangan yang amat baik dan akan saya bawa kepada tindakan untuk Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya mudah dan ringkas sahaja iaitu di dalam kajian kementerian, adakah dibuat suatu senarai yang menunjukkan bandar mana yang paling tidak selamat dan yang paling nombor dua, yang paling nombor tiga, yang paling nombor empat dan sebaliknya bandar-bandar yang paling selamat, bandar mana yang kedua paling selamat dan sebagainya supaya kita mendapat gambaran dan supaya kita dapat mengerti untuk memberi tumpuan kepada proses untuk melaksanakan matlamat kerajaan sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri maklumkan tadi. Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat daripada kawasan Tumpat ya. Pada tahun 2010, pelaksanaan langkah Program Bandar Selamat hanya tertumpu pada 12 kawasan PBT *hotspot* Yang Berhormat dan ia melibatkan empat negeri iaitu Kuala Lumpur – satu pihak berkuasa tempatan, Selangor ada enam pihak berkuasa tempatan, Johor ada tiga pihak berkuasa tempatan, Pulau Pinang ada dua pihak berkuasa tempatan. Daripada 12 kawasan *hotspot* ini, telah pun dilaksanakan segala langkah-langkah yang perlu dilakukan di bawah Program Bandar Selamat.

Untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada itu kementerian juga melaksanakan sistem pemantauan bandar selamat iaitu satu sistem yang menggunakan kaedah *Geographic Information System (GIS)* dan *crime mapping* dengan izin yang telah pun beroperasi yang dapat menentukan supaya tambahan lagi kepada GTP 2.0 bagi tahun 2013 hingga tahun 2013 selain daripada 12 pihak berkuasa tempatan yang saya sebutkan tadi yang berada dalam kawasan *hotspot*. Bagi tahun 2013 hingga 2015 ini Yang Berhormat, sebanyak 35 lagi inisiatif yang akan dilakukan kepada kawasan-kawasan *hotspot* yang telah pun dikenal pasti.

Saya akan memberikan maklumat tentang bandar selamat yang ada yang telah pun diletakkan. Ia terletak dalam satu majlis daerah yang paling kecil sekali yang kita tidak sangka yang itu adalah merupakan antara pihak berkuasa tempatan yang telah dapat melaksanakan

Program Bandar Selamat dan berada dalam keadaan yang selamat mengikut kepada tahap kepuasan di kalangan penghuni yang ada dalam kawasan bandar tersebut.

Saya mengharapkan mudah-mudahan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2014 ini, terdapat 44 kawasan *blackspot* yang telah pun kita kenal pasti yang akan kita teruskan. Selain daripada itu, untuk tahun 2015 Yang Berhormat, sebanyak RM125 juta lagi akan diperuntukkan untuk kita lakukan pemantauan terhadap Program Bandar Selamat kepada 50 lagi kawasan pihak berkuasa tempatan. Terima kasih Yang Berhormat di atas keprihatinan Yang Berhormat. Terima kasih.

8. Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hasil siasatan terhadap insiden rusuhan melibatkan kira-kira 800 pekerja asing di kilang JCY HDD Technology Sdn. Bhd. di Kulai.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pihak polis sedang menjalankan siasatan berhubung dengan kejadian yang berlaku di kilang syarikat JCY HDD Technology Sdn. Bhd. di Kulai Jaya Johor melibatkan rusuhan pekerja syarikat tersebut berkait kelapa sawit, *report* 17182014 disiasat di bawah seksyen 148 Kanun Keseksaan kerana merusuh di antara pekerja.

Seramai 55 orang pekerja yang terlibat dengan pergaduhan telah ditangkap melibatkan seramai 52 orang warga Nepal, dua orang warga Bangladesh dan seorang warga Vietnam. Kertas siasatan telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya dan arahan untuk menuduh semua suspek tuduhan telah dibuat pada 9 September 2014, seramai 15 orang yang telah dituduh di bawah seksyen 145 Kanun Keseksaan kerana terlibat secara langsung dengan pergaduhan tersebut.

Kesemua orang kena tuduh telah mengaku salah dan dipenjarakan selama 14 bulan. Seramai lima orang telah dituduh di bawah seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen dan seramai 35 orang telah diusir keluar negara, balik ke negara asal. Siasatan pihak polis juga mendapati punca kejadian berlaku adalah disebabkan salah faham, kurang pengertian antara pekerja dan tidak ada unsur-unsur salah laku pihak majikan. Pergaduhan juga tidak melibatkan seramai 500 pekerja sebagaimana yang didakwa oleh Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa dalam kes ini memanglah majikan tidak didapati apa-apa kesalahan tetapi saya hendak tanya. Menurut rekod PDRM, berapa ramai laporan yang pernah dibuat oleh pekerja asing terhadap majikan mereka sama ada mereka didera, dianiaya dan apakah tindakan, berapa kes yang telah dibawa ke mahkamah terhadap majikan yang mendera ataupun menganiaya pekerja asing. Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, persoalan ini khusus. Soalan Yang Berhormat itu secara keseluruhannya, jadi terkeluar daripada soalan ini, saya perlu notis. Terima kasih.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasar Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, keharmonian tempat kerja sangat berkait rapat dengan kepuasan pekerja dan juga keadaan sekeliling. Sehubungan dengan itu, apakah garis panduan ataupun *standing order* yang dikeluarkan oleh pihak kementerian kepada negara-negara yang membekalkan pekerja kepada pekerja yang perlu ditandatangani oleh pekerja dan juga kepada majikan bagi mengelak perkara sama berlaku. Sekian, terima kasih.

■1120

Dato Seri Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini juga terpesong, keluar kerana soalan ini adalah soalan khusus berhubung dengan rusuhan di Kulai-pekerja yang ditransfer daripada Tebrau ke Kulai. Saya tidak hendak mengumumkan keseluruhannya berhubung dengan kes ini oleh kerana lima kes ini masih dibicarakan dan pihak *ambassador* daripada negara tersebut berhubung dengan lima orang yang dituduh di bawah seksyen 6(1)(c) ini masih di mahkamah, dan apa juga saya sebut di sini adalah fakta akan memesongkan - mungkin pihak mahkamah atau *sub judice* kepada kehakiman itu nanti. Terima kasih.

9. **Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk membuka lebih banyak Pasaraya Agro di seluruh negara untuk membantu para petani memasarkan hasil produk mereka dengan cepat, agar para pengguna dapat membeli barangan hasil pertanian yang segar.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Tanjong Malim. Soalannya ringkas dan jawapan saya pun ringkas. Dia ingin tahu berapa Pasar Raya Agro yang diwujudkan. Kita dalam proses pembinaan. Hampir siap tiga Pasar Raya Agro dan selain daripada itu kita mempunyai perancangan sehingga tahun 2020 untuk membina Pasar Raya Agro di setiap negeri. Ditambah lagi dengan perancangan untuk membina 277 Peladang Mart, dan juga 87 lagi dibina lagi oleh *NEK Mart*- pasar Persatuan Nelayan Kebangsaan. Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah, adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk berunding dengan sebagai contoh konsesi lebuhraya di mana tempat-tempat riadah, tempat-tempat rehat dapat diwujudkan sebagai tempat pemasaran agro kerana pada pengusaha-pengusaha pertanian, pemasaran sentiasa adalah satu masalah yang besar atau rintangan yang besar. Jadi kalau kita boleh wujud lebih banyak lagi tempat di mana mereka dapat memasarkan pengeluaran hasil pertanian mereka saya rasa ini dapat membantu dengan besarnya kepada mereka. Sekian.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Pada masa ini pun banyak ruang yang telah disediakan di R&R di sepanjang lebuhraya, di mana hasil pertanian

dijual dan mendapat sambutan yang baik daripada orang awam. Saya lihat setiap kali kita berhenti di R&R, jual beli produk-produk pertanian, hasil-hasil pertanian nampaknya begitu baik sekali. Saya rasa tidak ada masalah besar berhubung dengan pemasaran hasil pertanian ini. Buat masa ini kita melihat, kita ada pasar tani, pasar tani kekal, pasar nelayan dan sebagainya, di seluruh negara. Jadi apa yang kita buat ini sebagai tambahan untuk memberikan akses pemasaran kepada hasil pertanian itu.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pasaraya Agro ini ditubuhkan ialah bertujuan untuk mengumpul, pengumpulan pengedaran hasil perhatian dan juga mengatasi manipulasi orang tengah, dan juga ia bukan hanya sekadar jual barang-barang segar tapi juga ada berbagai-bagai. Sebab itu dinamakan pasar raya. Cuma isu yang sedang dihadapi oleh masyarakat sekarang ini kekurangan bekalan Beras ST15 di pasaran. Saya tidak pasti di Pasa Raya Agro ini ada ataupun tidak, cukup ataupun tidak bekalan Berat ST15. Ini isu yang sudah lama berlarutan sampai hari ini 40,000 metrik tan sebulan peruntukan.

Jadi saya hendak dapatkan penjelasan, apakah kerajaan tidak bercadang untuk memberikan kuota Beras ST15 itu kepada Pasar Raya Agro ini melalui NAFAS untuk dia *packing* sendiri barang itu untuk diedarkan kepada peruncit-peruncit, bukan sahaja di Pasa Raya Agro tetapi sampai ke kampung-kampung.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Beras subsidi ini tidak cukup sebab Yang Berhormat pun makan sama [*Ketawa*] Beras subsidi ini untuk orang miskin, untuk orang kampung. Bukan untuk Yang Berhormat. Ada periksa makan beras apa? Pakai balun sahaja, jadi tidak tahu beras apa.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, saya tidak makan Beras ST15.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Tidak makan?

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya makan Beras ST10.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Oh, begitu. Beras mana itu?

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Beras ST10. Tidak kiralah keluaran mana pun berbagai-bagai tetapi isu yang saya tanya tadi ialah...

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Ini beras seludup daripada Siam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak payah tanya semula Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: ...Bermaksud supaya beras itu ada di pasaran. Sekarang beras itu tidak ada di pasaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Sebanyak 40,000 metrik tan tidak ada di pasaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena, tidak payah ikut *style* Yang Berhormat Kota Kinabalu Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tidak, tidak fasal dia sendiri yang buat *style* itu. Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri yang bangun dengan *style* memanggil saya untuk juga turut *style* dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Sebab itu seronok dengan *style* Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Yang di-Pertua, *style* Kota Kinabalu itu bagus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tengok *style* itu. Itu *style* salah Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Yang Berhormat saya bergurau sahaja, mengusik sahabat saya daripada sebelah sana. Yang saya maksudkan mesej saya, beras itu cukup tetapi masalahnya pengedarannya itu pergi kepada pengguna yang tidak menjadi sasaran kita seperti pendatang-pendatang asing dan sebagainya, yang juga membeli beras-beras ini. Yang menjualnya kita tidak boleh kawal kedai-kedai yang menjual ini, dia jual kepada siapa. Takkan kita hendak tunggu di kedai itu.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tidak, isunya bukan penjual. Isunya bukan pendatang asing.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: ...Isunya ialah syarikat pengilang yang dapat kuota...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, masuk TV yang di luar peraturan mesyuarat tidak elok Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: ...Itu dia buka, dia buat lain, dia jual jadikan beras itu Beras ST5 dan ST10. Ini isunya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang ini di luar peraturan mesyuarat.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ini isunya. Bukan masalah pendatang tanpa izin mari beli dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat. Yang Berhormat Pokok Sena duduk.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ada orang ambil kesempatan untuk dapat duit atas angin.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Ada dua minit lagi. Dua minit hendak keluar TV [Ketawa] Tidak, tadi Yang Berhormat bangkitkan beras-beras ini tidak ada di pasaran. Maknanya bekalan tidak cukup. Saya hendak kata bekalan cukup, 40,000 metrik tan kalau tidak silap saya. Jumlah ini cukup tetapi masalahnya setengah-setengah daripada rakyat kampung, dan sebagainya tidak dapat sebab beras itu telah dijual kepada contohnya pendatang-pendatang

asing, restoran-restoran dan sebagainya. Jadi tidak cukuplah. Jadi pihak kementerian akan melihat atau mengenakan syarat-syarat yang ketat supaya kedai-kedai yang menjual beras-beras ini menjual kepada rakyat Malaysia yang berhak untuk membelinya tidak kepada orang lain.

Dan saya juga hendak beritahu tentang tadi, cukupkah bekalan kepada Pasar Raya Agro ini. Yang Berhormat tidak dengar itulah fasalnya. Mana hendak timbul soal cukup tidak cukup sebab pasar raya itu belum siap pun *[Ketawa]* Kalau sudah siap besok barulah cerita cukup tidak cukup. Lain kali dengar baik-baik ya. Terima kasih.

10. Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan:

- (i) langkah yang diambil untuk menyekat keruntuhan harga getah yang menjejaskan kehidupan pekebun kecil getah; dan
- (ii) usaha khusus membantu pekebun kecil secara berterusan bagi meningkatkan pendapatan mereka.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Puan Noriah binti Kasnon]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga getah seperti komoditi lain bergantung kepada permintaan dan penawaran di pasaran antarabangsa.

■1130

Dalam hal ini berikutan pertumbuhan ekonomi yang lembap di negara-negara pengimport utama seperti China dan Kesatuan Eropah, harga getah telah mencatatkan trend penurunan mulai bulan Januari 2014. Malaysia adalah pengeluar keenam terbesar getah asli dunia dengan menyumbang hanya 6.7% daripada jumlah penawaran getah asli dunia. Oleh itu Malaysia tidak boleh secara bersendirian mempengaruhi harga getah di pasaran.

Tuan Yang di-Pertua dalam Bajet 2015 kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM106.4 juta untuk meningkatkan harga yang diterima oleh pekebun kecil di peringkat yang melalui pelaksanaan dua mekanisme utama iaitu:

- (i) RM6.4 juta untuk melaksana mekanisme kawal selia harga di peringkat ladang melalui penglibatan koperasi. Dalam mekanisme ini koperasi akan membeli getah daripada pekebun kecil dan menjual terus kepada kilang pemproses. Dengan ini rangkaian pemasaran akan dapat dipendekkan.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

- (ii) Peruntukan sebanyak RM100 juta untuk melaksanakan insentif pengeluaran getah ataupun IPG bagi menggalakkan pekebun kecil untuk terus menoreh sewaktu harga getah rendah di pasaran. Dalam mekanisme ini kerajaan menyediakan insentif pengeluaran sebanyak 30

sen sekilogram bagi getah sekerap dengan 50% kandungan getah kering dan 90 sen sekilogram untuk latex. 100% kandungan getah kering.

Pelaksanaan dua mekanisme tersebut akan dapat membantu pekebun kecil menangani impak kejatuhan harga getah ke atas pendapatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat antarabangsa Malaysia telah mencadangkan mesyuarat peringkat Menteri di kalangan negara-negara ANRPC ataupun dengan izin *Association of Natural Rubber Producing Countries* pada suku tahun pertama 2015. Ini bertujuan membincangkan dasar mengimbangi penawaran dan permintaan di mana negara-negara ANRPC menyumbang hampir 93% pengeluaran getah asli dunia.

Di samping itu juga, ITRC ataupun dengan *International Tripartite Rubber Council* akan bermesyuarat pada 20 November ini. Ahli-ahli ITRC terdiri daripada Malaysia, Indonesia dan Thailand. Ketiga-tiga negara ini kini menghasilkan hampir 64% pengeluaran dunia. Matlamat mesyuarat ini adalah untuk menentukan langkah yang harus oleh ketiga-tiga negara untuk membendung penurunan harga getah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan (b) berhubung pertanyaan tentang bantuan kepada pekebun kecil. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui RISDA memainkan peranan penting dalam membantu pekebun-pekebun kecil. Di antara usaha-usaha yang telah dan akan dilakukan oleh RISDA untuk membantu menjaga kebajikan pekebun getah dan meningkatkan pendapatan mereka adalah seperti berikut:

- (i) Mengurangkan harga benih dan baja getah;
- (ii) Memberi bantuan alat torehan melalui Program Pengekalan Getah (PPG) dan Skim Intensif Produktiviti Getah (SIPG);
- (iii) Memendekkan rantaian pemasaran melalui Program Pembangunan Infrastruktur Pemasaran;
- (iv) Meluaskan prasarana asas pertanian;
- (v) Mengamalkan GAP dengan izin *Good Agriculture Practices*;
- (vi) Memperkenalkan LITS dengan *Low Intensity Tapping System* atau Sistem Torehan Kekekapan Terendah;
- (vii) Melatih usahawan baru melalui program keusahawanan;
- (viii) Menggiatkan aktiviti ekonomi tambahan;
- (ix) Meningkatkan agihan dividen melalui syarikat milikan RISDA; dan
- (x) Melaksanakan Program Bantuan Sara Hidup Pekebun Kecil atau SHPK.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi bagi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir. Yang Berhormat Arau usul di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1).

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.34 pg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 9.30 malam dan selepas itu Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Rabu 19 November 2014. Terima kasih.”

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin [Timbalan Menteri Kerja Raya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pandan ada, Yang Berhormat Pontian ada? Terima kasih.

11.35 pagi

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari Selasa, 11 November 2014, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) daripada Yang Berhormat Pandan bagi merujuk Yang Berhormat Pontian kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Berdasarkan kepada usul di dalam pemberitahu itu pada hemat saya maksud Yang Berhormat Pandan sebenarnya adalah ingin merujuk terus kepada Peraturan Mesyuarat 36(12) kerana Yang Berhormat Pontian dikatakan telah membuat suatu kenyataan yang mengelirukan Dewan. Dalam usul tersebut Yang Berhormat Pandan menyatakan bahawa suatu kenyataan telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, Timbalan Menteri Kewangan, selaku Ahli Parlimen bagi kawasan Pontian yang mana kenyataan tersebut dibuat pada 6 November 2016. Kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Pontian itu adalah disifatkan oleh Yang Berhormat Pandan sebagai suatu pembohongan dan oleh itu ia juga mengelirukan Dewan.

Ahli-ahli Yang Berhormat bagi tujuan memberi keadilan kepada semua pihak, saya telah meminta dokumen dan bukti yang dikemukakan kepada saya oleh kedua-dua Yang Berhormat tersebut. Setelah meneliti semua keterangan yang ada di hadapan saya dan bagi membolehkan saya berpuas hati bahawa semua perkara telah diambil kira, maka saya memutuskan suatu

penjelasan lanjut diperlukan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan perkara itu. Tapi sebelum itu saya akan meminta Yang Berhormat Pandan untuk membacakan usul tersebut. Silakan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Usul asal yang dihantar ya?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, menurut notis.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Tidak ada bersama dengan saya.

Beberapa Ahli: [*Riuh*]

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Semalam tidak ada. Ini ada.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat lain tolong senyap. Perkara ini adalah perkara serius.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bacakan usul seperti berikut ya. Bahawa Dewan ini telah mengambil perhatian bahawa dalam *Penyata Rasmi* Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Parlimen Ketiga belas bagi tarikh 6 November 2014, suatu kenyataan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Kewangan dan Ahli Parlimen Pontian. Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan pada jam 2.40 petang dalam Dewan yang mulia ini iaitu, "saya ingin menegaskan lagi bahawa kerajaan hanya beri jaminan kepada sukuk oleh 1MDB sebanyak RM5.8 bilion sahaja sedangkan semua hutang 1MDB ialah RM36.25 bilion tidak ada surat apa semua. Itu sahaja yang dijamin oleh kerajaan, bagi pinjaman-pinjaman yang lain hanya RM5.8 bilion yang menerima jaminan *explicit* atau *explicit guarantee* kerajaan Malaysia. Satu lagi yang disebut mengenai *Letter of Support* itu sebenarnya tidak ada". Merupakan satu pembohongan dan telah mengelirukan Dewan ini dan mengikut Peraturan Mesyuarat 36(12) dan 80A, perlakuan ini bersifat menghina majlis dan beliau sepatutnya dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi kesalahan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila teruskan hujah lagi kerana Yang Berhormat ada menghantar dokumen-dokumen kepada saya. Jadi kalau saya baca dokumen itu kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat, tidak elok. Biar Yang Berhormat yang perelaskan secara terperinci di mana pembohongan berlaku. Silakan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Baik Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan sedikit sahaja dengan latar belakang sebelum saya berhujah kepada Dewan.

Tuan Yang di-Pertua: Lebih kurang 10-15 minit.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: 10-15 minit, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1140

Jumlah sebenar pinjaman 1MDB ini iaitu sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Persekutuan perlu diketahui oleh rakyat kerana ia membawa tanggungan kewangan kepada Kerajaan Persekutuan. Oleh sebab tidak ada satu jawapan yang jelas, sebab itu ia telah mendapat perhatian umum. Semalam dan hari ini semua media perdana terpaksa menjawab dan memberi penerangan. Yang itu pun masih lagi belum memberikan angka yang benar berapakah tanggungan kewangan sebenar yang dihadapi oleh Kerajaan Persekutuan.

Oleh sebab itu dalam sidang ini, Ahli-ahli Dewan Rakyat telah mengemukakan pelbagai soalan terutamanya daripada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara berhubung dengan tanggungan kewangan dan juga setakat mana risiko yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan. Jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan telah menimbulkan lagi kekeliruan apabila jawapan yang diberikan di dalam Dewan ini berbeza dengan jawapan-jawapan lain.

Oleh yang demikian, usul saya itu Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya khusus kepada dua perkara. Pertama, apakah benar Kerajaan Persekutuan telah mengeluarkan satu surat sokongan kepada pemegang bon USD3 bilion yang diterbitkan oleh 1MDB. Itu yang penting. Pertamanya, betul atau tidak, satu surat sokongan telah dikeluarkan kerana itu soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara mendapat satu dokumen yang tidak dapat dipastikan kesahihannya. Maka ditanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, betulkah tidak satu surat sokongan seperti ini telah dikeluarkan. Itu persoalan pertama yang perlu diputuskan Dewan.

Kedua, apakah benar kandungan surat sokongan itu bahawa Kerajaan Persekutuan ada tanggungan untuk menyuntik dana bagi memenuhi tanggung jawab 1MDB sekiranya 1MDB tidak mampu untuk membayar bon berjumlah USD3 bilion itu. Hanya dua persoalan yang penting. Ada atau tidak surat sokongan dikeluarkan kerana perkara itu telah berlegar di luar dan kedua, kalau ada surat sokongan itu, betul atau tidak kalau 1MDB tidak mampu membayar, akhirnya tanggungan akhir itu akan jatuh kepada kerajaan.

Maka Tuan Yang di-Pertua, saya telah mencadangkan di dalam dokumen saya kepada Tuan Yang di-Pertua untuk menentukan berdasarkan dua perkara tadi sama ada kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pada 6 November 2014 itu telah melanggar Peraturan Mesyuarat 36(12), maka empat pertimbangan ini perlu diambil kira oleh Tuan Yang di-Pertua dan juga Dewan.

Pertama, adakah wujud satu surat sokongan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada pemegang bon 1MDB yang isi kandungannya sama seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara seperti yang dicatatkan di dalam muka surat 53, *Penyata Rasmi* bertarikh 6 November 2014. Ada atau tidak surat itu?

Pertimbangan yang kedua Tuan Yang di-Pertua, apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tahu dan sedar kewujudan surat sokongan dan isi kandungannya itu seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Kalau dia tak tahu dan dia tidak sedar, maka saya tidak kira itu melanggar peraturan kerana tidak ada niat. Dia tak tahu. Jadi menentukan sama ada dia tahu atau tidak kewujudan dan isi kandungan surat itu, adalah satu pertimbangan penting yang perlu diambil kira oleh Tuan Yang di-Pertua dan Dewan.

Pertimbangan yang ketiga, apakah keseluruhan perbahasan pada ketika itu di dalam Dewan Rakyat pada 6 November 2014, di antara Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dan Yang Berhormat Timbalan Menteri seperti yang terkandung di dalam muka surat 53 dan 54, *Penyata*

Rasmi merujuk khusus kepada surat sokongan khusus yang disebut oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dan bukan surat-surat lain atau jaminan lain atau perkara-perkara lain.

Perkara ini penting kerana usul saya menyebut tentang surat sokongan yang khusus yang dibawa oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Bukan soal sama ada maknanya lain ataupun tanggungannya lain. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara bertanya, tanya soalan khusus, surat sokongan itu ada atau tidak? Lalu dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak ada. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua perlu tentukan sama ada perbahasan pada ketika itu khusus merujuk kepada surat sokongan yang khusus itu.

Pertimbangan yang keempat, apakah benar Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan telah menafikan kewujudan surat sokongan khusus yang dirujuk oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara itu seperti yang telah dicatatkan di dalam *Penyata Rasmi*, muka surat 54.

Jadi untuk saya dengan cepat kemukakan beberapa bukti, Tuan Yang di-Pertua. Perkara satu tadi iaitu sama ada wujud surat sokongan atau tidak, akhbar *The Edge*, 8 November 2014, dua hari selepas Yang Berhormat Timbalan Menteri menafikan wujud surat sokongan itu telah menyiarkan memang surat sokongan itu wujud.

Pada 10 November 2014, hari Isnin, beberapa hari selepas Yang Berhormat Timbalan Menteri menafikan kewujudan surat itu, saya telah mengedarkan sepenuhnya perjanjian 140 muka surat yang saya sertakan juga dalam dokumen kepada Tuan Yang di-Pertua bahawa memang ada dalam perjanjian itu satu bahagian mengenai surat sokongan khusus seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dan disiarkan oleh *The Edge*.

Pada 11 November 2014, selepas pendedahan *The Edge* itu, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan membuat kenyataan mengakui wujudnya satu surat sokongan khusus itu, yang telah berbeza dengan penafian yang telah dibuat di dalam Dewan ini. Kemudian, surat laporan itu turut dilaporkan oleh RTM juga bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri kewangan mengakui memang kerajaan ada bagi surat laporan khusus.

Jadi, kenyataan-kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang telah dibuat setelah akhbar dan juga Ahli dari Pakatan Rakyat mengeluarkan perjanjian bon USD 3 bilion itu akhirnya mengakui surat sokongan khusus itu memang wujud.

Bukti bagi perkara kedua Tuan Yang di-Pertua, sama ada dia tahu atau sedar atau tidak, bahawa surat sokongan khusus itu memang wujud. Ada dua kenyataan media yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Satu, bertarikh 8 November 2014 dan yang kedua, 12 November 2014. Saya petik kenyataan bertarikh 8 November 2014, perenggan 4. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menyebut yang berikut; "*Saya juga memahami bahawa terdapat satu letter of support yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia untuk bon yang berjumlah USD3 bilion. Walau bagaimanapun ia bukan memberi jaminan eksplisit atau explicit guarantee Kerajaan Malaysia*".

Berdasarkan pengakuan beliau di dalam kenyataan beliau sendiri itu, ia mengesahkan bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tahu dan sedar kewujudan satu surat

sokongan dan isi kandungannya seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dan dia tidak menafikan sehingga sekarang.

Perkara ketiga bukti, apakah keseluruhan perbahasan pada ketika itu merujuk kepada satu surat sokongan yang khusus dan bukannya mengenai jaminan sama ada *explicit* ataupun *implicit*. Dalam perbahasan pada 6 November itu, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara untuk memastikan Yang Berhormat Timbalan Menteri betul-betul tahu ia merujuk kepada surat yang khusus itu telah pun membaca petikan-petikan isi kandungan surat sokongan itu. Bermakna, sepanjang perbahasan itu Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tidak pun membidas, tidak pun memperbetulkan, tidak pun menafikan malah menyambung terus hujahnya dengan menafikan kewujudan surat yang isi kandungannya itu telah dibaca secara khusus oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

Oleh sebab itu, jika disemak di dalam *Penyata Rasmi*, muka surat 53 dan 54, jelas bahawa keseluruhan perbahasan pada hari itu berkisar kepada satu surat sokongan yang khusus, maka Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tidak wajar mengalihkan perhatian bahawa surat sokongan itu tidak bermakna jaminan, kerana usul saya bukan soal ia jaminan atau tidak mengikut akta kerajaan. Usul saya ialah betul atau tidak, ada surat itu yang mana telah dinafikan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan di dalam Dewan ini apabila beliau tahu dan sedar kewujudan surat itu.

■1150

Yang terakhir, setelah kita ada latar belakang itu, maka kita perlu semak balik betul kah tidak perlakuannya di dalam Dewan ini. Timbalan Menteri Kewangan telah menafikan kewujudan satu surat sokongan yang khusus itu. Dewan boleh rujuk kepada muka surat 54 *Penyata Rasmi*, saya pasti Tuan Yang di-Pertua juga telah melihat bahawa Timbalan Menteri Kewangan telah menafikan sebanyak dua kali, bukan sekali. Apabila ditanya melalui celahan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, "*Tidak ada letter of support?*", tanya Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Timbalan Menteri menjawab, "*Tidak ada surat apa semua. Yang ini sahaja yang boleh jawab, RM5.8 bilion.*" Ingat, "*Tidak ada surat apa semua*". Sedangkan, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tanya khusus *letter of support* merujuk kepada *letter of support* yang khusus itu.

Seterusnya selepas itu, Timbalan Menteri Kewangan menyambung dan mengulangi kenyataan itu dengan menyebut satu lagi yang disebut mengenai *letter of support* itu sebenarnya tidak wujud. Dua kenyataan yang dibuat ini jelas menafikan kewujudan surat sokongan yang telah disebut dan diperlakukan di Dewan ini.

Maka Tuan Yang di-Pertua, saya hendak gulung dengan berikutnya. Keempat-empat perkara yang perlu dipertimbangkan oleh Tuan Yang di-Pertua dalam Dewan ini seperti yang telah saya huraikan dalam dokumen yang saya sampaikan membuktikan bahawa Timbalan Menteri Kewangan tahu keseluruhan fakta mengenai surat sokongan itu. Mulanya saya ingat Timbalan Menteri Kewangan tidak tahu, 'kot-kot' disembunyikan daripada beliau, maka kenyataan beliau itu mungkin dalam keadaan beliau tidak ada maklumat.

Akan tetapi, kenyataan-kenyataan beliau mengesahkan bahawa beliau tahu keseluruhan fakta mengenai surat sokongan itu. Beliau juga tahu bahawa surat sokongan itu wujud, beliau juga faham dengan soalan khusus yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Namun, beliau tetap mengeluarkan kenyataan dua kali yang tidak benar dan bertentangan dengan fakta yang akhirnya beliau sendiri akui di dalam kenyataan-kenyataan beliau selepas itu.

Mengambil kira perkara-perkara ini, saya dengan hormat berpendapat ada asas yang kukuh Timbalan Menteri Kewangan diambil tindakan selaras dengan Peraturan Mesyuarat 36(12). Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas pertimbangan. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Pontian. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, perkara ini serius. Saya mengambil masa untuk meneliti semua. Sila.

11.53 pg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam 1Malaysia.*

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pandan adalah berdasarkan kenyataan saya ketika menjawab persoalan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara semasa sesi penggulangan peringkat dasar untuk Kementerian Kewangan pada 6 November 2014 mengenai isu 1Malaysia Development Berhad atau 1MDB seperti berikut.

Petikan *Hansard* Khamis, 6 November 2014 yang berbunyi... *[Membaca petikan]*

“Saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa kerajaan hanya beri jaminan kepada sukuk oleh 1MDB sebanyak RM5.8 bilion sahaja. Sedangkan, semua hutang 1MDB ialah RM36.25 bilion. Tidak ada surat apa semua. Itu sahaja yang dijamin oleh kerajaan. Tidak ada lebih daripada itu. Selain daripada itu, 1MDB tidak menerima jaminan daripada kerajaan bagi pinjaman-pinjaman yang lain. Hanya RM5.8 bilion yang menerima jaminan eksplisit atau explicit guarantee Kerajaan Malaysia. Satu lagi yang disebut mengenai letter of support itu sebenarnya tidak ada.”

Apabila saya menuturkan Tuan Yang di-Pertua bahawa tiada *letter of support*, itu maksud saya ialah bahawa tiada surat sokongan lain yang memberi jaminan eksplisit atau *explicit guarantee* Kerajaan Malaysia selain terhadap jumlah sebanyak RM5.8 bilion. Sehingga hari ini, saya masih berpegang kepada kenyataan tersebut sebagai benar dan saya juga telah mengeluarkan kenyataan akhbar bertemu dengan pemberita bertarikh 8 November 2014 hari Sabtu di Kementerian Kewangan seperti kenyataan ini... *[Membaca petikan]*

“Seperti yang saya jelaskan di Parlimen pada hari Khamis 6 November 2014, jaminan kerajaan yang dikeluarkan untuk 1MDB hanyalah sebanyak RM5.8 bilion. Saya ingin maklumkan di sini bahawa memang tiada surat yang membawa maksud kepada jaminan yang lebih daripada jumlah itu. Kerajaan tidak ada lagi mengeluarkan sebarang jaminan selain RM5.8 bilion untuk 1MDB atau anak-anak syarikat milik penuhnya termasuklah untuk bon USD3 bilion.

Sebagaimana yang dilaporkan dalam penyata tahunan 1MDB untuk tahun kewangan berakhir 2014, satu surat telah dikeluarkan sebagai pemegang saham tunggal 1MDB. Menurut syarat-syarat di dalam surat tersebut, sekiranya 1MDB tidak dapat membayar hutang berkaitan bon yang berkenaan, sebarang tuntutan terhadap kerajaan, selain tuntutan terhadap 1MDB hanyalah terhadap kepada syarat-syarat yang dinyatakan di dalam surat itu sahaja dan ini bukan merupakan jaminan kerajaan.”

Saya juga telah membuat kenyataan akhbar tiga muka surat di sidang akhbar di luar Dewan ini pada **Isnin, 12 November 2014** untuk menjelaskan lagi kenyataan saya sebelum itu. Tujuan dua kali sidang akhbar adalah untuk mengesahkan bahawa saya tiada niat untuk mengelirukan mana-mana pihak.

Antara lain dalam sidang akhbar kedua itu saya telah menyebut bahawa terdapat satu *letter of support* yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia untuk bon yang berjumlah USD3 bilion. Walau bagaimanapun, ia bukan memberi jaminan eksplisit atau *explicit guarantee* Kerajaan Malaysia.

Surat sokongan, *letter of support* membawa maksud bahawa sekiranya 1MDB tidak mampu membayar pinjaman yang berjumlah USD3 bilion tersebut, maka 1MDB perlulah menstrukturkan semula asetnya bagi membayar hutang. Dalam hal ini, 1MDB perlu menggunakan kesemua asetnya yang berjumlah RM51.4 bilion untuk membayar hutang yang bernilai USD3 bilion. Kerajaan berkeyakinan bon USD3 bilion itu boleh dibayar dengan aset yang bernilai jauh lebih besar. Maka itu, kerajaan hanya memberikan surat sokongan, bukan surat jaminan.

Setakat rekod hari ini, 1MDB tidak pernah gagal dalam menjelaskan hutangnya mengikut jadual pembayaran balik. Kerajaan hanya akan membantu sekiranya ada lagi tanggungan bagi hutang tersebut yang perlu dijelaskan oleh 1MDB sekiranya kesemua langkah menstrukturkan semula aset telah pun diambil oleh 1MDB.

Saya ingin jelaskan bahawa jaminan eksplisit adalah terikat di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965. Syarikat yang diberi jaminan perlu diwartakan sebagai Pertubuhan Perbadanan manakala surat sokongan yang dikeluarkan dalam isu 1MDB kepada pihak berkaitan tidak terikat di bawah akta tersebut dan tidak perlu diwartakan. 1MDB adalah sebuah syarikat, dengan izin, *going concern* yang berdaya saing dan maju, ini bermakna 1MDB akan sentiasa berkembang dan nilai syarikatnya akan sentiasa meningkat. Ia dibuktikan dengan peningkatan pendapatannya sebanyak 64% bagi tahun berakhir 31 Mac 2014.

Perkara yang saya nyatakan di Dewan ini pada 6 November 2014 dengan jelas menunjukkan bahawa jaminan kerajaan adalah hanya kepada pinjaman yang berjumlah RM5.8 bilion. Jaminan ini terikat di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965. Justeru itu, hanya jumlah RM5.8 bilion sahaja yang termasuk dalam kontinjen liabiliti kerajaan dan bukannya ditambah dengan USD3 bilion.

Sehubungan dengan itu, saya ingin membetulkan pemahaman terhadap kenyataan saya di Dewan ini yang bertarikh 6 November 2014 yang berbunyi, "*Tidak ada surat apa semua. Satu lagi yang disebut mengenai letter of support itu sebenarnya tidak ada*" dengan menambah ayat-ayat seperti berikut, "*Tidak ada surat jaminan lain apa semua. Satu lagi yang disebut mengenai letter of support yang memberi jaminan lain itu sebenarnya tidak ada.*"

■1200

Tuan Yang di-Pertua, saya menerima kekhilafan atas tertinggalnya enam perkataan tersebut yang menyebabkan salah faham.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Saya tidak ada sebarang niat untuk mengelirukan Dewan. Sesungguhnya yang baik itu datang daripada Allah dan yang lemah itu daripada hamba-Nya. Maaf dan terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, itu sebab setiap kali saya mengingatkan apabila berhujah, hujah-hujah itu mesti disulami dengan kebertanggungjawaban kerana perkara-perkara seperti begini akan timbul. Soal 36(12) adalah bukan perkara semudah yang kamu fikir Ahli Yang Berhormat kerana ia ada kaitan dengan integriti seseorang ahli.

Akan tetapi telah menjadi budaya kita di Parlimen Malaysia ini sedikit-sedikit bangun 36(12). Sedangkan 36(12) itu adalah berkaitan dengan integriti sebagai Ahli Yang Berhormat. Itu sebab apabila saya dapat notis daripada Yang Berhormat Pandan, saya tahu perkara apa yang berlaku pada 6 hari bulan kerana saya yang *preside*. Saya dengar semua, reaksi semua saya nampak, raut wajah Yang Berhormat Petaling Jaya Utara saya nampak, jawapan daripada Yang Berhormat Pontian saya nampak. Saya tahu apa yang telah berlaku. Manakala Yang Berhormat Pandan cuma baca daripada *Hansard*, saya tahu.

Jadi saya minta daripada Yang Berhormat Pandan dokumentari *evident* kerana saya mahu tahu sebenarnya apa hujah Yang Berhormat Pandan. Begitu juga saya minta daripada Yang Berhormat Pontian pun demikian daripada dokumen-dokumen yang saya ada, saya boleh buat *ruling* tetapi saya sengaja tidak buat *ruling* daripada dokumen-dokumen yang ada oleh sebab saya beri kepuasan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai pengajaran kepada semua.

Maka saya persilakan Yang Berhormat Pandan lagi untuk berhujah, semua kita dengar. Selepas itu ada jawapan daripada Yang Berhormat Pontian. Semua kita dengar tetapi dilema saya yang membuat keputusan. Akan tetapi biasanya keputusan yang saya buat bukan semua diterima dengan perasaan terbuka walaupun saya kata keputusan itu adalah muktamad. Kalau tidak puas hati buat usul. Jadi sekali lagi kamu letakkan saya dalam keadaan dilema. Pun demikian, semua kita punya tanggungjawab. Saya akan kendalikan tanggungjawab saya seadil mungkin. Semua kamu sudah nampak Ahli-ahli Yang Berhormat.

Begini keputusan saya. Setelah meneliti dokumen *bundle* yang sebesar begini daripada Yang Berhormat Pandan yang begitu terperinci seolah-olah saya sebagai hakim dengar

submission. Setelah pula saya terima satu *bundle* yang lebih kurang sama tebalnya daripada Yang Berhormat Pontian, pun demikian saya mahu lagi *sharing* dengan apa yang mereka buat. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ambil jawatan ini sebagai serius dan apa yang saya katakan saya pertahankan sampai bila-bila.

Untuk seseorang ahli dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, semua Ahli-ahli Yang Berhormat tahu ada tiga kriteria yang perlu dipenuhi. Pertama, hujah fakta salah. Apabila disedari bahawa hujah fakta salah itu tidak ada usaha untuk diperbetulkan dan yang penting sekali ialah daripada mula berhujah sampai habis berhujah mempunyai niat untuk mengelirukan.

Oleh sebab peraturan mesyuarat ini adalah berdasarkan kepada satu kenyataan *British Minister* dahulu yang bernama **Pofiomo**. Jadi apabila kita dengar semua itu, jangan ambil kira apa dokumen yang ada pada saya. Keputusan saya ialah saya yang *preside* pada ketika waktu menjawab soalan, apa lagi kalau soalan itu bertubi-tubi diasak dan yang menjawab itu kadang-kadang terpaksa dia jawab secara spontan. Mungkin pada ketika waktu menjawab, dia tidak ada niat apa-apa. Sama ada dokumen yang bertimbun-timbun di atas itu dia nampak atau tidak, *wallahualam*.

Akan tetapi *press statement* yang disebut oleh Yang Berhormat Pontian itu sudah juga saya ambil kira kerana bahan itu daripada beliau. Jadi apabila semua saya ambil kira ini walaupun tanggapan daripada sebelah bahawa fakta itu salah, mengambil kira oleh kerana apa yang disebut di luar Dewan dan sedemikianya.

Kedua sama ada diperbetulkan atau tidak, Yang Berhormat Pontian telah juga perbetulkan selepas beberapa orang ahli dia kata ada *letter of support* cuma tidak disebut dalam Dewan. Beliau sendiri mengatakan bahawa dia tidak ada niat langsung.

Seorang Ahli: Ah...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, belum saya habis lagi. Dia tidak ada niat langsung. Dia tidak ada niat langsung untuk mengelirukan Dewan. Bermakna dia kata ada enam perkataan yang saya tidak tersebut pada ketika itu oleh sebab dia sedang diasak tetapi apabila saya rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 10(4). Peraturan Mesyuarat 10(4) boleh *Hansard* diperbetulkan dengan menambah ayat-ayat tetapi dengan keputusan Tuan Yang di-Pertua untuk membenarkan.

Jadi mengambil kira semua ini saya berpendapat bahawa tidak payahlah dibahas, tidak payah dirujuk kepada mana-mana oleh sebab Yang Berhormat mengatakan ia tidak berniat sama sekali untuk mengelirukan Dewan. Akan tetapi *having said that*, orang putih kata apa yang hendak disebut oleh sebelah sini telah pun diperincikan oleh Yang Berhormat Pandan. Apa juga jawapan sebelah sini telah juga diperincikan oleh Yang Berhormat Pontian. Akan tetapi saya yang mengambil keputusan. Itulah keputusan saya. Jadi saya harap perkara ini selesai kerana tidak ada niat untuk mengelirukan Dewan. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Tepuk]

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. *Mike, mike, mike.*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya mungkin boleh terima pendapat dan pandangan Tuan Yang di-Pertua bahawa Yang Berhormat Pontian tidak ada niat untuk mengelirukan Dewan tetapi kenyataan pada hari itu adalah mengelirukan Dewan. Dia tidak ada niat selepas dia menyatakan bahawa dia tidak ada niat tetapi pada hari tersebut dia telah mengelirukan Dewan walaupun tanpa niat. Mengelirukan tanpa niat seperti mana membunuh tanpa niat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Shah Alam. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Sila Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan keputusan Tuan Yang di-Pertua yang mengamalkan dasar *husnu zon* ataupun baik sangka terhadap Timbalan Menteri Kewangan. Hanya bagi saya sekiranya kesilapan beliau berlaku hanya sekali di mana dia tidak sebut apa yang sepatutnya dia sebut, mungkin saya pun boleh berkongsi sangkaan baik Tuan Yang di-Pertua.

Akan tetapi dalam kes ini dia telah meninggalkan perkataan-perkataan yang pokok, dua kali dan menafikan secara terus terang kepada soalan yang jelas dan terang. Maka saya merasakan, minta maaf Tuan Yang di-Pertua walaupun keputusan sudah buat dan saya terima. Akan tetapi bagi diri saya, saya sangsi akan niat sebenar Timbalan Menteri Kewangan. Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Macam saya kata tadilah, dia bunuh tanpa niat. Dia mengelirukan tanpa niat. Dia mengelirukan Dewan tanpa niat. Merogol tanpa niat begitu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pokok Sena. Sila Yang Berhormat Sepang. Selepas Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara *because involved in this*. Selepas itu saya tidak terima lagi pendapat di luar lingkup yang sudah saya jelaskan. Sila Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada kedua-dua pihak. Saya tadi apabila Menteri mengatakan ada dua jaminan. Satu yang tidak tertakluk kepada akta. Saya harap kalau saya salah, betulkan ya. Saya dengar jawapan Menteri yang RM5.8 bilion itu *explicit guarantee* yang mana termasuk dalam bawah akta iaitu Akta Jaminan Pinjaman (Penubuhan Perbadanan) 1965.

■1210

Saya ingin bertanya dan mendapat penjelasanlah, sebab kalau benar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa pinjaman RM5.8 bilion itu adalah satu *guarantee* yang tertakluk pada akta, saya ingin bacakan Akta Jaminan Pinjaman (Penubuhan Perbadanan) 1965 di bawah seksyen 2, subseksyen 3...

Tuan Yang di-Pertua: Ini Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak payah jawab ini. Oleh kerana ini adalah *side view* yang cuma saya mahu *entertain*. Tidak payah jawab. Sila... [*Dewan riuh*]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ya, ya terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan hendak salahkan Menteri tidak. Saya sebenarnya hendak bertanya, sebab apa kalau dilihat kepada seksyen 2 subseksyen 3, yang menceritakan tentang jaminan ini kuasa untuk menjamin pinjaman, dia menyatakan bahawa tertakluk kepada subseksyen 4, Menteri hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin selepas sesuatu jaminan seksyen ini diberikan. Membentangkan di hadapan Dewan Rakyat suatu penyata mengenai jaminan itu bersama dengan satu salinan perjanjian tersebut dahulu. Saya ingin bertanyakan, adakah perkara ini telah dilakukan oleh pihak Menteri kerana perlunya Dewan Rakyat ini dibentangkan dengan jaminan itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

12.11 tgh.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri Yang di-Pertua kerana memberikan peluang bagi usul ini untuk dibaca dalam Dewan, untuk disebut dan juga memberikan peluang bagi Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Pontian memberikan penjelasan selanjutnya. Saya rasa ini merupakan satu amalan yang baik yang perlu diteruskan kerana ia akan menunjukkan bahawa tiada apa yang ditakuti oleh mana-mana pihak sama ada pihak kerajaan ataupun pihak pembangkang, ataupun Tan Sri Speaker sendiri.

Dalam perkara ini saya ingin juga menegaskan bahawa Usul ini tidak dibawa oleh rakan saya Yang Berhormat Pandan secara remeh. Perkara ini hanya dibawa selepas dalam perbahasan semasa Jawatankuasa, Peringkat Jawatankuasa di mana kita sekali lagi meminta penjelasan seterusnya daripada Kementerian Kewangan, dan saya bahas hari itu. Akan tetapi soalan-soalan yang ditimbulkan merujuk kepada jawapan yang diberikan pada 6 November itu tidak diberikan sebarang jawapan langsung. Isu itu tidak dibawa.

Oleh sebab itu keputusan hanya dibuat untuk membawa Usul hari kemudian so, usul ini dibawa bukan kerana kita hendak sengaja hendak mempermainkan perkara ini. Usul ini dibawa kerana kita merasa adalah penting, adalah penting fakta yang betul dikeluarkan dalam Dewan. Apa yang disebut di luar Dewan, siapa pun boleh sebut tetapi apa yang disebut dalam Dewan ini adalah *secret*, adalah dilihat oleh semua pelabur antarabangsa dan ini penting untuk menghormati...

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat-Ahli Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Petaling Jaya dahulu.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Untuk menghormati kedudukan Parlimen sebagai sidang yang paling agung di negara kita. Itu sahaja yang kita minta dan saya mengucapkan terima kasih juga kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana

membuat pembetulan dan juga membuat pengakuan yang patut dibuat dalam Dewan ini dan kita harap perkara ini tidak berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Tentang isu sama ada ia jaminan bukan jaminan kita boleh bahas lagi. Itu tidak apa tetapi dari segi fakta mesti betul. Terima kasih [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat ini bukan berbahas. Apabila Yang Berhormat Pontian telah menjawab, bermakna saya buat *ruling*. *Ruling* saya buat tetapi saya benarkan dua, tiga orang Ahli Yang Berhormat berdiri kerana itu *additional* informasi kepada saya. Kita buat itu sebagai iktibar dan sedemikianya kerana kalau saya benarkan lagi dua, tiga orang berdiri sana, bermakna berbahas. Bermakna *subject closed*. Setiausaha, sila jalankan tugas....

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Cukuplah itu Tan Sri. Cukup-cukup Tan Sri. Cukup sudah dengar keputusan berbohong tanpa niat tadi itu [Ketawa]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tidak boleh, tidak boleh, tidak boleh.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Tan Sri Speaker, Tan Sri Speaker...

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Kena tarik balik, kena tarik balik.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Tan Sri Speaker.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2015

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2015

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang undang-undang Perbekalan 2015 dan Anggaran Pembangunan 2015 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". [Hari Keenam]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa.*]

Maksud B.27 [Jadual] -

Maksud P.27 [Anggaran Pembangunan 2014] –

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Kepala bekalan B.27 dan Kepala Pembangunan P. 27 di bawah Kementerian Kerja Raya. Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

12.15 tgh.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Terima kasih Tan Sri Pengerusi. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada seramai 27 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2015 di peringkat Jawatankuasa untuk Kementerian Kerja Raya. Segala cadangan, pandangan dan teguran oleh isu-isu yang dibangkitkan itu akan diberikan perhatian dan dijawab sebaik mungkin. Sebelum saya menjawab isu-isu tersebut, izinkan saya memaklumkan secara ringkas mengenai peruntukan Bajet 2015 yang bakal diterima oleh Kementerian Kerja Raya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya akan menerima peruntukan keseluruhan sebanyak RM5.95 bilion pada tahun 2015. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM2.11 bilion diperuntukkan di bawah bermaksud B.27 Mengurus dan baki sebanyak RM3.84 bilion lagi di bawah maksud Butiran P.27 Pembangunan. Untuk memudahkan kefahaman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan membahagikan jawapan penggulungan Kementerian Kerja Raya ini kepada lima pecahan topik seperti berikut:

- (i) Jalan Persekutuan di Semenanjung;
- (ii) Projek Jalan Persekutuan di Sabah dan Sarawak;
- (iii) isu-isu berkaitan penyelenggaraan Jalan Persekutuan;
- (iv) isu lebuh raya bertol termasuk pampasan tol; dan
- (v) isu berkaitan industri pembinaan dan isu-isu lain.

Tan Sri Pengerusi, dalam sesi perbahasan semalam beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan cadangan pembinaan dan menaik taraf Jalan Persekutuan seperti berikut:

- (i) Ahli Yang Berhormat daripada Parit Sulung meminta kerajaan untuk mempercepatkan pembinaan projek Jambatan Kedua Batu Pahat;
- (ii) Ahli Yang Berhormat dari Seputeh memohon pembinaan jalan baru menghubungkan *Sepang Gold Coast Resort* ke KLIA;
- (iii) Ahli Yang Berhormat daripada Seputeh juga memohon projek menaik taraf Jalan Industri dari Jalan Langat, Klang ke Jalan Pelabuhan Barat dari dua lorong sedia ada kepada laluan empat lorong;
- (iv) Ahli Yang Berhormat dari Gerik pula meminta kerajaan untuk menaik taraf laluan utama dari Gerik ke Jeli dan Jalan Gerik ke Baling. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, jajaran Jalan Gerik ke Baling telah dinaiktarafkan pada tahun 2005;
- (v) Ahli Yang Berhormat daripada Sepang pula mencadangkan projek menaik taraf Jalan Banting ke KLIA ke Batu Laut dinaiktarafkan kepada laluan empat lorong dua hala;

- (vi) Ahli Yang Berhormat daripada Tanjong pula telah meminta pertimbangan projek menaik taraf Jalan Relau ke Paya Terubong, Pulau Pinang dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ini merupakan jalan negeri dan perlu dipohon melalui Kerajaan Negeri;
- (vii) Ahli Yang Berhormat daripada Paya Besar dan Jerantut membangkitkan cadangan pembinaan jalan ke kawasan Pahang Barat iaitu laluan baru menghubungkan Jerantut ke Kuala Lipis ke Cameron Highlands;
- (viii) Ahli Yang Berhormat daripada Lumut pula telah memohon pelaksanaan untuk projek-projek seperti berikut:
 - (i) Jambatan kedua Sultan Yusof, Jalan Teluk Intan ke Lumut;
 - (ii) Jalan Segari, Lumut ke Changkat Jering-Taiping;
 - (iii) projek menaik taraf Jalan Persekutuan 5 dari Jambatan Sungai Bernam ke persimpangan Pekan Sabak Bernam;
- (ix) Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Puteh telah memohon Projek menaik taraf Jalan Utama ke Pasir Puteh ke Kota Baharu kepada laluan empat lorong dua hala;
- (x) Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Petani membangkitkan mengenai Projek Membina Jalan Persisiran Pantai Baharu dari Teluk Ayer Tawar ke Kuala Kedah; dan
- (xi) Ahli Yang Berhormat daripada Bayan Baru pula membangkitkan keperluan projek menaik taraf Jalan Teluk Kumbar ke Bayan Lepas.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan projek-projek tersebut telah pun dicatat, disemak dan akan diberi perhatian oleh kementerian ini.

■ 1220

Pada masa kini Kementerian Kerja Raya sedang dalam proses mengenal pasti senarai-senarai projek-projek baru yang akan dipohon untuk melaksanakan dalam RMKe-11 iaitu dari tahun 2016 hingga tahun 2020. Oleh itu saya ingin mencadangkan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berbincang dengan pihak kerajaan negeri bagi menentukan cadangan projek-projek di atas diberi keutamaan tinggi dalam senarai permohonan kerajaan negeri dalam RMKe-11.

Tuan Pengerusi beberapa orang Ahli Yang Berhormat antaranya Ahli Yang Berhormat daripada Tumpat, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Pasir Puteh dan Yang Berhormat Setiu telah membangkitkan tentang isu keperluan Projek Lebu Raya Pantai Timur fasa 3 di negeri Kelantan LPT3 bermula dari Kuala Terengganu melalui Setiu, Besut dan seterusnya memasuki negeri Kelantan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan Projek LPT3 ini sememangnya termasuk dalam perancangan kerajaan untuk dilaksanakan pada masa hadapan. Berdasarkan laporan Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalan Raya Semenanjung Malaysia (HNDP) Fasa1. Projek LPT3 ini berpotensi dilaksanakan secara kaedah penswastaan. Pelaksanaan keseluruhan Lebu Raya Pantai Timur melibatkan negeri Pahang, Terengganu dan

Kelantan dibuat secara berfasa. Di mana fasa yang terakhir dan belum dimulakan ialah LPT3 iaitu di Kelantan dan dijangka akan dimulakan dalam tempoh RMKe-11.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, Yang Berhormat Lipis, dan Yang Berhormat Kuala Krai membangkitkan Projek Jalan Central Spine iaitu melibatkan jajaran Kota Bharu ke Kuala Krai dan seterusnya ke Gua Musang ke Lipis-Raub dan juga Bentong. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, anggaran kos keseluruhan bagi membina dan menaik taraf Jalan Central Spine ialah sebanyak RM8.6 bilion iaitu RM6.6 bilion untuk jajaran Bentong ke Kuala Krai dan anggaran RM2 bilion lagi untuk jajaran Kota Bharu ke Kuala Krai. Setakat ini kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1.4 bilion untuk membiayai pelaksanaan fasa-fasa yang telah diluluskan bagi projek ini.

Dalam RMKe-10 ini keutamaan kerajaan ialah melaksanakan sebahagian daripada pakej tiga iaitu di kawasan Kuala Lipis kerana ini merupakan kawasan yang mencatatkan kadar kemalangan yang tertinggi berbanding jajaran Jalan Central Spine yang lain. Manakala untuk jajaran Kota Bharu ke Kuala Krai pula setakat ini dua pakej telah diluluskan iaitu melibatkan jajaran Pasir Hor ke Kadok dan Kadok ke Ketereh. Pakej-pakej lain dalam Jalan Central Spine dirancang untuk dilaksanakan dalam RMKe-11 tertakluk kepada keupayaan kewangan kerajaan.

Tuan Pengerusi Ahli Yang Berhormat dari Sekijang ingin mengetahui mengenai jangka masa tempoh pengambilan tanah yang dibekukan untuk pelaksanaan sesuatu projek jalan. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat pembekuan tanah di bawah Seksyen 4, Akta Pengambilan Balik Tanah atau APT 1960 adalah bertujuan untuk membuat kajian awalan bagi mengetahui kesesuaian sesuatu jajaran tersebut. Di mana tempoh luput Seksyen 4 dari tarikh Warta diisytiharkan adalah selama 12 bulan sahaja.

Sekiranya jajaran tersebut didapati bersesuaian maka pelan permohonan pengambilan balik tanah di bawah Seksyen 8, APT 1960 akan dikemukakan kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) Persekutuan untuk diangkat bagi kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Sekiranya diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) maka Warta Seksyen 8, Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 akan disiarkan dan proses pengambilan balik tanah akan dimulakan bagi pelaksanaan projek tersebut.

Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Terengganu memohon penjelasan mengenai status projek membina jalan Jeram Tokong ke Bukit Buntung Kuala Terengganu yang tertangguh akibat masalah pengambilan balik tanah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat perkara ini sedang disemak oleh pihak JKR Ibu Pejabat memandangkan projek ini ialah projek Kerajaan Negeri Terengganu.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bintulu telah membangkitkan mengenai cadangan empat projek jalan seperti berikut:-

- (i) cadangan menaik taraf jalan dari persimpangan Ngabau,
- (ii) cadangan menaik taraf jalan dari Tanjung Kidurong ke Pelabuhan Bintulu,
- (iii) cadangan membina jejambat di Jalan Medan,
- (iv) cadangan membina jejambat di Simpang Ngabau.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat Bintulu, cadangan menaik taraf persimpangan Ngabau, cadangan menaik taraf jalan dari Jalan Kidurong ke Pelabuhan Bintulu dan cadangan membina jejambat di Simpang Ngabau telah dipohon dalam RP-4 iaitu pada tahun 2015 namun tidak diluluskan. Kementerian Kerja Raya akan memohon semula projek-projek tersebut dalam RMKe-11 dengan keutamaan yang tinggi. Manakala cadangan membina jejambat di Jalan Medan tidak pernah dipohon oleh JKR Sarawak sebelum ini. Kementerian akan semak keperluan dan keutamaan cadangan projek ini sebelum kita pohon dalam RMKe-11.

Ahli Yang Berhormat dari Sarikei pula telah membangkitkan status empat projek seperti berikut:-

- (i) Jalan Sungai Siam Bintagor ke Tanjong Manis;
- (ii) cadangan lorong memotong kilometer 18 di Sungai Pauh Jalan Sarikei ke Kuching;
- (iii) cadangan menaik taraf Jalan Jaka Sarikei ke Sebangkoi; dan
- (iv) cadangan jalan penghubung Sarikei ke Tanjong Manis.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sarikei, projek membina jalan dari Sungai Siam Bintagor ke Tanjong Manis ialah jalan negeri dan JKR Sarawak akan memohon di bawah peruntukan negeri.

Bagi permintaan Ahli Yang Berhormat untuk membina lorong memotong dimaklumkan bahawa JKR telah melaksanakan satu projek lorong memotong di kilometer 432 Jalan Kuching ke Miri yang telah siap pada 27 Julai 2013. Lokasi lorong memotong ini berhampiran dengan Sungai Pauh. Mengenai cadangan jalan penghubung dari Sarikei ke Tanjong Manis, Pihak Berkuasa Perancang Negeri (*Sarawak Planning Authority*) atau lebih dikenali sebagai SPA sedang menimbang jajaran baru iaitu Jalan Kampung Seberang-Sarikei. Kerja-kerja awalan projek ini seperti ukur tanah dan reka bentuk dijangka bermula pada tahun 2015 sebaik sahaja kelulusan SPA diperolehi.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Sarikei juga telah membangkitkan isu naik taraf jalan dari Pekan Jaka Sarikei ke Sebangkoi. Seksyen jalan tersebut termasuk dalam jajaran Lebuhraya Pan Borneo yang akan di naik taraf oleh pihak swasta. Walau bagaimanapun untuk jangka masa pendek kementerian ini telah dan akan menambah baik geometri jalan dan meningkatkan ciri-ciri keselamatan jalan di laluan tersebut di bawah Program Keselamatan dan *Black spot* dengan izin di Bukit Sebangkoi.

Ahli Yang Berhormat daripada Tenom telah membangkitkan isu sama ada jalan persekutuan di Tenom termasuk sebagai jajaran Lebuhraya Pan-Borneo di Sabah. Juga memohon supaya Jambatan Sungai Padas diganti dengan segera. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jajaran Pan-Borneo di bawah kawasan Pantai Timur Sabah akan melibatkan laluan Kota Kinabalu ke Papar ke Beaufort dan juga ke Sipitang dan seterusnya ke Sindulu iaitu tidak melibatkan Tenom.

Namun demikian kementerian ini akan terus...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat boleh tumpang?

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rahshid Shirlin: Silakan Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita telah diuar-uarkan dengan Projek Jalan Pan-Borneo. Jadi saya pun ingin bertanya apakah Pan-Borneo ini juga melalui Kota Kinabalu - Sandakan dan ke Tawau? Ini sebab jalan raya ini pada hari ini pun sebetulnya amat teruklah. Dia berlubang-lubang, kalau ke Sandakan - Kota Kinabalu itu makan masa lima enam jam. Jadi mungkin dengan adanya kenaikan Jalan Pan-Borneo ini mungkin dapat tiga jam setengah. Apakah Pan-Borneo melibatkan Kota Kinabalu-Sandakan itu sendiri? Kalau tidak kenapa?

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rahshid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan memang termasuk Yang Berhormat ya.

Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]: Tuan Pengerusi.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rahshid Shirlin: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, izinkan saya untuk menjawab dahulu dan lepas ini saya akan bagi Yang Berhormat Libaran untuk meneruskan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Jalan Kota Kinabalu ke Sandakan ini merupakan satu keutamaan di mana Ranau-Sandakan dan Sandakan ke Tawau merupakan satu daripada tiga jalan yang akan diberikan keutamaan yang paling tinggi untuk pelaksanaan. Sekiranya Projek Pan-Borneo itu dapat dilaksanakan sama ada dari segi konvensionalnya ataupun ada persetujuan di peringkat kerajaan dalam proses penswastaan Yang Berhormat. Terima kasih. Yang Berhormat Libaran.

■1230

Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pan-Borneo ini dilaksanakan pada tahun depan saya difahamkan, jadi saya ingin tahu ada jajaran jalan iaitu lintas Libaran. Saya difahamkan bahawa fasa pertama telah diluluskan, ianya melibatkan empat fasa iaitu fasa dua, tiga dan fasa empat belum lagi ada kelulusannya. Jadi, saya ingin tahu adakah jajaran jalan lintas Libaran ini ianya termasuk dalam fasa Pan-Borneo itu sendiri kerana jalan ini adalah amat penting, keluar masuk bukan sahaja di Libaran tetapi keluar masuk Bandar Sandakan dan seterusnya ke bandar-bandar utama di negeri Sabah. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Libaran. Saya ingin maklumkan bahawa jalan tersebut tidak termasuk dalam jajaran Pan-Borneo Yang Berhormat ya tetapi itu merupakan salah satu projek yang akan dilaksanakan dan merupakan keutamaan di peringkat kementerian. Saya akan bagi secara terperinci mengenai maklumat jalan yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Tuan Pengerusi, Kuala Kangsar.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Tuan Pengerusi, Tenom.

Tuan Pengerusi: Mana satu?

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Yang Berhormat Tenom. Lepas itu Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan jajaran-jajaran yang telah dimasukkan dalam jajaran Pan-Borneo...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tenom tidak masuk lah, *sorry* lah.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Ada perkara yang saya mahu beritahu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Kinabatangan. Jadi, tidak adil juga kalau pergi Pan-Borneo, pergi Sandakan sahaja. Kita pun mesti mahu ada juga di kawasan pedalaman. Jadi, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimana pula jajaran kalau Tenom tidak dimasukkan dalam jajaran Pan-Borneo, bagaimana pula jalan yang ke kawasan pedalaman? Di pedalaman ini ada tiga kawasan Parlimen. Tenom, Keningau dan juga Pensiangan. Kalau kita ikut daripada jajaran kawasan Yang Berhormat Papar ke Keningau, Keningau ke Pensiangan, Pensiangan ke Tawau, adakah jajaran ini juga menjadi jajaran utama dalam pelaksanaan Pan-Borneo yang akan dilaksanakan pada tahun hadapan?

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Jawapan kepada persoalan itu, ya Yang Berhormat. Itu merupakan sebahagian daripada jajaran Pan-Borneo yang akan dilaksanakan. Namun, walaupun Tenom tidak termasuk dalam perancangan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, kementerian dan juga Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah memberikan tumpuan khusus kepada jalan-jalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat semalam termasuklah jalan-jalan yang terlibat dalam masalah banjir baru-baru ini.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pasukan kita daripada kementerian sekarang ini berada di negeri Sabah dan akan mengunjungi tempat Yang Berhormat untuk mendapatkan lebih banyak maklumat bagi kita memastikan kawasan-kawasan yang disuarakan oleh Yang Berhormat itu dapat dilaksanakan dengan segera. Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak menyentuh tentang Pan Borneo ini kerana saya melihat ini satu projek yang berskala besar, satu mega projek yang panjangnya 2,300 km dan peruntukannya RM27 bilion.

Saya ingin hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pihak kementerian melihat kepada kajian untuk penggunaan jalan bergetah, istilah jalan bergetah iaitu menggunakan hasil-hasil produk getah dari segi komponennya untuk kegunaan *Pan Borneo Highway* ini? Ini kerana kalau kita lihat ia dapat menstabilkan harga getah dan juga mengukuhkan harga getah.

Sekiranya tidak ada kajian teknikal atau pun komersial, saya harap pihak kementerian dapat menggunakan kajian ini supaya meletakkan peluang ini kepada hasil getah atau produk getah kerana ia berskala besar. Mempunyai *economic of scale* yang boleh kita gunakan kerana kebanyakan saya tahu telah ada kajian tetapi tidak digunakan kerana dianggap jalan-jalan atau

pun pembinaan jalan-jalan ini tidak mempunyai satu skala ekonomi yang besar, yang boleh *absorb* kan kos sekiranya penggunaan jalan getah ini tinggi. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar. Saya dengan sukacitanya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa perkara ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekijang dan akan saya jawab sebentar nanti. Mohon Yang Berhormat sabar menanti, selepas ini saya akan maklumkan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Limbang memohon kerajaan untuk menggantikan jambatan-jambatan usang yang terdapat di jalan persekutuan di negeri Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Baik Pulih Jambatan Usang di Jalan Pan Borneo di Sarawak akan diserap masuk untuk dilaksanakan oleh syarikat swasta yang akan membina Lebuhraya Pan Borneo untuk jajaran negeri Sarawak. Ahli Yang Berhormat dari Seputeh pula telah membangkitkan isu cadangan projek membina dan menaik taraf Jalan Belaga ke Bakun Sarawak. Saya tahu Yang Berhormat sering mengunjungi negeri Sarawak. Untuk makluman, jalan tersebut berstatus jalan negeri Yang Berhormat ya iaitu terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak. Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Boleh saya minta penjelasan. Jadi maksudnya dari Bakun ke Belaga yang jalan itu macam *roller coaster*, yang dibuat oleh tentera kita. Saya sebenarnya dengar daripada Ahli Parlimen Rajang berkata ia akan dinaik taraf oleh JKR. Jadi, ini adalah tidak benar lah? Jadi, ini semua bergantung kepada Kerajaan Negeri Sarawak sama ada ia mahu menaik taraf atau pun tidak. Betul?

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya kawasan Hulu Rajang. Yang Berhormat Seputeh pergi ke kawasan saya untuk melihat keadaan.

Datuk Rosnah binti Haji Abd Rashid Shirlin: Oh! Tidak pergi pun.

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Ataupun mahu kacau saya sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi, sebenarnya Yang Berhormat Timbalan Menteri jalan tersebut bukan Jalan Bakun. Yang Berhormat Seputeh tidak tahu. Sebenarnya Jalan Simpang Menjawah ke Pekan Belaga dibina oleh Kementerian Pertahanan, Projek Jiwa Murni. Itu yang sebenarnya. Jadi saya telah bertanya kepada Yang Berhormat Menteri semasa taklimat dan pihak kerajaan negeri dan pihak Kementerian Kerja Raya untuk bekerjasama untuk bekerjasama menaik tarafkan jalan tersebut. Itu sahaja sebenarnya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Rosnah binti Haji Abd Rashid Shirlin: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Hulu Rajang yang telah membantu saya. Yang Berhormat bagi jajaran yang salah Yang Berhormat. Bukan salah saya. Jadi, saya akan bekalkan Yang Berhormat dengan jawapan bertulis. Yang Berhormat Seputeh tidak pergi pun Bakun. Adoi. [*Dewan riuh*]

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Yang Berhormat, sedikit Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Labuan.

Datuk Rosnah binti Haji Abd Rashid Shirlin: Yang Berhormat Labuan.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di Borneo ini ada negeri-negeri seperti Sarawak, Sabah tetapi ada juga sebenarnya *Federal Territory of Labuan* yang juga berada di Borneo.

Tuan Pengerusi: Oh! Adakah Yang Berhormat?

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: [Ketawa] Itulah kena selalu beritahu baru ingat.

Tuan Pengerusi: Saya tidak perasan pun. [Ketawa] Sila.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Jadi, Pan-Borneo itu akan lebih *complete* ataupun sempurna sekiranya ianya juga disambung terus ke Labuan. Jadi, saya berharap kalau belum di bajet kan maka kita tolong carikan bajet. Kalau tidak 2015 ini di *rolling plan* pertama RMKe-11. Semalam saya cuba untuk membahaskan JK kementerian ini tetapi tidak sempat dan diminta untuk mencelah. Jadi, sekali gus saya ingin bertanya ada tiga jalan yang sangat kritikal dan *top priority* di Labuan iaitu Jalan Kawasan Perindustrian Ranca-Ranca ke Kina Benua, Jalan Kina Benua ke Taman *Pearl* dan Jalan Tanjung Teras ke Nagalang Tanjung Aru. Cuma bertanya kalau ada diperuntukkan untuk 2015. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Sekiranya saya tidak sempat menjawab pada sesi ini, *insya-Allah* saya akan menjawab secara bertulis mengenai status ketiga-tiga jalan yang dibangkitkan.

■1240

Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat daripada Bayan Baru telah membangkitkan isu peruntukan untuk penyelenggaraan jalan persekutuan yang jauh berkurangan dan lebih rendah pada tahun 2015 iaitu sebanyak RM610 juta berbanding tahun 2014 sebanyak RM1.06 bilion. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini sememangnya diakui berikutan permohonan asal kementerian ini adalah lebih tinggi berbanding jumlah yang diluluskan. Walau bagaimanapun, peruntukan 2015 ini akan digunakan secara optimum untuk melaksanakan program penyelenggaraan jalan di seluruh negara. Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sekijang, Jerantut dan Bintulu...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Timbalan Menteri, sedikit ya. Tuan Pengerusi, boleh saya celah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Penjelasan ya. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita sudah tahu bahawa dengan peruntukan yang asal tahun lepas lebih daripada RM1 bilion, jalan-jalan di seluruh Malaysia sudah dalam keadaan yang teruk, lubang, lopak-lopak dan penyelenggaraan yang sangat tidak mencukupi, keadaan jalan yang teruk. Sekarang dengan pengurangan 63%, jatuh begitu mendadak, bagaimana kita boleh menyelenggarakan jalan raya di seluruh Malaysia, padahal jalan raya masih begitu banyak, sama atau mungkin lebih panjang lagi.

Jadi, ini adalah sesuatu *bad planning*, tidak mengira keadaan yang sebenar. Ini bukan kreatif *accounting*, turun, turun, bukan. Ini *reality on the ground* memerlukan duit untuk

menyelenggarakan jalan raya. Kalau tidak ada duit, tidak ada penyelenggaraan. Kalau tidak ada duit, tidak boleh *fill up the potholes*, ini adalah hakikat sebenar. Menteri kena *fight for more* peruntukan. Minta penjelasan.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih sahabat saya Ahli Yang Berhormat daripada Bayan Baru. Sebenarnya Yang Berhormat, walaupun hanya RM610 juta diperuntukkan kepada kementerian ini untuk penyelenggaraan jalan berbanding dengan RM1.06 bilion pada tahun 2014, namun untuk pengetahuan Yang Berhormat, ini tidak menghalang pihak kementerian untuk memohon tambahan kepada peruntukan tersebut pada pertengahan tahun dan saya mohon Ahli Yang Berhormat Bayan Baru supaya menyokonglah kementerian dalam isu ini.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Satu soalan lagi.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Ini kerana Yang Berhormat sendiri memaklumkan bahawa ini merupakan keperluan dan saya yakin dan percaya Kerajaan Barisan Nasional begitu prihatin mengenai perkara tersebut.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Minta sedikit satu soalan lagi. Terima kasih Tuan Pengerusi. Kita tidak ada masalah kalau boleh membantu minta lebih banyak peruntukan tetapi saya hendak tanya Timbalan Menteri. Adakah sebab kita membayar terlalu banyak duit RM458 juta untuk tol? Ini kerana peruntukan sebanyak RM458 juta untuk *toll compensation* menyebabkan peruntukan untuk penyelenggaraan jalan raya turun. Oleh sebab kita tidak nampak bahawa kerana duit- kita nampak bahawa penurunan tersebut lebih kurang sama dengan- duit itu lebih kurang sama dengan *compensation* kepada tol. Adakah peruntukan penyelenggaraan jalan raya telah digunakan untuk membayar syarikat-syarikat tol? Minta penjelasan daripada Timbalan Menteri.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat kerana membangkitkan isu ini. Sebenarnya Yang Berhormat, walaupun peruntukan telah diperuntukkan untuk pampasan tol tetapi kerajaan masih belum membuat keputusan dalam soal isu ini. Jadi, menjawab kepada persoalan Yang Berhormat itu, memang benar peruntukan telah diperuntukkan di bawah bajet ini untuk pampasan tol dan pampasan seperti yang kita ketahui, ia meningkat hampir setiap tahun. Namun, pada masa yang sama kita juga melihat kepada keprihatinan kerajaan dalam soal isu sara hidup rakyat yang mungkin juga kita perlu perhalusi. Akan tetapi izinkan saya untuk menjawab isu tol ini kemudian Yang Berhormat kerana kita memang ada soalan-soalan yang dibangkitkan di bawah isu tol ini.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Tuan Pengerusi, saya minta untuk meneruskan...

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Mohon mencelah.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Ya, Yang Berhormat Sepanggar.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih Tuan Pengerusi. Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Jalan Pan

Borneo bernilai RM27 juta tetapi apakah kerajaan tidak melihat masalah kesesakan yang begitu teruk di kawasan Sepanggar dan juga di Kota Kinabalu? Pada tahun lepas saya ingat lagi Yang Berhormat Menteri JKR menyatakan bahawa KK Outer Ring Road akan dilaksanakan pada tahun 2015. Akan tetapi nampaknya tidak pun tersenarai dalam perancangan 2015. Jadi, apakah pihak kerajaan ataupun pihak JKR sudah buta mata tidak nampak keperluan menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di dalam Bandar Kota Kinabalu ini? Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Walaupun Yang Berhormat telah membangkitkan satu isu yang bukan di bawah butiran kita tetapi izinkan saya juga Tuan Pengerusi, untuk memaklumkan kepada Yang Berhormat. Salah satu projek yang akan dilaksanakan untuk sekali gus membantu mengurangkan kesesakan adalah di antaranya selain daripada yang disebutkan di sebelah Sandakan, *Triple Beam Bypass*, pihak kementerian juga telah meluluskan untuk projek membina dan menaiktarafkan Jalan Lintas Kota Kinabalu yang melibatkan pembinaan dua persimpangan bertingkat dan naik taraf daripada enam jalan kepada enam lorong dua hala sepanjang 6.3 kilometer. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, rundingan harga telah diperakukan dan sekarang ini sedang menunggu kelulusan memuktamadkan harga daripada Kementerian Kewangan.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Jawapan lanjut akan...

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Yang Berhormat, itu laluan lain, laluan Jalan Lintas itu, itu lain daripada Kota Kinabalu, itu di luar. Yang KK Outer Ring Road ini yang meliputi kawasan laluan pantai yang perlu disegerakan kerana ini laluan jalan protokol dan sebagainya. Jalan Lintas ini laluan ke kawasan perumahan dan juga kawasan Penampang. Saya tahu ini kerana ada syarikat yang membuat cadangan, maka JKR- tolong jawab jajaran KK Outer Ring ini, bila hendak dilaksanakan.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Menteri janji tahun lepas dalam penggulungan.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Okey, izinkan saya juga untuk memberikan Yang Berhormat jawapan bertulis kerana Yang Berhormat tidak berbahas semalam. Ini merupakan notis yang agak singkat. Izinkan saya untuk menjawab secara bertulis kepada Yang Berhormat. Tuan Pengerusi,

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tuan Pengerusi, minta laluan.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sekijang, Jerantut- berkaitankah Ahli Yang Berhormat daripada KK, batu bersurat?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ya, saya minta sedikit penjelasan sahaja. Ini mengenai *flyover* di jalan di Kota Kinabalu. Tadi kita ada katakan ada membina dua *flyover* di Kota Kinabalu. Saya difahamkan kedua-dua *flyer* ini akan dibina pada tahun ini atau akan datang. Akan tetapi saya tidak nampak bajet di mana ada *allocation*, dengan izin. Jadi, saya minta penjelasan, bilakah *flyover* ini akan dibina? Sekian, terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Ahli Parlimen dari Kota Kinabalu. Ahli Yang Berhormat, seperti saya katakan tadi rundingan harga telah diperakukan di peringkat Lembaga Perolehan di kementerian dan sekarang ini menunggu muktamadnya harga daripada Kementerian Kewangan.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sekijang, Jerantut dan Bintulu pula telah membangkitkan mengenai kualiti penurapan jalan yang tidak memuaskan oleh pihak konsesi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kualiti penurapan jalan perlu mematuhi standard dan piawaian yang telah ditetapkan oleh Arahan Teknik Jalan JKR yang telah digubal dan disesuaikan dengan piawaian antarabangsa seperti *British Standard* atau BS. Di samping itu, pihak JKR juga melaksanakan audit kualiti terhadap kerja-kerja turapan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi.

Jika terdapat sebarang ketidakpatuhan, JKR akan mengeluarkan amaran dalam bentuk *NCR – Non Compliance Report*, termasuk pemotongan bayaran. Bagi memastikan kualiti jalan berada dalam tahap yang tinggi, banyak kerja penyelenggaraan dilakukan menggunakan teknologi yang lebih baik. Kerja-kerja pembaikan tidak hanya menggunakan cara turapan biasa tetapi kini banyak kerja pembaikan menggunakan teknologi yang lebih baik seperti *Cold in-Place Recycling*, dengan izin, atau CIPR dan menggunakan bahan campuran yang lebih baik seperti *Stone Mastic Asphalt (SMA)*, *Porous Mastic Asphalt* atau PMA, dengan izin.

■1250

Tuan Pengerusi, saya ingin...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: ...Menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, izinkan saya habiskan dahulu Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Sedikit mengenai kualiti jalan disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sedikit sahaja Tuan Pengerusi. Saya agak *impress* dengan standard kualiti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan peraturan-peraturan dan juga denda-denda yang dikenakan tetapi yang dibangkitkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat adalah realiti di jalan tersebut. Kualitinya tidak ada.

Adakah ia hanya berkualiti dalam tempoh seminggu selepas dibina dan semasa diaudit dan selepas itu ia menjadi rosak? Ini berlaku di hampir semua jalan. Kalau kita banding dengan jalan-jalan yang cantik di luar negara, saya rasa macam seolah-olah kita tidak ada satu ukuran standard yang sebenar. Jadi bagaimana kita hendak *reconcile* antara standard yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan apa yang sebenarnya berlaku di jalan-jalan tersebut? Ada kongkalikung di mana-mana atau macam mana?

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan Yang Berhormat sebenarnya kementerian sangat serius di dalam perkara ini dan oleh kerana itulah dalam soal ini kita tidak berkompromi dalam memberikan amaran kepada syarikat konsesi terutama sekali dalam soal NCR atau *non compliance report*. Proses

pemotongan bayaran itu kita laksanakan Yang Berhormat sekiranya pihak konsesi tidak memenuhi piawaian yang telah ditetapkan.

Jadi tindakan memang diambil dan secara berterusan kita *engage* ataupun kita maklumkan kepada pihak konsesi supaya melihat kepada kualiti penyelenggaraan yang dilaksanakan. Ini bukan sahaja melibatkan pegawai bawahan kita malah sehinggalah *top management* kita termasuklah Yang Berhormat Menteri sering turun padang untuk memastikan perkara ini dapat dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat...

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh minta sekejap.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: ...Daripada Ahli Yang Berhormat Lipis dan Yang Berhormat Tenom.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh minta...

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Maafkan saya Yang Berhormat. Sekejap izinkan saya untuk habiskan dahulu. Ahli Yang Berhormat daripada Lipis dan Yang Berhormat Tenom telah membangkitkan mengenai isu berkaitan penyelenggaraan cerun di jalan-jalan utama di kawasan masing-masing. Untuk maklumat, jalan-jalan yang terlibat telah dicatat dan akan disiasat oleh Cawangan Kejuruteraan Cerun JKR. Silakan sahabat saya Yang Berhormat Penampang.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Pengerusi. Boleh minta mengarahkan pegawai-pegawai Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk meneliti saiz *drain* ataupun *road drain* yang sedang dibina di jalan raya baru antara Penampang hingga ke Kinarut saiz *drain*nya agak kecil dan membahayakan jikalau *sliding* terjadi lagi. Lebih lagi *culvert* yang sedang dibuat di Jambatan Dambai, Penampang dan juga di Limbanak. *Culvert* dia agak kecil dan ada kemungkinan bila air besar ada kemungkinan banjir akan terjadi lagi. Terima kasih.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Penampang di atas makluman. Saya akan minta JKR Sabah untuk melihat kepada keadaan ini dan seterusnya memberikan laporan kepada kementerian. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: [Bangun]

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Kepada sahabat saya Yang Berhormat Labuan, saya telah mendapat makluman mengenai ketiga-tiga projek yang telah dibangkitkan iaitu Jalan Taman Pearl, Jalan Kekinabena dan Jalan Nagalang itu. Yang Berhormat ketiga-tiga jalan yang dipohon itu tidak lulus untuk dilaksanakan dalam *rolling plan* keempat Rancangan Malaysia Kesepuluh. Namun demikian, kementerian akan memohon semula projek-projek ini untuk dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat Labuan.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: [Bangun]

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Tuan Pengerusi.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Tuan Pengerusi...

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Yang Berhormat dari Ampang lepas itu Yang Berhormat Tenom.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya cuma hendak bangkitkan tentang isu pembangunan cerun yang dibawa tadi oleh Yang Berhormat Penampang. Saya beberapa kali dalam Dewan ini telah meminta agar JKR membentuk satu bahagian pembangunan cerun kerana pembangunan cerun telah menjadi satu pembangunan yang penting terutama di kawasan saya Parlimen Ampang di DUN Bukit Antarabangsa khususnya. So, di mana ada tragedi tanah runtuh pada 2008. Saya rasa sudah tiba masa untuk Kementerian Kerja Raya untuk membentuk satu bahagian pembangunan cerun agar ia dapat lebih dipantau dan menjadi satu *one stop centre* yang mana ketika ini kalau ada bencana di tempat-tempat cerun banyak agensi yang dipersalahkan. IKRAM lah, SYABAS lah dan sebagainya.

Jadi sudah tiba masanya kalau dengan adanya pembentukan bahagian ini secara khusus, maka kita boleh menaikkan lagi *value land*, nilai tanah, nilai pembangunan di kawasan-kawasan cerun ini seperti apa yang dilaksanakan di Hong Kong dan tempat-tempat negara yang banyak cerun yang mana pembangunannya amat maju dan amat berharga dan ini mendatangkan pendapatan kepada negara. Jadi saya mintalah dalam rancangan akan datang KKR agar mempertimbangkan perkara ini. Terima kasih.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Ampang di atas persoalan yang dibangkitkan. Yang Berhormat Penampang tadi membawa isu yang lain. Isu Yang Berhormat bawa ini adalah Yang Berhormat Lipis dan Yang Berhormat Tenom Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat kita sudah ada Cawangan Kejuruteraan Cerun di JKR. Jadi itu membantu untuk menjawab kepada persoalan dan segala laporan.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Minta sedikit. Saya faham ada cawangan tapi saya minta di *upgrade* menjadi bahagian kerana bila cawangan itu skop kerjanya tidak meluas. Skop kerjanya kecil sahaja. Jadi kita hendak biar kementerian lebih memainkan peranan dalam keseluruhan pembangunan di lereng-lereng bukit atau pembangunan di cerun-cerun.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih kepada Yang Berhormat. *Insyah-Allah* cadangan Yang Berhormat akan dipertimbangkan.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Tenom.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Yang Berhormat Tenom.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkenaan dengan pembaikan cerun ini Yang Berhormat Timbalan Menteri saya kira jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri kajian itu tidak sesuai. Kalau boleh saya minta pihak kementerian ambil tindakan terus sebab kita sudah lapor dalam Dewan yang mulia ini. Bukan perlu mahu buat

kajian sebab masalah yang kita kemukakan ini terutama bila saya berbahas dalam peringkat jawatankuasa semalam menyatakan masalah ada terdapat cerun-cerun di jalan utama jalan-jalan persekutuan ini.

Saya kira di daerah sudah ada butiran ini, sudah ada masalah ini, sudah ada kertas kerjanya juga. Cuma tinggal kita meminta pihak JKR, pihak kementerian supaya memberi keutamaan memperbaiki apatah lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri, jalan raya yang saya nyatakan tadi ini sudah lama dan konsesinya dilaksanakan oleh kalau tidak silap saya semalam saya ada menyatakan dua syarikat iaitu syarikat Globinaco dan Lintasan Resources. Mereka ini bertanggungjawab untuk memperbaiki keadaan jalan raya sama ada runtuh jalan raya ataupun cerun-cerun.

Jadi saya kira Yang Berhormat Timbalan Menteri saya minta supaya tindakan ini diambil segera. Masalah ini sudah bertahun-tahun sebenarnya. Bila kita membangkitkan masalah ini di dalam mesyuarat pembangunan daerah, kita mendapat jawapan yang sama macam hari ini. Jadi saya minta pihak kementerian berkenaan dengan jalan-jalan di Persekutuan terutama di kawasan saya supaya dapat diberi perhatian. Masalah ini masalah kami dan jalan ini adalah jalan utama. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Tenom. Saya sangat memahami keadaan yang berlaku Yang Berhormat. *Insyallah* bukan sahaja perkara ini kita akan siasat tetapi akan ambil tindakan dengan segera Yang Berhormat. Itu komitmen kami.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Lenggong, Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat Gerik dan Yang Berhormat Parit pula telah membangkitkan mengenai isu jalan-jalan spesifik termasuk jambatan yang mengalami kerosakan akibat bencana banjir. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak JKR akan melaksanakan audit pemeriksaan terhadap laluan jalan-jalan yang terlibat itu. Walau bagaimanapun, ibu pejabat JKR telah menubuhkan Pusat Pengurusan Bencana berkaitan infrastruktur jalan yang mengalami kerosakan akibat banjir. Oleh itu, tindakan susulan akan diambil berdasarkan kepada rekod yang diperolehi melalui sistem tersebut.

Ahli Yang Berhormat daripada Sekijang dan Yang Berhormat Gerik dan sahabat saya Yang Berhormat daripada Kuala Kangsar juga telah menimbulkan isu ini mencadangkan material getah digunakan untuk membina jalan raya. Kerajaan sememangnya mengambil maklum mengenai teknologi mesra alam dalam pembinaan jalan seperti penggunaan getah asli dalam industri pembinaan jalan. Teknologi ini telah digunakan secara meluas di negara luar seperti Thailand.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya teknologi getah sebagai campuran asfal untuk membina jalan ini telah pun dilaksanakan di negara ini iaitu di Jalan Perimeter KLIA sepanjang 50 kilometer. Oleh itu, ia bukanlah perkara baru dalam pembinaan jalan di negara ini di mana ia tertakluk kepada kesesuaian sesuatu projek. Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh sambung nanti.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tuan Pengerusi, Indera Mahkota. Saya hendak mengambil kesempatan ini sebab sesi yang lalu saya pernah menimbulkan masalah jalan menghubungkan Indera Mahkota ke LPT dan saya minta Yang Berhormat Menteri datang turun melihat dan saya hendak merakamkan *I want to put in record*, setelah Yang Berhormat Menteri datang saya ingat jalan itu sudah diselesaikan. *I want to put on record* ribuan terima kasih kepada kementerian.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Sambung nanti hujah sebelah tengah hari. Ahli Yang Berhormat, Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ini ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.02 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) *mempengerusikan Jawatankuasa.*]

2.32 ptg.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri. Boleh dalam masa setengah jam?

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: *Insyallah*, sekiranya tidak ada gangguan, kurang daripada itu Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila. Kita ada dua lagi kementerian untuk kita selesaikan hari ini.

2.33 ptg.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru dan Petaling Jaya Selatan ingin mengetahui senarai lebuhraya yang terlibat dengan pampasan tol pada tahun 2015. Untuk makluman, terdapat 20 buah lebuhraya yang dijangka terlibat penangguhan kenaikan kadar tol pada tahun hadapan. Senarai lebuhraya tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur (AKLEH);
- (ii) Lebuhraya Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat (SPRINT);
- (iii) Lebuhraya Baru Pantai (NPE);
- (iv) Lebuhraya Penyuraian Trafik Lingkaran Kajang (SILK);

- (v) *Stormwater Management and Road Tunnel (SMART)*;
- (vi) Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE);
- (vii) Lebuhraya Sungai Besi (Besraya);
- (viii) Lebuhraya Senai-Desaru (SDE);
- (ix) Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR);
- (x) Lebuhraya Koridor Guthrie (GCE);
- (xi) Lebuhraya Kajang-Seremban (LEKAS);
- (xii) Lebuhraya Duta-Ulu Kelang (DUKE);
- (xiii) Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya (MEX);
- (xiv) Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP);
- (xv) Lebuhraya Pintas Selat Klang Utara (NNKSB);
- (xvi) Lebuhraya Pantai Timur 1 (LPT1);
- (xvii) Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK);
- (xviii) Lebuhraya Cheras-Kajang (Grand Saga);
- (xix) Lebuhraya Kuala Lumpur-Kuala Selangor (LATAR); dan
- (xx) Lebuhraya Kemuning-Shah Alam (LKSA).

Daripada 20 buah lebuhraya, sebanyak 17 buah lebuhraya yang akan menerima pampasan tol pada tahun 2015 manakala tiga buah lebuhraya lagi akan menerima pampasan pada tahun 2016. Anggaran pampasan yang terlibat bagi tahun 2015 bagi 17 buah lebuhraya ialah sebanyak RM558.69 juta. Peruntukan yang telah diluluskan kepada Kementerian Kerja Raya bagi tujuan bayaran pampasan adalah sebanyak RM458 juta. Peruntukan tambahan bagi pampasan tol ini akan dipohon pada pertengahan tahun 2015.

Untuk menjawab Ahli Yang Berhormat Sepang, peruntukan bagi tujuan bayaran pampasan tol tersebut telah disediakan melalui peruntukan kerajaan di bawah Kementerian Kerja Raya. Bayaran pampasan ini dibuat berdasarkan kepada formula pengiraan pampasan yang telah ditetapkan dalam perjanjian konsesi masing-masing. Jumlah sebenar bayaran pampasan tol akan ditentukan selepas proses verifikasi trafik yang dilaksanakan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kulai dan Sepang iaitu supaya semua perjanjian konsesi lebuhraya didedahkan kepada umum, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan perundangan, konsep perjanjian melibatkan aspek *confidentiality* atau kerahsiaan di mana persetujuan daripada kedua-dua pihak diperlukan sebelum sesuatu perjanjian itu boleh didedahkan. Sebahagian daripada perjanjian konsesi lebuhraya berkenaan sebenarnya boleh diakses di Perpustakaan Kementerian Kerja Raya dengan syarat-syarat tertentu. Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat untuk melihat perjanjian konsesi boleh merujuk kepada Kementerian Kerja Raya untuk tindakan lanjut.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Jerlun dan Sepang...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Beruas bangun.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Oleh kerana rakyat tidak tahu tentang perjanjian yang dimeterai di antara kerajaan dan pengusaha lebuhraya, kadangkala kadang kita tertanya-tanya apakah polisi kerajaan. Katakan di negeri Perak, Lebuhraya Utara-Selatan dibina dua *interchange* yang sangat berdekatan antara satu dengan lain, lima kilometer sahaja iaitu *interchange* masuk ke Bandar Baru Parit Buntar dan baru-baru ini pengusaha lebuhraya akan membina satu lagi *interchange* dekat Alor Pongsu yang jarak antara satu sama lain lima kilometer sahaja. Akan tetapi di negeri Perak, penghuni-penghuni Kampar sudah sekian lama memohon supaya satu *interchange* dibina untuk Bandar Kampar yang mempunyai sebuah universiti iaitu UTAR dan *interchange* yang terdekat ialah berpuluh-puluh kilometer.

Jadi kadang-kadang kita tertanya-tanya. Kalau boleh, bagi penjelasan apakah polisi ataupun adakah kerajaan menetapkan berapa kilometer setiap tempat ataupun selagi ada pekan-pekan, pihak lebuhraya ini, pengusaha ini mesti mengadakan satu *interchange*, dengan izin. Boleh dapat satu penjelasan?

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Okey Yang Berhormat, tadi saya menyentuh mengenai perjanjian konsesi ya. Yang Berhormat cetuskan ini merupakan kes yang agak spesifik. Jadi saya memerlukan notis untuk menjawab secara bertulis ataupun selepas ini sekiranya ada kesempatan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ini perkara baru, boleh secara bertulis.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Ya, saya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Ahli Yang Berhormat dari Jerlun dan Sepang telah membangkitkan mengenai isu berkaitan perjanjian konsesi dan aspek penambahbaikan yang terlibat.

Untuk makluman, pembinaan lebuhraya menerusi inisiatif pihak swasta ini sebenarnya akan membolehkan lebih banyak infrastruktur lebuhraya dapat dibina dalam tempoh masa yang lebih singkat tanpa melibatkan peruntukan kerajaan. Ini bermakna peruntukan pembangunan kerajaan boleh digunakan untuk membina lebih banyak kemudahan sosial dan infrastruktur awam yang lain. Rasional penswastan lebuhraya bertol ini ialah bagi memberi kemudahan alternatif kepada pengguna berasaskan kepada konsep *user principal*, dengan izin, di mana pengguna akan memperoleh manfaat daripada perkhidmatan yang dibayar untuk perjalanan yang lebih selesa dan selamat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prinsip penswastan lebuhraya bertol di negara ini berkait rapat dengan agihan risiko yang bakal ditanggung oleh kerajaan dan juga pihak pembida konsesi. Sehubungan itu, bagi memastikan kepentingan kerajaan dan orang ramai sentiasa terpelihara, kerajaan telah menambah baik klausa-klausa dalam perjanjian konsesi lebuhraya yang terkini. Sebagai contoh, kenaikan kadar tol tidak lagi dibuat secara automatik, sebaliknya tertakluk kepada persetujuan kerajaan di mana kenaikan kadar tol perlu melalui proses saringan tertentu seperti audit ke atas pendapatan ataupun *revenue* dan jumlah trafik sebenar berbanding unjuran.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: [Bangun]

■1440

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kulai bangun. Boleh?... Ya, sila.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan saya tentang perjanjian konsesi. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut bahawa kalau kita hendak mendedahkan perjanjian konsesi ini perlulah dapat itu kebenaran daripada dua-dua pihak.

Jadi, saya hendak tanya tentang perjanjian untuk Lebuhraya EDL ini, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bermaksud bahawa syarikat konsesi iaitu MRCB ini, mereka tidak, mereka enggan untuk mendedahkan perjanjian di antara MRCB dan juga kerajaan. Kalau tidak, kenapa kerajaan ada apa-apa kesulitan untuk mendedahkan perjanjian untuk EDL itu? Itu soalan pertama.

Soalan kedua adalah tentang perjanjian konsesi yang letak di dalam perpustakaan Kementerian Kerja Raya. Saya rasa kalau sudah boleh letak di sana, orang ramai pun bolehlah pergi ke perpustakaan untuk merujuk perjanjian tersebut. Boleh tak kita buat satu *stage* lagi? Kita *upload* kan perjanjian ini di dalam laman web supaya orang ramai tidak perlulah pergi ke Perpustakaan Kementerian Kerja Raya. Di rumah kita pun boleh akses kepada perjanjian tersebut.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Kulai ya. Menyentuh dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kulai, dalam soal ini, kita tidak boleh menggunakan *general statement*, dengan izin, untuk menyatakan mengenai sesuatu perjanjian atau konsesi yang melibatkan konsesi yang tertentu Yang Berhormat. Saya tidak katakan bahawa ini EDL ataupun kerajaan mempunyai sebab tertentu mengapa perjanjian ini tidak didedahkan dan sebagainya. Ada syarikat konsesi memilih untuk mendedahkan syarat-syarat ataupun terma-terma dan itu antara yang saya nyatakan tadi telah boleh diperolehi di Perpustakaan Kementerian Kerja Raya sendiri.

Orang ramai, maksudnya orang ramai boleh mendapatkan akses Yang Berhormat. Kita tidak menghalang, malah sekiranya Yang Berhormat dengan rakan-rakan yang lain ingin pergi ke kementerian, kita alu-alukan Yang Berhormat. Tidak ada masalah dan tidak ada perkara-perkara yang kita ingin sembunyikan daripada Yang Berhormat, sekiranya saya sentuh sekali lagi terdapat persetujuan di antara kedua-dua pihak, Yang Berhormat. Ini menyentuh mengenai *confidentiality* iaitu hak undang-undang, pihak konsesi dan juga pihak kerajaan.

Jadi untuk terma-terma ini didedahkan, perlu ada persetujuan kedua-dua pihak bagi kita melalui proses ini ya, Yang Berhormat. Soalan kedua tadi Yang Berhormat, kalau boleh saya minta Yang Berhormat boleh nyatakan sekali lagi, yang kedua.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut bahawa ada beberapa perjanjian konsesi yang letak di perpustakaan. Saya hanya ada satu cadangan. Saya cadangkan bahawa *upload*kan ke internet, laman web supaya macam penduduk-penduduk di Johor, di KK, Sabah dan Sarawak, mereka tidak perlu datang ke KL untuk merujuk perjanjian

konsesi itu. Boleh terus menggunakan laman web itu kerana saya rasa kerajaan sekarang pun hendak jadikan birokrasi kita menjadi lebih efisien bukan?

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Okey, terima kasih. Setakat ini informasi tersebut boleh diperoleh di peringkat kementerian. Kita tidak bercadang lagilah Yang Berhormat ya. Ini sekali lagi saya sentuh bagi menghormati hak undang-undang pihak konsesi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya teruskan dengan jawapan iaitu di samping itu beberapa klausa baru juga telah dimasukkan di dalam perjanjian konsesi terkini seperti penetapan *level of service* dan *exit clause*. Klausa *level of service* menetapkan bahawa tahap perkhidmatan lebuhraya perlu dipertingkatkan selaras dengan peningkatan jumlah bilangan trafik. Ini termasuklah penambahan bilangan lorong lebuhraya apabila trafik telah mencapai tahap kapasiti tertentu sebagaimana dalam perjanjian konsesi.

Manakala *exit clause* pula menetapkan bahawa tempoh konsesi lebuhraya akan ditamatkan lebih awal berbanding tempoh sebenar jika syarikat konsesi telah mencapai kadar pulangan dalaman ataupun *internal rate of return* (IRR) dengan izin, dengan lebih awal dalam erti kata yang lain, *early termination*, dengan izin.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kulai telah membangkitkan mengenai isu penggunaan ataupun pengenaan Tol Lebuhraya Lingkaran Penyuraian Timur atau *Eastern Dispersal Link* (EDL) Johor Bahru. Kerajaan sememangnya mengambil perhatian serius Yang Berhormat, mengenai kos yang terpaksa ditanggung oleh warga Johor Bahru yang berulang-alik ke Singapura dan sebaliknya.

Sehubungan itu kerajaan sedang mengkaji opsyen-opsyen lain dengan izin, yang mungkin boleh dipertimbangkan bagi mengurangkan beban yang ditanggung oleh pengguna terlibat. Ini termasuklah cadangan untuk menambah baik aspek pengangkutan awam di Tambak Johor. Kajian terperinci mengenai perkara ini sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pengangkutan.

Tuan Pengerusi, mengenai kadar tol dan hubung kaitnya dengan kos pembinaan lebuhraya pula. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kulai, secara amnya penentuan kadar tol dibuat berasaskan kepada faktor-faktor antara lain seperti kos pembinaan, kos operasi dan penyelenggaraan, bayaran balik pinjaman, tempoh konsesi, jangkaan aliran trafik dan kadar pulangan dalaman (IRR). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara puratanya kebanyakan syarikat konsesi membelanjakan 90% kutipan tol untuk tujuan operasi, penyelenggaraan dan bayaran balik pinjaman.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jasin bangun.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Izinkan saya untuk habiskan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Manakala hanya sekitar 10% sahaja daripada hasil kutipan tol yang diperolehi oleh syarikat konsesi akan diagihkan kepada para pemegang saham sebagai pulangan daripada pelaburan mereka. Silakan Yang Berhormat Jasin.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan, membangkitkan tentang aliran bilangan trafik yang serius. Jadi, Melaka sebagai sebuah negeri pelancongan yang paling terunggul sekali menghadapi masalah kesesakan trafik yang cukup serius terutama apabila hujung minggu dan semasa hari perayaan. Melaka telah pun memberikan cadangan kepada pihak kementerian supaya diwujudkan *inner ring road*, bukan sahaja kita dapat menyelesaikan masalah kesesakan, bahkan *inner ring road* ini boleh menampung dalam apa jua jumlah trafik. Dalam masa yang sama memberikan peluang kepada pelancong-pelancong untuk terus dapat melihat keindahan negeri Melaka.

Jadi saya hendak lihat, saya hendak dengar daripada Yang Berhormat Menteri, setakat manakah *proposal* yang telah dibuat oleh kerajaan negeri ini dipertimbangkan oleh pihak kementerian? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Sekali lagi ini merupakan perkara yang baru. Izinkan saya untuk menjawab secara bertulis.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Yang Berhormat Menteri...

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Jerlun...

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Jerlun, mencelah sedikit. Semalam saya telah membangkitkan tajuk pampasan tol RM458 juta. Saya minta disebut lebuh raya yang terlibat dan juga trafik fokus. Saya juga telah mencadangkan pengguna lebuh raya yang terlibat hendaklah dihebahkan. Contohnya, pengguna lebuh raya katalah AKLEH, telah *disubsidize* oleh kerajaan dua sen sekilometer, contoh, *because* mereka *enjoy* bayaran pampasan. Oleh sebab hari ini seperti yang kita sedia maklum, masa kita hendak buat lebuh raya, orang tak bising, orang seronok, orang tepuk tangan, bangga, seronok apa semua. Akan tetapi bila di *revise* harga tol, semua orang bising terutama sekali pihak pembangkang. Jadi saya minta supaya LLM, syarikat konsesi boleh tulis di belakang resit itu, "*Tuan telah disubsidize dua sen atau tiga sen per kilometer kerana menggunakan lebuh raya ini melalui bayaran pampasan oleh Kerajaan Persekutuan.*" Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Jerlun di atas cadangan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Jerlun, tadi saya telah umumkan mengenai lebuh raya-lebuh raya, sebanyak 20 semuanya. Saya akan juga bekalkan Yang Berhormat dengan jawapan bertulis mengenai fokus trafik dan seterusnya kos. Yang Berhormat yang telah mencadangkan satu cadangan yang cukup baik. Akan dipertimbangkan, pihak LLM ada di belakang. *Insyaa-Allah* kita akan pertimbangkan sewajarnya cadangan Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, sekejap ya, sedikit sahaja penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ada dua yang bangun. Yang mana satu? Yang Berhormat Bayan Baru?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Beruas.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Yang Berhormat Bayan Baru selepas itu Yang Berhormat Beruas ya. Okey.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan cadangan daripada Yang Berhormat Jerlun kata kena tulis terima kasih kepada kerajaan kerana *subsidize toll*. Akan tetapi masalahnya adalah kerajaan menggunakan duit daripada tabung penyelenggaraan jalan persekutuan untuk *subsidize tolls*.

■1450

Okey, ini adalah masalah yang sangat besar. Kenapa saya cakap macam itu? Kerana dalam Bajet tahun 2014, sebanyak RM1.07 bilion diperuntukkan untuk penyelenggaraan jalan persekutuan Sabah, Sarawak, Labuan dan juga Semenanjung Malaysia. *Total* RM1.07 bilion. Akan tetapi tahun hadapan tabung penyelenggaraan jalan persekutuan telah turun sebanyak 43% atau bersamaan dengan RM459 juta. Ke manakah RM459 juta itu pergi? Ia pergi ke bayaran pampasan tol iaitu sebanyak RM458 juta, lebih kurang RM459 juta.

Jadi, kita gunakan duit daripada tabung penyelenggaraan jalan persekutuan ke pampasan tol. Jadi, saya hairan kalau kita hendak *subsidize toll* tetapi pada hakikatnya jalan persekutuan akan jadi teruk. Lubang, lopak-lopak, penyelenggaraan semua tidak boleh jalan kerana sudah kurang duit, turun RM459 juta pergi ke syarikat-syarikat konsesi. Syarikat-syarikat konsesi ini semuanya syarikat-syarikat yang mencari keuntungan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bayan Baru, ini pencelahan, bukan ucapan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Saya minta kalau kementerian kalau hendak bayar pampasan tol, pergi ambil dari tempat lain, minta dari Kementerian Kewangan. Jangan guna dari Tabung Penyelenggaraan Jalan Persekutuan. Saya minta kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri terangkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Soalannya mudah, adakah benar uit penyelenggaraan jalan persekutuan digunakan untuk pampasan tol? Itu sahaja. Tidak sampai setengah minit.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Tidak benar Yang Berhormat. Sebenarnya bukan itu...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri tamat pukul 3.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: *Insyallah* Yang Berhormat. Cuma saya ingin menjelaskan. Akan tetapi saya hendak ucap terima kasih dahulu kepada Yang

Berhormat Bayan Baru kerana memahami persoalan ini. Inilah yang ingin saya katakan bahawa kerajaan kita mendengar denyutan nadi rakyat. Oleh sebab itulah apabila soal kenaikan tol ini telah digembar-gemburkan, dipolitikkan oleh sebahagian rakan-rakan Yang Berhormat. Pemikiran rakyat kita secara jelas termakan dengan isu ini. Sekiranya Yang Berhormat boleh memainkan peranan membantu kami di peringkat kerajaan ini menerangkan bahawa apabila kita terpaksa membayar pampasan, sudah tentu ini akan melibatkan jumlah yang besar. Akan tetapi ini dilakukan oleh kerajaan kerana memahami isu di bawah, di mana ada segelintir rakyat kita yang tidak mampu atau merasa bahawa terbeban dengan kenaikan harga tol ini. Jadi, sekiranya isu ini dapat dijelaskan dengan baik, saya yakin dan percaya kerajaan akan mengambil tindakan yang terbaik juga untuk kesejahteraan rakyat. *Insyaa-Allah.*

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [Bangun]

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: [Bangun]

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Saya ada beberapa isu yang perlu dijelaskan dan saya ada tujuh minit sahaja.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Satu *statement* sahaja, 30 saat. Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Jerlun mencadangkan bahawa dicatat dalam resit tol bahawa rakyat mesti berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana membayar pampasan kepada pengusaha lebuhraya. Sebenarnya, pada hemat saya yang lebih tepat, kerajaan mesti mohon maaf kepada rakyat kerana menggunakan wang rakyat untuk membayar pampasan kepada pengusaha lebuhraya kerana perjanjian-perjanjian yang berat sebelah telah ditandatangani oleh kerajaan.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Saya rasa kerajaan tidak perlu meminta maaf kerana wang yang diijamatkan itu akan kembali kepada rakyat Yang Berhormat. Yang sepatutnya meminta maaf ialah Ahli Yang Berhormat kerana memutarbelitkan kenyataan dan memutarbelitkan situasi. Saya rasa yang paling sesuai memohon maaf adalah Ahli Yang Berhormat sendiri. Jadi Tuan Pengerusi, saya ingin...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Pengerusi, sedikit lagi...

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: ...Teruskan kerana saya tidak mempunyai masa dan ramai lagi rakan-rakan kita di sini yang menanti jawapan daripada saya sendiri.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sedikit sahaja, saya hendak bagi cadangan sedikit.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Saya hendak minta Tuan Pengerusi, sekiranya boleh?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Pengerusi, Bagan Serai. Sedikit sahaja 30 saat.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Ada beberapa isu lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tak perlu ada pencerahan.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Ini tentang kesesakan jalan raya terutama di tempat tol. Saya lihat perkhidmatan di jalan tol di mana semua orang guna, kita buka dua *lane*, tiga *lane* atau empat *lane*, kereta bertambah banyak dan kesesakan juga bertambah dan juga kadang-kadang menyebabkan kemalangan. Satu cadangan saya hendak bagi kepada kerajaan ialah dimestikan semua orang semua orang menggunakan SmartTAG kerana macam mana pun dia atas tol dia terpaksa membayar. Pergerakan akan menjadi perlahan dan kadang-kadang berlaku kemalangan. Jadi, penggunaan SmartTAG adalah cara lebih bijak, lebih baik supaya kerja berjalan dengan lebih lancar. Ini satu cadangan, terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat, perkara ini memang dilaksanakan di beberapa lebuhraya atau beberapa plaza tol kita. Terima kasih Yang Berhormat di atas cadangan yang dikemukakan. Saya teruskan dengan pengumuman ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kulai, isu bantahan penetapan tol Lebuhraya EDL telah dibawa ke mahkamah menerusi writ saman di Mahkamah Tinggi Johor Bahru, nombor 21 CVC 2408/2014. Oleh itu saya tidak beradang untuk mengulas secara lebih lanjut mengenai perkara ini. Ahli Yang Berhormat Kulai juga telah membangkitkan mengenai status pembinaan persimpangan bertingkat Sri Kembangan ke Lebuhraya MEX.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, persimpangan bertingkat tersebut akan memberi manfaat kepada penduduk di kawasan Sri Kembangan dan kawasan sekitarnya di mana ia akan dapat membantu kelancaran pergerakan trafik di kawasan berkenaan, khususnya di Jalan Putra Permai B16. Sehubungan itu, masalah kesesakan lalu lintas di kawasan Sri Kembangan dijangka akan berkurangan apabila projek membina persimpangan bertingkat baru yang menghubungkan kawasan tersebut dengan Lebuhraya MEX disiapkan pada akhir tahun 2015.

Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan telah membangkitkan mengenai status tempoh 12 bulan untuk syarikat konsesi KIDEX Sdn. Bhd. memenuhi syarat-syarat duluan atau *condition precedent* yang telah berakhir pada 14 November 2014 yang lalu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah meluluskan pemberian tempoh lanjutan masa selama tiga bulan lagi kepada syarikat konsesi untuk memenuhi *condition precedent*, dengan izin, iaitu sehingga 14 Februari 2014. Lanjutan tempoh memenuhi syarat-syarat duluan ini adakan selaras dengan peruntukan perjanjian konsesi KIDEX.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya Selatan juga telah membangkitkan isu dakwaan *conflict of interest* Yang Berbahagia Tan Sri Harinarayan Govindaswamy sebagai Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan juga Ahli Lembaga Pengarah syarikat KIDEX Sdn. Bhd. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Berbahagia Tan Sri Harinarayan Govindaswamy telah menjadi Ahli Lembaga Lebuhraya Malaysia dari 1997 hingga 2008.

Manakala, perjanjian konsesi untuk Lebuhraya KIDEX telah ditandatangani pada 15 November 2013.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kelulusan projek Lebuhraya KIDEX ini telah diperhalusi melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta di Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri dan bukannya di kementerian ini mahupun Lembaga Lebuhraya Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan mengenai isu status projek Lingkaran Luar Pulau Pinang atau PORR yang telah ditangguhkan sejak 2007. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini tidak akan dilaksanakan secara penswastaan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru...

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, tentang KIDEX itu.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Tuan Pengerusi, dengan izin?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ringkas sahaja.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Ringkas sahaja. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, kalau dalam tempoh tiga bulan ini KIDEX masih tidak boleh *submit* tentang laporan mereka dan juga tidak dapat mengadakan *Public Hearing* iaitu Pendengaran Awam. Maknanya, sekarang rata-ratanya semua warga Petaling Jaya memang bantah projek KIDEX ini. Kalau daripada keputusan *Public Hearing no*, adakah kerajaan akan memberi kebenaran untuk meluluskan KIDEX ini? Terima kasih.

■1500

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan yang telah membangkitkan persoalan ini dan juga membangkitkan persoalan tambahan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, memang benar, *public hearing* masih belum dilaksanakan oleh pihak MBPJ iaitu Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Dalam masa yang sama MBPJ, Yang Berhormat, telah melantik Tetuan MDS Consultant untuk menilai kajian trafik yang telah dibuat oleh perunding trafik KIDEX. Sehubungan dengan itu, pemanjangan tempoh selama tiga bulan ini sebenarnya wajar Yang Berhormat, dengan mengambil kira *the ongoing engagement*, dengan izin, yang sedang dilaksanakan oleh KIDEX.

Dalam masa yang sama, saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa Kumpulan *Say No To KIDEX* telah mengadakan pertemuan dengan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya pada 3 Julai yang lepas. Berdasarkan pertemuan tersebut, kumpulan tersebut telah atau pun perlu mengemukakan laporan mereka berhubung dengan bantahan pembinaan Lebuhraya KIDEX. Yang Berhormat katakan semua, jadi kita tidak boleh mengambil perkataan itu secara dasarnya. Jadi kita minta kumpulan ini untuk melakukan dan membuat laporan mereka mengenai bantahan berhubung dengan bantahan pembinaan KIDEX itu sendiri.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pada 3 November 2014, kumpulan tersebut telah memaklumkan bahawa laporan tersebut baru disiapkan dan bersedia untuk berbincang dengan pihak kementerian dan Lembaga Lebuhraya Malaysia. Oleh daripada itu, kementerian

merasakan pemanjangan tiga bulan tempoh ini perlu untuk kita meneliti laporan-laporan yang berkaitan, Yang Berhormat.

Selain daripada itu Yang Berhormat, saya ingin maklumkan juga walaupun *public hearing* belum dilakukan tetapi *engagement* dengan badan-badan termasuklah *residence association* telah banyak dilakukan. Izinkan saya mengambil contoh seperti Residence Association Melur, Mawar, Gugusan Dedap, Matahari di Taman Kelana Indah, di rumah pangsa. Banyak *engagement* yang dilakukan, untuk menerangkan mengenai KIDEX ini sendiri. Jangan kata kita tidak *engage* dan *engagement* itu berterusan dilakukan daripada Ogos hinggalah ke bulan November. Penjelasan juga telah dibuat kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia atau pun SUHAKAM pada 21 Julai dan 28 Oktober serta syarikat-syarikat yang beroperasi di sepanjang jajaran termasuklah syarikat Access REIT, CIMB, Digital Mall, Natural Wellness, Dutch Lady, British American Tobacco dan banyak lagi Yang Berhormat. Kalau saya hendak sebutkan di sini mungkin kita tidak ada masa yang panjang.

Selain daripada itu Yang Berhormat, saya kira memandangkan ini merupakan apa yang telah menjadi hak lebuhraya, iaitu pemanjangan tempoh ini kita tunggu dan saya sudah jelaskan justifikasinya kenapa kita perlu memberikan tempoh ini kepada mereka.

Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk meneruskan. Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru memohon bilangan statistik kemalangan di tapak bina yang direkodkan oleh CIDB. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kemalangan di tapak bina adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan atau DOSH, Kementerian Sumber Manusia. Walau bagaimanapun berdasarkan rekod CIDB, terdapat 60 insiden kemalangan di tapak pembinaan yang dicatatkan bagi tempoh antara bulan Oktober 2012 hingga Oktober 2014. Daripada 60 insiden kemalangan tersebut, jumlah kematian ialah seramai 42 orang, iaitu 28 terdiri daripada pekerja asing dan bakinya adalah pekerja tempatan.

Bagi meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan di tapak pembinaan, pihak kementerian telah meminda Akta 520 Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan atau CIDB untuk meningkatkan kewajipan dan tanggungjawab kontraktor sama ada semasa atau selepas pembinaan. Pendaftaran *personnel* binaan yang mewajibkan mereka memiliki kad hijau yang sah juga dikuatkuasakan. Pelbagai kursus dan latihan berkenaan keselamatan juga dianjurkan untuk meningkatkan kesedaran, kefahaman dan pengetahuan, bukan sahaja pekerja binaan malahan pihak majikan. Projek-projek binaan juga digalakkan untuk menjalani penilaian keselamatan melalui *Safety & Health Assessment System in Construction* atau pun dengan izin, SHASSIC.

Selain daripada itu Tuan Pengerusi, kementerian juga telah menubuhkan jawatankuasa pakar yang dipengerusikan oleh Ketua Eksekutif CIDB bagi mengkaji penambahbaikan dalam industri pembinaan. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, syor daripada jawatankuasa pakar ini ataupun *expert panel* ini telah diluluskan oleh pihak Kabinet. Pada masa kini tindakan sedang diambil secara berperingkat-peringkat termasuklah menggubal akta yang berkaitan, seperti Akta CIDB, Akta Keselamatan dan sebagainya, sebagai sebahagian daripada usaha kita bagi meningkatkan aspek keselamatan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat daripada Bayan Baru juga minta penjelasan mengenai isu kemerosotan. Tak banyak lagi Tuan Pengerusi, tinggal dua *pages* sahaja. Kemerosotan bilangan kontraktor tempatan yang terlibat dengan pelaksanaan projek-projek di luar negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2013, 9 kontraktor telah mengendalikan kontrak-kontrak di luar negara bernilai USD624 juta.

Setakat Oktober 2014, hanya 3 kontraktor yang mengendalikan enam buah projek bernilai USD76 juta. Penurunan bilangan ini adalah disebabkan oleh kontraktor tempatan lebih berminat menyertai projek-projek dalam negara yang bertambah rancak menerusi pelaksanaan pelbagai projek di bawah program ekonomi, seperti Program Transformasi Ekonomi (ETP), Perkongsian Awam Swasta (PPP) dan Pembangunan Koridor Ekonomi Wilayah.

Ahli Yang Berhormat dari Limbang telah membangkitkan tentang pusat latihan JKR yang baru. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pusat latihan JKR sedang di peringkat pembinaan. Kerja-kerja sedang berjalan di tapak sebanyak 12%. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini boleh menampung seramai 650 peserta kursus dalam satu-satu masa dan disediakan 450 bilik asrama bagi pegawai yang berkursus. Pusat ini akan siap pada 29 Ogos 2016 dan boleh menampung semua peserta teknikal di seluruh Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Setiu membangkitkan mengenai isu keselamatan reka bentuk koridor sekolah berikutan terdapat kes kemalangan melibatkan pelajar, khususnya murid sekolah rendah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak JKR telah mereka bentuk koridor sekolah dengan *handrail* ketinggian 1,200 milimeter berbanding 900 milimeter mengikut keperluan *Uniform Building By Law* atau UBBL. Kes ini adalah terpencil dan jarang berlaku.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani membangkitkan isu mengenai penyelenggaraan kuarters guru. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua kuarters guru adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan. Kementerian akan menyalurkan peruntukan kepada JKR untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan juga yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan. JKR melaksanakan kerja-kerja berdasarkan arahan kerja daripada kementerian tersebut.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah, Yang Berhormat Bayan Baru.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Menguji- maaf, kita boleh minum kopi selepas ini Yang Berhormat. Saya akan cuba untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan. Peperiksaan profesional arkitek menguji tahap kesediaan. Ini adalah untuk menjawab isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit mengenai arkitek *senior* di JKR yang tidak mendapat pengiktirafan sebagai arkitek profesional.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat daripada Parit, peperiksaan profesional arkitek menguji tahap kesediaan seseorang arkitek dalam menjalankan tugasnya. Ini kerana apabila

lulus peperiksaan tersebut, beliau layak berdaftar sebagai arkitek profesional dan dengan itu mempunyai kuasa untuk mengesahkan tahap integriti dari segi keselamatan dan kesihatan bangunan-bangunan yang dibina di Malaysia. Ini adalah bagi melindungi kepentingan awam. Dengan itu semua arkitek termasuk mereka di JKR perlu mematuhi syarat di atas kerana pendaftaran dengan Lembaga Arkitek Malaysia tidak melihat lama atau di mana mereka bertugas sebagai syarat untuk menjadi arkitek profesional.

■1510

Tuan Pengerusi, setakat ini sahajalah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang perbahasan. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Kerja Raya. Kementerian ini akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Mana-mana pertanyaan yang tidak sempat dijawab akan diambil perhatian dan tindakan susulan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Menteri. Barulah tersenyum Menteri dan Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Tenggara pun tersenyum ceria hari ini.

Baiklah Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM2,112,630,000 untuk Maksud B.27 di bawah Kementerian Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM2,112,630,000 untuk Maksud B.27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM3,838,177,500 untuk Maksud P.27 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2015 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM3,838,177,500 untuk Maksud P.27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2015]

**Maksud B.60 [Jadual] –
Maksud P.60 [Anggaran Pembangunan 2015] -**

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kementerian Pertahanan. Kepala Bekalan B.60 dan Kepala Pembangunan P.60 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk bahas. Ya Yang Berhormat Pokok Sena- 10 minit ya Yang Berhormat Pokok Sena.

3.12 ptg.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin menyentuh B.60, pertama Butiran 010000 - Pentadbiran Pertahanan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan tentang kedudukan Panglima Angkatan Tentera yang sudah pun mencapai usia 60 tahun tetapi saya difahamkan telah pun dilanjutkan dan disambung tugasnya untuk selama tempoh dua tahun. Jadi apa keistimewaan yang ada pada diri dia itu sehingga membawa kepada pihak kerajaan bersetuju untuk menyambung tugas beliau itu selama dua tahun lagi?

Oleh sebab kalau saya lihat daripada apa yang berlaku dalam operasi di Lahad Datu saya tidak nampak di mana keistimewaan dan kehebatan beliau sebagai Panglima Angkatan Tentera di mana dalam menghadapi penceroboh dalam lingkungan 200 orang kita kerahkan batalion kita dengan kereta perisai, kereta kebal dan sebagainya. Akan tetapi tidak menunjukkan satu kebolehan dan kecakapan beliau sebagai orang yang teratas dalam menyusun dan mengatur strategi yang baik untuk keselamatan dan pertahanan negara kita. Jadi saya hendak dapatkan penjelasan apa keistimewaan, kelebihan dan kehebatan yang ada pada beliau itu sehingga kerajaan menyambung beliau untuk selama dua tahun lagi?

Kemudian saya juga hendak dapat penjelasan berapa kos ubah suai rumah kediaman rasmi beliau di Jalan Belami di belakang Istana dan berapa jumlah? Walaupun itu rumah kediaman rasmi, siapa yang jadi panglima akan duduk di situ tetapi apa keperluan untuk hendak ubahsuai sampai begitu besar dan hendak tahu juga berapa kos sebenar pengubahsuaian itu? Apa keperluan ubah suai yang telah pun dibuat dan dilakukan dan daripada peruntukan mana yang digunakan daripada akaun Kementerian Pertahanan?

Juga saya hendak dapatkan penjelasan, berapa ramai anggota tentera yang duduk bertugas di situ keluar-masuk dan sebagainya? Saya difahamkan agak begitu ramai yang saya kira tidak sepadan kita hendak jaga hanya satu keluarga, walaupun penting sebagai seorang panglima dan sebagainya tetapi saya hendak dapatkan penjelasan yang lebih jelas.

Kedua, saya hendak sentuh Butiran 030000 - Pertahanan Darat. Saya hendak dapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan tempat Kompleks Tujuh Briged Kem Skudai Johor. Saya bertanya dalam soalan 8 Oktober yang lalu bila tarikh siap projek tersebut? Dijawab kepada saya projek itu telah dibatalkan kerana kegagalan pihak syarikat pemaju untuk menyiapkannya. Penamatan perjanjian penswastaaan telah dikeluarkan pada 11 April 2011.

Jadi isunya ialah, berapa kerugian yang terpaksa kita tanggung akibat daripada pembatalan projek ini? Saya fikir bahawa saya sudah membangkitkan perkara ini dahulu lagi dan berasaskan kepada laporan yang dibuat di dalam PAC, dalam Jawatankuasa Kira-kira Kewangan Negara tentang kegagalan projek tersebut yang memakan masa yang begitu lama dan perjanjian yang berteraskan kepada *land swap* iaitu ganti tanah dan sebagainya.

Saya difahamkan bahawa syarikat itu telah pun menggadaikan tanah yang diperoleh oleh beliau itu daripada kem-kem yang lain termasuk kalau tidak silap saya Kem Majidi telah digadaikan kepada *Malaysia Building Society*. Walaupun asalnya tidak boleh tetapi oleh sebab

Kementerian Kewangan memberikan pengesahan dan perakuan bahawa itu diiktiraf sebagai institusi kewangan, maka digadaikan.

Jadi saya hendak minta penjelasan, bagaimana status gadaian tersebut? Adakah penggadaian tersebut terus- dia gadai, dia dapat duit kalau tidak silap saya RM400 juta ke RM500 juta syarikat ini telah dapat daripada gadaian ini. Jadi apa tindakan? Satu, bagaimana tanah tersebut? Adakah sudah dapat balik kepada kerajaan? Bagaimana, dan apakah tindakan untuk kita mendapat balik segala kerugian-kerugian yang terpaksa kita tanggung dan tindakan terhadap syarikat tersebut?

Akhir sekali Tuan Pengerusi, Butiran 040000 - Pertahanan Maritim iaitu berkaitan dengan tentera laut ini. Saya hendak dapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan tentang pembinaan kapal latihan TLDM Gagah Samudera dan juga Teguh Samudera. Gagah Samudera ini telah pun dirasmikan oleh isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang ini, pada 14 Disember 2012.

Teguh Samudera dirasmikan oleh Tun Dr. Siti Hasmah pada 27 Februari 2013 di Limbungan NGV Tech Sendirian Berhad di Sijangkang. Kapal latihan ini saya difahamkan sepanjang 75.9 meter yang direka bentuk dengan kerjasama NGV Tech dengan *Daewoo Shipbuilding and Marine Engineering* daripada Korea Selatan.

Ini adalah kapal latihan pertama TLDM yang bersaiz frigat dan mampu memberikan latihan lanjutan yang lebih efektif. Saya difahamkan juga, sepatutnya Gagah Samudera diserahkan kepada TLDM pada Mei 2013 di Lumut. Jadi kontrak asalnya bernilai RM296 juta untuk kedua-dua kapal, dan bagi setiap satu RM1,148 juta. Difahamkan kedua-dua kapal itu masih belum diserahkan kepada TLDM. Kita tidak boleh memanfaatkan kapal-kapal tersebut.

Saya difahamkan juga bahawa NGV Tech ini juga mengalami masalah kewangan sehingga tidak mampu. Ini yang menyebabkan ia tidak mampu untuk menyiapkan kapal tersebut dan difahamkan pembiaya utama untuk projek ini Maybank sedang dalam proses memungut kembali pinjaman dan menyebabkan kapal itu, saya difahamkan bahawa Maybank macam hendak pegang, hendak tahan kapal ini sebab peminjam ini tidak boleh membayar, NGV ini tidak boleh membayar.

Jadi, saya hendak minta penjelasan apakah status kapal ini? Apakah status NGV Tech sekarang ini? Adakah kerajaan iaitu Kementerian Pertahanan melalui TLDM sedang dalam proses mengeluarkan tender baru untuk syarikat lain bagi menyiapkan kapal ini? Berapakah kos pertambahan keseluruhan yang terpaksa ditanggung oleh pihak kerajaan?

■1520

Saya ucapkan terima kasih kalau saya tidak ada dalam penggulungan nanti saya minta maaf kerana saya ada hal, boleh jawab secara bertulis kepada saya tetapi seeloknya jawab secara yang lebih terang kerana orang lain pun hendak tahu kerana ini isu yang sangat besar. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih. Yang Berhormat Bagan Serai.

3.20 ptg

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada B.60 butiran yang akan disentuh ialah 090500 - Penyelenggaraan dan Kelengkapan Pertahanan Ruang Udara di mana anggaran yang diperuntukkan bagi tahun hadapan adalah sebanyak RM36.4 juta berbanding tiada peruntukan yang diberikan pada tahun lepas.

Meskipun ianya bersifat *one-off* akan tetapi berhubung dengan beberapa kes yang melibatkan keselamatan ruang udara dalam negara, ianya dititikberatkan oleh kementerian. Kerajaan memandang serius berhubung dengan kes-kes yang berlaku melibatkan ruang udara Malaysia.

Tuan Pengerusi, Tentera Udara Diraja Malaysia ditubuhkan pada 1998 sebagai Tentera Udara Persekutuan Malaya, tetapi sejarahnya boleh dikesan jauh lebih awal dengan penubuhan Tentera Udara Sukarelawan Malaya ataupun *Malayan Auxiliary Air Force*, dengan izin, sebagai cabang Tentera Udara Diraja Britain pada masa penjajahan British. Apabila Persekutuan Malaysia ditubuhkan dalam bulan September 1963 nama pasukan ini telah berubah menjadi Tentera Udara Diraja Malaysia.

Sistem Pertahanan Udara Malaysia dikritik hebat oleh media-media luar berhubung dengan kes kehilangan kapal terbang MH370 milik MAS yang ketika itu dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke Beijing, China pada Mac yang lalu. Pelbagai spekulasi serta kritikan yang diberikan kerana pertahanan negara sebagai contohnya radar Malaysia dikatakan tidak dapat mengenal pasti keberadaan kapal terbang ketika itu meskipun ianya dikatakan masih berlegar di ruang udara kita.

Misteri kehilangan ini telah menimbulkan pelbagai spekulasi dan beberapa buah negara telah menghulurkan tangan dalam membantu negara di dalam misi *search and rescue*, dengan izin, yang telah dijalankan. Pada mulanya misi pencarian ini bermula di Laut China Selatan dan akhirnya berpatah balik melalui ruang udara Malaysia ke Lautan Hindi dan usaha sama ini harus dipuji kerana menggambarkan persahabatan yang erat dijalankan dengan negara-negara yang berkenaan. Meskipun begitu, negara tidak lagi boleh bergantung sepenuhnya kepada negara luar jika kes-kes seperti ini berlaku pada kemudian hari kelak.

Saya ingin mohon kepada kementerian, menyatakan aset dan peralatan yang sedia ada bagi menjaga keselamatan ruang udara Malaysia dan adakah peralatan ini diselenggarakan mengikut ketetapan waktu yang telah ditetapkan dan sejauh manakah peralatan yang sedia ada ini mampu mengawal ruang udara ini kerana kehebatan teknologi pada masa ini boleh mengubah segala-galanya.

Jadi secara keseluruhannya, usaha yang dilakukan oleh kerajaan harus diberikan pujian kerana di saat-saat berlakunya tragedi seperti ini, yang diuji keupayaan Kerajaan Malaysia menjana sokongan antarabangsa untuk misi mencari dan menyelamatkan. Sokongan antarabangsa

sedemikian tidak mungkin diperoleh tanpa wujudnya kedudukan mantap urusan diplomasi Malaysia.

Peristiwa ini menggambarkan juga sedikit kelemahan pertahanan kerana pihak tentera dikatakan telah dapat mengesan MH370 mengubah arah haluan penerbangannya tetapi tidak mengambil sebarang tindakan yang positif. Masih ada ruang dan peluang untuk penambahbaikan tahap keselamatan ruang udara Malaysia walau apa pun usaha-usaha yang telah dijalankan harus diberi pujian. Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lumut.

3.24 ptg.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Membincangkan atau membahaskan Kementerian Pertahanan di bawah B.60, P.60 Kementerian Pertahanan diperuntukkan sebanyak RM17.7 bilion pada tahun 2015 berbanding RM16 bilion pada tahun ini. Dalam hal ini saya ingin merujuk kepada butiran 020000 iaitu Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak RM6.5 bilion diperuntukkan. Saya harap kementerian akan dapat mengurus peruntukan sebanyak ini dengan baik agar mampu membawa kesediaan operasi aset-aset ATM ke tahap lebih 90% yang berada di dalam kesiagaan. Seterusnya mampu mempertingkatkan tahap keselamatan sempadan negara khususnya di Pantai Timur Sabah bersempadan dengan Filipina.

Rakyat tidak mahu lagi bertoleransi dengan kejadian sebarang insiden penculikan. Cukuplah dengan kejadian dua penculikan sebelum ini. Justeru itu saya harap Angkatan Tentera Malaysia akan memantapkan operasi mengawasi kawasan tersebut dengan lebih serius supaya tidak berlaku kebolsan pengganas dari Filipina dan pencerobohan dapat dibendung. Kita lihat setakat ini tiada kelihatan peningkatan operasi dilaksanakan. Justeru itu, kita ingin tahu apakah perancangan Angkatan Tentera Malaysia.

Tuan Pengerusi, kembali kepada peruntukan yang diberi, saya ingin mengingatkan kementerian supaya mengawal perbelanjaan dengan rapi khususnya dalam aktiviti perolehan alat ganti luar kontrak yang mana ia mudah di manipulasi harganya hingga berlipat ganda seperti kes perolehan magnetron yang saya bangkitkan semasa di peringkat dasar yang lalu. Sesungguhnya mengikut penelitian saya, perolehan magnetron bukanlah perolehan kecemasan oleh kerana permohonan telah dibuat pada 26 Februari 2014 dan dibekalkan pada 14 Oktober 2014. Ini merupakan pembekalan biasa.

Tuan Pengerusi, bagi mengawal harga perolehan supaya menjadi lebih munasabah maka di sini saya cadangkan diwujudkan sel semak harga dalam organisasi perolehan alat ganti dalam organisasi-organisasi logistik Tentera Darat, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia. Oleh kerana semakan harga pada masa ini mudah diperoleh melalui *Google search* dan firma pembuat juga ada tersenarai. Ia mudah sahaja dilaksanakan. Jika ini dilakukan, saya yakin ketirisan melampau boleh dikurangkan.

Tuan Pengerusi, dalam kerja-kerja senggaraan aset pula, saya harap setiap aset Angkatan Tentera Malaysia dapat disempurnakan mengikut tarikh siap yang ditetapkan. Dalam pengalaman saya di dalam TLDM masa lalu, membuktikan kebanyakan kapal-kapal yang menjalani senggaraan sentiasa mengalami kelewatan tarikh siap. Saya harap kementerian dapat meminta *Bousted Naval Shipyard* supaya dapat meningkatkan keupayaan mereka dan TLDM pula mengubah dasar dan pendekatan selenggaraannya.

Lanjutan daripada itu kementerian diminta melaporkan berapa banyakkah aset-aset Tentera Darat, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia yang mengalami kelewatan tarikh siap senggaraan sepanjang tahun 2013 dan 2014 dan nyatakan sebab-sebabnya juga.

Tuan Pengerusi, dalam menangani aktiviti senggaraan ini juga dan bagi mengurangkan berlakunya ketirisan dan rasuah, saya ingin mencadangkan supaya kementerian menyediakan bilik pelanggan di aras bawah bagi tidak menggalakkan kontraktor atau pelanggan kementerian bertemu pegawai di pejabat mereka. Cara ini didapati diamalkan sendiri oleh Kementerian Kewangan. Tahniah saya ucapkan kepada Kementerian Kewangan.

Tuan Pengerusi, seterusnya dalam aspek latihan saya ingin mendapatkan penjelasan Kementerian Pertahanan, mengapa Tentera Darat perlu melakukan latihan menembak skuadron kereta perisai yang memerlukan membuat perjalanan jauh dari Sungai Petani ke Gemas dalam bulan Ramadan sedangkan keadaan keselamatan masa kini negara tidak terancam. Akibat daripada perjalanan jauh itu telah berlaku kemalangan yang mana menyebabkan dua anggota meninggal dunia dan dua anggota mengalami kecederaan. Diharap kejadian ini seharusnya diambil tanggungjawab oleh Panglima Angkatan Tentera yang baru yang telah disambung khidmatnya selama dua tahun kerana gagal merancang dengan teliti.

Tuan Pengerusi, dalam aspek operasi, saya minta kementerian tidak terus sibuk sangat dalam masalah kehilangan MH370 kerana yang pastinya ia tidak berada di Laut Hindi Selatan sebaliknya berilah penumpuan kepada aset Angkatan Tentera Malaysia sendiri. Tidakkah Menteri tahu bahawa operasi aset ATM dilaporkan menurun? Jika ini benar, sila laporkan kepada Dewan ini supaya tindakan susulan tertentu boleh dibuat oleh Ahli Dewan. Dewan mungkin ingin tahu berapa banyakkah kapal-kapal TLDM, pesawat-pesawat Tentera Udara dan kereta-kereta kebal Tentera Darat dan lain-lain aset ATM yang beroperasi penuh.

Tuan Pengerusi atau Datuk Pengerusi, menyentuh tentang operasi ini juga saya minta penjelasan daripada kementerian mengapa TLDM melayarkan bot CB90 dari Kota Kinabalu ke Pulau Layang-layang sehingga hampir karam ataupun hilang.

■1530

Mengapa bot ini tidak dihantar menggunakan kapal angkut kerana diketahui CB90 atau bot CB90 ini tidak mampu mengharungi laut yang bergelora dan jarak yang jauh. Nampaknya TLDM telah lupa kepada peristiwa karam dan hilangnya KD Sri Perak semasa dalam pelayaran ke Labuan pada tahun 1982.

Tuan Pengerusi, pada kesempatan ini saya pohon agar kementerian tumpukan juga kepada operasi mempertingkatkan keadaan infrastruktur kem-kem yang telah usang di seluruh negara. Sila maklumkanlah perancangan kementerian dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, izinkan saya di sini memaklumkan bahawa operasi fajar oleh TLDM di Teluk Aden telah berjaya menyelamatkan nyawa dan harta negara berbilion-bilion ringgit. Tahukah Tuan Pengerusi, pernah pada satu ketika warga TLDM dalam operasi ini menyelamatkan mangsa penculikan dengan menyerahkan sendiri wang tunai USD3 juta kepada penculik ataupun lanun Somalia dan sehingga dapat menyelamatkan orang yang diculik. Soalnya kini apakah pemberian ataupun imbuhan yang telah diberi oleh kerajaan kepada mereka? Dalam hal ini saya ingin mengesyorkan supaya mereka dihadiahkan dengan wang tunai RM100,000 seorang sebagai tanda penghargaan kerajaan atas pengorbanan mereka. Ini kerana semasa bertugas mereka telah berpisah dengan keluarga dan terpaksa berpuasa dan beraya di Laut Arab di Teluk Aden.

Begitu juga dengan warga ATM yang bertugas di barisan hadapan menjaga kedaulatan negara seperti di Pulau Layang-Layang, Terumbu Mantanani, Terumbu Siput, Terumbu Perahu, Pulau Jarak dan Pulau Perak dibayar dengan elaun RM100 sehari. Memandangkan susah, kepayahan dan kesusahan hidup yang mereka lalui ketika menjalankan tugas begitulah juga dengan anggota yang terlibat dalam Operasi Pantai Timur Sabah.

Tuan Pengerusi, menyentuh pengurusan sumber manusia. Kita minta kementerian dapat beri perhatian kepada warga lain-lain pangkat agar tidak membebankan mereka dengan tugas-tugas yang bertimpa-timpa akibat kaedah *multiskilling* yang diamalkan. Sedangkan elaun *trade* ataupun kepakaran mereka dibayar bagi satu *trade* sahaja. Dalam hal ini saya minta kementerian melihat perkara ini.

Kementerian juga dipohon, dicadangkan juga agar elaun Al-Hafiz warga KAGAT diperkenalkan sebagaimana lain-lain *trade* dalam kor seperti semboyan, jurutera elektrik dan jurutera *armor* dan lain-lain yang dibayar elaun.

Bagi warga veteran tidak berpencen pula saya harap supaya pemberian *one-off* RM500 diberi pada tahun 2015. Oleh kerana mereka lihat nelayan, petani, penoreh getah dan penanam kelapa sawit mendapat layanan istimewa daripada kerajaan dengan dibayar elaun setiap bulan. Mengapa mereka tidak?

Tuan Pengerusi, dalam hal lain saya ingin mendapatkan penjelasan bagaimana Jabatan Hal Ehwal Veteran kerugian RM12 juta kerana membayar pencen kepada orang yang telah meninggal dunia. Sedangkan orang yang pencen diterima, yang pencen pada abad ke-20 menerima pencen yang berbeza dengan orang yang pencen dan berpencen pada abad ke-21. Dalam hal ini kita mohon pihak kementerian berusaha untuk menyelaraskan perbezaan tersebut.

Tuan Pengerusi, merujuk Butiran 30000 sebanyak RM3.6 bilion diperuntukkan bagi bayaran projek-projek perolehan aset-aset Rancangan Malaysia Kesepuluh yang sedang berlangsung. Saya minta kementerian memberikan perincian bayaran-bayaran yang akan

dilakukan. Contohnya apa jadi kepada projek dua buah kapal latihan TLDM yang telah disebut oleh Yang Berhormat Pokok Sena. Memandangkan pembuatnya iaitu NGV Tech telah mengalami bankrap. Juga projek kereta berperisai oleh Deftech yang bernilai berbilion ringgit lebih daripada RM2 bilion sebanyak 257 buah. Apakah statusnya sama ada dia dibekalkan mengikut tempoh atau sebaliknya? Begitu juga dengan projek perolehan helikopter *Super Kruger* oleh Tentera Udara Diraja Malaysia. Apakah statusnya, sama ada semua helikopter tersebut telah dibekalkan atau sebaliknya?

Juga lain-lain projek yang dalam proses perolehan yang kebanyakannya mengalami kelewatan tidak seperti projek perolehan korvet daripada Jerman pada tahun 1982. Ia telah diserahkan pada waktu yang ditetapkan oleh kerana pada waktu itu ketua projek adalah diketuai oleh Mantan Panglima Tentera Laut Tan Sri Abu Bakar Jamal ataupun Kapten Bakar pada ketika itu. Seorang yang tegas dan tidak mampu dipengaruhi oleh pengurusan tertinggi limbungan apabila menghadapi masalah pembinaan kapal. Beliau tegas dan sentiasa bersama staf dalam semua keputusan staf beliau. Saya harap ia boleh dijadikan contoh demi kebaikan Kementerian Pertahanan dan Kerajaan Malaysia begitu juga rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Labuan.

3.35 ptg.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengetengahkan beberapa soalan dan cadangan untuk Butiran 080500 – Pertahanan Ruang Udara; Butiran 090500 – Penyelenggaraan dan Kelengkapan Pertahanan Ruang Udara; dan juga Butiran 006000 – Kelengkapan Tentera Udara.

Terima kasih saya ucapkan kepada Kementerian Pertahanan yang telah membuat keputusan untuk mengembalikan Skuadron Hawk ke Labuan bermula tahun 2015 ataupun telah bermula beberapa minggu yang lepas. Soalan saya adalah, berapa besarkah skuadron, setengah kah ataupun penuh yang akan dipindahkan ke Labuan? Tolong jelaskan ataupun berikan sedikit *detail* mengenai *economic impact* yang akan dimanfaatkan oleh Labuan disebabkan oleh keputusan itu.

Seperti yang kita sedia maklum untuk butiran tentera laut. Pangkalan tentera laut telah pun dipindahkan dari Labuan ke Sepanggar tetapi walau macam mana pun Labuan memiliki limbungan kapal ataupun sebuah limbungan kapal *Labuan Shipyard Engineering* yang terbesar sebenarnya yang ada di Malaysia Timur. Jadi soalan saya adalah bolehkah Kementerian Pertahanan melihat bahawa memberi peluang kepada Labuan Shipyard dengan memberi sebahagian daripada kerja-kerja *maintenance* ataupun pembuatan kapal adalah juga memastikan kelangsungan dan peningkatan dari segi keupayaan Labuan Shipyard yang sekali gus juga adalah sebahagian daripada pertahanan negara. Memandangkan ia adalah satu-satunya limbungan yang besar di Malaysia Timur.

Untuk tentera darat. Labuan sebagai *air force based* yang menyokong dari belakang ESSCOM yang mana masa ini kita sudah berdepan dengan cabaran ataupun ancaman yang lebih tinggi. Adakah patut untuk tentera darat juga mengisi kembali kawasan yang mempunyai aset-aset yang sedia ada tentera darat di Labuan untuk ditempatkan sekurang-kurangnya satu *company* di Labuan. Untuk memastikan aset-aset di Labuan akan terus terjaga sekiranya ada ancaman. Labuan sememangnya menjadi *target* apabila adanya ancaman seperti yang berlaku di Tando baru-baru ini. Sebenarnya di Labuan kita sedar dengan keadaan yang tegang, *Airport* Labuan terpaksa *diguard* semuanya. Akan tetapi kekuatan di darat, di Labuan adalah terlalu kecil.

Seterusnya mengenai sesuatu yang saya ingin katakan semasa di Kementerian Pelancongan tetapi tidak sempat dan ia juga ada kaitan dengan Kementerian Pertahanan. Di Labuan setiap tahun ada diadakan *Memorial Day* di mana di Labuan ada *Memorial Park* ataupun tanah perkuburan *World War 2* yang terbesar di Malaysia di mana setiap tahun akan datang dikunjungi oleh pegawai-pegawai tertinggi kedutaan dan juga tentera dari Australia, India, Bangladesh, Pakistan, British dan yang lain-lain.

■1540

Jadi, adakah Kementerian Pertahanan bersedia untuk membuatkan ianya satu *event* yang lebih besar dengan menjemput sebilangan tentera yang lebih besar dari Australia dan lain-lain yang berminat yang ingin meraikan dengan lebih besar seperti yang diadakan di Australia, *Anzac Day* dan sebagainya di mana ianya akan menyumbang kepada industri pelancongan di Labuan.

Terakhir ialah mengenai Butiran 060000. Di sini cuma Bekalan tetapi yang saya ingin perkatkan di sini adalah mengenai mengadakan Latihan Khidmat Negara di Labuan. Di Labuan, kita mempunyai sebuah pulau yang dilengkapi dengan infrastruktur yang cukup dengan dewan terbuka, tempat tinggal dan sebagainya yang tidak digunakan pada masa ini dan saya lihat ianya adalah amat sesuai untuk dijadikan sebagai Pusat Latihan Khidmat Negara di mana ianya adalah sebuah pulau yang berdekatan dengan Labuan. Cuma lima minit *boat ride* dan ianya akan menjadi satu-satunya Pusat Khidmat Negara yang berada di sebuah pulau yang kecil. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Nama yang dihantar tidak bangun ya. Yang Berhormat Kluang.

3.42 ptg.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh butiran mengenai pentadbiran pertahanan dan juga Latihan Khidmat Negara. Poin yang paling penting yang saya hendak bawa ialah kita perlukan satu dasar pertahanan masa abad ke-21 dan bukan masa perang dingin. Saya rasa kita belum terkeluar daripada kerangka dasar yang ditetapkan dalam kerangka perang dingin.

Apa yang saya hendak bawa ialah bahawa, satu, dari segi pentadbiran pertahanan, dasar pertahanan terbuka yang diumumkan pada tahun 2010, dalam dokumen tersebut dikatakan kajian semula dasar akan dilaksanakan dalam tempoh beberapa tahun dan akan diumumkan dan dimaklumkan kepada rakyat. Saya minta kementerian kalau boleh bawakan isu ataupun proses penggubalan dasar ini ke Parlimen dengan jawatankuasa pilihan atau pun sekurang-kurangnya memberikan *update* atau pun kertas-kertas Parlimen atau kertas putih Parlimen memaklumkan Parlimen, apa *follow up* atau tindakan susulan terhadap Dasar Pertahanan yang diumumkan pada tahun 2010.

Analisa ancaman sekarang memang bermasalah, saya rasa, memandangkan kita gagal menangani ancaman Sulu sejak awal. Saya minta kalau boleh kita dimaklumkan apa kerja atau *task* ataupun tugas yang dilaksanakan oleh perisikan pertahanan. Ada dikatakan bahawa perisikan pertahanan tumpukan politik dalaman dan bukan risikan luar dan saya rasa Ahli Parlimen perlu diberikan peluang untuk memahami bagaimana kerajaan ataupun bagaimana Kementerian Pertahanan terutamanya perisikan pertahanan mengendalikan isu-isu risikan.

Mengikut maklumat yang saya dapat, tentera darat menempatkan tiga *division* di Semenanjung tetapi hanya satu *division* di Sabah dan Sarawak. Malah, tiada skuadron pesawat tempur ditempatkan tetap di Sabah dan Sarawak. Apabila tragedi Lahad Datu berlaku, pihak keselamatan terpaksa mengatur gerak pasukan dari Semenanjung ke Sabah. Ini mencerminkan lagi gerak atur pertahanan yang masih tertinggal di era perang dingin dan kita memerlukan dasar baru di mana saya rasa kalau boleh, 50-50, di mana 50% Tentera Darat di Semenanjung dan 50% Tentera Darat di Sabah dan Sarawak.

Saya harap ini boleh dipertimbangkan dan ini dalam kerangka dasar pertahanan baru yang kita perlukan. Kita perlukan *risk assessment* ataupun penilaian risiko dan ancaman yang baru di mana ancaman bukan di darat tetapi di laut. Ancaman bukan di Semenanjung sahaja tetapi sebenarnya ancaman di Sabah dan Sarawak. Ancaman di Sabah dan Sarawak lebih penting dan mesti ditangani dengan lebih banyak *deployment* atau atur gerak di Sabah dan Sarawak.

Saya rasa tumpuan kita terhadap tentera darat yang mendapat sumber-sumber kewangan dua pertiga dalam bajet, dalam belanjawan dan tentera laut dan tentera udara tidak diberikan sumber-sumber yang diperlukan, saya rasa ini kena tukar. *Another 50-50* di mana kita sekurang-kurangnya mesti berikan 50% kepada tentera udara dan tentera laut bersama. Kalau boleh, tumpukan lebih banyak sumber-sumber terhadap Tentera Udara dan Tentera Laut kerana risiko dan ancaman sudah berubah. Risiko dan ancaman bukan lagi dari segi darat tetapi dari segi laut dan risiko ini risiko antarabangsa di mana kita sudah faham risiko di *South China Sea* memang memerlukan pendekatan yang baru.

Juga, ancaman di Sabah di mana ESSCOM ditubuhkan juga memerlukan pemikiran baru. Saya rasa ESSCOM telah ditubuhkan lebih daripada setahun. Pendekatan baru juga diperlukan. Saya minta Kementerian Pertahanan kalau boleh ulaslah, adakah pada pandangan Kementerian Pertahanan, adakah pendekatan lebih baik semua diletakkan di bawah

Kementerian Pertahanan dan pasukan-pasukan lain, *civilian* ataupun polis dikira sebagai pasukan bantuan? Juga kalau boleh, saya rasa ESSCOM lebih baik diletakkan di bawah Kementerian Pertahanan dan bukan di bawah JPM.

Kalau diletak di bawah JPM, tidak dapat, *there is no*, tiada seorang ataupun satu bahagian, satu kementerian atau satu pasukan yang tumpukan dan tanggungjawab- biasanya dalam situasi di mana tidak ada sesiapa yang mengambil tanggungjawab yang paling penting, maka ada bertindih, maka ada yang tidak mengambil tanggungjawab. Pandangan saya ialah kalau boleh, letakkan ESSCOM di bawah Kementerian Pertahanan dan jadikan polis dan bahagian-bahagian lain sebagai *supporting agency*. Saya harap cadangan ini boleh dapat sokongan daripada kawan-kawan daripada pihak sana.

Akhirnya saya hendak bincangkan tentang isu Latihan Khidmat Negara. Untuk Ahli-ahli Parlimen yang berada di sini, sebelum tahun 2008, sebenarnya ada satu Jawatankuasa Pilihan atau *Select Committee* berkenaan dengan Latihan Khidmat Negara. Akan tetapi, Jawatankuasa Pilihan itu tidak selesaikan tugas-tugas mereka dan pilihan raya 2008 diumumkan. Selepas itu, tidak ada satu *review* atau penilaian semula yang melibatkan Ahli-ahli Parlimen. Saya rasa sudah sampai masanya, sudah sepuluh tahun selepas Khidmat Negara dilancarkan dan kita perlukan satu *review*, satu penilaian semula di mana kita boleh diberikan peluang, Ahli-ahli Parlimen diberikan peluang untuk ada *hearing* supaya rakyat memberikan pandangan mereka, adakah kita akan teruskan Khidmat Negara dengan format ini ataupun adakah kita akan teruskan Khidmat Negara dengan format yang lain ataupun kita mansuhkan Khidmat Negara.

■1550

Saya rasa sekurang-kurangnya kementerian mesti bersedia untuk mendengar pandangan-pandangan rakyat dan bukan teruskan program ini tanpa mengambil kira pandangan-pandangan dari pelbagai pihak terutamanya dari Ahli-ahli Parlimen dan juga pandangan dari masyarakat luar sana. Dengan itu, saya ucapkan, terima kasih.

3.50 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya merakamkan ucapan terima kasih diberi kesempatan untuk bahas bersama Maksud Bekalan 60 – Kementerian Pertahanan; Butiran 010000 – Pentadbiran Pertahanan; dan Butiran 010200 iaitu Logistik.

Kita memang merupakan sebuah negara kecil tetapi mungkin kita mempunyai kemampuan untuk setanding dengan negara-negara luar yang lain di mana perbelanjaan untuk kelengkapan pertahanan adalah antara yang paling rendah di rantau ini. Untuk kita terus membeli kelengkapan alat perang berdasarkan kepada teknologi Barat semata-mata memang amatlah tinggi. Pembelian berterusan kelengkapan ini pada jangka masa panjang adalah amat merugikan dan oleh kerana kekangan perbelanjaan kita, kita tidak mungkin dapat membeli dengan banyaknya. Oleh itu kita tidak dapat, tidak perlu memajukan industri pertahanan negara

ini. Kita sebenarnya mempunyai kuasa pembelian yang besar, mempunyai *demand* ketenteraan yang amat besar. Indonesia, Thailand adalah antara dua kuasa yang besar di rantau ini.

Mungkin kita boleh usahakan pusat teknologi dan pembuatan alatan ketenteraan serantau bersama dengan negara-negara ASEAN yang lain. Masalah negara kita mungkin juga sama dengan masalah negara lain. Kalau kita negara-negara serantau boleh duduk semeja membincangkan apa yang boleh diusahakan bersama, ia adalah menjadi faktor yang sangat penting dan sangat baik. Saya mencadangkan Malaysia yang menjadi pencetus utama pelan rancangan ini. Permintaan ASEAN jika digabungkan secara kolektif ataupun ASEAN adalah amat besar. Ia akan memberikan satu kesan ekonomi skala besar yang akan hanya menurunkan kos kita antara kerjasama industri pembuatan pertahanan dapat dilakukan.

Pakar-pakar serantau boleh dikongsi bersama, unit *research and development* (R&D) boleh diperkuatkan bersama, dana-dana boleh dikumpulkan bersama. Dana-dana ini boleh diperkembangkan dengan cara *fund management* atau sebagai contoh di mana setiap anggota penyumbang sejumlah wang. Kita dan rakan-rakan serantau perlu lebih kreatif untuk memaksimumkan pulangan untuk negara-negara anggota. Berterusan membeli alatan-alatan tentera dalam satu jangka masa yang panjang bukanlah satu perkara yang baik. Sekiranya Malaysia mahu bergerak sendirian, kita akan tidak mampu bergerak laju kerana kekangan-kekangan yang kita ada. Kita perlu bergerak dan berusaha secara serantau, berkongsi pengalaman dengan dana-dana serantau ini.

Saya hendak pergi kepada Butiran 010100 – Pentadbiran dan Dasar Pertahanan. Antara kelebihan Malaysia sekiranya kita hendak bandingkan dengan negara-negara penduduk yang lain, sebenarnya Malaysia mempunyai kekuatan untuk membesarkan anggota tentera. Mungkin kita tidak boleh menandingi Thailand atau Indonesia dari segi anggota tentera tetapi kita masih boleh memaksimumkan bilangan anggota tentera kita. Saya meminta agar diadakan kajian *ratio* berapa banyak penduduk Malaysia kepada bilangan anggota tentera. Adakah *ratio* kita di Malaysia antara yang maksimum? Saya sebenarnya melihat kita mempunyai kelebihan untuk menambahkan lagi anggota tentera kita. Kebelakangan ini banyak gejala sosial dilakukan oleh anak muda. Daripada mereka ini seperti tidak mempunyai arah tuju, lebih baik kita mempromosikan dan menerapkan mereka ke anggota tentera. Kita perlu lebih agresif untuk melakukan promosi ini.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya hendak pergi kepada Butiran 060000 – Latihan Khidmat Negara; Butiran 060100 – Pengurusan; ataupun Butiran 060200 iaitu Latihan, digabungkan sekali. Mungkin apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kluang tadi boleh kita mengambil iktibar dan mengkaji semula iaitu Program Khidmat Negara yang dilaksanakan bertujuan bagi mencapai objektif seperti berikut:

- (i) meningkatkan semangat patriotisme di kalangan generasi muda;
- (ii) memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional;
- (iii) membentuk perwatakan positif melalui nilai-nilai murni;
- (iv) menyemarakkan semangat kesukarelaan; dan

- (v) melahirkan generasi muda yang lebih cergas, cerdas dan penuh keyakinan diri;

Berdasarkan kepada objektif yang ingin dicapai tersebut, persoalan di sini, adakah program ini mampu menerapkan nilai-nilai murni dalam jati diri masyarakat negara kita sebab pada masa ini kita melihat terutamanya di laman media sosial, ramai yang mengkritik dan menggunakan bahasa yang kesat terutamanya golongan muda dalam masyarakat di negara kita. Adakah Kementerian bercadang untuk mewajibkan semua golongan muda menyertai Kem Khidmat Negara ini sebab Kem Khidmat Negara ini mampu menanam semangat cintakan tanah air melalui modul-modul yang telah diterapkan dalam program ini, ianya secara tidak langsung dapat menjadi landasan kepada pembinaan jati diri.

Tambahan pula struktur Latihan Khidmat Negara ini, 20% latihan asas tentera meliputi aspek kepimpinan, ketahanan diri, keyakinan, pembinaan dan sebagainya. Sebanyak 40% pula melibatkan elemen kenegaraan yang meliputi sejarah negara dan sebagainya, 40% elemen khidmat masyarakat meliputi aktiviti keceriaan, pusat khidmat komuniti dan sebagainya. Aspek positif yang perlu dilihat dalam pelaksanaan Latihan Khidmat Negara ini adalah dalam suasana yang ceria, tidak menekan aktiviti pembelajaran dalam kelas, lebih bersifat riadah, dapat menggalakkan aktiviti yang sihat dan dapat memupuk perpaduan melalui percampuran kaum serta meluaskan pengetahuan negara melalui elemen sejarah dan sebagainya.

Saya memohon jasa baik daripada Kementerian Pertahanan ini supaya memperbanyakkan lagi tempat kem-kem latihan Pusat Khidmat Negara ini. Kita sebenarnya sebagaimana yang saya nyatakan tadi, kita banyak terdedah kepada banyak perkara. Khususnya seperti yang kita lihat di laman-laman sosial, kelihatan tidak lagi seperti dahulu, seperti kecintaan kepada negara. Hari ini sesuka hati mereka mengkritik, yang lebih membimbangkan kita dari segi kritikan-kritikan itu, kritikan yang tidak boleh membangun. Jadi kita sangat bimbang. Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Temerloh.

3.56 ptg.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan sedikit peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan rujukan saya ialah kepada Butiran 040400 – Operasi; di bawah Maksud Bekalan 60, Butiran 040000 – Pertahanan Maritim.

Kalau kita lihat kepada anggaran peruntukan yang telah dinyatakan di sini ialah sebanyak RM465 juta. Berkaitan dengan operasi pertahanan maritim, apa yang saya hendak timbulkan di sini ialah soal sejauh mana keberkesanan operasi pertahanan maritim ini apabila baru-baru ini kita telah memperoleh satu data yang menjelaskan tentang bagaimana terjejasnya keselamatan perairan negara kita. Terutamanya di Selat Melaka dan juga Laut China Selatan kerana

sekurang-kurangnya telah berlaku serangan dan juga rompakan kepada kapal komersial sehingga kadar kerugiannya telah mencecah jutaan Ringgit Malaysia.

Sebagai contoh, saya lihat kapal Jepun yang membawa muatan sebanyak RM5 juta diesel telah dirompak di perairan Pulau Ketam pada April 2014 yang lalu. Kemudian pada bulan Jun, kapal dagang MTAI Maru yang juga dirompak di kawasan Timur Laut Sedili, Johor. Sebulan yang lalu, rompakan pula berlaku yang melibatkan kapal kargo minyak *MT Oriental Daily* di perairan Laut China Selatan. Semua ini dipercayai adalah akibat daripada serangan dan ancaman lanun yang masih berleluasa di kawasan perairan negara kita. Jadi, isu keselamatan di perairan negara ini khususnya di Selat Melaka dan juga Laut China Selatan adalah merupakan satu yang sememangnya menjadi perhatian umum terutamanya di negara-negara serantau yang melibatkan Malaysia, Indonesia dan juga Singapura mahupun juga bagi peringkat dunia antarabangsa.

Jadi oleh kerana itu Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa Malaysia juga sebenarnya telah terlibat dengan kerjasama maritim tiga hala yang kita lihat melalui mekanisme TTEG dan juga mekanisme yang melibatkan kerjasama keanggotaan yang lebih besar yang melibatkan negara-negara pesisir pantai di negara kita ini. Melibatkan juga laluan industri perkapalan antarabangsa berdekatan dengan negara kita. Jadi oleh kerana itu, saya mahu melihat bagaimana Agensi Penguatkuasaan Maritim ini, Penguatkuasaan Maritim Malaysia sebagai contoh APMM, kemudian Tentera Laut Diraja Malaysia dan juga Polis Marin dan juga Pasukan Gerakan Marin (PGM).

■1600

Di mana saya merasakan bahawa agensi-agensi ini mestilah menunjukkan sejauh mana kekuatan ataupun kapasiti yang mereka miliki untuk membanteras kegiatan lanun yang berbahaya di perairan negara kita mutakhir ini kerana kita sangat bimbang berkait dengan kedaulatan negara.

Tuan Pengerusi, terutamanya apabila berlaku perubahan kerjasama kawalan keselamatan maritim yang melibatkan multilateral di negara kita ini. Sebagai contoh, penglibatan *International Maritime Organization* (IMO) pasca 11 September ini yang rata-rata pihak pengamat keselamatan dunia ini sedang membincangkan soal bagaimana penglibatan *International Maritime Organization* ini terhadap isu kedaulatan dalam negara kita.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa.]***

Apakah itu benar-benar menjadi satu kawalan keselamatan di negara kita, mengawal kedaulatan di negara kita ataupun dalam masa yang sama secara sedar atau tidak, ia telah menjadi pintu masuk kepada pihak luar, terutamanya ketenteraan daripada negara-negara lain, negara asing masuk ke negara kita dalam kerjasama IMO ini.

Jadi, Kerajaan Malaysia juga mestilah dalam masa yang sama saya minta di akhir ucapan ringkas ini, untuk memberikan penjelasan secara meyakinkan kita tahap keselamatan negara kita semasa di kawasan perairan. Sejauh manakah keberkesanan kerjasama maritim yang telah dilakukan itu dan sejauh mana sebenarnya telah berjaya mengekang penguasaan dan juga berleluasanya aktiviti-aktiviti lanun di perairan negara kita. Sekali lagi IMO tadi saya harap dapat diberikan satu gambaran yang jelas tentang bagaimanakah peranan sebenar IMO dalam membantu keselamatan kedaulatan negara kita. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Petani. Cari BN, BN tidak hendak bangun. Bekas [Ketawa] Ya, Yang Berhormat.

4.03 ptg.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak mulakan dengan Butiran 010000 – Pentadbiran Pertahanan; khususnya Butiran 010100 - Pentadbiran dan Dasar Pertahanan.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, baru-baru ini ada orang datang berjumpa dengan saya dengan satu *police report* dan agak mengejutkan dalam isu *police report* ini isu biasa sahaja. Isu langgar kereta tetapi apabila mereka pergi ke balai polis, salah seorang yang terlibat itu bernama Lai Xiao Sin dengan kad pengenalan Malaysia. Bila ditanya pekerjaan dia, dia mengatakan dia berkhidmat dengan tentera Singapura. Jadi, dalam *police report* ini dia mengatakan bahawa dia bekerja dengan tentera Singapura.

Jadi, saya hendak tanya kementerian, adakah kementerian sedar bahawa mungkin, sebab dia kata dalam laporan diberikan kepada saya, salah seorang pemandu ini mengatakan bahawa ramai kawannya yang masih lagi rakyat Malaysia kerana mereka juga memegang kad pengenalan Malaysia dan tidak *surrender* kad pengenalan dan kerakyatan dia tetapi ramai yang bertugas dengan Kementerian Pertahanan Singapura. Saya hendak tanya, adakah ini satu *isolated case* ataupun memang benar ramai rakyat Malaysia yang masih lagi memegang kerakyatan Malaysia tetapi menjadi tentera di Singapura.

Tuan Pengerusi, saya bimbang kita tidak tahu berapa jumlahnya. Kalau jumlahnya besar, ini satu yang boleh membawa ancaman kepada negara sebab rakyat Malaysia bertugas dalam tentera. Kalau dia kerja dengan kilang, dengan kilang perabotkah itu cerita lain tetapi apabila ia melibatkan ketenteraan ini satu yang amat serius. Jadi, saya minta satu siasatan. Saya tidak berhajat untuk memberikan *detail* di sini tapi *insya-Allah* saya akan berikan *detail* kepada Yang Berhormat Menteri sebentar lagi.

Yang keduanya Tuan Pengerusi, tentang Butiran 060000 – Latihan Khidmat Negara. Saya sering kali membangkitkan isu khidmat negara ini kerana kita telah belanja lebih daripada RM6 bilion Tuan Pengerusi. RM6,000 juta lebih semenjak kita mulakan latihan ini pada 16 Februari 2004. Satu jumlah yang besar sebenarnya dan saya hendak tahu adakah satu penyelidikan telah dibuat terhadap produk-produk kita ini. Adakah mereka ini benar-benar mencapai matlamat pembinaan sahsiah diri dan mengukuhkan semangat patriotisme. Satu

jumlah yang besar dilaburkan kepada remaja yang berumur dalam sekitar 18 tahun, lelaki dan perempuan ini. Saya nampak di kawasan saya, tidak tahu di kawasan lain, tidak memberikan kesan ataupun impak bukan sahaja kepada negara, kepada diri mereka pun.

Jadi, kalau betul-betul khidmat latihan negara ini hendak diteruskan, saya mencadangkan seperti yang juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kluang, harus ada satu *review*. Kalau betul-betul kita hendak teruskan, saya cadangkan kenapa tidak terus sahaja perkenalkan *National Service* kepada mereka. Maknanya, ini telah dilakukan oleh negara-negara lain termasuk di Singapura dan di Korea Selatan dan banyak lagi. Kalau betul-betul kita sayangkan anak muda kita yang berhadapan dengan masalah sosial sekarang ini. Anak-anak muda yang keluar daripada SPM, memang keadaannya huru-hara sekarang ini.

Baru-baru ini di Setapak, 20 orang anak muda yang hendak rompak satu *handphone*, bunuh kawan-kawan dia, campak dalam kolam, ini apa benda? Lebih baik anak muda ini kita hantar ke *National Service*. Biar mereka masuk tentera dua tahun. Kita ajar dia betul-betul, bukan sahaja akademik tetapi juga praktikal tentera. Paling tidak, kita habis duit, kita belanja duit, untuk *train* mereka tetapi yang pastinya kita dapat *reserve* yang baik. Mereka boleh masuk dalam *reserve* dalam angkatan tentera kita, mereka boleh menggunakan senjata dan yang lebih pentingnya lagi kita dapat memasukkan elemen disiplin dalam diri mereka.

Tuan Pengerusi, mana-mana manusia pun kalau dia muda 18 tahun dan dia kena masuk tentera, apatah lagi rekrut enam bulan, saya yakin dan percaya mereka akan mempunyai sifat yang berbeza. Maknanya, kalau dia masuk pada umur 18 tahun, dua tahun dia masuk ketenteraan, keluar umur 20 tahun. Jadi, dia telah pun melepasi zaman nakal, zaman umur remaja. Jadi, bila dia masuk ke umur 20, dia masuk ke alam pasaran ataupun dia melanjutkan pelajaran ke kolej dan universiti, maka kerajaan dan rakyat telah pun dapat menyelamatkan kedudukan di mana alam remaja yang selalu mengganggu mereka ini. Kadang-kadang kita tengok emak bapak tidak terkawal mereka ini oleh kerana dengan internet dan juga berbagai-bagai pendedahan yang ada pada mereka sekarang.

Jadi, saya memohon dan mencadangkan kepada kementerian untuk *review* balik sama ada modul yang kita ada sekarang ini dengan menghantar anak kita sekadar tiga bulan untuk latihan khidmat negara yang kita belanja begitu besar, adakah program ini berbaloi.

Yang akhir sekali Tuan Pengerusi ialah tentang Butiran 090000 - *One-Off*-. Saya mencadangkan supaya anggota-anggota tentera kita yang tidak berpencen ini, ada yang berhenti 18, tidak sempat pencen atas sebab-sebab tertentu. Betul kita sanggup menyatakan mereka ini berhenti kerana pilihan sendiri tetapi harus juga kita sedar walaupun pilihan mereka sendiri tetapi ada sebab-sebab lain yang tertentu yang menyebabkan mereka berhenti.

Jadi, saya mencadangkan agar kerajaan boleh meneruskan pemberian *one-off* ini seperti juga kita beri kepada nelayan sekarang dan kepada pihak-pihak yang lain. Ini kerana bekas-bekas tentera ini telah pun berkhidmat begitu lama, dengan penuh dedikasi. Oleh kerana tidak pencen tetapi saya rasa jasa mereka tidak harus kita lupakan. Harus ada satu bajet diberikan

mereka tiap-tiap tahun dalam bentuk *one-off*. Itu saya Tuan Pengerusi, terima kasih banyak-banyak.

■1610

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Stampin.

4.10 ptg.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 30000, 50000 serta 80000 dan 90000.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan dua perkara. Aspek yang pertama iaitu keperluan bagi kementerian dalam menyelenggarakan latihan tentera kita dalam menghadapi krisis nasional di mana dalam keadaan global sekarang, kemungkinan berlakunya bukan saja pada bila-bila masa bahkan dalam situasi di luar jangkaan kita. Tuan Pengerusi, dalam keadaan global sekarang, terutamanya selepas tragedi 9/11, dengan izin, serta tragedi global yang kemudiannya, kebanyakan negara sudah pun mengambil tindakan dalam menghadapi apa-apa juga krisis yang mungkin akan ditimpa negara tersebut.

Tuan Pengerusi, tragedi MH 370 adalah tragedi di mana ia menyedihkan kita semua. Saya ingin mengesahkan bahawa kita semua tidak kisah pihak sentiasa bersama dengan keluarga serta pekerja MH 370. Saya membangkitkan kes ini kerana ianya adalah kes di mana kita semua termasuk kementerian perlu mengambil berat serta perhatian yang secukupnya supaya tragedi sedemikian boleh dielakkan pada masa yang akan datang.

Perkara ini dibangkitkan kerana tragedi MH 370 berlaku pada zaman *post-9/11* dengan izin serta daripada aspek dunia aviasi serta Tentera Udara, kegagalan pihak ATC iaitu *Air Traffic Controller* serta Tentera Udara untuk bertindak dengan segera menunjukkan terdapat kegagalan bahkan bukan saja kegagalan tetapi pelanggaran protokol berlaku pada kedua-dua pihak.

Pandangan ini juga dipersetujui oleh *aviation expert*, dengan izin, *Desmond Ross* di Australia. Perkara ini juga dibangkitkan oleh saya bersamaan dengan Yang Berhormat Bukit Mertajam pada bulan perkara ini berlaku. Tragedi ini juga menunjukkan bahawa angkatan tentera kita tidak bersedia untuk menghadapi krisis di luar jangkaan yang mungkin membahayakan rakyat jelata. Apabila MH gagal berhubung dengan ATC, pihak tentera sepatutnya telah pun dalam keadaan *high alert* serta beroperasi, bekerjasama dengan ATC kerana dalam dunia aviasi, kegagalan MH untuk berhubung balik selama 17 minit adalah seumpama selama-lamanya. Apa yang amat merunsingkan apabila adalah MH sebenarnya dikesan di radar berjam-jam tetapi tiada tindakan oleh Tentera Udara kita untuk *intercept* dengan izin walaupun keadaan sepatutnya telah pun dalam situasi *high alert*.

Soalannya apakah telah pun kepada latihan *post-9/11* tentera kita. Bukankah ini juga menunjukkan pelanggaran protokol di kedua-dua pihak ATC dan TUDM ataupun mungkin lagi mengejutkan tiada sebarang protokol yang wujud. Jika ia wujud, apakah protokol tersebut supaya kita boleh menelitinya demi mengelakkan perkara ini berlaku lagi.

Tuan Pengerusi perkara ini kritikal dan saya rasa pihak kementerian perlu mengeluarkan satu laporan terperinci terhadap kegagalan kedua-dua pihak TUDM serta ATC dari memperhatikan protokol. Jika tidak Tuan Pengerusi, saya tidak mahu kemudian media asing yang melaporkannya terdahulu ataupun dijadikan dokumentari dan ini akan menjejaskan nama baik negara kita. Bayangkanlah jika tragedi sedemikian berlaku lagi dan kerana kegagalan yang sama, kapal terbang tersebut digunakan seperti yang terjadi kepada 9/11.

Tuan Pengerusi, MH 370 perlu dijadikan satu pengajaran kepada kita semua dan tindakan perlu diambil dengan segera, serta-merta dari segi penyelenggaraan di mana kemampuan serta keberkesanan tentera kita menghadapi krisis perlu diteliti.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Setujukah Yang Berhormat Stampin bahawa jika saya kata kementerian ataupun kerajaan patut mengeluarkan, menerbitkan dan membentangkan satu laporan *postmortem* terutamanya kegagalan SOP terutamanya tindak balas ke atas pengesanan radar ke atas MH370 di dalam Parlimen ini. Terima kasih.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tuan Pengerusi, saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Bukit Mertajam untuk mengeluarkan satu laporan supaya kita semua boleh bentang di dalam Dewan yang mulia bagi mengelakkan situasi ini, harap tidak akan berlaku pada masa depan. Sila masukkan dalam ucapan saya.

Kes yang kedua saya ingin bangkitkan, pandangan Yang Berhormat Menteri dalam cadangan saya untuk mengadakan latihan *real time*, dengan izin, bagi tentera-tentera kita bagi meningkatkan lagi prestasi tentera kita dalam menghadapi situasi luar jangkaan. Ini *point*, perkara kedua yang ingin saya bangkitkan.

Tuan Pengerusi, Sarawak ialah sebuah negeri luas serta mempunyai sempadan yang panjang. Terdapat banyak jalan tikus juga wujud. Penjenayah-penjenayah juga boleh mengambil kesempatan, telah pun mengambil kesempatan ini untuk menjalankan jenayah di Sarawak dan melintas sempadan sebelum dikesan. Jadi saya cadangkan tentera kita menjalankan latihan *real time*, mengadakan misi bersama dengan pihak polis serta imigrasi bagi mengatasi masalah melintas sempadan secara haram. Ini juga masa keemasan bagi tentera-tentera kita untuk belajar menggunakan peralatan-peralatan yang canggih yang diperoleh oleh kementerian seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Lumut.

Tuan Pengerusi, dalam perkara yang sama semenjak kita rakyat Sarawak menunggu kenaikan taraf *Pan Borneo trunk road* kepada *highway*, dengan izin, terdapat ramai malangnya terkorban di jalan tersebut. Ramai yang boleh kita selamatkan sekiranya mereka di *air flown*, dengan izin, ke hospital dengan serta-merta dalam masa satu jam. Saya juga ada bangkitkan kes ini kepada Kementerian Kesihatan di mana kita perlukan sekurang-kurangnya sebuah helikopter yang berkemampuan tinggi yang boleh menghadapi keadaan cuaca di mana pada masa sekarang Hospital Sarawak kita tiada. Helikopter yang digunakan bukan saja tidak

berkemampuan dan tidak mampu beroperasi pada cuaca kurang baik tetapi juga apabila keadaan di mana *visibility*, dengan izin, adalah kurang.

Tuan Pengerusi, dengan cadangan yang sama saya cadangkan TUDM mengambil kesempatan ini untuk mengadakan latihan *real time 24/7 red alert ready status*, dengan izin di mana mereka boleh bekerjasama dengan pihak hospital supaya TUDM boleh menggunakan helikopter canggih yang boleh beroperasi walaupun dalam keadaan cuaca yang kurang baik.

Untuk mengatasi keperluan Hospital Sarawak di mana terdapat sekurang-kurangnya satu kes kecemasan dan perlukan *air lift*, dengan izin. Seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kluang, ini juga membolehkan TUDM mempunyai suatu angkatan yang sentiasa bersedia bertindak 24/7 di Sarawak. Dengan ini saya memohon cadangan serta kritikan saya diterima secara hati terbuka. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Setiawangsa.

4.18 ptg.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat, jam 5 petang nanti kita habiskanlah perbahasan untuk kementerian.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Saya hanya ingin buat pengkhususan kepada khidmat negara ini. Saya telah beberapa kali membangkitkan isu khidmat negara di dalam Dewan ini. Seperti yang kita maklum bahawa 500,000 anak-anak muda terutamanya yang melepasi Tingkatan 5 tiap-tiap tahun tetapi dalam tiap-tiap tahun juga mereka yang diambil untuk menyertai khidmat negara ini hanyalah seramai 100,000 orang atau 100,000 lebih. Ini menunjukkan kita mempunyai satu program yang baik tetapi ianya tidak menyeluruh. Saya menyambut baik kenyataan Kementerian Belia dan Sukan yang akan berbincang dengan Kementerian Pertahanan bagaimana untuk membuat penjenamaan semula atau menaik taraf ataupun membaiki khidmat negara ini yang telah berjalan selama sepuluh tahun.

Saya ingin mencadangkan sekali lagi di dalam Dewan ini, untuk memberi keadilan kepada keseluruhan 500,000 anak-anak murid kita yang keluar tiap-tiap tahun daripada sistem Tingkatan 5 ini. Saya ingin mencadangkan supaya diserapkan kursus ataupun kokurikulum khidmat negara ini dalam sekolah. Ini bermakna dalam cuti-cuti sekolah mereka ini yang diadakan tiap-tiap tahun, akhir tahun atau pada pertengahan tahun dan akhir tahun digunakan untuk mereka menjalankan kursus dalam khidmat negara. Kalau ia boleh dilakukan di Korea Selatan dan ia boleh dilakukan di Singapura secara paksa, mereka harus pergi.

■1620

Saya ingin mencadangkan satu mekanisme untuk menyebabkan ia wajib kepada 500,000 orang ini yang keluar daripada Tingkatan 5 ini untuk juga terlibat dalam Khidmat Negara. Sekiranya ia tidak dilakukan secara wajib, saya juga yakin bahawa Khidmat Negara ini walaupun sudah sepuluh tahun, ia tidak dapat mencapai matlamatnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tumpat.

4.23 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ini Kementerian Luar lah ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Pengerusi, sekejap sahaja. Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana telah diberi peluang untuk berbahas di peringkat Jawatankuasa untuk Kementerian Pertahanan yang mana saya ingin menumpukan kepada Butiran 020000 khusus Butiran 020300 – Latihan.

Sebelum itu saya ingin menyokong apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Temerloh tentang pencerobohan laut kita dan peranan pelbagai agensi dalam negara ini. Laut kita amat penting Tuan Pengerusi, kerana hampir 50% pendapatan negara kita dalam belanjawan ini hasil daripada minyak dan gas yang didapati di lautan kita dan negara kita amat cermat sekali menjaga minyak dan gas ini tetapi bimbang bahawa lautan kita itu mungkin dibocorkan oleh kekurangan kepakaran dan khidmat yang baik oleh pelbagai agensi ini. Kita begitu sayang hasil laut kita ini sampaikan pada Negeri Kelantan, royalti petroleum kita tidak hendak beri tetapi kalau kita tidak jaga betul-betul, ia mungkin dicerobohi oleh anasir-anasir luar negara.

Saya juga menyokong apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Stampin tentang MH370. Saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Menteri tentang apakah pengajaran-pengajaran yang telah diambil daripada kegagalan khususnya tentera udara kita mengesan sehingga ke penamatnya, kalau ada penamat kepada MH370 itu.

Apa yang saya ingin sentuh di bawah Butiran yang saya sebutkan tadi Tuan Pengerusi ialah berkaitan dengan latihan bersama tentera Malaysia dengan tentera-tentera negara-negara lain. Mengikut apa yang kita lihat, setiap tahun tentera Malaysia mengadakan latihan-latihan bersama dengan tentera-tentera negara-negara asing. Misalnya untuk tahun ini, mengikut laporannya, kita mengadakan latihan bersama dengan tentera Amerika Syarikat. Ada berlaku sekitar bulan September mengikut apa yang saya dapat cari di Kelantan dan juga pada masa yang sama lebih kurang di Sabah. Latihan yang di Sabah itu katanya melibatkan 285 tentera Amerika, 500 askar Malaysia. Manakala yang di Kelantan, Terengganu, Pantai Timur itu melibatkan 500 tentera Amerika yang mana ia disebut sebagai latihan bersama tahunan, *it is an annual affairs* yang dinamakan Keris Strike.

Malaysia juga mengadakan latihan tahunan dengan negara-negara lima kuasa yang kita ada perjanjian pertahanan bersama iaitu *Five Power Defence Arrangements* dengan Australia, Singapura, New Zealand dan *United Kingdom* yang tahun ini dipanggil namanya latihan itu *Shield 2014*. Juga dijangkakan, mengikut laporan, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, adakah telah dilaksanakan iaitu kita pun merancang untuk mengadakan latihan bersama Tentera Laut Malaysia dan negara China?

Ini suatu perkembangan yang menarik yang saya ingin tahunya daripada Yang Berhormat Menteri dan kementerian ialah apakah kebaikan-kebaikan, keuntungan-keuntungan

yang kita boleh dapati daripada latihan-latihan bersama ini? Adakah ia semestinya menguntungkan kita ataupun adakah kita mempertimbangkan juga bahawa mungkin hasilnya tidak sebegitu rupa, yang untungnya bukan negara kita tetapi negara-negara yang kita mempunyai latihan bersama itu? Sebabnya ialah kemungkinannya mereka amat ingin bersama dengan kita untuk mempertahankan kepentingan mereka sahaja tetapi kepentingan kita, kita sendiri tidak dapat mengadakan apa-apa keuntungan daripada latihan itu. Jadi, saya ingin bertanya adakah itu keuntungan kepada kita?

Keduanya saya ingin bertanya, kalau kita boleh adakan latihan bersama dengan tentera Amerika Syarikat, tentera-tentera Singapura, Australia, New Zealand, United Kingdom dan sebagainya, adakah kita merancang juga sepatutnya untuk mengadakan latihan-latihan bersama dengan tentera misalnya Indonesia sebagai negara jiran yang besar dan kuat tenteranya ataupun dengan negara-negara jauh, kalau dengan Australia, New Zealand, Amerika Syarikat, United Kingdom kita boleh adakan, dengan negara seperti Turki misalnya yang mana kita pernah membeli peralatan ketenteraan daripada mereka? Kenapa tidak kita adakan latihan-latihan bersama dengan mereka juga untuk kita mengetahui pengalaman sebuah negara yang mempunyai kekuatan ketenteraan yang hebat juga Turki ini yang boleh setanding dengan negara-negara Eropah dan yang dalam sejarahnya boleh menandingi kuasa-kuasa dunia pada ketika itu. Jadi itu soalan yang saya hendak ajukan.

Seterusnya lawatan-lawatan oleh tentera-tentera asing khususnya oleh kapal-kapal laut asing. Adakah Kerajaan Malaysia berhasrat untuk misalnya mempunyai dasar-dasar dan polisi yang tertentu, misalnya kita ingin- sudah tentu membenarkan kapal tentera asing melawat tetapi kapal-kapal asing misalnya yang mempunyai senjata nuklear, kita ingin sekat daripada melawat Malaysia kerana kita tidak mahu negara dan rantau Asia Tenggara ini dijadikan tempat yang mana terdapat senjata-senjata nuklear misalnya. Seperti New Zealand, ada dasarnya Tuan Pengerusi dalam tahun 1987 lagi ada akta yang menjadikan New Zealand itu *nuclear free zone*. Kapal-kapal laut atau sebagainya yang bukan sahaja bersenjatakan, yang berkuasa nuklear pun tidak dibenarkan untuk mendekati lebih daripada 20 nautika dari tanah atau bumi New Zealand. Adakah kita ingin mempunyai dasar tersebut kerana dari sekitar tahun 1970 lagi kita ada dasar yang dipanggil *Zone of Peace, Freedom and Neutrality* (ZOPFAN) untuk rantau Asia Tenggara.

Jadi ini saya harap akan menjadi pertimbangan kita supaya kita menjaga negara kita, wilayah kita, bumi kita, tidak diancam oleh musuh-musuh yang walaupun dalam bentuk kerjasama tetapi sudah semestinya mempunyai niat mereka yang tersendiri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jerlun.

4.27 ptg.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Tuan Pengerusi atas ruang yang diberikan kepada saya untuk turut berbahas dalam pembentangan bajet khusus kepada

Kementerian Pertahanan. Saya merujuk kepada B.60 Butiran 010100 berkaitan dengan pentadbiran dan dasar pertahanan yang mendapat peruntukan RM541 juta.

Antara objektif di bawah tajuk ini ialah memastikan kesejahteraan veteran ATM dan keluarga. Kita sedar bahawa seramai 13,791 orang bekas veteran ATM ini sedang menerima Skim Bantuan Kebajikan Veteran ATM dan saya rasa *figure* ini adalah sama dengan tahun 2014. Kita sedar bahawa semua veteran ini telah pun banyak berjasa kepada negara, telah banyak berkorban terutama sekali semasa tahun 70-an dan 80-an yang ketika itu masih banyak lagi isu-isu yang berkait rapat dengan *bandits* dan sebagainya terutama sekali Tentera Darat terpaksa dikerahkan untuk membuat pelbagai operasi di tempat-tempat yang menjadi ancaman.

Kita sedar bahawa kebajikan mereka ini banyak dalam kalangan mereka yang masih mencari-cari untuk mendapatkan perumahan yang sesuai sama ada rumah kos rendah mahupun kalau ada, contohnya yang berada di kawasan-kawasan luar bandar yang membuat keputusan untuk pencen dan seterusnya kekal berada di rumah ibu bapa mereka sebelum ini dan mereka juga perlu untuk memperbaiki rumah, membina rumah baru dan sebagainya.

Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah mereka ini di bawah Skim Bantuan Kebajikan Veteran ATM ini mendapat laluan hijau ataupun mendapat perhatian khas daripada kementerian mahupun mungkin walaupun di bawah KKLW dan sebagainya? Ini kerana kita lihat ramai dalam kalangan mereka juga yang telah pun mengalami kecederaan kekal, contohnya yang terkena *booby trap* dan sebagainya, hari ini hidup mereka agak tersisih dan juga mungkin merempat.

Jadi sudah tentulah kita sedar sebelum ini memang ada dalam kalangan mereka yang telah pun melalui pelbagai kursus peralihan sementara mereka hendak pencen. Mungkin mereka ketika ini juga ada yang terlibat dalam perniagaan-perniagaan kecil, antaranya mungkin yang berjaya dalam industri kecil dan sederhana tetapi oleh kerana ada juga yang terlibat mungkin yang sebelum ini bekerja dengan *workshop* dan juga kejuruteraan dan sebagainya, tetapi oleh kerana dasar kerajaan, dasar Kementerian Kerja Raya telah pun menutup lesen-lesen Kelas 'F', maka mereka tidak lagi mendapat ruang dan sebagainya untuk memiliki lesen-lesen tersebut.

■1630

Jadi, adakah Kementerian Pertahanan berhasrat, saya kira boleh berbincang dengan Kementerian Kerja Raya untuk membuka semula ruang-ruang kepada veteran-veteran ini untuk mendapat pertimbangan diberikan kelulusan kelas 'F' dan sebagainya mengikut kemahiran mereka masing-masing. Kita juga selalu dengar mereka ini ramai juga terlibat memohon untuk mendapat permit teksi dan sebagainya. Namun mungkin atas dasar tertentu mereka ini masih belum mendapat permit tersebut dan terpaksa menyewa permit daripada orang-orang yang telah pun berjaya.

Jadi, sudah tentulah kita amat mengharapkan walaupun memang ada dasarnya untuk menjaga kebajikan mereka, kita hendak mengharapkan supaya kerajaan memantapkan lagi Persatuan Bekas Angkatan Tentera (PBTM) ini dan juga Persatuan Veteran Tentera dan sebagainya. Jadi, kita hendak supaya kementerian memberikan tumpuan khusus kepada

mereka-mereka ini mengikut kesesuaian masing-masing. Seterusnya Tuan Pengerusi, berkaitan dengan B.60, Butiran 060000 berkaitan dengan Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang mendapat peruntukan RM612 juta seperti yang banyak rakan-rakan Yang Berhormat yang lain telah bangkitkan. Jadi kita sedar bahawa ini katanya satu cara langkah untuk memberikan pendedahan kepada anak-anak muda terutamanya yang lepasan SPM menghadiri kursus bagi meningkatkan jati diri, memahami sejarah negara, seterusnya meningkatkan kecintaan, perasaan kasih sayang terhadap negara dan juga sudah tentu untuk menerapkan kasih sayang antara pelbagai kaum yang ada.

Namun kita mendengar satu kisah di mana satu kajian telah dibuat, terdapat ada juga 500, 600 orang di kalangan pelatih-pelatih ini yang tidak mampu untuk berbahasa Malaysia. Jadi ini satu kejutan, jadi mungkin subjek ini perlu dimasukkan dalam modul latihan supaya kita hendak setiap warganegara kita terutama sekali di kalangan orang muda dapat bertutur bahasa Malaysia dengan yakin dan dengan baik kerana itulah salah satu alat ataupun *tools* untuk berkomunikasi untuk meningkatkan lagi kasih sayang antara kaum yang ada di negara kita.

Selain daripada itu, saya difahamkan sebelum ini ada diwujudkan alumni ataupun macam satu persatuan atau kelab di kalangan bekas-bekas pelatih-pelatih PLKN ini. Jadi, sejauh manakah keberkesanananya kelab ini dan sejauh manakah dapat digembleng semula tenaga lebih daripada 500,000 setiap tahun ini untuk terus bersama-sama berada dalam arus perdana pembangunan negara? Oleh sebab kita tidak mahu walaupun zaman kita dulu mungkin tidak ada konsep latihan khidmat negara dan sebagainya tetapi kita masih mampu untuk terus berada di arus perdana bersama dengan masyarakat-masyarakat lain. Akan tetapi kita bimbang kalau kita ringankan tajuk ini maka sudah tentu anak-anak muda kita ini akan hilang arus dari semasa ke semasa.

Seterusnya Tuan Pengerusi, berkaitan dengan askar Wataniah, cuma kita hendak tahu apakah dasar kerajaan ketika ini, adakah hendak memperbanyakkan lagi kemasukan ataupun *intake* di kalangan masyarakat bagi terlibat dengan latihan askar Wataniah dan sebagainya? Sebab saya hari ini jarang-jarang melihat ada lagi platun-platun askar Wataniah terutama sekali di kawasan-kawasan Parlimen. Jadi, bagaimanakah perancangan kerajaan untuk masa depan untuk melibatkan lagi masyarakat yang tidak faham langsung tentang aktiviti ataupun latihan ketenteraan tetapi dapat diserapkan melalui aktiviti-aktiviti askar Wataniah ini di masa hadapan. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jelebu.

4.34 ptg.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya turut mengambil bahagian di dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa bagi B.60, Butiran 030000, Butiran 030200 dan Butiran 030300. Tuan Pengerusi, pertama sekali berkaitan dengan program kereta perisai 8x8 yang diusahakan oleh kerajaan dengan syarikat yang satu ketika dilaporkan untuk kerajaan ataupun angkatan tentera memiliki lebih daripada 260 unit. Jadi, saya mohon

kementerian memaklumkan kemajuan kepada projek ini apakah ia sudah siap? Berapakah yang sudah dibayar dan bagaimana keberkesanan APC 8x8 ini kepada sistem pertahanan ataupun tentera darat kita? Itu yang pertama.

Kedua, saya ingin menyentuh satu kem di kawasan saya, Kem Tentera Kongkoi. Saya difahamkan bahawa ia sudah di jadikan pusat latihan kepada pelajar-pelajar Universiti Pertahanan Nasional. Jadi, saya ingin memohon penjelasan daripada kementerian, apakah rancangan sebenar kementerian ataupun Universiti Pertahanan Nasional ini terhadap kem ataupun kawasan tentera di Kongkoi ini? Apakah ia ada rancangan untuk *upgrade* menjadikan dia sebagai salah satu kampus universiti ini ataupun sebagai latihan-latihan tertentu sahaja? Akan tetapi saya mencadangkan supaya universiti ataupun kementerian memikirkan agar dijadikan ia sebagai satu kampus Universiti Pertahanan Nasional kerana kedudukannya yang strategik dan kemudahan untuk latihan tentera yang berkaitan.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Jelebu minta penjelasan sedikit boleh?

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Ya, sila.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Kuala Krai. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ini macam terasa tidak ada peluang berucaplah ini.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: [*Ketawa*] Tidak, ini berkaitan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Jelebu iaitu Kem Kongkoi yang kepunyaan Kementerian Pertahanan tetapi dimaklumkan diserahkan kepada Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). Saya mendapat maklumat bahawa kem ini sebenarnya belum mendapat pengesahan dari segi *fitness* untuk digunakan untuk tentera. Jadi, adakah sesuai dan selamat kalau ianya diserahkan kepada Universiti Pertahanan untuk digunakan oleh para pelajarnya yang sedang berkursus? Ini kerana mungkin mendedahkan kepada mereka bahaya.

Saya telah membawa hujah ini semasa perbahasan di peringkat dasar bahawa satu kes telah berlaku- satu repot polis telah dibuat kerana berlakunya kematian seorang pelajar semasa menjalani latihan di kem tersebut yang ketika itu menggunakan peralatan yang tidak diiktiraf, yang disahkan selamat. Jadi ini merupakan suatu perkara yang sangat besar. Jadi, adakah Yang Berhormat Jelebu memaklumi perkara ini dan boleh atau tidak diperjelaskan oleh Kementerian Pertahanan? Terima kasih.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin juga dapat maklum berkaitan dengan Kem Kongkoi ini kerana saya tidak tahu perkembangannya. Cuma saya dapat lihat daripada jauh bahawa Kem Kongkoi ini sudah menjalani satu proses membaik pulih dan *upgrading* dari segi fizikal, bangunan dan sebagainya. Akan tetapi kemudahan di dalam itu tidak dapat saya pastikan dan saya fikir Kementerian Pertahanan ataupun menerusi Universiti Pertahanan Nasional mungkin mempunyai maklumat untuk kita kongsi bersama di dalam Dewan yang mulia ini.

Jadi, seterusnya yang akhir yang saya fikir penting ialah soal pertahanan ini seharusnya kita kerajaan mendahului musuh kita ataupun mereka-mereka yang boleh mengancam kepada negara lebih awal, *one or two step ahead* daripada mereka.

■1640

Ini peranan siapa? Ini peranan unit *intelligent*. Kita nak kementerian menjelaskan sejauh mana keberkesanan *human intelligent* tentera ini? Ini kerana seharusnya berlaku- seharusnya *intelligent* ini dia dapat menduga. Jadi, saya sebut ini kerana dalam kes pencerobohan di Lahad Datu.

Jadi, kita tidak boleh menunggu negara di ceroboh, baru kita dapat tahu bahawa musuh sudah berada di dalam negara. Akan tetapi unit *intelligent* ini merupakan suatu bahagian yang sangat penting di dalam negara apalagi di dalam sistem pertahanan- Kementerian Pertahanan kerana mereka seharusnya boleh memberikan maklumat awal kepada sistem pertahanan kita akan ancaman-ancaman yang bakal datang dalam tempoh-tempoh terdekat dan ini membolehkan kita mempertahankan negara lebih awal daripada yang sepatutnya.

Oleh sebab itu saya ingin tahu daripada kementerian. Sejauh manakah kekuatan unit ataupun *intelligent unit* di dalam angkatan tentera ini? Bagaimanakah latihan-latihan- apakah dalam keadaan sekarang mereka mempunyai keanggotaan yang terlatih dan cukup berwibawa? Saya ingin mencadangkan kerana unit *intelligent* ini merupakan sesuatu aset yang penting. Jadi, oleh sebab itu mereka yang sudah berpencen harus *diengage* secara berterusan sebagai *support group* atau pengukuhan kepada unit *intelligent* ini bagi menjadikan ia satu unit yang paling penting dan sebagai satu unit yang boleh memaklumkan kepada pertahanan kita akan tindakan-tindakan dan ancaman yang datang. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kepong selepas itu- semua PAS ini. Ramai Menteri Luar daripada PAS ini.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Pertahanan, Pertahanan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Oh, Menteri Pertahanan, ramai. Yang Berhormat Kepong selepas itu seorang daripada PAS, nanti kita akan panggil kemudian Menteri menjawab.

4.42 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, secara ringkas sahaja. 050000 – Pertahanan Ruang Udara. Tuan Pengerusi ya, sekarang kita ada itu pesawat pejuang *Sukhoi Su-30MKM, Boeing F/A 18 Hornet, Mikoyan MiG-29, BAE Hawk dan Northrop F-5 itu recognition*. Saya hendak tahu daripada pihak kementerian, setakat mana kelima-lima jenis pesawat ini akan ditukar? Ini kerana kita tahu ada sebahagian itu tidak begitu sesuai untuk masa sekarang dah kerana ada yang dah uzur.

Kalau kita nak gantikan, apakah rancangan pihak kementerian untuk memperoleh pesawat-pesawat pejuang yang baru? Seterusnya, mengenai *air defense system* kita iaitu

pertahanan radar utama tentera kita dan radar komersial itu yang bukan utama- *radios commercial*.

Setakat ini saya nampak pihak kerajaan sudah mendedahkan maklumat data mentah daripada sistem kita dan memang biasanya kita tak boleh buat macam itu kerana inilah yang akan menjejaskan keselamatan negara. Ini kerana tragedi MH370, kita tak boleh elakkan. Setakat mana pihak kementerian memperbaiki keadaan ini kerana kesilapan kita sudah terjejas. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kita bagi Yang Berhormat Bukit Gantang lah ya. Dah cukuplah Yang Berhormat. Dia kena sebelah lagi, dia kena sebelah.

4.44 ptg.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum* dan terima kasih pada Tuan Pengerusi. Saya nak bicara berkenaan B.60 – 050000 Pertahanan Udara. Jadi, saya nak minta penjelasan mengenai projek *aviation upgrade* untuk 27 unit helikopter Nuri dan 14 unit kapal terbang C-130 yang dimaklumkan projek ini diberikan AIROD Sdn. Bhd. pada Januari tahun 2014.

Benarkah lapan unit C130 daripada 14 unit, ertinya enam unit sahaja yang boleh di *upgrade* dan 20 unit daripada 27 unit tidak boleh di *upgrade*. Saya memohon penjelasan, kenapa projek ini diberikan kepada syarikat AIROD secara rundingan terus dan berapakah harga kos projek tersebut? Apakah langkah untuk *upgrade* 27 unit helikopter Nuri dan 14 unit kapal terbang C130 ini lebih ekonomik? Adakah langkah yang bijak terutama dari segi aspek keselamatan negara? Kenapakah kerajaan tidak berusaha untuk membeli kapal terbang yang baru?

Isu yang kedua ialah saya nak mendapatkan penjelasan mengenai projek *Network Centric Operation* (NCO) yang dianugerahkan kepada SAPURA pada bulan Mac 2012. Soalan saya ialah berapa kos projek tersebut? Saya dimaklumkan projek tersebut sepatutnya disiapkan dalam tempoh 12 bulan daripada tempoh Surat Setuju Terima (SST). Sehingga kini, benarkah kelewatan itu disebabkan ketidakmampuan SAPURA dalam melaksanakan sehinggakan pihak pengguna yakni tentera tidak berpuas hati. Ini kerana lebih daripada dua tahun projek ini dianugerahkan, masih lagi gagal mengemukakan *solution* ataupun penyelesaian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dah cukuplah Yang Berhormat. Tak apa, *sequence* dah sampai dah. Tak payahlah, cukuplah Yang Berhormat ya. Kementerian lainlah Yang Berhormat ya. Terima kasih Yang Berhormat. Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

4.48 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah terlibat dalam perbincangan berkaitan dengan Kementerian Pertahanan di peringkat Jawatankuasa. Kami mengucapkan berbilang-bersang terima kasih dan akan mengambil maklum terhadap apa juga cadangan-cadangan yang dikemukakan untuk

bertujuan menambah baik tadbir urus Kementerian Pertahanan. Mana-mana perkara yang bersifat sensitif yang boleh *compromise* dengan pertahanan negara kita, kita tidak akan menjawab dan ini haruslah difahami oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, beberapa isu telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi dan isu yang paling popular sekali ialah dikemukakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan khidmat negara. Beberapa Ahli Yang Berhormat yang terlibat membahaskannya seperti Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Setiawangsa, Yang Berhormat Lipis dan juga Yang Berhormat Kluang ada membangkitkan berkaitan dengan khidmat negara.

Seperti mana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa latihan khidmat negara yang telah dilaksanakan di dalam negara ini adalah merupakan satu latihan khidmat negara yang unik, yang tidak menyamai dengan apa yang telah dilaksanakan di negara-negara lain seperti Singapura ataupun Taiwan kerana ia adalah bersifat *military conscript*. Apabila kita mewujudkan khidmat negara pada tahun 2004, ianya adalah bermatlamat kepada empat objektif utama:

- (i) membina jati diri belia-belia kita;
- (ii) mewujudkan semangat patriotisme;
- (iii) mewujudkan integrasi kaum di kalangan pelatih-pelatih;
- (iv) selanjutnya ialah untuk membolehkan mereka menjadi seorang warganegara Malaysia yang mempunyai semangat kesukarelawanan.

■1650

Seperti mana yang sering saya jelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa matlamat-matlamat ini memang sedikit sebanyak telah pun dicapai berdasarkan kepada kajian-kajian yang telah dibuat iaitu pada tahun 2010, Universiti Kebangsaan Malaysia telah pun mengadakan kajian terhadap khidmat negara ini. Daripada hasil kajian tersebut, menunjukkan bahawa lebih daripada 80% daripada kajian tersebut menunjukkan ia memberikan tanda-tanda yang positif terhadap belia-belia kita.

Begitu juga pada tahun 2013, satu lagi kajian dibuat oleh Universiti Malaysia Perlis iaitu dengan melihat daripada aspek patriotisme dan itu pun telah menunjukkan bahawa tanda-tanda positif yang begitu besar, melebihi 80% telah kita peroleh daripada hasil kajian tersebut.

Oleh itu, walaupun kita telah berbelanja seperti mana dinyatakan tadi lebih kurang mungkin hampir RM6 bilion tetapi saya percaya walaupun perbelanjaan itu begitu tetapi ia adalah merupakan satu perbelanjaan yang memberikan faedah kepada generasi muda kita kerana pada ketika ini kita telah pun melatih hampir 800,000 orang belia kita. Memang kita tidak dapat melatih keseluruhannya kerana kekangan dari segi kewangan. Dengan program yang kita sediakan ini pun telah melibatkan perbelanjaan yang begitu besar. Kalau sekiranya kita melaksanakan seperti mana yang dicadangkan iaitu *national service military conscript*, ia akan memberikan kesan kewangan yang begitu besar kepada negara kita.

Sekiranya kita bersedia untuk membelanjakan sebegitu banyak, mungkin kita boleh memikirkannya sebab itu selepas sepuluh tahun PLKN beroperasi, kita telah pun mengambil satu langkah. Kementerian Pertahanan telah pun membincangkan di peringkat kementerian dan telah pun membuat keputusan untuk mengadakan satu program apa yang dipanggil Program Transformasi PLKN dan beberapa persetujuan telah pun dibuat iaitu untuk membawa PLKN ini ke satu makmal iaitu makmal yang akan dibuat oleh PEMANDU. Daripada makmal tersebut sudah tentulah akan dapat memberikan banyak input.

Selain dari itu, kita juga akan mengadakan banyak *consultation* atau *public consultation* dengan orang-orang awam sama ada ibu bapa ataupun NGO-NGO dan juga pengusaha-pengusaha kem dan *stakeholders* yang terlibat kerana kita menganggap bahawa program ini ialah program yang memberikan kesan besar kepada rakyat dan masa depan negara kita khususnya belia-belia kita, sudah tentulah input-input daripada masyarakat itu adalah penting. Ini kerana itu akan dapat memberikan kita satu rumusan yang baik dan membolehkan kita mengadakan satu program yang benar-benar memberi faedah kepada masyarakat dan khususnya belia-belia yang kita latih ini. Sila Yang Berhormat.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, penyelidikan ataupun kajian yang dilakukan terhadap bekas-bekas pelatih Program Latihan Khidmat Negara ini dibuat *immediately* selepas mereka tamat programkah ataupun kajian dibuat selepas mereka menjalani latihan itu setahun ataupun dua tahun?

Kalau kita tanya mereka yang *immediately* keluar dari kem, tentu dia kata okey. Akan tetapi kalau kita tengok mereka balik kepada masyarakat, saya tidak yakinlah bahawa ada perubahan besar terhadap diri mereka kerana tiga bulan Tuan Pengerusi. Budak-budak ini kita hantar tiga bulan, yang bulan pertama itu dia baru hendak *acclimatize*, bulan kedua itu dia baru hendak belajar kurikulum. *By the time*, tiga bulan itu saya ingat dia balik, dia lupa macam itu sahajalah.

Oleh sebab itu, jumlah wang yang banyak ini, saya rasa kita harus- *review* yang kita minta itu *review* balik kerana RM6 bilion, RM6,000 juta ini satu jumlah yang besar. Saya tengok dan yang saya pasti, budak-budak balik seronok sebab dia dapat peralatan. Dia dapat kasut, dia dapat but dan uniform, yang itu dia seronok. Akan tetapi saya tidak jangka ilmu yang dia dapat itu kekal untuk boleh, bukan sahaja memberikan kekuatan kepada diri dia apatah lagi menyumbang kepada masyarakat.

Apa yang kita minta itu bolehkah kementerian betul-betul ambil masa untuk *review* balik kurikulum ini? Adakah tiga bulan itu sesuai untuk kita mengubah cara pemikiran budak-budak yang berumur 18 tahun ini sedangkan mereka telah pun berada di sekolah begitu lama, tetapi adakah dalam masa tiga bulan itu kita boleh merubah cara mereka berfikir dan bertindak? Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Hendak tambah sedikit Yang Berhormat Menteri, boleh? Tuan Pengerusi, terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya dengar tadi ada 800,000 orang pelajar yang telah mengikuti kursus ini. Apa yang saya hendak tanya ini, berapa yang telah dapat kebenaran untuk pergi ke Program Latihan Khidmat Negara tetapi menolak? Bilangan pelajar yang telah menolak dan atas sebab-sebab tertentu ia menolak untuk enggan pergi ke Program Latihan Khidmat Negara, itu yang pertama. Kedua, apakah prasyarat yang kita letak untuk memilih pelajar-pelajar ini? Ada apa-apa prasyarat yang telah diletakkan oleh kementerian? Bagaimana interaksi dengan sekolah semasa memilih pelajar-pelajar ini untuk menghadiri Program Latihan Khidmat Negara? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: Tambahan, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Dungun Yang Berhormat. Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: Daripada usaha yang telah dilakukan oleh Program Latihan Khidmat Negara seperti yang telah disebutkan daripada pencapaian yang ingin dicapai ialah meningkatkan unsur-unsur kesukarelawanan di dalam pelatih-pelatih ini setelah tamat tempoh latihan mereka. Boleh atau tidak Yang Berhormat Menteri menyebutkan contoh-contoh yang telah diambil perjalanan dalam usaha-usaha kesukarelawanan ini supaya kita dapat melihat bagaimana sepatutnya kita gabungkan tenaga mereka apabila ada keperluan kepada kepentingan kesukarelawanan itu? Contohnya ketika banjir besar negara yang berlaku di Kuantan, di Kemaman dan di Dungun, kita tidak melihat adanya aspek ini. Sepatutnya diberi perhatian kepada kepentingan sebahagian daripada usaha sukarelawan itu. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Sungai Petani membangkitkan perkara tentang latihan ini sebentar tadi. Seperti mana yang saya katakan bahawa kita dalam proses untuk mengadakan transformasi yang akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Jadi dalam proses transformasi ini sudah tentulah akan mengambil kira semua pandangan *stakeholders* supaya memastikan bahawa Program Latihan Khidmat Negara yang akan dilaksanakan sekurang-kurangnya bagi tempoh satu dekad yang akan datang merupakan satu Program Latihan Khidmat Negara yang akan dapat memberikan keuntungan kepada belia-belia kita dan generasi kita di masa akan datang.

Berkaitan dengan kesukarelawanan, saya ingin menyatakan di sini bahawa sebagai *offshoot* dari PLKN ini kita juga telah menyediakan satu Program Briged Sukarelawan Khidmat Negara di mana pelatih-pelatih yang telah pun menamatkan dan yang telah menjadi Alumni kepada Program Latihan Khidmat Negara ini akan dikumpulkan dalam Program Briged Sukarelawan Kecil Program Latihan Khidmat Negara dan mereka ini digembleng dalam beberapa projek dan program yang dilaksanakan.

Misalnya bagi mengadakan kerja gotong-royong, melibatkan diri dalam pengendalian bencana banjir ataupun sesuatu darurat yang berlaku. Kita juga - misalnya dalam Sukan Malaysia yang telah diadakan di Perlis baru-baru ini, BSKN telah menyumbangkan lebih daripada 1,000 orang sukarelawan bagi membantu dalam program tersebut. Kita juga dari semasa ke semasa menyediakan mereka. Kita mempunyai tidak kurang daripada 150,000 orang ahli-ahli BSKN yang boleh digerakkan dalam pada bila-bila masa untuk memberikan bantuan.

Jadi kalau sekiranya ada keperluan pada masa-masa akan datang, Yang Berhormat bolehlah menghubungi kita dan juga PLKN atau BSKN untuk mendapatkan khidmat tersebut. Seperti mana saya jelaskan, saya juga ingin menjawab tadi bahawa mereka yang dipilih ini adalah dipilih secara *random*.

Mereka dipilih berdasarkan kepada kelahiran 500,000 setahun dan apabila mereka dipilih secara *random*, mereka ini akan diminta untuk menghadiri PLKN. Sekiranya mereka terpaksa berhadapan dengan peperiksaan ataupun menyambung pelajaran dan mereka haruslah memohon untuk mendapatkan penangguhan.

■1700

Kebiasaannya kita tidak ada masalah untuk memberikan penangguhan kerana kita sedar bahawa selepas itu mereka akan dibenarkan untuk menyertai semula selepas penangguhan diberikan. Yang Berhormat Jerlun ada membangkitkan berkaitan dengan kesejahteraan veteran Angkatan Tentera Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya terdapat dua buah agensi yang telah ditubuhkan oleh kerajaan bertujuan untuk menjaga kebajikan veteran Angkatan Tentera Malaysia iaitu Jabatan Hal Ehwal Veteran dan satu lagi ialah Perbadanan Hal Ehwal Bekas Tentera (PERHEBAT). Jabatan Hal Ehwal Veteran ini ialah bertanggungjawab bagi menguruskan pencen, bantuan kesihatan, bantuan pelajaran kepada anak-anak dan perumahan untuk veteran. Setiap tahun kita memperuntukkan lebih kurang, kalau tidak silap 200 buah rumah setiap tahun peruntukan untuk dibina kepada tentera-tentera yang tidak mempunyai rumah dan yang memiliki rumah yang daif dan kita menyediakan mereka melalui projek jiwa murni iaitu membina rumah-rumah dan juga memperbaiki rumah-rumah anggota tentera.

Kita juga memberikan bantuan kepada mereka yang terlibat dalam bencana dan sebahagian bantuan juga diberikan oleh Persatuan Bekas Tentera ataupun Persatuan Veteran yang juga begitu perhatian dan memberikan bantuan kepada anggota-anggotanya. Manakala PERHEBAT adalah bertanggungjawab dalam soal memberikan *skill* ataupun latihan kepada anggota-anggota tentera yang akan bersara dan juga yang telah pun bersara. Ini adalah bertujuan untuk memberikan mereka *rescaling* ataupun atau memberikan *skill* semula kepada mereka supaya apabila mereka keluar di medan pekerjaan ataupun menamatkan kontrak mereka sama ada 13 tahun ataupun 21 tahun, mereka boleh mendapat kerjaya di tempat-tempat yang lain ataupun memulakan perniagaan. Kita kerajaan baru-baru ini telah memperuntukkan satu jumlah wang kepada PERHEBAT untuk maksud menambahbaikkan perkhidmatan kepada anggota tentera yang telah bersara ini.

Yang Berhormat Tumpat ada membangkitkan tentang isu latihan...

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri....

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: Berkaitan dengan perumahan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apakah langkah yang telah diambil berkenaan dengan apa yang dibangkitkan dengan Laporan Audit Negara berkaitan dengan pengurusan dana dan rekod yang berkaitan dengan pencen ini yang melibatkan dengan Angkatan Tentera Malaysia di mana dinyatakan bahawa secara keseluruhannya data rekod yang tidak dikemas kini tidak lengkap, berbeza, berulang, tidak aktif, tidak tepat, diragui kesahihannya dan ketiadaan penyelarasan rekod boleh menyebabkan bayaran pencen dibuat kepada pesara dan berlakunya *improper payment*? Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah keadaan ini boleh berlaku? Jadi macam data pemilih pula, ada pengundi yang tidak turun masuk dalam itu.

Jadi apakah langkah kementerian ini untuk menyelesaikan masalah ini? Saya ingin juga bertanyakan dalam Laporan Audit Negara juga mengatakan bahawa walaupun mereka memberikan bantuan itu dan mereka menunjukkan rumah-rumah di mana bekas-bekas tentera ini yang begitu daif menunjukkan keadaan kehidupan mereka begitu teruklah. Jadi walaupun mereka telah berjasa kepada negara tetapi dengan bantuan yang diberikan itu tidak dapat mengeluarkan mereka daripada garis kemiskinan. Jadi saya ingin bertanyakan apakah langkah-langkah yang akan dibuat oleh kementerian? Terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: sambungan Yang Berhormat Menteri...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr.Ronald Kiandee]: Hendak beri Yang Berhormat?

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Berkenaan dengan pencen.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: Berkaitan dengan perumahan.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Pencen.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: Perumahan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr.Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Dungun.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: Ya. Terima kasih Tuan Pengerusi. Kalau kita lihat kepada perumahan yang disediakan seperti yang tersebut dalam jawapan Yang Berhormat Menteri sebentar tadi, khusus untuk veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) ini, yang melibatkan pembinaan rumah itu satu perkara. Perkara yang kedua ialah bagaimana sebahagian daripada pesara-pesara Angkatan Tentera Malaysia ini tidak mempunyai tanah untuk dibina perumahan kepada mereka. Lalu sebahagian daripada hak yang patut mereka peroleh setelah bersara ialah mendapat hak tanah lot perumahan. Saya tidak tahu di negeri-negeri lain tetapi di negeri Terengganu kadang-kadang sulit bagi mereka untuk mendapatkan walaupun mereka pohon secara berkelompok.

Jadi saya harap diberikan perhatian kepada soal yang sangat penting kritikal kepada isu perumahan selepas mereka bersara daripada perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia ini kerana kita mesti mengingati sabda Nabi SAW... [*Membaca sepotong hadis*] yang bermaksud, "*Kamu dibantu, ditolong oleh orang-orang yang lemah dari kalangan kamu dan sebahagian mereka apabila bersara sama ada berpencen ataupun tidak mempunyai masalah besar tentang masalah perumahan untuk keluarga mereka dan diri mereka*". Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Berkenaan pencen veteran.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Saya jawab dahulu, nanti saya tidak boleh jawab itu semua. Yang Berhormat, berkaitan dengan lot tanah perumahan untuk tentera ini saya hendak jawab bawah sebenarnya memang ada perintah PA MITI telah pun diwujudkan, tetapi masalah tanah ada isu berkaitan dengan kerajaan negeri. Oleh sebab itu, kalau sekiranya mana-mana kerajaan negeri yang ingin membantu ianya bukanlah menjadi kesalahan, mungkin Kerajaan Negeri Kelantan pun boleh tolong, Kerajaan Negeri Selangor pun boleh tolong dan Kerajaan Negeri Sabah pun boleh tolong. Akan tetapi ini bergantung kepada bekalan tanah. Bukan senang untuk kita dapat bekalan tanah seperti dahulu lagi. Akan tetapi memang kita hendak sentiasa berusaha untuk memberikan bantuan kepada veteran tentera kita dan sekiranya ada kerajaan negeri yang bersedia untuk membantu kita sedia untuk *facilitated*.

Yang Berhormat Sepang ada membangkitkan tentang pencen. Memang dalam Laporan Audit Negara telah pun dijelaskan berkaitan dengan terdapat sedikit masalah daripada pembayaran pencen. Ini kerana semuanya berpunca daripada masalah waris yang telah meninggal itu tidak memaklumkan mengenai kematian pesara kepada JEF dan waris juga tidak melaporkan kematian itu yang menyebabkan Jabatan Pendaftaran Negara tiada rekod kematian tentang seseorang itu. Jadi ini berkait rapat dengan pembayaran menggunakan EFT kerana kita ada dua jenis pembayaran pencen yang digunakan untuk membayar pencen kepada pesara iaitu yang pertama menggunakan melalui bank, setiap orang boleh datang ke bank untuk mendapatkan pencen iaitu mereka datang mereka akan tandatangan dan dapatkan bayaran.

Satu lagi ialah pembayaran melalui *Electronic Fund Transfer* (EFT). Jadi *Electronic Fund Transfer* ini walaupun dia efisien tetapi dia ada satu masalah iaitu menyebabkan wang itu dikreditkan terus kepada pihak yang penerima pencen. Akan tetapi masalahnya di sini apabila dia meninggal, kadang-kadang pewaris itu tidak memberitahu bahawa yang menerima pencen telah meninggal, tetapi kalau ianya dibayar kepada balu ianya tidak menjadi masalah walaupun pencen terbitan. Akhirnya ialah satu pencen terbitan dan jumlah itu tidaklah sebenarnya satu kehilangan kerana ianya masih dibayar kepada *legitimate beneficiary*. Akan tetapi- begitu pun kita telah membincangkan dan mengambil maklum teguran-teguran Jabatan Audit ini dan beberapa tindakan mitigasi telah pun diambil iaitu misalnya untuk mengemukakan surat kutipan balik pencen terlebih balik kepada waris atau saudara mara dan juga dengan cara untuk menggalakkan supaya mereka ini menggunakan perkhidmatan seperti mana dahulu iaitu mereka

sendiri datang ke bank untuk *claim* pencen. Kita mungkin mempertimbangkan sama ada untuk *discontinue* penggunaan EFT ini pada masa akan datang. Itu akan dibincangkan...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sedikit, sedikit.

■1710

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Walaupun ini satu perkara yang akan memberikan kerumitan tetapi saya ingat semakin lama semakin ramai yang berpencen. Ini akan menimbulkan masalah ke Jabatan Hal Ehwal Veteran kerana kadang-kadang komunikasi di antara apabila mereka tidak melaporkan ke Jabatan Pendaftaran Negara maka kita tidak dapat *detect* sama ada seseorang itu sudah mati atau tidak. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat yang telah disebutkan tadi bahawa ada 12 juta itu sebenarnya angka yang sebenarnya yang patut kita kutip daripada bayaran balik ini ialah hanya lebih kurang 2.8 juta.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sedikit. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Kalau benar memang ada masalah dari segi kutipan dan sehingga kata audit in sampai ada *overpayment*. Itu yang kita punya *concern* itu. Macam menteri kata tadi kalau sekiranya memang pergi kepada balu dan *entitle* dalam bentuk pencen, tidak ada masalah.

Soalan saya pertama Menteri. Saya boleh terima jawapan bertulis tidak ada masalah. Berapakah *overpayment* itu khususnya tahun lepas? Mungkin tahun ini, kalau ada. Berapa *overpayment* itu? Keduanya kalau betul ada masalah ini saya rasa mesti ada satu mekanisme yang perlu kita buat untuk paling kurang kalau tidak boleh hapuskan meminimumkan seminimum yang boleh. Oleh sebab kita takut duit ini dipakai oleh orang yang tidak sepatutnya terima.

Jadi ini melibatkan wang rakyat juga. Jadi kita harap perlu ada satu mekanisme yang betul berkesan. Saya kluatir kalau ini berlaku dalam Kementerian Pertahanan, tidak mustahil juga ia berlaku dalam institusi lain. Jadi kalau kita kumpul-kumpulkan banyaklah *overpayment* ini. Jadi ini satu perkara yang perlu diambil serius oleh pihak kementerian. Terima kasih.

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Timbalan Menteri, Hulu Rajang.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ya terima kasih atas teguran itu dan kita mengambil maklum tentang teguran tersebut. Memang seperti mana yang saya jelaskan tadi pelbagai langkah mitigasi sedang dirangka kerana ini telah pun ditegur oleh pihak audit. Saya percaya Jabatan Hal Ehwal Veteran akan mengambil langkah-langkah yang akan dapat menyebabkan masalah ini dapat diselesaikan. Kalau tidak diselesaikan 100% tetapi dapat dikurangkan. Yang Berhormat Tumpat

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: [Bangun]

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gopeng dan Yang Berhormat Hulu Rajang. Ya Yang Berhormat Gopeng.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Pencen veteran tadi. Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini khusus kepada pencen veteran itu. Kebetulan saya pernah bangkitkan soalan ini dan Yang

Berhormat Arau baru masuk dan tidak jawab masa itu. Sampai hari ini tidak ada jawapan bertulis yang saya harap-harapkan. Akan tetapi Menteri ada, boleh jawab ini.

Oleh sebab kita lihat ada perbezaan yang ketara antara mereka yang veteran yang lama dan veteran yang baru dari segi penerimaan pencen walaupun tahap apabila mereka tamatkan perkhidmatan dengan pangkat yang sama tetapi yang baru sahaja bersara tamat perkhidmatan, mereka menerima pencen dua kali ganda kalau banding dengan mereka yang tamat perkhidmatan mungkin 20 tahun sebelum ini. Jadi adakah kementerian akan selaraskan veteran yang baru dan veteran yang lama daripada segi penerima pencen ini. Sekian.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah perkara itu bukan sahaja berlaku di kalangan anggota tentera tetapi juga boleh dikatakan kesemua perkhidmatan awam. Mereka yang berpencen Ahli Parlimen pun macam itu, orang yang berpencen dahulu dengan ahli yang akan pencen akan datang tidak sama. Jadi kalau kita hendak buat *exercise* ini, kena *exercise* seluruh perkhidmatan awam. Bererti ia menelan belanja yang begitu besar Yang Berhormat.

Jadi memanglah orang yang mungkin bersara tiga bintang, jeneral tiga bintang pada 1960-an mungkin pencennya hanya setara dengan seorang leftenan kolonel ataupun kolonel. Ini memang kita akui berlaku tetapi untuk mengadakan satu *exercise* yang besar itu, ia akan melibatkan kos yang begitu banyak. Yang Berhormat...

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Rajang Yang Berhormat.

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Hulu Rajang Yang Berhormat. Terima kasih Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Mengenai perumahan untuk Persatuan Bekas Veteran Angkatan Tentera Malaysia di kawasan saya Yang Berhormat kawasan Hulu Rajang atau kawasan P215 Kapit, kita mempunyai lebih 1,000 lebih orang anggota veteran angkatan tentera dan mereka ini telah mempertahankan negara kita Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Jadi semasa setiap kali saya dipanggil untuk merasmikan mesyuarat agung tahunan, mereka telah mengadu kepada saya bahawa untuk memberi perumahan yang sekarang ada usia mereka 60 tahun, 70 tahun bagi diri saya untuk melihat mereka kasihan juga. Tanah sudah ada Timbalan Menteri. Jadi saya mohon kalau boleh Menteri Jabatan Perdana Menteri ada di sini bawalah Skim Perumahan PR1MA ini untuk menolong mereka di Kapit ini. Mereka ada tanah yang begitu luas sekali. Jadi saya mohon kepada Kementerian Pertahanan supaya melihat ini lebih mendalam dan memberilah supaya mereka ini mendapatkan bantuan dari kerajaan kita. Balas budi Yang Berhormat, mereka ini mempertahankan negara kita. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat sendiri sedia maklum bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah merupakan sebuah kerajaan yang begitu sentiasa prihatin terhadap kebajikan anggota-anggota tentera yang telah pun menggadaikan nyawa mempertahankan

kedaulatan negara kita dan juga keselamatan negara kita khususnya semasa berlakunya ancaman keselamatan kepada negara kita pada beberapa dekad yang lalu.

Cuma saya mencadangkan juga selain daripada inisiatif yang boleh dibuat oleh Kementerian Pertahanan melalui projek yang disediakan perumahan bagi bekas-bekas tentera yang kita sediakan setahun memanglah tidak mencukupi. Kita mahu tambahan peruntukan yang lebih banyak supaya lebih ramai mendapat faedah. Akan tetapi salah satu daripada inisiatif yang boleh dibuat ialah mereka juga boleh juga mungkin Yang Berhormat boleh berhubung dengan pihak SPNB untuk mengambil langkah-langkah tertentu. Selain daripada itu juga, ada peruntukan PPRT setiap tahun yang diperuntukkan kepada pejabat daerah. Itu juga adalah salah satu daripadanya.

Akan tetapi yang penting sekali kita juga dapat menolong mereka dalam bentuk mengadakan Projek Jiwa Murni. Projek Jiwa Murni ini adalah merupakan satu projek yang disediakan oleh Angkatan Tentera Malaysia untuk membantu membina ataupun memperbaiki rumah-rumah usang dan mungkin dengan bantuan Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh memberikan bantuan kepada mereka. Di kawasan saya sendiri saya telah memperbaiki lebih kurang lebih daripada 100 buah rumah orang-orang miskin di kawasan saya, rumah daif dengan menggunakan Projek Jiwa Murni. Jadi itu adalah merupakan satu pendekatan-pendekatan yang boleh dilakukan untuk memberikan bantuan kepada mereka.

Yang Berhormat Tumpat ada membangkitkan tentang latihan yang diadakan di antara Anggota Tentera Malaysia dengan angkatan tentera asing. Seperti mana yang saya ingin maklumkan bahawa Angkatan Tentera Malaysia memang sentiasa mengadakan latihan-latihan untuk menambahkan profesionalisme di kalangan anggota-anggota tentera kita. Misalnya yang terbaru sekali dalam *Christ strike* ataupun yang telah dilaksanakan bersama dengan US PICOM atau *United States Pacific Command* yang telah diadakan di Kelantan.

Sebenarnya ini adalah merupakan salah satu daripada *exercise* yang dibuat iaitu *human disaster relief exercise* yang telah dibuat. Ini sudah tentu akan memberikan faedah kepada angkatan tentera kita dan juga kedua-dua belah pihak. Latihan dengan APDA misalnya, dengan British, Singapura, New Zealand dan Australia iaitu merupakan rakan kita dalam APDA juga sentiasa diadakan dan kesemua *exercise* ini adalah dibuat berdasarkan kepada *Memorandum of Understanding* yang kita tandatangani di antara kedua-dua belah pihak supaya apabila latihan ini dibuat, ia adalah merupakan satu latihan yang *organize* dan dengan negara-negara jiran juga kita mengadakan latihan-latihan dari masa ke semasa.

Oleh sebab dengan cara begini ia bukan sahaja akan memberi faedah kepada menambah keupayaan anggota tentera kita tetapi yang penting sekali ia juga akan dapat mewujudkan apa yang kita panggil *military diplomacy*. Ia akan menjalin persahabatan di antara anggota-anggota dan sudah tentulah ia akan dapat mengurangkan segala ketegangan antara sebuah negara dengan sebuah negara yang lain.

Yang Berhormat Bagan Serai ada membangkitkan berkaitan dengan- Yang Berhormat Temerloh berkaitan dengan isu pelanunan di Selat Melaka dan juga di Laut China Selatan.

■1720

Untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya isu pelanunan ini adalah merupakan satu isu yang kita harus tangani dan pihak Tentera Laut Diraja Malaysia bersama dengan APMM ataupun Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia dan juga Polis Marin akan sentiasa bekerjasama untuk melindungi kepentingan kita.

Sepertimana yang kita tahu bahawa Selat Melaka adalah dilindungi oleh *littoral states* iaitu tiga negara yang mempunyai kepentingan di Selat Melaka iaitu Malaysia, Indonesia dan juga Singapura. Jadi ketiga-tiga *littoral states* ini bekerjasama untuk memastikan laluan Selat Melaka itu sentiasa dalam keadaan yang selamat walaupun sekali-sekala ada berlaku ancaman-ancaman pelanunan dan ancaman pelanunan ini adalah kadang-kadang melibatkan kumpulan-kumpulan tertentu dan kita sentiasa bekerjasama untuk mengatasinya.

Selain daripada itu, Yang Berhormat ada membangkitkan berkaitan dengan IMO. Untuk makluman Yang Berhormat, *International Maritime Organisation* adalah merupakan satu organisasi antarabangsa yang bertanggungjawab menjadi *regulator* kepada sektor maritim di seluruh dunia. Mereka bertanggungjawab bukan sahaja untuk memastikan *safety* tetapi juga *security* bagi perairan-perairan dan kerjasama daripada IMO yang berpusat di London ini adalah merupakan sesuatu yang kita sering alu-alukan walaupun sebenarnya IMO ini adalah di bawah Kementerian Pengangkutan. Mereka bekerjasama lebih rapat dengan Kementerian Pengangkutan tetapi dalam isu-isu berkaitan dengan *security*, kita sentiasa bersama-sama untuk membantu dan menyelesaikannya.

Yang Berhormat Kluang ada membangkitkan berkaitan dengan ketidakseimbangan tentera-tentera di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, memanglah saya sebagai seorang yang berasal dari Sabah, saya juga ingin melihat supaya peningkatan terhadap kapasiti pertahanan bukan sahaja di Semenanjung tetapi juga di Sabah dan Sarawak berikutan dengan perkembangan-perkembangan terkini yang berlaku dalam domain pertahanan hari ini iaitu beberapa ancaman baru yang wujud khususnya di Laut China Selatan dan juga Laut Sulu. Ianya adalah merupakan satu perkara yang harus kita memberikan perhatian.

Oleh sebab itu, dalam bajet baru-baru ini, Perdana Menteri telah mengumumkan beberapa inisiatif baru iaitu dengan *reinforce* balik skuadron jet pejuang kita, Hawk yang akan dikembalikan di Labuan. Berkaitan dengan perincian sama ada ianya *full* skuadron ataupun separuh, saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat Labuan nanti dan ianya adalah untuk melindungi *air space* kita.

Selain daripada itu, ingin juga saya maklumkan bahawa di Sepanggar kita juga ada Pangkalan Tentera Laut dan di Kuching kita ada mempunyai satu markas pangkalan Tentera Darat. Kita juga akan menaik taraf Briged di Sabah kepada satu *division* dan kita akan *reinforce* ketumbuhan beberapa batalion lagi di kawasan Pantai Timur khususnya yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri, akan ada satu batalion lagi yang akan dihantar ke Pantai Timur dalam masa yang terdekat ini. Ini adalah inisiatifnya.

Kita mengakui bahawa berlaku perubahan-perubahan terhadap ancaman. Kalau dulu ancaman banyak tertumpu di Semenanjung kerana ancaman Komunis tetapi hari ini ancaman telah pun beralih khususnya di Sabah dan di sedikit sebanyak di Sarawak, tetapi kita haruslah mengadakan langkah-langkah yang perlu untuk memastikan bahawa ancaman ini dapat kita atasi dengan begitu sempurna.

Yang Berhormat Kluang juga ada membangkitkan- PLKN ini saya sudah jawab, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Sungai Petani ada membangkitkan tentang pemberian *one-off* kepada bekas tentera yang tidak berpencen. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, bahawa beberapa waktu yang lalu kita telah pun memberikan *one-off payment* kepada anggota-anggota tentera kita yang tidak kurang daripada 80,000 orang yang telah mendapat faedah dengan peruntukan lebih daripada RM80 juta yang telah kita beri iaitu RM1,000 setiap orang. Ini adalah merupakan satu cadangan yang baik dan kita akan pertimbangkan. Sekiranya kerajaan mempunyai kemampuan kewangan, ianya bukanlah menjadi satu masalah kerana kita pun mengambil maklum terhadap permasalahan anggota-anggota tentera yang tidak berpencen yang telah pun memberikan khidmat mereka kepada negara.

Yang Berhormat Jelebu ada membangkitkan berkaitan dengan isu tertentu iaitu isu berkaitan dengan AV8 ataupun 8x8 yang ingin saya nyatakan di sini bahawa projek 8x8 yang dilaksanakan oleh kerajaan ini yang merupakan satu projek penggantian terhadap beberapa kenderaan perisai Angkatan Tentera Malaysia yang telah pun begitu usang yang telah dibeli pada tahun 1983 iaitu 27 tahun yang lalu. Oleh sebab itu, selepas hampir 27 atau 28 tahun yang lalu, kita harus mendapatkan satu kenderaan yang lebih baik sesuai dengan keperluan semasa dan oleh sebab itu kerajaan telah pun membeli ataupun meminta supaya syarikat yang telah dilantik iaitu konsortium Malaysia dengan Turki iaitu konsortium yang melibatkan FNSS dengan DEFTECH dengan 257 unit dengan kos RM7.55 bilion yang telah pun dilaksanakan dan dijangka pada tahun ini kita akan dapat menerima pesanan tersebut sekurang-kurangnya 12 unit yang telah dipesan AV8 itu.

Yang Berhormat Kepong ada membangkitkan berkaitan dengan penukaran ataupun setakat mana pesawat pejuang yang akan kita gantikan khususnya MiG-19, pesawat MiG yang kita miliki yang telah pun melebihi tahap lebih daripada 20 tahun yang perlu ditukar. Sememangnya kerajaan melalui TUDM merancang untuk menamatkan pengoperasian pesawat pejuang MiG-29 yang sepatutnya berakhir pada Disember 2015 dan pesawat F-5E/F pada tahun 2014. Akan tetapi untuk setakat ini, kita belum lagi mengambil keputusan kerana walaupun memang ada keperluan tetapi ianya melibatkan kos yang besar dan kita merancang untuk membeli MRCA ataupun *Multi-Role Combat Aircraft* bagi menggantikan pesawat MiG yang telah pun kita rasa perlu diganti.

Yang Berhormat Lipis memberikan cadangan tentang keperluan untuk mengadakan kerjasama industri pertahanan di kalangan negara-negara ASEAN. Untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya kerjasama pertahanan di kalangan negara-negara ASEAN ini

memang telah pun terjalin melalui apa yang dipanggil *ASEAN Defence Industry Collaboration* iaitu merupakan satu platform untuk membolehkan negara-negara ASEAN berkongsi pengalaman dan pengetahuan dalam bidang-bidang industri pertahanan ini.

Meskipun masih terdapat kekangan dan cabaran kerana melibatkan pertahanan setiap negara, namun jalinan kerjasama ini diharap akan dapat menjadi platform yang memajukan industri pertahanan serantau tanpa perlu bergantung sepenuhnya kepada *Foreign Organizational Equipment Manufactured* (FOEM). Jadi, memang kita mempromosikan kerjasama ini kerana kita anggap ianya adalah merupakan satu kerjasama yang akan dapat memberikan faedah kepada negara kita.

■1730

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa.]

Yang akan dapat memberikan *value for money* terhadap pembangunan industri pertahanan kita. Yang Berhormat Lumut ada membangkitkan banyak persoalan-persoalan. Beliau adalah seorang anggota tentera yang telah bersara dan prihatin terhadap beberapa perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pertahanan. Kita mengucapkan berbilang-bersang terima kasih terhadap beberapa teguran-teguran dan peringatan-peringatan beliau. Kita dalam beberapa perkara tertentu mungkin mempunyai pandangan yang sama berkaitan dengan keperluan-keperluan tersebut.

Misalnya beliau telah minta kita untuk meningkatkan dan memantapkan operasi angkatan tentera di kawasan Pantai Timur Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya kerajaan sepertimana saya perelaskan tadi bahawa kerajaan melalui Kementerian Pertahanan di mana kita mempunyai komponen pertahanan di dalam ESSCOM. Ini kerana ESSCOM itu adalah merupakan satu badan yang telah ditubuhkan melibatkan beberapa agensi-agensi yang lain seperti PDRM, APMM dan komponen pertahanan iaitu daripada Angkatan Tentera Malaysia. Akan tetapi memang dalam bajet baru ini pun telah diumumkan oleh Perdana Menteri bahawa ada beberapa inisiatif-inisiatif baru selain daripada yang saya telah nyatakan tadi iaitu untuk mengembalikan pesawat Skudron Hawk ke Labuan. Kita juga akan menambah satu batalion, menghantar satu batalion dalam masa terdekat ini di Pantai Timur.

Selain daripada itu, beberapa inisiatif-inisiatif lain iaitu mengadakan *forward basing, sea-basing* yang kita telah pun rancang untuk dilaksanakan dengan bantuan daripada Petronas. Salah satu daripada *features* ataupun karakter ciri-ciri *forward basing* ini ialah untuk mengadakan satu platform di laut. Khususnya di kawasan-kawasan yang kita anggap sebagai kawasan yang *hot spot area* dan kita letakkannya di sempadan dengan menggunakan platform yang disediakan oleh Petronas. Ianya akan disediakan dengan kemudahan-kemudahan bukan sahaja trup tetapi juga kita akan menyediakan dengan aset-aset seperti bot pemintas dengan *surveillance* sistem. Kita akan juga menyediakan perkhidmatan helikopter bagi membolehkan supaya respons

terhadap tindakan-tindakan, keganasan ataupun pencerobohan ini dapat dilakukan dengan lebih berkesan.

Selain daripada itu, kita juga telah menyediakan *mobile sea-basing* iaitu dengan menyediakan Bunga Mas Lima di kawasan sempadan dan ianya telah pun dilaksanakan. Ini adalah antara inisiatif-inisiatif yang akan ditambah dari semasa ke semasa berdasarkan kepada keperluan. Ini kerana pada peringkat awal dahulu apabila kita menubuhkan ESSCOM ianya adalah bagi menghadapi pencerobohan akan datang. Akan tetapi nampaknya apa yang berlaku sekarang ianya kepada lebih kepada *trans-border crime* ataupun pencerobohan bagi maksud penculikan yakni merupakan ancaman keselamatan.

Oleh sebab itu, kita kena mengambil pelbagai langkah untuk mengatur gerak aset kita dan juga keanggotaan batalion kita supaya ianya menjadi satu *deterrent* ataupun cegah rintang kepada pihak-pihak yang cuba untuk mengambil kesempatan daripada keadaan yang mereka lihat terbuka untuk mereka melakukan sesuatu kejahatan. Oleh sebab itu, kita bekerjasama dengan semua pihak khususnya dengan agensi-agensi yang lain supaya sentiasa dapat memastikan bahawa sempadan negara kita terjaga dengan baik.

Yang Berhormat Lumut juga membangkitkan satu cadangan yang baik iaitu berkaitan dengan semak harga dalam organisasi peralatan alat ganti dalam organisasi logistik Tentera Darat, TLDM dan TUDM untuk mengelakkan ketirisan. Sememangnya Yang Berhormat, kerajaan khususnya Kementerian Pertahanan memang tidak mahu berkompromi dengan isu-isu berkaitan dengan ketirisan. Ini kerana kita juga mahu melihat apa yang kita lakukan ianya akan dapat memberikan *value for money* kepada kerajaan.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jasin bangun.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Sekejap ya Yang Berhormat. Apa yang kita mahu ialah supaya- sebab itu dalam kementerian sendiri kita telah pun mewujudkan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus. Beberapa cadangan-cadangan Jawatankuasa Tadbir Urus ini iaitu Jabatan Integriti akan dijadikan sebagai garis panduan untuk memastikan bahawa setiap apa juga perolehan-perolehan itu adalah memenuhi dan menepati tadbir urus yang baik. Ini kerana kita tidak mahu ianya akan memberikan kesan terhadap pembaziran ataupun kegiatan-kegiatan rasuah yang tidak diingini. Sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Menteri cakap tadi tentang ESSCOM. Apakah bentuk SOP kepada pihak tentera untuk apa jua tindakan tembakan ataupun *shoot on sight* kepada penceroboh-penceroboh ini? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan *shoot on sight* ini saya tidak dapat menjawabnya secara *off the cuff*, saya akan maklumkan kepada

Yang Berhormat kemudian. Ini kerana seperti mana kita sedia maklum bahawa *shoot on sight* ini memanglah satu perkara yang saya anggap berkesan tetapi ada juga isu-isu lain yang harus kita pertimbangkan. Akan tetapi yang saya ingin nyatakan di sini bahawa peranan Angkatan Tentera Malaysia adalah merupakan sebagai *complement* terhadap perkhidmatan PDRM dan APMM. Di mana PDRM dan APMM adalah merupakan anggota yang dipertanggungjawabkan bagi soal-soal keselamatan.

Jadi kalau ancaman itu adalah bersifat keselamatan maka merekalah yang akan mengendalikannya kerana mereka mempunyai kuasa-kuasa menangkap atau *arresting power* manakala tentera kita tidak ada *arresting power*. Kalau kita tangkap pun kita harus serah kepada polis kerana tugas kita adalah berbeza. Tugas kita adalah untuk menjaga kedaulatan negara sebab itu dalam struktur ESSCOM itu sendiri kita telah meletakkan seorang anggota polis sebagai komandan. Ini kerana bidang kuasa berkaitan dengan keselamatan ini adalah lebih dekat kepada tanggungjawab polis dan APMM dan juga Polis Marin. Akan tetapi bagaimanapun kalau sekiranya keadaan itu *escalating* dan ada keperluan untuk melakukannya itu akan ditentukan oleh pihak perancang-perancang keselamatan di masa akan datang. Yang Berhormat Lumut ada...

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Tuan Pengerusi, Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila Yang Berhormat Sandakan.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi, saya mahu tahu dari Menteri, yang sentiasa Menteri hujah itu yang *defence* sahaja. Jadi, kerajaan ada niat atau apa-apa langkah untuk kita mahu *attack*. Kita tidak boleh selalu yang tunggu sini, orang yang masuk nanti mahu tangkap kita punya orang, nanti kita pergi cari pergi, bayar *ransom* dan sebagainya. Kita mesti mahu ada satu *step, resolve* keadaan ini yang begitu buruk, khususnya di Sabah. Kita adakah yang bincang dengan kita punya *counterpart*, macam kerajaan Filipina, bagaimana kita mahu hapus satu ancaman kepada kita. Kita tidak mahu yang selalu tunggu di sini. Setiap hari mahu menakutkan kita punya rakyat, keadaan begitu.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Sepertimana Yang Berhormat, saya juga ingin perkara ini sekurang-kurangnya dapat diselesaikan kerana ianya akan menjejaskan bukan sahaja keselamatan negeri Sabah tetapi juga menjejaskan ekonomi dalam jangka panjang. Cuma dalam soal urusan menjaga keselamatan dan kedaulatan negara ini kita haruslah memberi sepenuh kepercayaan kepada anggota-anggota kita. Dasar-dasar yang mereka lakukan tentulah adalah bertujuan untuk melindungi kita semua. Apa yang telah dilakukan selama ini pun sedikit sebanyak telah pun menampakkan hasil.

■1740

Bukan sahaja kita dapat membunuh penceroboh-penceroboh pada masa Ops Daulat dahulu tetapi juga kita dapat- walaupun masih ada kegiatan-kegiatan penculikan tetapi dalam beberapa inisiatif-inisiatif yang baru seperti mengadakan perintah berkurung di kawasan-kawasan tertentu ianya telah memberikan kesan yang positif. Saya berharap bahawa kita semua

mengambil peranan, bukan sahaja diserahkan 100% kepada anggota keselamatan dan pertahanan kita. Semua kita harus bertanggung jawab kerana keselamatan adalah tanggung jawab bersama.

Kita juga harus memastikan bahawa semua pemimpin-pemimpin di peringkat kampung, *grassroots* kita supaya dapat memberikan maklumat menyalurkan *intelligent* yang baik kepada anggota keselamatan. Sebab itu di kawasan saya sendiri, saya telah *empower* kepada semua ketua-ketua kampung, pengerusi JKK untuk berhubung terus dengan pihak ESSCOM sekiranya mereka dapat melihat ada bentuk-bentuk ancaman yang boleh memberikan kesan kepada keselamatan kita.

Saya sambung dahulu. Yang Berhormat Lumut telah- Saya sambung lagi. Bagi memastikan perolehan alat ganti dibuat mengikut prosedur kerajaan, Kementerian Pertahanan sememangnya mengadakan pemantauan dan pengauditan dari semasa ke semasa oleh Bahagian Audit dan Siasatan dan Cawangan Inspektorat bagi memastikan harga alat ganti yang diperoleh adalah mengikut harga pasaran semasa dan munasabah. Saya ingin nyatakan di sini kepada Yang Berhormat bahawa kita tidak akan bertoleransi terhadap apa juga tindakan-tindakan yang boleh menjejaskan nama baik atau pun integriti, khususnya di bawah Kementerian Pertahanan. Sebab itu, di dalam setiap perjumpaan-perjumpaan atau pun mesyuarat-mesyuarat perkara ini adalah ditekankan, khususnya oleh menteri saya dan juga semua warga kementerian.

Yang Berhormat Lumut juga ada membangkitkan berkaitan dengan projek selenggaraan. Membangkitkan isu kelewatan siap projek selenggaraan yang dibuat oleh pihak syarikat yang dilantik. Sebagai contoh ialah kapal NGV Tech. NGV Tech ini adalah merupakan satu projek yang telah pun menghadapi sedikit masalah dan saya telah pun mendapat maklumat bahawa sekarang ini projek ini telah pun *liquidated*. Pihak yang minta projek ini *liquidated* ialah pihak *Maybank* dan ianya telah pun diuruskan dengan pihak-pihak *stakeholder* yang terlibat kerana ianya melibatkan banyak *stakeholder* yang terlibat di dalam projek ini, khususnya *Maybank*.

Sekiranya dapat diselesaikan dalam masa terdekat ini, kita akan mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan bahawa kepentingan Kementerian Pertahanan dalam projek ini tidak akan di kompromi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, panjang lagi?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ada sedikit lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila, sila.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Jam 6. Sebagai contoh, *contract service life extension program* untuk Kapal KD Kasturi dan KD Lekir di mana *Boustead Naval Shipyard* telah dikenakan LAD sebanyak RM42.9 juta. Jadi, kita tidak berkompromi dengan apa juga kelewatan-kelewatan ini. Siapa pun yang terlibat di dalam projek-projek yang melibatkan Kementerian Pertahanan akan dikenakan mengikut peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat juga mencadangkan tentang bilik khas tetamu Mindef bagi urusan kontraktor. Untuk makluman Yang Berhormat, memang di bilik khas tetamu Mindef tingkat

bawah Mindef telah pun disediakan dan ruang tamu juga disediakan di ruang foyer di tingkat bawah. Kedua-dua tempat ini boleh digunakan bagi urusan kontraktor dengan pegawai kementerian bagi menghadkan pergerakan tetamu di pejabat. Seperti yang saya katakan tadi, Jawatankuasa Urus Tadbir dan Integriti akan juga menasihatkan kementerian tentang keperluan untuk mengadakan beberapa langkah-langkah perlu untuk meningkatkan integriti di peringkat kementerian.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun ini kita sekali lagi diberikan *5 star rating* oleh kerajaan dan ini menunjukkan bahawa Kementerian Pertahanan diuruskan dengan baik. Yang Berhormat juga ada mengatakan telah membangkitkan tentang Skuadron Kereta Perisai yang telah membuat perjalanan dari Sungai Petani ke Gemas semasa musim bulan Ramadhan. Untuk makluman Yang Berhormat, memanglah latihan ini adalah melibatkan pegawai dan anggota tentera, tidak membezakan sama ada ianya di bulan biasa atau pun bulan Ramadhan. Ini kerana seperti yang kita tahu bahawa anggota tentera kita haruslah mempunyai tahap siap siaga yang tinggi di dalam apa keadaan sekali pun. ni kerana kalau sekiranya berlaku sesuatu peperangan ianya tidak mengambil kira sama ada ianya semasa bulan Ramadhan atau tidak.

Apa yang berlaku, serangan yang berlaku di Gaza misalnya, menunjukkan bahawa serangan itu berlaku tidak kira sama ada dia bulan biasa atau pun bulan Ramadhan. Oleh sebab itu, apabila mereka diberikan tugas itu, mereka telah dipertanggungjawabkan untuk mengadakan latihan di masa itu. Jadi, Yang Berhormat juga ada membangkitkan berkaitan dengan CV90 yang telah hilang dua hari daripada Kota Kinabalu ke Layang-layang. Untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya pada ketika kejadian ini berlaku cuaca itu memang dalam keadaan yang memang tidak baik. Di Sabah pada ketika itu hujan yang begitu lebat dan demikian juga cuaca yang begitu buruk kerana ada juga pengaruh-pengaruh daripada angin *typhoon* daripada negara-negara jiran.

Pada masa pelayaran itu dibuat, CV90 itu memang mampu beroperasi dengan baik dan telah pun diperiksa dengan teliti tetapi malangnya apabila keadaan cuaca dan ketinggian ombak yang begitu besar pada ketika itu menyebabkan mereka terputus hubungan dengan KD Paus yang telah mengiringi CV90 tersebut. CV90 ini sememangnya pun biasa digunakan di operasi-operasi di Terumbu kerana mereka memerlukan bot ini di kawasan-kawasan operasi sama ada operasi di Terumbu Layang-layang, Terumbu Peninjau dan juga di Terumbu Ubi kerana ianya boleh digunakan bagi memintas sekiranya ada elemen-elemen pencerobohan terhadap wilayah kita.

Berkenaan dengan penggunaan kapal pengangkut yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat itu, ianya adalah satu cadangan yang baik tetapi ianya tidak begitu ekonomi kerana kapal pengangkut ini perlu disewa dengan kos pengangkutan yang agak tinggi dan kerana saiz bot juga adalah agak besar. Yang Berhormat juga ada membangkitkan berkaitan dengan tumpuan mempertingkatkan keadaan infrastruktur kem yang telah usang di beberapa kawasan. Untuk makluman Yang Berhormat, daripada tahun 2011 hingga 2016, kerajaan memang telah

pun merancang 9 Projek *Army Care* iaitu di mana dua projek telah pun siap, tujuh projek sedang dalam pembinaan.

Projek yang telah siap iaitu di Piri, Sarawak dan Senawang, Negeri Sembilan. Manakala projek-projek yang sedang dalam pelaksanaan adalah di Seberang Takir Terengganu, Lok Kawi, Sabah, Sandakan, Sabah, Mentakab, Pahang, Sibul, Sarawak, Oran, Perlis dan Jeli, Kelantan. Jumlah keseluruhan bagi Projek *Army Care* ini ialah RM459,750,777 dan kerajaan akan meneruskan projek-projek di bawah Program *Army Care* ini tertakluk kepada peruntukan yang telah diluluskan oleh kerajaan.

Yang Berhormat juga ada mencadangkan tentang pemberian hadiah RM1,000 kepada anggota yang terlibat dalam operasi fajar. Memanglah Kementerian Pertahanan akan mengkaji kewajaran ini. Ini adalah merupakan satu cadangan, cuma ianya bergantung kepada keputusan kerajaan. Akhirnya, kita harus meminta daripada Kementerian Kewangan sama ada ianya akan mendapat kelulusan atau tidak, itu satu perkara yang kita harus fikirkan. Akan tetapi seperti mana saya sering nyatakan bahawa mereka anggota tentera ini adalah memang tugas mereka adalah di tempat-tempat yang sulit. Ini adalah sesuatu yang kita harus hargai. Memanglah kalau dikirakan gaji memang tidaklah begitu berpatutan tetapi disebabkan kesungguhan mereka untuk mempertahankan kepentingan negara sama ada di dalam atau di luar negara, mereka sentiasa bersedia untuk berkhidmat di mana-mana sahaja.

■1750

Jadi kita harus memberikan pujian kepada mereka. Misalnya saya pernah melawat di beberapa kawasan sulit seperti di Terumbu Layang-layang, Terumbu Ubi, Terumbu Peninjau dan juga di Pulau Perak. Saya melihat sendiri keadaan mereka dan itu adalah merupakan satu kawasan yang agak sulit dan bayaran insentif yang diberi pun tidaklah sebegitu banyak iaitu dibayar dengan hanya lebih kurang RM8 sehari sahaja. Namun demikian, bayaran insentif ini perlulah dikaji dan saya minta juga mungkin perkara ini boleh ditimbang oleh Kementerian Kewangan tetapi *exercise* ini seharusnya melibatkan satu *exercise* yang menyeluruh.

Yang Berhormat juga ada membangkitkan berkaitan dengan warga lain-lain pangkat supaya tidak bebaskan tugas mereka berdasarkan kaedah *multi skilling* yang diamalkan. Untuk makluman Yang Berhormat, *multi skilling* yang dimaksudkan itu adalah merupakan tambah nilai kemahiran bagi seseorang anggota supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan lebih sempurna dan berjaya. Apabila mereka memperoleh *multi skilling* ini, mereka juga dibayar gaji dalam *band* yang lebih tinggi iaitu *band 4* dan *band 5* dan di samping itu ia juga dapat meningkatkan kecekapan dan kualiti kemahiran anggota ke arah akreditasi kelayakan akademik di peringkat diploma dan ijazah seterusnya. Namun demikian, bagi tujuan penugasan dalam jawatan, anggota LLP hanya melaksanakan tugas khusus dalam satu bidang kepakaran keseluruhannya.

Yang Berhormat ada juga mencadangkan tentang elaun Al-Hafiz bagi warga KAGAT. Untuk makluman Yang Berhormat, memang ATM mempertimbangkan kewajaran cadangan ini bagi mewujudkan elaun Al-Hafiz bagi 19 orang anggota KAGAT yang sedia ada. Walau

bagaimanapun, ini adalah kerana Al-Hafiz yang dicadangkan belum lagi wujud dalam perkhidmatan awam. Namun demikian, mulai 1 Januari 2013 Skim Perkhidmatan Kagat di bawah Skim FZ telah dinaiktarafkan ke Skim Perkhidmatan ATM 2013 yang beri peningkatan gaji di bawah Skim ZA ataupun kelayakan kemasukan pelbagai.

Yang Berhormat juga ada mencadangkan warga veteran tidak berpencen diberikan pemberian *one off*, yang ini telah pun saya jawab tadi. Yang Berhormat juga ada membangkitkan berkaitan dengan mohon, yang ini saya sudah jawab berkaitan dengan pencen tadi. Yang Berhormat ada membangkitkan juga berkaitan dengan mohon kementerian untuk menyelaras perbezaan kadar. Ini pun saya telah jawab sebentar tadi.

Yang Berhormat Labuan ada membangkitkan isu berkaitan dengan *Squadron Hawks* yang akan kembali ke Labuan. Ini ialah merupakan satu inisiatif *enforcement of forces* di Sabah dan Sarawak. Sudah tentulah ia akan memberikan *good security impact* dan sedikit sebanyak ekonomi impaknya pun akan dapat memberikan faedah kepada Labuan kerana Labuan bukan sahaja akan menambahkan anggota di situ tetapi juga akan memberikan *assurance* kepada pelabur-pelabur khususnya dalam *oil and gas* yang berpusat di Labuan.

Yang Berhormat ada membangkitkan tentang penyelenggaraan komersial, penyelenggaraan kapal-kapal TLDM di Labuan *Shipyards*. Perkara ini saya percaya boleh kita-saya akan mengambil maklum tentang perkara ini dan Yang Berhormat boleh mengajukan kepada saya untuk dipertimbangkan. Yang Berhormat juga ada membangkitkan tentang keperluan mengadakan tentera darat di Labuan. Satu ketika memang di Labuan ada ditempatkan tentera darat tetapi ia telah dipindahkan ke tempat lain. Akan tetapi untuk menjaga aset-aset itu, kita telah pun sediakan *military police* di situ tetapi kita juga akan mengambil maklum terhadap pandangan Yang Berhormat. Saya akan membawa perkara ini kepada pengetahuan pihak Tentera Darat Malaysia supaya dapat melihat sama ada keperluan untuk menyediakan sekurang-kurangnya satu ketumbukan di Labuan khususnya dalam *forces* Tentera Darat.

Yang Berhormat juga ada membangkitkan berkaitan dengan *Memorial Park Air Forces*. Memang di Labuan ada *memorial park* yang melibatkan *Air Forces* yang telah terlibat dalam peperangan *World War II* dan ia dikunjungi oleh semua negara-negara yang terlibat. Mungkin di masa akan datang, kita juga mahu menjadi sebahagian daripada inisiatif-inisiatif yang dilakukan untuk mempromosikan tempat ini.

Yang Berhormat Setiawangsa, saya sudah jawab tadi. Yang Berhormat Kepong saya sudah jawab, bersedia untuk menganjurkan acara. Okey, Yang Berhormat Kluang ada membangkitkan tentang dasar pertahanan negara. Sememangnya, ini pun saya telah jawab tadi bahawa kita sudah pun dalam *fourth dimension Malaysian enforces* bahawa ancaman-ancaman yang berlaku pada hari ini adalah berbeza daripada ancaman yang lalu. Kita sentiasa membuat transformasi ataupun penambahbaikan dengan melihat kepada bentuk-bentuk ancaman yang sedia ada.

Jadi saya fikir itu sahaja yang saya telah pun menjawab sebahagian besar daripada persoalan-persoalan yang dibangkitkan. Sekiranya ada perkara-perkara yang saya belum jawab, saya boleh menjawabnya secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM14,144,796,800 untuk Maksud B.60 di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM14,144,796,800 untuk Maksud B.60 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM3,618,221,600 untuk Maksud P.60 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2015 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM3,618,221,600 untuk Maksud P.60 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2015]

**Maksud B.29 [Jadual] –
Maksud P.29 [Anggaran Pembangunan 2015] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Kepala Bekalan B.29 dan Kepala Pembangunan P.29 di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air terbuka untuk bahas. Yang Berhormat Simpang Renggam.

5.57 ptg.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma ingin bawa satu perkara sahaja yang di bawah Butiran 06400 - Rancangan Bekalan Air Negeri Johor.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian kementerian tentang masalah bekalan air yang telah berlaku bertahun-tahun di kawasan Parlimen saya khususnya di Renggam dan Layang-layang. Masalahnya ialah gangguan bekalan air yang berlaku pada waktu permintaan air yang tinggi seperti pada musim perayaan Tahun Baru Cina ataupun Hari Raya apabila ramai yang bekerja di luar kawasan Simpang Renggam balik ke kampung. Sebenarnya saya telah menulis surat kepada SPAN pada awal tahun ini dan saya ingin memetik dan baca maklum balas dari SPAN yang berbunyi seperti berikut;

“Seperti yang dinyatakan dalam surat Yang Berhormat, gangguan bekalan air di Pekan Layang-layang adalah disebabkan oleh pengurangan pengeluaran air dari Loji Rawatan Air Sembrong Barat. Disebabkan Pekan Layang-layang terletak di penghujung sistem bekalan air, gangguan bekalan air akan berlaku khususnya di waktu-waktu permintaan air yang tinggi sekiranya pengeluaran loji kurang daripada 60 juta liter sehari. Seperti Yang Berhormat sedia

maklum, Loji Rawatan Air Sembrong Barat adalah dikendalikan oleh Southern Water Corporation (SWC) di bawah perjanjian konsesi yang akan tamat tempohnya pada Jun 2014 ini. Sebagai sebahagian daripada proses penyerahan, Kerajaan Negeri Johor telah melantik juru perunding bagi melaksanakan kajian untuk memastikan cara mana pengeluaran dapat dipertingkatkan sehingga ke kapasiti reka bentuk. Sekiranya pengeluaran dapat ditingkatkan kepada reka bentuk asal iaitu 80 juta liter sehari, maka loji tersebut akan dapat membekalkan air yang cukup bagi kegunaan penduduk di Layang-layang terutamanya ketika musim perayaan dan di waktu-waktu permintaan air yang tinggi”.

■1800

SPAN difahamkan bahawa pihak SAJ akan menghantar bantuan lori tangki kepada pengguna-pengguna setiap kali berlakunya gangguan bekalan air di kawasan Layang Layang. Sehubungan itu, SPAN akan memantau perkara ini dan bekerjasama dengan SAJH bagi meminimumkan kesulitan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk Layang Layang.

Oleh kerana negeri Johor merupakan antara negeri yang telah berhijrah kepada rejim pembiayaan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), SAJH telah dan akan terus menerima pembiayaan PAAB bagi melaksanakan kerja-kerja CAPEX, termasuk kerja-kerja penaik taraf loji-loji rawatan air di bawah kendalian mereka. SPAN akan meneliti sewajarnya permohonan SAJH dalam menyediakan infrastruktur bekalan air yang cukup di negeri Johor amnya dan daerah Kluang khususnya.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan pada bulan Jun ini, SAJH telah pun mengambil alih daripada *Southern Water Corporation*. Ini bermakna SAJH sekarang bukan sahaja merupakan pengedar dan mereka juga adalah pengilang air rawatan. Saya juga ingin tahu, apakah kedudukan terkini sekarang dan apakah rancangan yang ada bagi menaiktarafkan kapasiti loji rawatan air daripada 60 juta liter sehari ke 80 juta liter sehari. Saya mohon jawapan daripada kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

6.02 ptg.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin membangkitkan isu tentang Butiran 010200 isu pentadbiran tenaga.

Kebelakangan ini kita sudah tahu bahawa 1MDB telah pun mengkhususkan perhatian mereka ke atas industri tenaga di mana pada tahun 2012 dan tahun 2013, 1MDB telah pun mengambil alih beberapa syarikat *independent power producer* ataupun penjana kuasa bebas di pasaran termasuklah Tanjong Energy sebanyak RM8.5 juta, Genting Sanyen sebanyak RM2.3 bilion dan juga Gima Energy. Oleh kerana 1MDB telah pun tidak mempunyai *capital* yang mencukupi, mereka telah pun meminta ataupun mendapatkan pinjaman yang cukup besar untuk menampung segala kerja-kerja *acquisition* mereka. Ini termasuklah pinjaman daripada luar negeri oleh 1MDB Energy sebanyak RM5 bilion dan 1MDB Energy (Langat) sebanyak RM5.1 bilion.

Powertech Investment Holding, pinjaman tempatan sebanyak RM1.67 bilion dan juga 1MDB Energy (Langat), pinjaman tempatan sebanyak RM607 juta. Kesemua pinjaman ini berjumlah melebihi RM17 bilion. Mungkin ada lagi pinjaman yang telah pun diberikan, termasuklah RM800 juta pinjaman yang dijamin oleh pihak kerajaan. RM800 juta ada jaminan oleh pihak kerajaan, itu tidak salah, yang digunakan untuk mengambil alih syarikat-syarikat tempatan dalam industri ini.

Ini telah pun mengakibatkan satu situasi di mana dasar-dasar kerajaan sebelum ini dalam sektor tenaga, terutamanya pentadbiran penjana kuasa bebas diubahsuai untuk membantu 1MDB. Nombor satu, konsesi-konsesi yang telah pun diambil alih oleh 1MDB seperti Tanjong Energy dan juga Genting Sanyen mempunyai tempoh tamat yang cukup singkat, sudah hendak habis. Mereka bayar dengan kos yang tinggi, oleh sebab itu pihak kementerian terpaksa melanjutkan konsesi-konsesi ini walaupun sepatutnya dalam perlanjutan ini perlu ada satu tender terbuka semula. Itu nombor satu.

Nombor dua, kebelakangan ini dua tiga tahun ada penambahbaikan dari segi kementerian akibat penubuhan Suruhanjaya Tenaga di negara kita. Ini perkara yang baik. Penambahbaikan dari segi apa, ada tender terbuka. Ada tender terbuka supaya semua pihak penjana kuasa bebas yang ingin mengambil bahagian dalam sektor tenaga di Malaysia terpaksa membuat tender terbuka, buat *bid* untuk mendapatkan kontrak ataupun konsesi daripada kerajaan. Ini perkara yang baik kerana ini dapat merendahkan tarif yang dikenakan kepada Tenaga Nasional Berhad yang berhubungannya itu merendahkan tarif yang dikenakan kepada rakyat di Malaysia.

Masalahnya, bila sampai masanya 1MDB masuk campur tender dalam projek 3B. Ini bukan RM3 bilion, ini 3B. Projek 3B *coal-fired power plant* yang bernilai lebih kurang RM11 bilion. Tarif yang diberikan oleh 1MDB adalah 25.65 sen setiap kilowatt *hour*. *Bid* yang dimasuki oleh YTL adalah 25.23 sen kilowatt *hour*. Dengan jelas *bid* daripada Konsortium YTL adalah lebih rendah daripada *bid* 1MDB. Akan tetapi, kontrak telah pun ditawarkan kepada 1MDB. Masalahnya bila disebut kenapa harga yang lebih tinggi diberikan kontrak, kementerian sebut sebab YTL tidak *qualified*, telah pun *disqualified* dari segi teknologi yang dipakai. Akan tetapi perkara ini tidak diberitahu kepada pihak YTL sebelum keputusan dibuat ataupun sebelum *bid* dibuat.

Dalam surat khabar *The Edge* telah pun diterbitkan secara jelas, YTL telah pun berunding dengan pihak kementerian sebelum *bid* mereka dimasukkan bahawa teknologi ini akan dipakai, adakah ia dapat diterima. Jawapan daripada jawatankuasa teknikal daripada kementerian adalah ya, boleh diterima. Akan tetapi selepas menggunakan teknologi ini untuk mencapai tarif yang lebih rendah, sekarang kementerian pula kata tidak boleh, tidak boleh guna. Ini adalah walaupun *recommendation* daripada jawatankuasa teknikal daripada kementerian sendiri telah pun membuat *recommendation* bahawa YTL merupakan cadangan yang paling baik untuk ditawarkan Projek 3B.

So akibatnya, walaupun 1MDB menawarkan tarif yang lebih tinggi, mereka mendapat kontrak untuk membekal tenaga kepada Tenaga Nasional Berhad dalam projek ini dengan tarif yang lebih tinggi. Itu tidak cukup. 1MDB, oleh kerana hutang yang cukup besar, bukan sahaja

hutang cukup besar, faedah yang dikenakan cukup tinggi, *carmission fee* dan perbelanjaan yang digunakan oleh *government side record high*, paling tertinggi di dunia. Ini saya sudah sebut sebelum ini. Tidak perlu sebut lagi.

Oleh kerana beban yang cukup tinggi oleh 1MDB walaupun tempoh konsesi sudah dipanjangkan, walaupun kontrak tender terbuka telah pun ditawarkan kepada syarikat 1MDB, walaupun harganya bukan paling rendah, tender RM11 bilion ini tidak cukup. Tidak cukup macam mana, hendak buat tender terbuka lagikah. Macam fikiran kementerian sudah berubah. Jangan buang masa buat tender terbuka lagi, kita terus *direct nego*. *Direct nego* yang pertama dia tawarkan kecil sedikit kontraknya, 50 megawatt *solar power plan*. Tenaga matahari, tenaga solar, 50 watt di Kedah.

Ada soalan yang ditimbulkan oleh rakan saya Yang Berhormat daripada Serdang. Yang Berhormat Serdang tidak ada di sini tetapi saya ada soalan dia. Di mana dia tanya kepada Yang Berhormat Menteri, kenapa projek *solar farm* berjumlah 50 megawatt telah diberikan kepada 1MDB melalui *direct negotiation* memandangkan terdapat banyak lagi syarikat Malaysia yang mempunyai *track record* yang lebih baik berbanding dengan 1MDB dalam membina dan menguruskan *solar farm*. Ahli Yang Berhormat sekalian, jawapan yang telah pun diberikan oleh pihak Yang Berhormat Menteri adalah sebegini.

■1810

Projek loji jana kuasa solar 50 megawatt yang diberikan kepada syarikat 1MDB melalui rundingan terus merupakan sebuah projek perintis yang akan menjadi kayu pengukur bagi menilai keberkesanan pembinaan loji jana kuasa solar berkapasiti besar. Bagaimanapun, pemberian secara terus ini perlu juga menepati peraturan-peraturan sedia ada di mana kepentingan kerajaan dilindungi berdasarkan beberapa syarat yang ditetapkan. Akan tetapi apa penting ialah keberkesanan projek perintis ini akan menjadi titik tolak yang akan membuka peluang kepada syarikat-syarikat penjana kuasa solar lain untuk bersaing di dalam proses tender terbuka yang akan dilaksanakan kelak. So, jawapan yang diberikan oleh pihak Yang Berhormat Menteri ialah kita buat rundingan terus dulu supaya tender terbuka dapat dijalankan. Tidak berapa masuk akal.

Kalau kita hendak buat pilot projek, kita mintalah *proposal* daripada semua pihak yang berpengalaman, berikan cadangan yang paling baik, kementerian pilih yang paling baik. Kenapa dalam perkara ini kementerian membuat keputusan *direct nego*. Bukan itu sahaja, ini telah pun bercanggah dengan dasar kerajaan sebelum ini yang menubuhkan *Sustainable Energy Development Authority* (SEDA) untuk menjaga dan merangsang industri *renewable energy*. Mereka telah pun diketepikan. Mereka diberikan kuota-kuota untuk diberikan kepada syarikat-syarikat 10 megawatt, 20 megawatt tapi bila datangnya 1MDB, kesemua yang dibuat sebelumnya tidak guna. Terus bagi saja 50 megawatt. Akan tetapi 50 megawatt terlalu kecil, tidak cukup. Keuntungan masih tidak cukup besar.

Selepas itu bulan Ogos baru-baru ini, satu tawaran baru diberikan kepada syarikat 1MDB. Satu lagi penjana kuasa saiz 2,000 megawatt yang ditempatkan di Melaka ditawarkan

secara rundingan terus kepada 1MDB. Apa yang rasa pelik sikit ialah *what's the urgency?* Kenapa tergopoh-gopoh? Kerana projek yang ditempatkan di Melaka ini sebenarnya hanya diperlukan pada tahun 2021. Ini mengikut pelan induk daripada kementerian sendiri. Loji ini hanya diperlukan pada tahun 2021. Kenapa buat masa ini tergopoh-gopoh ditawarkan secara rundingan terus kepada 1MDB? Saya ada tanya Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri ada jawab. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri kata ia perlu dibuat *because* 1MDB mempunyai *expertise* yang mencukupi. Bukan saja 1MDB yang mempunyai *expertise*, lain syarikat pun ada.

Saya tanya lagi, apakah tarif yang dikenakan? Kalau ada rundingan terus mesti ada tarif yang telah pun ditetapkan. Yang Berhormat Menteri kata tarif belum ditetapkan. Cara kementerian buat sekarang, kontrak tawar dulu, tarif kita bincang nanti. Siapa yang rugi? Rakyat akan rugi kerana apa tarif yang dibincangkan selepas kontrak ditawarkan tentu akan menguntungkan pihak 1MDB.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Cepatnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: 11 minit.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Oh, 11 minit. Bukan 15 minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: 10 minit.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Bukan 15 minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Bukan.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Minta maaf, saya cuba habiskan cepat.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Okey dan sekarang, okey saya akan habiskan. Sekarang bukan sahaja kontrak yang di Melaka 2,000 megawatt telah pun ditawarkan, berita baru keluar, hujung bulan September, awal bulan Oktober bahawa dua loji penjana kuasa akan diberikan kepada 1MDB di Sabah. Satu, 4,000 megawatt *gas turbine* di Lahad Datu ataupun Sandakan. Satu lagi 780 megawatt, sistem hidro di Ulu Padas telah pun ditawarkan secara rundingan terus. Ada runding, tidak ada runding, tidak tahulah tetapi telah pun ditawarkan kepada 1MDB. Saya pun hendak petik satu *media statement* daripada SESB, Sabah Electric dalam *Malaysian Reserve* yang menafikan secara langsung bahawa mereka tidak tahu langsung tentang *participation*, penyertaan industri tenaga oleh 1MDB di Sabah. SESB *unaware of 1MDB plan in Sabah power sector*.

Syarikat Sabah pun macam diketepikan kepentingan mereka. So, minta supaya pihak kerajaan menjawab mengapa 1MDB diberi *privilege* yang begitu baik. *Privilege access, direct nego, straight contract*, tarif pun tidak perlu bincang lagi, *agreement* dengan tenaga kita buat kemudian, kita berikan kontrak dulu. Adakah dua perkara paling penting. Nombor satu untuk membantu 1MDB IPO kerana kalau 1MDB MLG tidak IPO, tidak disenaraikan di Bursa Malaysia

untuk mengumpul wang sebanyak yang dilaporkan lebih kurang RM10 bilion, mereka mungkin akan muflis, akan bankrap kerana tidak cukup wang untuk bayar hutang. Mereka amat memerlukan RM10 bilion ini dan kerajaan tengah cuba seboleh mungkin tanpa menyerahkan tunai terus kepada 1MDB, memberikan kontrak-kontrak yang lumayan kepada 1MDB untuk menyelamatkan syarikat tersebut.

Nombor dua, untuk menunjukkan bahawa 1MDB masih *viable*, masih mempunyai keuntungan yang berlebihan. Bila 1MDB mengambil alih syarikat-syarikat penjana kuasa bebas ini, premium tinggi dan kalau syarikat ini tidak dapat, 1MDB tidak dapat menunjukkan keuntungan pada masa depan, premium ini perlu dilupuskan. Kalau premium ini berbilion-bilion ringgit, RM2 bilion – RM3 bilion, perlu dilupuskan, ia akan ditunjukkan dalam penyata kewangan 1MDB bahawa kerugian besar telah berlaku. So untuk mengelakkan daripada 1MDB perlu melupuskan premium ini, kontrak perlu diberikan secara tergopoh-gopoh kepada 1MDB supaya bila *financial statement* keluar, rugi hanya RM675 juta. Tidak lebih daripada RM1 bilion pun.

Adakah ini merupakan dasar kerajaan yang baru dalam sektor tenaga? Apa yang baik dulu sudah hilang. *All the improvements that we solved and very happy about* hilang. Sekarang kita telah pusing balik kepada zaman di mana kontrak IPP semua diberikan secara lumayan kepada pihak-pihak tertentu melalui rundingan terus. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit Sulong.

6.16 ptg.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Solung]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya hendak terus kepada Butiran 050200, *Malaysian Green Technology Corporation*. Saya menyokong dasar kerajaan yang berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai satu pusat teknologi hijau menjelang tahun 2020 dan kemudian menjadikan komuniti dan seterusnya menjadi komuniti hijau ataupun *green community* menjelang tahun 2030. Sehubungan dengan itu, saya mendapat maklum bahawa GreenTech Malaysia menyasarkan 50 projek teknologi hijau yang telah diluluskan dengan nilai pelaburan mencecah RM1 bilion untuk tahun ini. Jadinya, soalan saya pada pihak kementerian adalah setakat ini bagaimanakah keberkesannya pusat GreenTech di dalam mempromosikan teknologi hijau dalam negara kita.

Seterusnya apakah program-program yang telah dilaksanakan oleh GreenTech Corporation dalam usaha untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan tadi. Kemudiannya bagaimanakah GreenTech Corporation melibatkan sektor swasta supaya mereka akan mengambil inisiatif yang lebih aktif untuk menyertai dalam semua program yang telah dirancang oleh GreenTech Corporation ini dan setakat ini apakah perkembangan terkini *Green Malaysia Plan 2030* yang merupakan projek *flagship* untuk GreenTech Corporation.

Untuk di bawah butiran ini, soalan saya yang terakhir adalah apakah usaha-usaha yang telah dilakukan untuk melibatkan orang ramai dalam menjayakan program-program *Green Malaysia Plan* memandangkan bahawa penglibatan orang ramai ini kita tahu dan kita percaya

adalah sangat penting untuk bersama-sama dalam menjayakan apa juga program yang dianjurkan oleh pihak kementerian dan juga kerajaan.

■1820

Seterusnya Tuan Pengerusi, terus kepada Butiran 060100 – *International GreenTech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia 2015 (IGEM 2015)*. Saya hendak mengucapkan tahniah atas penganjuran IGEM baru-baru ini yang disertai oleh 600 peserta dalam pelbagai sektor yang menampilkan pakar teknologi hijau terkemuka dari seluruh negara untuk berkongsi penyelidikan, pandangan dan sumbangan mereka untuk memacu pertumbuhan industri hijau negara pada bulan Oktober yang lepas.

Saya mempunyai beberapa soalan mengenai perkara ini. Soalan saya adalah apakah usaha yang dilakukan oleh kementerian untuk memupuk kerjasama di antara Malaysia dengan negara-negara luar terutamanya internasional bagi mempromosikan penggunaan produk teknologi hijau dan mesra alam ini? Saya juga hendak minta supaya kementerian untuk memaklumkan kepada kita berapakah kadar penyertaan pengusaha tempatan dalam pameran ini? Ini kerana tadi ada 600 peserta, jadinya daripada jumlah ini, berapakah jumlah penyertaan pengusaha tempatan dan apakah jenis bantuan yang boleh diberikan kepada syarikat-syarikat tempatan ini dalam usaha untuk menggalakkan mereka ini untuk menyertai konvensyen ataupun pameran internasional seperti ini sekiranya ia dibuat lagi?

Juga, saya hendak minta juga kementerian untuk menyatakan apakah sektor utama tumpuan IGEM ini? Adakah ia bercadang untuk memperluaskan lagi tumpuan bidang tersebut? Juga, apakah langkah-langkah yang telah dilakukan oleh kementerian untuk menjadikan produk-produk yang dipamerkan dalam pameran ini dikomersialkan, bukan hanya sekadar pameran? Jadi ia boleh menjadi produk yang betul-betul berguna untuk kehidupan manusia.

Seterusnya, ini butiran saya yang terakhir iaitu Butiran 060200 iaitu MyHIJAU. Soalnya cuma pendek, satu sahaja. Saya cuma hendak tahu apakah kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian sebagai satu syarat kelayakan untuk mana-mana syarikat untuk menggunakan logo MyHIJAU itu?

Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih banyak-banyak.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Selayang.

6.22 ptg.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Perkara pertama ialah Butiran 010300 – Teknologi Hijau dan Air dan Butiran 050200 – *Malaysian Green Technology Corporation*.

Soalan saya ialah kerajaan telah lama menggalakkan teknologi hijau dan pembinaan bangunan hijau tetapi sehingga hari ini, kita melihat tidak begitu banyak bangunan hijau dibina. Pandangan saya ialah kurang permintaan daripada pembeli dan orang awam dan sebab itu pemaju, arkitek, pembekal, konsultan dan sebagainya, tidak membina bangunan hijau. Alasan ini

ialah kerana kurang kesedaran dan pendidikan kepada orang awam tentang kebaikan dan kepentingan teknologi hijau untuk melindungi alam sekitar kita. Soalan saya ialah apakah rancangan oleh kerajaan dan kementerian untuk meningkatkan kesedaran?

Perkara yang kedua ialah Butiran 050300 – Subsidi Bil Elektrik dan Butiran 03202 – Penghantaran dan Pembahagian (Tenaga). Pertamanya saya sokong dengan apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tentang 1MDB dan melanjutkan PPA kepada dua buah syarikat iaitu Tanjong dan juga Genting.

Soalan saya ialah apakah sebenarnya kapasiti yang diperlukan oleh TNB untuk negara kita? Ini kerana pada mulanya bila IPP telah dibuat pada 15 tahun sebelum ini ialah untuk satu langkah sementara untuk memberikan peluang kepada TNB untuk membina loji-loji untuk menjana elektrik, tetapi pada hari ini kita melihat PPA telah dilanjutkan. Kedua ialah, apa sebabnya menggunakan IPP generasi pertama dengan teknologi yang lama dengan melihat kerajaan sendiri telah mengumumkan di dalam RMKe-10 bahawa negara akan mengadakan loji dengan izin, dikata, *cost efficient* dan *sustainable*. Kalau begitu, mengapa kita menggunakan IPP dengan teknologi yang lama?

Soalan saya yang ketiga ialah adakah kerajaan akan menetapkan harga gas asli yang akan dijual oleh Petronas kepada Tanjong, Genting, 1MDB dan sebagainya? Ini kerana ini adalah satu harga yang istimewa yang dahulunya harga yang dijual ialah RM6.40 bila harga pasaran dan kepada sektor yang bukan kuasa ialah RM11.32. Dari tahun 1997 sehingga 31 Disember 2013, *profits foregone* oleh Petronas sebab harga istimewa yang diberikan kepada IPP, jumlah ialah RM199.9 bilion. Kalau kerajaan menetapkan Petronas untuk menjual gas asli kepada IPP terutamanya kepada 1MDB yang kita tahu akan disenaraikan dan Goldman Sachs akan menjual saham kepada seluruh dunia, maknanya orang asing akan mendapat manfaat ini. Soalan saya ialah mengapa kita memberikan manfaat ini kepada orang asing?

Saya pergi kepada Butiran 06400 sehingga Butiran 11600. Ini ialah bekalan air kepada semua negeri. Sehingga ke hari ini, kita mengetahui bahawa NRW ialah 36.6%. Jumlah air yang telah hilang sehari adalah 5.69 bilion. Jadi adalah lebih daripada 53 hari untuk kegunaan air seluruh Perlis ini dihilangkan dalam satu hari.

Kita mengetahui bahawa kerajaan telah memberikan kepada konsesi SYABAS yang dahulu untuk menukar dan menggantikan paip yang lama yang dibuat daripada *asbestos cement* tetapi ini tidak dapat dilakukan. Hari ini kita mengetahui dengan ada perjanjian untuk membeli konsesi, saya hendak minta kementerian untuk memberikan penjelasan, berapa paip yang telah ditukar oleh SYABAS di Selangor? Ini kerana kerajaan telah memberikan pinjaman mudah untuk SYABAS untuk melakukannya dan ini kita tahu tidak dilakukan dan hari ini, Selangor hendak membeli balik konsesi daripada SYABAS dengan harga yang begitu tinggi tetapi kita lihat bahawa masalah NRW tidak dapat diatasi.

Ini juga di dalam seluruh negara, jumlah yang dijangkakan untuk menukar semua paip yang lama ini ialah RM20 bilion. Memang kerajaan negeri tidak mampu untuk berbuat demikian, semua negeri di dalam Malaysia. Kalau kita tidak mengatasinya, kalau kerajaan memang akan

membina beberapa loji yang baru seperti Loji Rawatan Langat 2, ini akan membazirkan kalau kita tidak mengatasi NRW.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jelebu.

■1830

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengambil bahagian bagi membahaskan Maksud B.29 di bawah Butiran 07800 iaitu Rancangan Bekalan Air Negeri Sembilan. Secara khususnya Projek Skim Bekalan Air Triang. Jadi Skim Bekalan Air Triang ini sudah dilancarkan atau dirancang sejak tahun 2004 dan pada tahun 2009 Menteriinya ketika itu Dato' Peter menyatakan bahawa Projek Bekalan Air Triang ini akan siap dan beroperasi pada tahun 2010 dan tahun 2012. Akan tetapi malangnya sehingga kini projek ini masih tidak siap.

Saya pada satu ataupun pada bulan Oktober 2013 di Dewan yang sama juga ada mengemukakan persoalan tentang status ini. Menteri menyatakan bahawa projek yang sudah 98% siap pada ketika itu akan siap sepenuhnya pada akhir tahun 2013, itu yang dijangka. Jadi, saya ingin mendapatkan kepastian status projek ini apakah sudah siap sepenuhnya dan sudah beroperasi? Ini kerana Projek Air Triang ini penting kepada Negeri Sembilan khususnya bagi bekalan air bersih di kawasan Seremban, Nilai dan Rasah.

Jadi, air yang hendak dibawa daripada program Empangan Triang ini ialah air mentah yang dibawa ke pusat ataupun loji rawatan air di Ngoi-Ngoi dekat Seremban untuk diproses sebagai air terawat dan ia boleh membekalkan lebih daripada 500 juta liter air sehari. Oleh sebab itu ia sangat penting kepada Negeri Sembilan bagi menjamin bekalan air yang bersih, yang cukup pada sepanjang masa dan soalan saya kepada kementerian ialah bila Projek Air Triang ini akan siap sepenuhnya dan bila ia akan mula beroperasi? Saya tahu sudah hampir siap keseluruhannya tetapi bila dia akan beroperasi, itu soalan saya kepada kementerian. Berapa jumlah kos keseluruhan projek air Empangan Triang ini.

Seterusnya ialah saya ingin minta penjelasan daripada kementerian juga. Apabila projek air Empangan Triang ini siap, bagaimana kedudukan aset-aset ini? Apakah ia akan diserahkan kepada kerajaan negeri iaitu Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) atau akan ditadbir terus oleh kementerian ataupun Kerajaan Persekutuan. Sekiranya diserahkan aset-aset ini kepada SAINS atau Kerajaan Negeri Sembilan iaitu air diuruskan oleh Syarikat Air Negeri Sembilan. Apakah ia merupakan satu bentuk geran ataupun ia merupakan satu pembiayaan dan pinjaman kepada kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Jadi inilah dua, tiga perkara yang saya minta penjelasan lanjut daripada kementerian ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Parit Buntar.

6.34 ptg.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya cuma ada dua butiran yang ingin mendapat penjelasan iaitu dalam Butiran 050200 di bawah tajuk Program Khusus. Saya ingin mendapat maklumat dari sudut *Malaysian Green Technology Corporation*, sejauh manakah dasar pembangunan modal insan yang berkaitan dengan teknologi hijau? Yang saya maksudkan itu ialah sejauh manakah universiti bersama dengan Kementerian Pendidikan menyediakan ruang bagi pelajar untuk mengikuti pengajian yang mempunyai bidang di dalam teknologi hijau ini.

Ini kerana kita khuatir apabila Dasar Teknologi Hijau ini akan terlaksana secara sepenuhnya, kemungkinan kekurangan tenaga dari sudut modal insan yang sepatutnya termasuklah sumber manusia dan Kementerian Pendidikan, mengambil kira bagaimana hendak menampung keperluan modal insan ini dari sudut akademik dan juga pengeluaran pelajar-pelajar yang berkepakaran dalam bidang ini. Ini juga termasuk pada tahap yang ada hari ini iaitu mereka yang boleh kita *upgrade* kan mengikut kesesuaian keperluan teknologi hijau supaya kekurangan antara menyediakan pembangunan modal insan yang lengkap itu hari ini perlu dipertingkatkan.

Saya mahu tahu sejauh manakah program untuk membuat latihan bagi membina pengetahuan tentang teknologi hijau ini. Ini termasuk juga dalam bidang *research*. Macam mana dari sudut *research*, juga ini mungkin ada juga kaitan dengan pihak swasta membantu bidang penyelidikan kerana kita tahu teknologi hijau asasnya adalah bidang penyelidikan kerana banyak lagi bidang-bidang yang perlu diterokai juga mengikut suasana dan keperluan serta kapasiti yang ada kepada kita. Seperti rakan-rakan saya yang lain juga menyentuh tentang tahap kesedaran, saya ingin minta penjelasan sejauh manakah kementerian ada satu bentuk standard piawaian, menyatakan kalau 2030 kita hendak Malaysia jadi *totally green country*. Apa dia punya piawaian dari sudut hari ini untuk kita menyatakan kita sedang menuju ke arah matlamat tersebut.

Saya belum lagi dapat penjelasan daripada mana saya baca atau saya cari, piawaian yang menunjukkan luar negara ini ada standard yang kita mesti capai daripada sekarang hingga kepada tahun yang kita sasarkan. Begitu juga saya bersama rakan-rakan lain juga menyokong pembangunan secara teknologi hijau ini, yang mesra alam ini. Cuma persoalan saya yang pernah saya soal kepada Menteri ialah sejauh manakah pelaksanaan itu dibuat di peringkat kerajaan dulu?

Berapa peratus yang betul-betul melaksanakan bukan sekadar bangunan hijau tetapi dari segi budaya kerjanya juga adalah budaya kerja yang mesra alam. Kemudian Butiran 06000 di bawah tajuk *One-off*. Saya juga seperti Yang Berhormat parit Sulong di bawah 060100 – *International Green Technology & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia 2015 (IGEM 2015)*. Saya ingin mendapat gambaran juga dalam *exhibition* itu berapakah transaksi industri ini dari sudut pencapaian dia? Itu satu. Kedua ialah bagaimana sambutan orang awam selain daripada para industri terhadap *exhibition* ini? Akhirnya Tuan Pengerusi, saya ingin menyinggung Butiran 060200 iaitu program Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim (MTHPI) peringkat negeri.

Ini ada satu konflik yang selalu diulang-ulang. Walaupun di peringkat *Federal* kita ada satu dasar yang jelas tetapi sejauh manakah kuasa di peringkat negeri dapat mengimbangi keperluan-keperluan Dasar Teknologi Hijau ini di peringkat negeri. Ini termasuk juga isu-isu pembalakan haram contohnya. Ini juga terlibat isu yang saya ada sentuh dalam isu banjir di Cameron Highlands. Ini kerana kita tengok konflik dari sudut yang akan bagi kelulusan yang akan bagi kelulusan projek di tempat-tempat ini adalah peringkat negeri. Kemudian di peringkat majlis daerah.

■1840

Now, apabila kita bercakap tentang berdepan dengan perubahan iklim ataupun *climate change*, perubahan iklim atau *climate change* hari ini, dunia sudah berubah kepada bukan menolak lagi *climate change* tetapi adaptasi kepada *climate change* kerana kita tidak dapat lari daripada *climate change*.

Akan tetapi kalau dasar-dasar itu tidak menggarap persoalan berhadapan dengan realiti ini, maka disinilah kita lihat tidak konsistennya apa yang *Federal* nak, dengan apa yang negeri nak. Jadi, saya minta penjelasan, sejauh manakah keberkesanan Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim di peringkat negeri telah mencapai satu pendekatan dulu apa yang kitaersetujui dan sejauh mana pelaksanaan. Satu masalah paling besar ialah penguatkuasaan yang masih lagi lemah di peringkat negeri dan juga daerah. Dengan itu, saya ucapkan terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

6.41 ptg.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Kepala 050000 – Program Khusus, Butiran 050300 – Subsidi Bil Elektrik.

Elektrik ini adalah keperluan asas, semua orang perlu elektrik ya. Kaya, miskin, tua, muda, apa bangsa pun. Saya tak dapat bayanglah kalau elektrik tak ada. Sekolah kita jadi macam mana, nak sembahyang dekat masjid macam mana? Hospital macam mana? Kalau di rumah kita sendiri macam mana keadaan kalau tidak ada elektrik sehinggakan banyak rumah juga yang hari ini tidur tiap-tiap hari dengan *aircond*. Kalau tidak ada elektrik, macam mana dia hendak tidur, sampai ke tahap itu?

Jadi, berkenaan dengan tarif elektrik ini, kita lihat ada kenaikan harga elektrik pada awal tahun dahulu disebabkan oleh kenaikan harga bahan api. 85% kos penjanaan elektrik ini adalah sebenarnya kos bahan api seperti diesel, arang batu yang diimport yang harganya naik. Penyediaan elektrik ini menyebabkan kos penyelenggaraan yang makin naik-makin naik. Contohnya, perlu ada penyelenggaraan kabel-kabel yang baru dan juga kabel-kabel yang dicuri dan juga berlaku kemusnahan pada kabel-kabel bila terjadi bencana seperti banjir, kebakaran, kemalangan di jalan raya dan sebagainya.

TNB perlu membina banyak *transformer* dan juga stesen-stesen pengagihan yang baru dan membina *power generation* yang baru sebab industri sekarang ini industri makin tinggi, perumahan makin banyak, penggunaan makin banyak. Jadi, kita mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada kerajaan yang meneruskan memberikan rebat ini. Saya melihat subsidi elektrik ini yang mana membeli rebat RM20 mengurangkan, jadi bermakna bil yang kurang daripada RM20 ini tidak perlu dibayar.

Ini telah bermula sejak tahun 2010. Cumanya saya tengok sini, saya tak berapa faham di sini, anggaran tahun 2014 tak ada. Anggaran tahun 2015 RM150 juta. Jadi, saya nak dapat penjelasan di sini juga. Rebate ini dikatakan akan diberikan sehingga 31 hari bulan Disember, 2014. Jadi, apa jadi selepas ini? Apa jadi selepas ini? Adakah ia akan dihentikan, dikurangkan ataupun kenapa tidak dinaikkan? Atau kenapa tak dinaikkan kerana tahun depan akan ada perubahan-perubahan, kejutan-kejutan baru seperti GST dan sebagainya.

Jadi Tuan Pengerusi, saya juga ingin tahu berapa orang lah yang sebenarnya guna *current* RM20 ke bawah ini? Atau ada rumah-rumah yang kosong sahaja, RM20 ke bawah ini. Sekarang ini, dalam suasana sekarang ini. Jadi, berapa orang dalam negara ini yang guna RM20 ke bawah? Berapa banyak jumlah rebat? *Total*, jumlah rebat yang telah diberikan. Contohnya, tahun lepas— daripada tahun 2010 sehingga sekarang.

Apakah faktor-faktor penentu untuk kenaikan kah, pengurangan kah ataupun penghentian rebat ini diberikan. Ini kerana kita sudah tahu. Tadi saya sebutkan, elektrik adalah keperluan asas dan kenaikan elektrik akan mengejutkan rakyat seluruhnya. Jadi, saya berharaplah kerajaan akan lebih prihatin dan meneruskan usaha baiknya memberikan rebat kepada rakyat. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sandakan.

6.45 ptg.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk Kepala P.29 di bawah Butiran 03200 - Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB). Tuan Pengerusi, dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh dari tahun 2011 hingga 2015, kerajaan telah meluluskan anggaran peruntukan sebanyak RM2.4 bilion kepada SESB di bawah butiran yang sama.

Akan tetapi membaca bajet ini adalah amat kecewa sekali. Pada tahun 2011 hingga tahun 2013, peruntukan yang diberi kepada SESB adalah sebanyak RM67 juta. Dalam tahun 2014, peruntukan telah diberi adalah RM113 juta. Dalam Bajet 2015, kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM111 juta kepada SESB. Keseluruhannya walaupun sasaran rancangan kerajaan ialah RM2.4 bilion tetapi akhirnya tidak sampai RM300 juta telah diperuntukkan. Saya ingin tahu kenapa Rancangan Malaysia Kesepuluh ini telah meluluskan peruntukan sebanyak RM2.4 bilion ini tidak dipakai guna sepenuhnya.

Mengikut KPI kerajaan, bukankah semua peruntukan yang telah dirancang hendaklah dipakai guna sepenuhnya? Jelas sekali dalam RMKe10 ini, peruntukan diberi kepada SESB hanya dipakai guna tidak melebihi 15% daripada RM2.4 bilion itu. Ini menunjukkan pentadbiran kerajaan yang begitu tidak efisien dan tidak efektif ini langsung mengecewakan semua rakyat Sabah.

Saya ingin mendapat tahu kenapa ini berlaku? Adakah rancangan ini diberhenti atau dibatalkan? Saya harap ini bukan salah satu bukti menunjukkan Kerajaan Persekutuan telah mengabaikan pembangunan negeri Sabah. Tuan Pengerusi dalam konteks ini, sedangkan Sabah mengalami kenaikan tarif elektrik, nampaknya Tenaga Nasional Berhad (TNB) tidak menyalurkan bantuan kini Kerajaan Persekutuan pun telah gagal memperuntukkan apa yang telah dirancang dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Ini telah menindas rakyat Sabah dan *no wonder*lah, dengan izin, Sabah begitu susah dan kawasan saya Sandakan kini masih menghadapi gangguan elektrik setiap hari. Saya harap persoalan-persoalan tersebut akan diberi penjelasan secara terperinci. Tuan Pengerusi, berkenaan dengan SESB, saya berasa amat kecewa sedangkan rakyat Sabah sentiasa mengalami gangguan elektrik. Kini prestasi pembekalan elektrik kepada pengguna adalah sangat tidak memuaskan hati.

Malangnya juga menurut buku bajet ini, kata gangguan elektrik atau *citing* di Sabah telah meningkat dari setiap pengguna 423 minit pada tahun 2013 hingga 700 minit pada tahun 2014. Akan tetapi SESB masih menaikkan tarif elektrik sehingga setinggi 16.9% pada Januari tahun 2014. Ini bermakna, merupakan kenaikan tarif yang paling tinggi berbanding seluruh negara. Ini langsung tidak munasabah. Tidak lupa juga Sabah merupakan *oil producing state* yang begitu kaya dengan sumber asli yang telah menyumbangkan subsidi kepada IPP.

Akan tetapi kini kita mengalami kesusahan ini. Ini langsung merupakan satu *laughing-stock* di seluruh dunia dengan prestasi SESB yang begitu teruk. SESB masih ada muka minta kenaikan tarif elektrik di Sabah.

■1850

Ini bukan sahaja menyedarkan orang Sabah, malah merupakan perompak di Sabah. Selain itu, saya juga mendapat aduan bahawa kini SESB mula mengutip deposit yang berlebihan di Sabah. Mengikut aduan bukan sahaja takrif ini telah dinaikkan tetapi sekarang masih naik dan memberi lebih banyak deposit. Ini tentu membimbangkan rakyat di Sabah. Masalahnya ialah kenapa mengutip deposit ini berkali-kali jika pengguna ini tidak membayar bil SESB tentu akan memotong perkhidmatan tersebut?

Akan tetapi saya berasa hairan mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri, salah satu faktor ketidakcukupan bekalan elektrik di Sabah ialah pencurian elektrik. Kebanyakan kes ini terlibat golongan PTI. Oleh kerana PTI tidak mempunyai dokumen yang sah, maka SESB berkata ia tidak boleh mengambil tindakan. Saya memang tidak setuju dan saya harap SESB akan mewujudkan satu peraturan untuk mengendalikan masalah tersebut.

Tuan Pengerusi, SESB merupakan anak syarikat di bawah TNB yang mempunyai 80% saham dan TNB telah mencatatkan keuntungan yang besar seharusnya mempunyai tanggungjawab ke atas SESB untuk membantu SESB dalam semua aspek.

Mengikut *Financial Report TNB*, dalam tahun 2010, TNB telah mencatatkan keuntungan sebanyak RM3 bilion dan keuntungan ini telah berlanjutan dari tahun 2011, 2012, 2013 sehingga tahun 2014. Terkini dalam tahun 2013, TNB telah mencatatkan keuntungan sebanyak RM4.6 bilion manakala tahun 2014 TNB dijangka akan mencatat keuntungan sebanyak RM6.1 bilion. Kini ia berlaku selepas kenaikan takrif pada awal tahun ini. Walaupun keuntungan yang besar tiap-tiap tahun tetapi kerajaan masih menyuruh TNB menaikkan tarif untuk membebaskan rakyat. Ini langsung tidak boleh diterima dan saya anggap Kerajaan Barisan Nasional, ini slogan harus ditukar menjadikan rakyat dibebankan, kroni diutamakan. Saya ingin tegaskan di sini bahawa TNB ini bukan...

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Sandakan, boleh sedikit Yang Berhormat Sandakan. Mencilah sikit.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Saya tiada masa, *sorry*, ya. Saya ingin tegaskan di sini bahawa TNB ini bukan satu syarikat peribadi yang seperti sendiri punya biasa. Ia merupakan syarikat yang bersifat *natural monopoly* dan membebankan. Satu, keperluan yang paling asas kepada semua rakyat. Ia mempunyai tanggungjawab masyarakat atau *social responsibility*. Kemudahan asas seperti...

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Sandakan, itu maksud saya tadi. Saya hampir setuju dengan Yang Berhormat Sandakan tadi.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Ya, nanti *you just* setuju nanti belakang ceritalah. Kemudahan asas seperti bekalan elektrik merupakan tugas kerajaan meskipun TNB tidak untung pun hendaklah membekalkan kemudahan asas kepada rakyat. Sekarang, TNB telah mendapat keuntungan yang begitu besar tetapi masih hendak menaikkan takrif elektrik. Ini langsung tidak bertanggungjawab dan tidak bermoral. Jika TNB tidak berupaya menguruskan SESB dan tidak boleh membantu rakyat Sabah, saya mencadangkan di sini bahawa mengembalikan hak pengurusan SESB balik ke Sabah.

Tuan Pengerusi, saya pun mahu sentuh sedikit 1MDB. Tadi... *[Disampuk]* Sabar. Rakan saya Yang Berhormat Petaling Jaya Utara sudah pun sentuh dengan begitu terperinci tetapi di sini dua unit yang dicadangkan dibina di Sabah. Di sini kita harap kerajaan dan Menteri berkenaan tidak setuju ini satu *company* begitu berskandal yang diambil alih di Sabah untuk membina loji ini.

Kita harap kedua-dua loji ini yang berkenaan tidak boleh dilaksanakan dengan *open tender* dan keutamaan diberi kepada kontraktor tempatan Sabah. Ini kita harap dan selain itu juga saya ingin tahu adakah loji kena jana kuasa hidroelektrik ini yang begitu besar? Ini akan mengambil alih tanah yang terlibat, NCR *land* atau tanah-tanah perkampungan di Sabah. Ini kita pun mesti mahu kaji dengan baik. Satu lagi kita berharap kerajaan semestinya kajian EIA itu harus *comply* syarat-syarat ini. Jadi harap ini semua dijadikan.

Tuan Pengerusi, sebelum saya mengakhiri saya ingin mempersoalkan tentang pembinaan Loji Janakuasa Geoterma di Tawau yang telah mengundang kritik di mana kegiatan pembalakan didapati sedang berlaku di tempat tersebut. Yang Berhormat Kalabakan pernah membangkitkan isu pembalakan haram di Tawau tetapi terdapat berlori-lori balak dikeluarkan dari hutan simpanan kelas pertama, atasi. Sejak tahun lalu, kononnya balak tersebut adalah hasil penebangan pembersihan tapak projek kilang Geoterma dan Green Energy (TGE). Menurut anggaran terkini yang didedahkan oleh kerajaan terdapat sebanyak 429 hektar hutan ditebang untuk pembinaan kilang tersebut.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, Pengarah Jabatan Perhutanan Sabah, Datuk Sam Mannan, sebelum ini mendakwa pembalakan dilakukan untuk mengosongkan kawasan itu bagi membina jalan raya.

Akan tetapi sebanyak 80% pembinaan jalan sudah siap menjelang Ogos 2013. Menurut laman web rasmi *Green Energy*, kenapakah masih banyak balak dijumpai di jalan raya Tawau? Apa yang paling menarik ialah berdasarkan cara di Suruhanjaya Syarikat Malaysia mendapati pemegang saham majoriti dalam *Green Energy* ialah Ketua Pemuda UMNO Bahagian Sipitang, Yamani Hafez...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sandakan.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: ...laitu anak Ketua Menteri Sabah pada masa penubuhan syarikat yang pemberian kuasa tenaga boleh diperbaharui adalah sangat...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Sedikit sahaja. Adalah sangat ketara bahawa syarikat ini tidak ada pengalaman dalam pengendalian bidang jana kuasa. Adakah ia sememangnya merupakan berkaitan pembalakan yang haram di atas nama pembinaan loji jana kuasa? Dengan demikian, bukan sahaja SPRM harus menyiasat dalam hal ini, saya juga menuntut bahawa sekarang tibalah masa Menteri Persekutuan untuk campur tangan. Yang Berhormat Menteri Teknologi Hijau, Tenaga dan Air haruslah menjelaskan kepada rakyat, apakah status perkembangan projek tersebut? adakah projek tersebut *viable* dijalankan?

Semua berkaitan pembalakan berlebihan dari tapak pembinaan harus diberhentikan serta-merta dengan jikalau syarikat terbabit bersalah, kita harus membawa mereka ke hadapan pengadilan. Saya memang berharap bahawa loji Janakuasa Geoterma dapat didirikan di Tawau dan Sabah tempat saya tetapi saya menentang sebarang berkaitan pembalakan berleluasa yang menggunakan pembinaan tapak sebagai alasan. Dengan itu, saya ucapkan terima kasih. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Pengerusi membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya hendak sentuh Butiran 09100 - Rancangan Bekalan Air Negeri Selangor. Saya hendak minta penjelasan daripada pihak kementerian, ada dua isu iaitu yang pertama, penstrukturan air Selangor dan yang kedua pembinaan Loji Langat 2.

Pertama, penstrukturan air Selangor, saya hendak dapatkan penjelasan sama ada perjanjian telah pun ditandatangani di antara pihak konsesi dengan pihak Kerajaan Negeri Selangor.

■1900

Tidak silap saya ada empat syarikat konsesi dalam membekalkan air Selangor dan salah satu saya sudah lupa, SPLASH barangkali. Saya hendak tanya, adakah keempat-empat syarikat ini bersetuju menandatangani perjanjian? Apa beza di antara perjanjian yang telah ditandatangani oleh bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Khalid Ibrahim sebelum beliau dipecat daripada Menteri Besar? Satu perjanjian telah pun dibuat, adakah perjanjian itu *valid* ataupun tidak? Sah ataupun tidak? Saya hendak tanya, apabila Menteri Besar baru, Yang Berhormat Gombak Menteri Besar, adakah perjanjian baru ditandatangani? Kalau Menteri Besar baru ini membuat perjanjian yang baru, adakah terma-termanya berbeza daripada terma-terma perjanjian yang ditandatangani oleh bekas Menteri Besar?

Saya mengikut perkembangan ini bahawa Ahli Parlimen Gombak yang merupakan Menteri Besar juga telah pun meminta bahawa pihak kementerian untuk mendedahkan terma-terma perjanjian ini dan adakah pihak kementerian telah pun bersetuju dengan cadangan daripada Menteri Besar Selangor? Kalau kata pihak kementerian tidak bersetuju, mengapa? Jika ada perjanjian ini ditandatangani, saya tidak tahu. Jadi, adakah perjanjian kedua ini telah pun ditandatangani di mana pihak kementerian telah pun bersetuju dengan kehendak daripada Menteri Besar Selangor ini supaya terma perjanjian ini didedahkan kepada umum.

Jadi kalau sekiranya pihak kementerian tidak mendedahkan perjanjian ini, bagaimana Menteri Besar yang baru boleh menandatangani dengan pihak kementerian. Ini kerana kita sedia maklum bahawa salah satu sebab mengapa bekas Menteri Besar Selangor kenapa telah pun dipecat ini ialah atas isu air. Ini kerana pihak-pihak pakatan pembangkang, PKR khususnya di negeri Selangor tidak bersetuju dengan perjanjian yang telah pun ditandatangani dan malah dalam persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor yang lepas, satu usul telah pun dibawa dalam Dewan Undangan Negeri Selangor oleh tidak silap saya daripada ADUN Kampung Tunku supaya kerajaan negeri menolak dan mengkaji semula terma-terma perjanjian air, pencatuan air yang telah pun dibuat oleh bekas Menteri Besar ini.

Jadi persoalan saya, adakah perjanjian baru telah dibuat dengan Menteri Besar baru, adakah terma-terma ini telah diubah? Kalau telah dibuat perjanjian baru dengan Menteri Besar baru tanpa mahu buat pendedahan kepada umum, tanpa mengubah terma-terma perjanjian, jelas menunjukkan bahawa Pakatan Rakyat di negara Selangor hanya bermain politik, hanya hendak mencari alasan untuk mereka menolak bekas Menteri Besar yang lama...

[Dewan riuh]

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Kalau tidak pasti, jangan tuduh Pakatan Rakyat. Pasti atau tidak? Pasti atau tidak?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya tanya. Yang Berhormat tunggulah. Saya tanya Menteri...

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Kalau tidak pasti, jangan salahkan Pakatan Rakyat, PKR.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Tanjong Karang...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Inilah pembangkang ini. Saya tanya pada Menteri, biarlah menteri jawab. Kalau Menteri kata belum, belumlah. Kalau Menteri kata sudah, saya cabar Yang Berhormat letak jawatan boleh? Saya hendak tanya, kalau Menteri jawab perjanjian telah pun ditandatangani di antara kementerian dengan Menteri Besar yang baru, saya hendak cabar apa tindakan Yang Berhormat.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Kalau tidak?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya tanya Menteri, Yang Berhormat mencelah fasal apa?

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Kalau tidak, Yang Berhormat Tanjong Karang letak jawatan.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Kita hendak dengar jawapan Menteri.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: *[Ketawa]* Apa ini? kalau hendak bahas, balik Dewan Undangan Negeri Selangor bahas, jangan bahas di sini.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini lagi Ahli Parlimen yang tidak reti bahasa. Saya baca butiran bekalan air Selangor. Ini memang kita khas dalam Parlimen, apa guna bahas ini? Tidak faham Yang Berhormat? Ini pasal bekalan air Selangor sebab ada dalam Butiran 09100. Apa Yang Berhormat bangang sangat ini tidak faham? Tidak reti bahasa. Kalau tidak tahu, tidak usahlah menyampuk. Bila kena sedikit hendak melompat, hendak mencelah tidak tentu hala. Bacalah, saya bercakap dari segi skop butiran. Yang Berhormat sudah baca buku ini? Kalau tidak baca, balikkah. Kalau sahaja hendak mengacau... *[Dewan riuh]* Malulah sedikit. Kalau hendak mencelah Tuan Pengerusi, hendak mencelah butiran tidak baca.

Saya bercakap berdasarkan Butiran 09100, tajuknya ialah Rancangan Bekalan Air Negeri Selangor. Salahkah saya bercakap untuk bekalan air negeri Selangor? Saya hendak tanya. Ini tidak faham, jangan mencelah. Sudahlah bangun tidak ikut peraturan. Baru jadi Ahli Parlimen, hendak mencelah tidak tentu hala.

Baik, saya hendak tanya. Ini soalan saya, biarlah Yang Berhormat Menteri jawab, yang hendak melompat fasal apa? Kalau dia kata sudah jawab, saya sudah buat kesimpulan tadi. Kalau belum tandatangan, okey. Kalau belum tandatangan, saya hendak tanya kepada pihak kementerian... *[Disampuk]* Apa? Saya hendak tanya pihak kementerian. Kalau belum tandatangan, saya hendak tanya pihak kementerian, adakah pihak kementerian akan

mendedahkan terma-terma perjanjian seperti mana yang diminta oleh Menteri Besar yang baru. Itu soalan saya.

Okey yang kedua... *[Disampuk]* Itu sebab tidak dengar. Saya kata dua isu, Air Selangor ada dua isu. Satu percaturan semula air, yang kedua ialah mengenai Loji Langat 2. Ini dua perkara. Tidak faham jangan cakap. Tidak faham duduk diam-diam. Jangan hendak menyampuk. Sekarang saya hendak pergi mengenai Loji Air Langat 2. Yang Berhormat kena faham, dua benda yang berbeza. Loji Langat 2. Saya hendak tanya *the status...* *[Dewan riuh]* Apa bising ini? Bangun. Bangunlah. Okey saya duduk. Siapa hendak bangun, cakap. Saya bagi jalan. Tahu pun. Kalau kamu bercakap, *you shut up*, jangan kacau. Ini kena sedikit hendak melompat fasal apa? Janganlah bising, hormatlah. Hendak cakap? Okey *you* bangun cakap. Bangunlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Tanjong Karang, masa sudah habis.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tidak, saya hendak sambung. Isu yang kedua... *[Dewan riuh]* Apa? Ini perangai apa ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Isu yang kedua.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Isu kedua. Saya hendak tanya mengenai status pembinaan Loji Langat 2. Adakah pembinaan Loji Langat 2 ini telah bermula dan adakah segala kelulusan, tidak silap saya hampir dekat 15 ke 16 kelulusan yang mesti diperoleh daripada kerajaan negeri, adakah kelulusan-kelulusan ini telah pun diperoleh dan adakah projek ini telah pun bermula. Kalau sudah bermula, berapa peratus permulaan ini? Mengenai Loji Langat 2 juga, saya hendak tanya bahawa terowong yang telah dibina dari Pahang sampai ke Hulu Langat ini, adakah telah siap dibina? Kalau telah siap dibina, bilakah bekalan air akan dibawa melalui terowong ini? Bilakah dijangka siap?

Misal kata kalau Loji Langat 2 ini telah pun dimulakan kerjanya, bila Loji Langat 2 ini akan dimulakan? Sementara hendak menunggu Loji Langat 2 siap, mungkin ambil tiga tahun atau empat tahun, bagaimanakah kedudukan terowong yang mungkin sudah siap untuk membekalkan air dari Pahang? Adakah langkah-langkah lain, ada pelan B supaya air daripada bekalan air dari Pahang akan terus dibawa dan boleh memberikan faedah kepada rakyat negeri Selangor. Terima kasih. Itu pun tidak faham.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Hulu Langat.

7.08 mlm.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Merujuk pada B.29 Butiran 010200 – Tenaga. Saya sangat berharap penjelasan mengenai loji jana kuasa arang batu berkaitan dengan penjagaan alam sekitar. Adakah benar *clean coal technology* dengan izin, yang digunakan di Loji Janakuasa Tanjung Bin dan Manjung jauh lebih baik dari segi pemuliharaan alam sekitar berbanding loji jana kuasa arang batu di Pelabuhan Klang. Saya

minta penjelasan mengenai rancangan kerajaan untuk menggunakan *carbon capture* dan *storage* dalam penjanaan tenaga.

Butiran 29 menyambung Yang Berhormat Tanjong Karang sebutkan tadi, Butiran 020000 - Pasukan Projek Penyaluran Air Mentah Pahang ke Selangor dan P.29, Butiran 09100 - Rancangan Bekalan Air Selangor dan Butiran 11200 - Penyaluran Air Antara Negeri. Kita tahu bahawa MoU antara Kerajaan Persekutuan dan negeri Selangor dan perjanjian penstrukturan semula bekalan air Selangor telah pun ditandatangani baru-baru ini.

■1910

Jadi rakyat Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya saya berharap kedua-dua kerajaan dapat mendedahkan butir-butir penting dalam MoU dan perjanjian mengenai air ini kepada orang awam. Apakah halangannya sekiranya tidak dibenarkan? Rakyat juga ingin mendapat penjelasan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Tanjong Karang tadi, status pembinaan Langat 2. Berapakah jumlah anggaran perbelanjaan bagi membina terowong dan pusat penapisan air Langat 2. Begitu juga saya difahamkan sebelum Langat 2 ini selesai dibina, maka air dari Pahang akan terus dibawa masuk ke Sungai Langat. B.29 Butiran 40100 – Perkhidmatan Pembetulan.

Saya ingin mendapat penjelasan berapa banyakkah loji rawatan kumbahan yang telah dibina di sepanjang Sungai Langat dan juga loji yang sedang di baik pulih? Saya bertanya soalan ini kerana kita beberapa kali menghadapi masalah paras harmoni yang tinggi di Sungai Langat hingga menyebabkan pusat penapisan air di Batu 11, Cheras tidak dapat beroperasi. Adakah tidak ada penguatkuasaan atau pun pemantauan sehingga menyebabkan loji kumbahan ini membebaskan air kumbahannya sebelum betul-betul diproses ke Sungai Langat. Saya minta penjelasan.

Kemudian, Butiran 50300 – Subsidi Bil Elektrik yang sebelum ini dihadkan kepada pengguna yang menggunakan kurang RM20 dan kurang daripada RM20. Oleh sebab tarif elektrik ini meningkat, maka sejauh mana kejayaan program ini dan sejauh mana pula manfaat yang diterima oleh rakyat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lipis. Ramai lagi? Tiga, enam. Okey. Tiga sebelah kanan, tiga sebelah kiri. Selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab. Ya.

7.12 mlm.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pergi kepada Butiran 030000 – Bekalan Air dan 030100 – Ibu Pejabat. Saya hendak menyentuh butiran ini bersekitar masalah bekalan air. Ramai rakan-rakan yang telah menyentuh soal masalah air ini dan juga masalah daripada TNB. Akan tetapi pada hemat saya, TNB ini di kawasan saya memberi bekalan yang cukup baik sekali. Akan tetapi walau bagaimanapun ia berkait dengan masalah bekalan air apabila sekali-sekala, dua, tiga bulan sekali masalah bekalan api terputus, maka masalah yang akan timbul kepada bekalan air. Bekalan air ini apabila

terputusnya bekalan elektrik, akan mengambil masa hampir tiga hari untuk membekalkan kembali air ke destinasi-destinasi tertentu.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh soal ini kerana banyak perkara yang berlaku di sekitar kawasan Parlimen saya yang menyebabkan beberapa kampung sering mengalami masalah bekalan air. Ada di antara kampungnya putus bekalan air sehingga mencecah sampai dua minggu atau tiga minggu. Ini pada hemat saya ia juga berkait kepada masalah daripada punca-punca air, ada juga berpunca daripada punca air yang disebabkan oleh kerana lombong-lombong, kerana hujan-hujan lebat yang menyebabkan hakisan masuk ke dalam sungai yang menyebabkan sungai itu terlalu kotor sehingga terpaksa bekalan air diputuskan kerana tidak dapat disuling air tersebut.

Pandangan saya, untuk membantu masyarakat di kawasan Parlimen Lipis ini, saya mohon jasa baik supaya kementerian dapat membantu dalam hal ini supaya loji-loji air ini di *upgradekan*, bertambah baik. Kawasan-kawasan *spot* ini memang terlalu banyak, kalau dianggarkan mencecah sehingga 100 juta untuk bekalan air di Lipis sahaja. Akan tetapi walau bagaimanapun *spot-spot* yang sangat ketara, selalu sering masalah air ini dapat diatasi oleh pihak kementerian adalah seperti kampung-kampung daripada Kerambit, Relai, sehingga lah ke Mela, loji-loji air ini merupakan loji air yang sudah tua yang tidak dapat membekalkan kepada penduduk yang semakin bertambah.

Jadi pada hemat saya, mohon pihak kementerian dapat membantu menaik taraf loji-loji air ini, memandangkan loji-loji air ini telah terlalu lama dan termasuklah kawasan Merapoh, kawasan Jerangsang, termasuklah beberapa kawasan yang lain yang mungkin saya akan secara rasmi menulis surat kepada Yang Berhormat Menteri. Terlalu banyak kawasan-kawasan yang perlu dibantu termasuk maktab perguruan sendiri yang sering putus bekalan air.

Saya mohon jasa baik kepada pihak Yang Berhormat Menteri supaya dapat mengatasi hal ini kerana ia pada hematnya ia amat kritikal sekali, mungkin banyak lagi kawasan-kawasan lain. Kawasan Tuan Pengerusi saya tidak pasti, kerana air di Pahang ini saya dimaklumkan kalau hendak pula musim perayaan, ia lagi ketara sekali.

Saya dengan ini memohon supaya pihak-pihak yang tertentu termasuklah kementerian-kementerian yang berkait, supaya melihat sungai-sungai di dalam kawasan Parlimen Lipis ini, umpamanya kalau disebabkan banjir lumpur daripada Cameron Highlands ini sendiri, yang turun air tanah, maka bekalan air terpaksa diputuskan kerana ia tidak dapat dibersihkan oleh pihak paip negeri Pahang. Mohon supaya peruntukan segera membantu untuk membangunkan semula sistem paip di paip air di Parlimen Lipis kerana ia banyak menjejaskan perkara-perkara ini. Saya mohon Tuan Pengerusi, menyokong pembekalan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bayan Baru. Lima minit ya.

7.17 mlm.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang. Saya punya soalan sangat ringkas sahaja. Saya ingin merujuk kepada Butiran 10300 – Rancangan Bekalan Air Negeri Pulau Pinang. Untuk makluman, negeri Pulau Pinang sekarang ingin membeli air dari negeri Perak, dari Sungai Perak. Ini adalah *Inter-State Water Transfer Project* yang kita ingin libatkan. Untuk selalunya dari segi *Inter-State Water Transfer Project*, ia melibatkan *raw water* atau air mentah. Kalau kita tengok apa yang berlaku untuk negeri Selangor, beli air mentah dari Pahang, ia melibatkan air mentah. Dari Johor ke Singapura juga melibatkan air mentah. Jadi untuk negeri Pulau Pinang, pembangunan yang pesat dan permintaan air juga yang semakin tinggi, kita perlukan *new sources of water*, iaitu dari negeri Perak, Sungai Perak.

Walau bagaimanapun, projek ini patutnya dijalankan tahun lepas. Akan tetapi sampai sekarang, 2014 sudah satu tahun lewat, masih belum ada *progress*. Sebenarnya projek ini akan mengambil enam tahun dan kita menjangkakan bahawa permintaan air untuk negeri Pulau Pinang tidak akan mencukupi menjelang tahun 2020. Jadi, kita kekurangan masa iaitu kalau kita tidak memulakan projek *Inter-State Water Transfer* ini, negeri Pulau Pinang akan mengalami masalah air seperti di negeri Selangor sekarang.

Walau bagaimanapun, masalah yang terutamanya adalah ketidakinginan dari negeri Perak. Sebenarnya negeri Perak ingin menjual air yang *treated water* kepada Pulau Pinang. Ini adalah sesuatu yang tidak munasabah sebab saya sudah hujahkan tadi tentang *interstate water transfer* ia melibatkan air mentah, bukan *treated water*. Apabila negeri Perak ingin menjual air yang telah dirawat kepada Pulau Pinang, ia ingin caj yang premium. Ini akan menjadikan kos air terlalu tinggi.

Dari segi teknikal, kalau air dari negeri Perak, dirawat di negeri Perak, selepas itu *transfer* ke Pulau Pinang, itu juga tidak *make sense* kerana ia akan kehilangan *non-revenue water* yang agak tinggi. Jadi ini tidak *make sense* lah.

■1920

Jadi kita minta KeTTHA sebagai *Federal*, dia kena *intervene*, dia kena masuk untuk membawa kedua-dua pihak ini untuk mencapai satu persetujuan. Selama ini kita sudah cuba berhubung dengan kementerian tetapi tidak ada *progress* yang mencukupi. Akan tetapi kita tengok apabila untuk negeri Selangor seperti Langat 2 dan juga Pahang ke Selangor, *interstate transfer project*, kementerian aktif. Akan tetapi di Pulau Pinang dia macam pasif. Kementerian tidak ada keinginan. Jadi adakah ini satu *double* standard daripada kementerian? Kita mahu kalau boleh Menteri kena turun secara aktif, bawa dua pihak bincang, *set a price* dan biarkan *interstate water transfer* ini berlaku kerana ini melibatkan tiga juta penduduk di Pulau Pinang.

Ini sahaja daripada saya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Hulu Rajang. Lima minit, ringkas.

7.21 mlm.

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih Tuan Pengerusi yang berbudi baik dan bijaksana Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih.

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Saya terus merujuk dengan ringkas Butiran 11600 – Rancangan Bekalan Air Negeri Sarawak. Sungai Asap yang begitu terbilang yang terletak di Parlimen kawasan Hulu Rajang merupakan sebuah kawasan penempatan semula yang menempatkan penduduk yang terlibat, Tuan Pengerusi, dalam pembinaan Empangan Hidro Elektrik Bakun.

Akan tetapi, setelah penduduk tinggal 15 tahun dan Empangan Bakun telah siap dibina dan menjadi satu projek mega iaitu penjana utama, saya ingat bukan utama pun memberi pendapatan kepada negara. Penduduk di Sungai Asap sehingga kini masih berhadapan dengan masalah bekalan air yang setiap kali terputus dan kualiti air yang kotor akibat daripada aktiviti penanaman kelapa sawit di sepanjang Sungai Koyan yang terletak sekarang ini.

Justeru itu, saya mohon jasa baik kementerian agar dapat menyalurkan sejumlah peruntukan untuk mempertimbangkan ataupun untuk membina loji air baru bagi membekalkan bekalan air terawat kepada penduduk di kawasan Sungai Asap sebagai tanda terima kasih kepada penduduk-penduduk tempatan atas pengorbanan mereka selama ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Juga lima minit.

7.23 mlm.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ringkas sahaja, Butiran 80000 – Projek Pembedungan negara. Saya ingin merujuk kepada satu projek di bawah kementerian KeTTHA di sepanjang Jalan Gasing, Petaling Jaya. Projek yang sedang dijalankan ialah sistem pembedungan bersepadu antara Seksyen 5 dengan Seksyen 9 di mana projek ini pun telah terlalu lama dijalankan tetapi macam projek ini terlalu *slow*, lambat. Ini kerana Jalan Gasing ini ada jalan dua hala. Oleh sebab projek ini, ia terpaksa ditutup satu lorong dan menjadi hanya satu lorong. Oleh sebab kerja-kerjanya lambat, selalu pada masa pagi dan petang, jalan ini selalu *jam*, kesesakan lalu lintas berlaku di sepanjang Jalan Gasing.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, bilakah projek ini akan siap? Saya juga hendak tanya Menteri terutama projek-projek sewaktu malam ini, semasa tidak ada kerja dilakukan sebelah malam dan tidak ada langsung lampu-lampu untuk projek ini, menyebabkan banyak kes kemalangan jalan raya berlaku terutama pada waktu malam sebab gelap. So, saya harap Menteri boleh menyeru kontraktor berkenaan supaya pasang lampu di sepanjang jalan itu terutama *contract site* ini.

Kedua juga tentang projek pembedungan yang bersepadu yang akan dijalankan di kawasan Taman Medan dan juga Taman Dato' Harun. Saya difahamkan juga projek baru ini

akan dijalankan pada tahun depan. Sehingga kini kita tidak tahu mengapa – kita tidak mahu seperti sebelum itu projek di sepanjang Jalan Gasing ini, tidak ada dialog, tidak ada pemberitahuan kepada penduduk tentang projek ini. Walaupun projek ini daripada federal atau Persekutuan tetapi Majlis juga bertanggungjawab untuk menjaga projek ini supaya penduduk tempatan faham tujuan dan juga keselamatan dan juga jalan-jalan yang *dioccupied* ini yang di mana akan menyebabkan kesesakan lalu lintas.

So saya hendak tanya bilakah projek ini akan dimulakan? Projek sistem pembetulan bersepadu yang akan diadakan di Taman Medan dan Taman Dato' Harun di kawasan PJS2, PJS3 dan juga PJS1. Bilakah dialog pertemuan akan diadakan terutama melibatkan kontraktor dan juga pihak daripada KeTTHA dan juga Majlis MBPJ?

Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, selepas Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Tebrau dan akhirnya Yang Berhormat Klang. Selepas itu Menteri jawab.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Termasuk Bakri, lima minit sahaja.

7.26 mlm.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya berterima kasih kerana diberi peluang untuk turut berbahas di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air yang diperuntukkan sejumlah RM2.9 bilion.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Lima minit ya Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya terus pergi, Tuan Pengerusi. Walaupun saya telah diberi jawapan soal SAIDI di Sabah yang mana SAIDI telah pun meningkat kepada 700 pada tahun lepas daripada 424 ke 700 SAIDI, agak teruk sekali tetapi jawapan daripada Menteri sudah ada. Saya mengharapkan kementerian ini dapat betul-betul memberi jaminan supaya SAIDI ini dapat dikurangkan dengan masa yang terhad sebab itu adalah janji Menteri semasa menjawab soalan saya pada minggu yang lepas.

Yang Berhormat Menteri, saya ingin menyentuh Butiran 030000 – Bekalan Air yang diperuntukkan sebanyak RM34.2 juta. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Menteri spesifik bagi negeri Sabah. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa NRW di negeri Sabah terutama sekali di Kota Kinabalu amat teruk sekali? Belum ada apa-apa yang menunjukkan yang ada *progress, improvement* soal NRW ini.

Ini disebabkan banyak yang dikatakan, satu, penggunaan secara boros ataupun dengan tidak bertanggungjawab. Lagi, soal kebocoran paip-paip yang lama. Paip-paip yang belum diganti lagi walaupun ada yang baru dibuat melalui Kementerian Luar Bandar tetapi dalam kawasan bandar itu masih lagi banyak paip yang lama dan perlu diganti.

Pada dua tiga tahun yang lalu, pihak kementerian telah pun berjanji untuk membuat sesuatu untuk mengatasi masalah NRW. Namun, sampai sekarang tidak kelihatan *improvement* soal NRW *particularly* di kawasan saya di Kota Kinabalu di Pantai Barat.

Saya mahu tanya pihak Menteri, adakah mempunyai statistik mengenai dengan penggunaan air ini di mana antara kilang, industri dan berapa yang digunakan untuk yang tidak dikira sebagai *public use* dan lain-lain?

■1930

Berapakah *percentage*, peratusan yang digunakan, yang *diconsume* oleh manusia itu sendiri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Jadi ini penting. Yang Berhormat Timbalan Menteri, termasuklah kawasan Tuan Pengerusi saya rasa ada juga NRW di sana. *[Disampuk]* Jadi tidak tahu, mungkin tidak ada masalah kawasan Tuan Pengerusi. Jadi saya mengharapkan ini melalui Butiran 11400 – Rancangan Bekalan Air Negeri, bahagian pembangunan iaitu satu cadangan Empangan di Ulu Penampang, di Ulu Papar, apa sudah terjadi? Yang mana ada bantahan daripada penduduk-penduduk di mana tempat itu dibanjiri dan tidak ada rancangan langsung untuk memindah, menempatkan penduduk-penduduk yang terlibat dalam empangan itu.

Sampai sekarang belum ada berita pun, jadi apakah kesudahan yang sudah pun disebar di media, di umum oleh kerajaan negeri, di umum oleh Menteri Persekutuan di suatu ketika sampai sekarang belum ada. Apa sudah terjadi?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Dalam masa 10 tahun ini Tuan Pengerusi, dalam masa 10 tahun yang akan datang, Kota Kinabalu akan bermasalah dengan kekurangan bekalan air. Kalau ini tidak ditangani dengan cepat, masalah kita, mungkin kita lenyap dibuang oleh rakyat. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab ini dengan secara yang ada keyakinan kepada rakyat terutama sekali di Kota Kinabalu.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Sudah cukup, ada lagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukup.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya jemput Yang Berhormat Ipoh Timur.

7.31 mlm.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya masuk Butiran 010200 – Tenaga. Tuan Pengerusi, isu yang saya ingin bangkitkan di sini ialah tentang

isu pengiraan bil elektrik TNB yang TNB dakwa adalah kurang caj ataupun situasi di mana TNB dakwa meter tersebut telah diusik ataupun diubah oleh pengguna. Dalam situasi tersebut pengguna langsung tiada kaedah atau cara untuk memastikan bahawa jumlah pengiraan kurang caj oleh TNB adalah tepat, wajar dan adil.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Sering kali kami menerima aduan daripada orang ramai yang mengatakan bahawa mereka telah menerima notis untuk membayar wang berjumlah beribu-ribu ringgit oleh TNB atas dakwaan kurang caj ataupun meter yang tidak merekodkan bacaan yang betul. Kebanyakan mereka merasa tidak puas hati kerana tindakan TNB dilihat berat sebelah dan tidak mengikut undang-undang sedia ada.

Tuan Pengerusi, di bawah seksyen 37(1) *Electricity Supply Act 1990* yang memperuntukkan bahawa adalah satu kesalahan di mana seseorang didapati, dengan izin saya baca, *“A person who tampers with or adjusts any installation that likely to cause danger to human life shall be guilty of an offence punishable with a fine not exceeding one hundred thousand ringgit or jail term of not exceeding three years or both...”* Selanjutnya di bawah seksyen 37(3) ia memperuntukkan bahawa, *“A person who dishonestly abstracts electricity, consumes electricity, uses electricity, alters the index of any meter or prevents such meter or instrument from duly recording the output of consumption of the electricity shall also be guilty of an offence...”* Sama juga, ia boleh didenda tidak melebihi RM100,000 ataupun penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Tuan Pengerusi, manakala di bawah seksyen 38 ialah penting, *Electricity Supply Act 1990* memperuntukkan bahawa sekiranya pihak TNB mendapati bukti bahawa satu kesalahan telah dilakukan di bawah seksyen 37(1), 37(3) dan 37(14) TNB boleh memberi notis 24 jam untuk memotong bekalan elektrik sekiranya pengguna gagal untuk mematuhi notis tersebut. Selanjutnya di bawah seksyen 38(5) *Electricity Supply Act 1990* ia adalah amat jelas iaitu mana-mana pengguna yang gagal untuk membayar jumlah wang yang dinyatakan di dalam notis yang dikeluarkan oleh TNB di bawah seksyen 37 TNB boleh mengambil tindakan undang-undang sivil untuk mendapatkan kembali jumlah kerugian tersebut daripada pengguna tersebut.

Tuan Pengerusi, walaupun peruntukan di bawah seksyen 37 dan 38 adalah amat jelas yang memperuntukkan cara bagaimana TNB boleh membawa tuduhan kesalahan jenayah dan mendapat kembali wang atau jumlah penggunaan elektrik yang dikatakan kurang caj, akan tetapi TNB tidak mematuhi peruntukan tersebut. TNB seharusnya membawa dakwaan jenayah di bawah seksyen 37 sebelum mengambil tindakan sivil terhadap pengguna untuk mendapat kembali wang yang dikatakan kurang caj tersebut.

Kebanyakan insiden TNB terus mendakwa pengguna di bawah seksyen 38 untuk mendapat kembali wang dan tindakan secara tindakan sivil. Pada kebiasaannya TNB tidak membawa dakwaan jenayah di bawah seksyen 37 untuk membuktikan bahawa pengguna telah

melakukan satu kesalahan jenayah sebelum mengambil tindakan sivil untuk pengembalian jumlah wang kurang caj tersebut kerana TNB tahu ia adalah susah untuk membuktikan sebarang pengusikan ataupun pengubahsuaian meter-meter TNB.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, bolehlah Yang Berhormat.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Sedikit sahaja. Tindakan TNB itu mendatangkan masalah kepada pengguna kerana ini memaksa pengguna untuk membayar wang kepada TNB tanpa keperluan TNB untuk membuktikan pengguna telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 37(1) ataupun seksyen 37(3). Dengan izin Tuan Pengerusi, ini menyebabkan di mana pengguna telah pun *arm twisted* dengan izin, untuk membayar notis-notis tersebut. Kalau tidak meter mereka akan dipotong, bekalan elektrik akan dipotong.

Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa TNB patut mengambil tindakan untuk membuktikan kesalahan pengguna terlebih dahulu sebelum mengambil tindakan sivil untuk mendapat wang kembali. Ia adalah lebih adil di mana jika di mahkamah seseorang melakukan kesalahan, dia dibawa ke muka pengadilan tetapi di dalam kes TNB ini langsung tidak ada. Jadi, saya menyeru bahawa kerajaan melihat kembali peruntukan-peruntukan ini dan adakan satu undang-undang yang jelas agar tiada sebarang kekeliruan dalam hak kuasa atau tindakan yang boleh diambil TNB dalam kes ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya berharap kerajaan memastikan bahawa pegawai-pegawai TNB yang selalu tidak mematuhi atau mengikut SOP untuk menangkap pengguna-pengguna yang dikatakan kurang caj ataupun usik meter ini mengadakan satu SOP yang tetap agar semua orang tahu bagaimana cara TNB hendak menguatkuasakan ataupun menyelesaikan masalah ini. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tebrau. Selepas Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Klang, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab.

Tuan Er Tech Hwa [Bakri]: Tuan Pengerusi, nanti tolong Yang Berhormat Bakri.

7.37 mlm.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sentuh Butiran 06400 – Rancangan Bekalan Air Negeri Johor yang saya hendak tanya ialah berkenaan dengan *Rainwater Harvesting System*. Saya ingin tanya kementerian sama ada kementerian sudah kenal pasti keberkesanan di segi penjimatan penggunaan air dan perlindungan alam sekitar dengan *Rainwater Harvesting System*. Kalau sekiranya ia didapati berkesan, adakah kementerian akan menggalakkan pihak swasta dan juga kerajaan memasang *Rainwater Harvesting System* itu dan apakah galakan rangsangan yang akan diberikan? Adakah bangunan-bangunan kerajaan akan ambil inisiatif untuk memasang *Rainwater Harvesting System* itu dan juga saya fikir bahawa sekolah adalah di antara institusi yang banyak menggunakan air dan sekolah juga adalah tempat yang memberikan pendidikan.

Jadi adakah kita hendak galakkan sekolah-sekolah khususnya sekolah yang baru dibina, yang akan dibina untuk memasang *Rainwater Harvesting System* itu oleh kerana ini bukan sahaja boleh menjimatkan pihak sekolah dan kerajaan bahkan ia memberikan pendidikan yang baik kepada para anak-anak sekolah. Saya juga hendak bertanya, apakah rangsangan kerajaan bagi kerja-kerja R&D untuk projek penjimatan dan kitar semula air dan projek-projek yang berkaitan.

Kedua, ialah berkenaan dengan hak milik berstrata. Setakat ini rumah-rumah pangsa merupakan hak milik berstrata. Oleh kerana itu mereka menggunakan pembayaran air dan tenaga itu ialah pada *commercial rate* dan oleh itu orang miskin yang duduk di rumah-rumah pangsa pun kena bayar bil air dan elektrik yang lebih mahal daripada kadar domestik.

■1940

Jadi, apakah rancangan kerajaan untuk memastikan bahawa rumah-rumah pangsa itu setiap unit dibenarkan memasang meter sendiri. Supaya mereka boleh dapat bekalan air dan *electricity* pada kadar domestik. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Klang.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Yang Berhormat Tanah Merah hendak empat minit lepas ini, boleh?

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tuan Pengerusi, tiga minit sahaja Yang Berhormat Bakri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya tidak boleh. Timbalan Tuan Yang di-Pertua tadi sudah buat keputusan Yang Berhormat, so kita kena patuh keputusan yang dibuat. Akan tetapi boleh tumpanglah, Yang Berhormat Bakri boleh tumpang.

7.40 mlm.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Saya akan mengemukakan beberapa isu berkait dengan Butiran 020100 - Pasukan Projek Penyaluran Air Mentah Pahang ke Selangor, termasuk Langat 2. Tuan Pengerusi, saya ingin mencadang bahawa satu pemantauan ditubuhkan untuk mengawasi dan pantau semua perbelanjaan termasuk proses tender untuk projek penyaluran air mentah Pahang ke Selangor dan Langat 2. Ini adalah projek yang besar bernilai RM5 bilion. Badan ini boleh dianggotai oleh SPRM, *Transparency International*, badan-badan profesional termasuk Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Cadangan ini dibuat untuk mengatasi ketirisan, rasuah, rundingan terus ataupun *direct tender* dalam pengurusan projek ini.

Semalam, Pengerusi PAC, Yang Berhormat Pulai mengatakan bahawa sebanyak RM200 juta telah dibazirkan dalam pembelian *incinerator* oleh kerana rundingan terus ataupun *direct negotiation*. Beliau mengatakan bahawa kementerian berkenaan telah meluluskan *unproven incinerator technology* tanpa membuat sebarang *due diligence*. *This is a serious accusation* Tuan Pengerusi dan mungkin ada unsur-unsur rasuah dan salah guna kuasa. Sebelum itu kita dapati bahawa kos pembinaan KLIA2 telah melambung dari RM1.7 bilion ke RM4 bilion dan sehingga hari ini tidak ada penjelasan yang boleh diterima rakyat mengapa kos pembinaan

meningkat lebih daripada 200%. Apa yang jelas ialah peningkatan kos dan ketirisan serta *direct negotiation* ataupun rundingan terus akan beban rakyat menerusi cukai yang tinggi dan juga caj-
caj yang tinggi.

So, untuk mengelakkan bebanan rakyat, *in the personal interest* kepada kementerian untuk menubuhkan satu *oversight body* ini. Badan pengawasan ini boleh diguna pakai oleh kerajaan untuk memaklumkan perkembangan ataupun *development* dalam pelaksanaan perjanjian ini kepada rakyat. Dalam jawapan saya minggu lalu, Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa memang ada jawatankuasa untuk memantau Langat 2 yang dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri dan juga Menteri Besar Selangor.

Akan tetapi saya ingin memberitahu Yang Berhormat Menteri bahawa jawatankuasa itu adalah *management committee*. Apa yang saya cadangkan ialah jawatankuasa khususnya matlamatnya ialah untuk menurunkan pembaziran, ketirisan, rasuah dan salah guna kuasa. Dengan cara strategi ini kita boleh elak Projek Langat 2 yang bernilai RM5 bilion, tidak menjadi RM10 bilion dalam dua atau tiga tahun akan datang. Saya harap demi kepentingan rakyat kementerian dan kerajaan akan menerima cadangan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

7.43 mlm.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Seri Mahdzir Khalid]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, pertamanya saya bagi pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat daripada kerajaan dan juga pembangkang yang telah mengambil bahagian mengenai dengan perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2015 ke atas KeTTHA. Seperti mana Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat maklum bahawa di Kementerian Tenaga ini ada tiga komponen sahaja iaitu sektor tenaga, sektor air dan sektor teknologi hijau. Saya tengok tadi ramai di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh ketiga-tiga sektor, sektor air, sektor tenaga dan juga sektor teknologi hijau.

Jadi, sukalah saya menyebut sedikit di sini berhubung dengan Yang Berhormat dari Simpang Renggam, ada membangkitkan mengenai dengan bekalan air di negeri Johor. Sukalah saya memaklumkan bahawa sememangnya di negeri Johor adalah salah satu negeri yang telah membuat migrasi air antara syarikat air dan juga PAAB.

Syarikat air di Johor dikendalikan oleh Syarikat Air Johor (SAJ). Jadi, seperti mana Yang Berhormat Simpang Renggam sebut, kedudukan terkini kerja-kerja naik taraf loji rawatan air Sembrong Barat daripada 60 juta liter sehari kepada 80 juta liter bagi mengatasi gangguan. Kapasiti reka bentuk loji rawatan air Sembrong sebanyak 80 juta liter. Namun begitu, pada masa ini loji tersebut hanya mampu merawat dan mengeluarkan air terawat sebanyak 60 juta.

Operasi di bawah kapasiti reka bentuk ini disebabkan masalah dalam sumber air dari Empangan Sembrong Barat. Kerajaan Negeri Johor telah melantik perunding untuk menjalankan

kajian untuk menyelesaikan masalah ini. Di samping itu bagi menjamin bekalan air terawat ke daerah Kluang untuk jangka panjang, kerajaan sedang melaksanakan pembinaan Empangan Kahang dan juga Loji Rawatan Air Kahang yang dijangka siap pada tahun 2017.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Minta mencelah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Simpang Renggam bangun Yang Berhormat.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Tuan Pengerusi, sebab masalah bekalan air di Layang-layang dan Simpang Renggam telah berlaku sangat lama. Dari sekarang sampai tahun 2017, lagi tiga tahun yang harus penduduk menunggu. Jadi, saya cuma hendak tahu, adakah tidak niat ataupun rancangan yang betul-betul mahu meningkatkan kapasiti bagi loji rawatan air di Sembrong Barat ini. Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Seperti mana yang saya sebut tadi bahawa pihak Kerajaan Negeri Johor telah melantik perunding untuk melihat kembali bagaimana untuk dapat mempertingkatkan kapasiti daripada 60 mld kepada 80 mld. Saya menjangkakan bahawa pihak kerajaan negeri dapat menyelesaikan perkara ini. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, suka saya sebut di sini bahawa dalam hal yang berkaitan dengan bekalan air ini. Untuk semua negerilah, bukan sahaja di Johor, sebab kita hal ehwal yang berkaitan dengan air ini, terutamanya air mentah adalah di bawah kawalan kerajaan negeri. Daripada di Semenanjung yang air diletakkan di bawah Akta WASIA, ada negeri yang sudah pun *migrate* kepada Persekutuan dan ada yang belum.

Saya boleh sebut di sini yang sudah *migrate* kepada Persekutuan seperti Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang dan juga Perlis. Negeri Kelantan sekarang ini di peringkat akhir memuktamadkan perjanjian. Negeri Terengganu, Kedah di peringkat perundingan mesyuarat dan juga negeri Pahang. Manakala Selangor dalam proses *migration* ini apabila mereka sudah siap menandatangani di antara kerajaan negeri dan konsesi air di negeri Selangor.

■1950

Keduanya...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bakri bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Ya.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh beri peluang kepada Bakri tanya satu soalan tentang bekalan air di Johor? Okey. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi peluang kepada Bakri.

Di sini saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin mendapatkan penjelasan kementerian berhubung dengan piawaian sodium bagi bekalan air terawat yang diguna pakai oleh negara kita. Dalam jawapan kementerian hanya menyatakan mengenai piawaian bekalan air negara dan WHO bagi kandungan klorida tetapi tidak menyatakan mengenai piawaian sodium. Jawapan yang telah diberikan kepada saya adalah juga untuk

mengelirukan kerana tidak menyiarkan keputusan bacaan mengikut tempoh tersebut. Sebaliknya hanya bacaan pada tarikh 14 Mac sehingga 23 Mac 2014 sahaja. Malah, hasil daripada surat jawapan oleh Jabatan Kesihatan Daerah Muar juga menunjukkan paras bacaan klorida mula terjejas teruk pada 10 Mac dan 11 Mac 2014.

Mengapa pihak menunggu sehingga 14 Mac 2014 untuk mula membuat kajian yang lebih kerap? Minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sopan sangat Yang Berhormat Bakri.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Bakri. Yang Berhormat Bakri ialah salah seorang Ahli Parlimen yang sememangnya kerap bertanya masalah melibatkan kawasan Muar. Jadi, bukan sahaja dalam Dewan, di luar Dewan pun dia jumpa dengan saya, dia tanya dan dia beritahu. Saya rasa cara, kaedah dia buat itu yang terbaiklah Yang Berhormat Bakri. Cuma saya tidak boleh jawab itu sebab agak teknikal. Jadi, biarlah saya jawab secara bertulis.

Tuan Pengerusi, saya ingat saya hendak habiskan dahulu air. Selepas itu baru kita masuk tajuk tenaga yang Yang Berhormat Petaling Jaya Utara kemukakan. Jadi, selain dari itu ada juga soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lipis mengenai bekalan air di Lipis. Untuk makluman Yang Berhormat Lipis, peruntukan sebanyak RM15 juta telah disediakan untuk bekalan air Lipis secara pinjaman di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Untuk tujuan penggantian paip, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM35.3 juta di bawah Program Pengurangan *Non Revenue Water* (NRW), dengan izin, Daerah Kuala Lipis di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh.

KeTTHA, kementerian sedia menimbangkan cadangan projek baru yang bakal dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat kepada kerajaan. Pada masa yang sama juga, kita berharap bahawa Kerajaan Negeri Pahang dapat menyegerakan penstrukturan semula struktur industri perkhidmatan air supaya pembiayaan naik taraf loji rawatan air dan sistem agihan dibiayai oleh Pengurusan Aset Air Berhad. Itu berkaitan dengan Lipis.

Kemudian yang ketiganya berkaitan dengan Yang Berhormat Tanjong Karang juga mengenai dengan bekalan air yang ada kaitan dengan Klang sekali. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Tanjong Karang bahawa pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 setakat akhir bulan Oktober 2014 untuk pakej 2A yang telah dianugerahkan kepada kontraktor, pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 Fasa 1, peratus keseluruhan kemajuan ialah 1.54%. Pada masa kini, kerja-kerja tanah sedang dijalankan.

Kelulusan-kelulusan yang diperlukan yang perlu diperoleh dari kerajaan negeri seperti kelulusan tanah-tanah persendirian, sistem perparitan, naik taraf jalan raya dan juga kelulusan perlepasan sedikit hutan simpanan dan lain-lain kelulusan yang sedang disempurnakan untuk dikemukakan kepada majlis-majlis tempatan seperti Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Subang Jaya dan DBKL. Itu antara kelulusan-kelulusan. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan negeri telah memberi kelulusan kebenaran merancang, Majlis Perbandaran

Kajang telah memberi kebenaran untuk memasuki tapak dan seterusnya dapat menjalankan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 di sana.

Ini ada kaitan dengan persetujuan kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan di mana satu *agreement*, satu perjanjian telah ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Dalam komponen perjanjian itu ialah atas persetujuan Kerajaan Pusat dan juga kerajaan negeri ialah bagaimana dua komponen. Satu, kerajaan negeri minta supaya konsesi air diserahkan kepada negeri Selangor dan Kerajaan Pusat minta supaya Projek Loji Rawatan Air Langat 2 ini boleh diteruskan. Jadi, itu dua perkara sahaja. Saya ingat yang kita cerita pasal dedah tidak dedah, boleh dedahkah? Boleh orang tahukah? Saya ingat itu sahaja dua perkara dalam perjanjian itu. Ini kalau kita cakap, seolah-olah macam ada berahsia, ada perkara yang hendak disembunyikan.

Jadi, saya kira bahawa...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: [*Bangun*]

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Sekejap Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Saya habiskan sekejap. Jadi, dalam soal itu, sekarang ini yang kita buat, yang Kerajaan Pusat buat sebelum dari Pakatan Rakyat di negeri Selangor ialah ada persetujuan antara Selangor dengan Pahang untuk memindahkan air mentah. Akhirnya, apabila bersetuju maka Kerajaan Pusat telah mengambil inisiatif. Di sebelah Pahang kita bina Empangan Klau dan juga dipanggil *intake* Semantan, ada rumah pam yang mengepam. Kemudian ada terowong, kemudian di sebelah Selangor ini barulah ada Loji Rawatan Air Langat 2. Loji dan lepas loji ini ada *line* lagi, *distribution* yang akan dibuat. Ini proses yang sedang berjalan. Itu berhubung dengan perkara yang berkaitan dengan

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lipis dan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara bangun.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Pendek sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya terima baik bahawa jawapan yang diberikan bahawa perjanjian itu hanya mengenai pengambilalihan syarikat air dan juga pemberian kebenaran untuk membina Loji Rawatan Air Langat 2. Kalau itu sahaja dan tidak ada perkara-perkara yang perlu diteliti atau diperincikan, kenapa perjanjian ini tidak dapat didedahkan secara terbuka, *declassify the contract*? Kenapa masih kena disembunyikan dalam menggunakan Akta Rahsia Kerajaan. Itu nombor satu.

Nombor dua, dalam perkara ini kita sudah tahu bahawa Syarikat Puncak Niaga dan juga SYABAS telah pun menandatangani perjanjian dengan pihak Kerajaan Negeri Selangor. Bagi ABBAS tidak ada masalah kerana ia merupakan anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor. Kita semua tahu ada masalah dengan Syarikat SPLASH. Kalau SPLASH tidak menandatangani perjanjian dengan Kerajaan Negeri Selangor, dalam perjanjian, adakah Kerajaan Pusat mengikut

semangat yang kita tahu dalam perjanjian Kerajaan Pusat akan menggunakan Akta WASIA, Perkara 114 atau pun 119 untuk memaksa ataupun mengambil alih SPLASH secara keras? Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lipis dan Klang bangun Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Ada lagi?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Lipis.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Ya, Yang Berhormat Lipis.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

■2000

Saya cuma ada sedikit sahaja pertanyaan kepada Timbalan Menteri berkaitan dengan empangan tersebut. Apakah pembekalan air dari negeri Pahang ini boleh memberi jaminan sama ada khususnya Raub, apabila kita membekal air ke Langat, apakah jaminan yang air di Pahang ini mencukupi sebab kita tahu masalah air di Pahang ini agak meruncing juga khususnya Lipis dan Raub. Saya tahu Lipis dan Raub agak meruncing sedikit, yang faktor-faktor saya katakan tadi. Saya hendak ucap terima kasih kepada Timbalan Menteri yang menjawab tadi, yang sudah memberi sedikit peruntukan walaupun saya tahu tidak mencukupi, tetapi sekurang-kurangnya kawasan *black spot* itu dapat diselesaikan. Terima kasih.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya kalau kita tengok liputan surat khabar mengenai isu perjanjian air Selangor, kita dapati ada dua aspek perjanjian itu. Satu aspek ialah tanggungjawab Kerajaan Negeri Selangor ialah untuk mengambil tanah atau kelulusan tanah dan juga untuk memberikan *development order* menerusi PBT, itu sahaja. Akan tetapi kalau kita bangkit isu dengan kos, teknologi yang akan digunakan, tender *process* dan sebagainya, Kerajaan Negeri Selangor langsung tidak ada apa-apa tanggungjawab ataupun *no involvement in the project itself*. So, ini jelas bermaksud bahawa Kerajaan Negeri Selangor menjadi *second class citizen* dalam *agreement* ini.

Menteri hari itu pun telah mengatakan bahawa dia tidak cabar saya, dia kata dia *keep silent on this matter* bila saya bangkitkan isu ini semasa perbahasan dasar. Akan tetapi isu yang saya bangkitkan tadi yang berkait dengan cara perjanjian itu dibuat ialah untuk mengadakan satu badan pemantauan supaya projek RM5 bilion ini tidak menjadi RM10 bilion. Jadi saya percaya sekarang Kerajaan Persekutuan mesti membuat satu ketetapan, satu keputusan untuk mengadakan ataupun *to formulate such a* majlis supaya ketirisan, rasuah dan sebagainya dapat dihapuskan ataupun diturunkan. Minta pandangan dan penjelasan.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dan Yang Berhormat Klang, saya ingat Yang Berhormat berdua sudah mengetahui jawapan kedua-dua tetapi Yang Berhormat tanya lagi soalan. Jadi soal pertama fasal Lipis ini, kita bagi jaminan kepada negeri Pahang yang baik, yang bagi air ke Selangor ini bahawa Pahang tidak akan terjejas bekalan airnya. Jadi berbalik kepada cerita di dalam ini, saya hendak maklumkan di sini bahawa dalam

jawatankuasa itu, jawatankuasa di antara federal dan *state* itu dengan izin, Menteri dan Menteri Besar menjadi *joint chairman* dan selepas itu diletakkan di situ pegawai-pegawai kanan di kementerian dan juga pegawai-pegawai di peringkat negeri yang ada kaitan dengan bekalan air termasuklah juga setiausaha kerajaan negeri. Jadi mereka boleh melihat.

Ini kerana Yang Berhormat Tuan Pengerusi, tender itu telah dibuat awal terlebih dahulu, tender itu telah dibuat lama. Kemudian setelah sekian lama barulah Kerajaan Negeri Selangor bersetuju untuk memberi laluan kepada Langat 2. Jadi apabila Kerajaan Negeri Selangor memberi laluan kepada Langat 2, barulah tender itu diawak, dianugerahkan kepada syarikat yang berkenaan. Selepas itu barulah kita buat, barulah datang kepada perjanjian yang kita buat di antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat.

Saya yakin Yang Berhormat, bahawa jawatankuasa khas ini yang akan dipengerusikan bersama ini juga telah boleh memantau keseluruhan projek. Kita tidak perlu kepada sebuah jawatankuasa khas sebab projek-projek ini boleh dinilai sendiri di peringkat wakil daripada kerajaan negeri dan juga wakil daripada Kerajaan Pusat. Ini kerana sekarang ini sudah tahu sudah, berapa *line*, berapa besar paip yang hendak dibawa daripada Langat 2 itu sampai ke negeri Selangor, sampai ke Kuala Lumpur. Berapa banyak kita sudah tahu, jumlahnya telah diberi oleh konsultan. Projek bekalan air itu pun, jumlah harganya pun kita sudah tahu dan itu sahajalah harga yang akan dibuat sampai siap pada tahun 2017.

Seterusnya di sini ...

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tanjong Karang Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Hendak tanya. Saya ada bangkitkan dalam ucapan tadi. Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa perjanjian telah ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Bolehkah saya tahu, siapa yang mewakili kerajaan negeri? Soalan saya tadi, adakah perjanjian dengan Menteri Besar baru ini? Adakah telah ditandatangani oleh Menteri Besar baru sebab kerajaan negeri ini ada dua orang Menteri Besar. [*Disampuk*] Saya hendak tanya. Saya hendak tanya... [*Dewan riuh*] Ini menunjukkan dia takut, goyang sebab Menteri Besar lama itu kena pecat salah satunya sebab isu airlah. Jadi saya hendak tanya sama ada perjanjian dengan Menteri Besar baru ini sudah dibuat atau belum, yang pertama. Kalau betul-betul dibuat dengan Menteri Besar baru, mana, bagaimana Yang Berhormat Klang kata Selangor boleh jadi *second class citizen*. Kalau hendak menyebabkan Selangor jadi *second class citizen*, mesti sebab Menteri Besar baru yang buat tandatangan. Dulu dia kata hendak mengkaji. Jadi saya hendak tanya, kalau betul Menteri Besar baru ini ada tandatangan, adakah ubah terma-terma perjanjian yang ditandatangani oleh bekas Menteri Besar. Itu saya hendak tahu. [*Dewan riuh*]

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Sabar, sabar orang Selangor.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ini bukan Dewan Undangan Negeri Selangor Yang Berhormat. [*Ketawa*]

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Yang Berhormat Tuan Pengerusi...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Tanjong Karang ingat ini Dewan.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Saya ingat yang perjanjian antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat itu telah ditandatangani oleh Yang Berhormat Tan Sri Khalid sebagai Menteri Besar. Selepas itu Menteri Besar Selangor yang baru mempersetujui, memperakui perjanjian itu, barulah beliau membenarkan. [*Dewan riuh*] Dengar dulu. Jadi, sebab itulah Puncak Niaga dan SYABAS boleh menandatangani. Kalau Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang baru tidak bersetuju, tidak boleh tandatangan antara SYABAS dan Puncak Niaga dengan Kumpulan Darul Ehsan.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada sedikit kesilapan. Bukan *completely agree* tetapi ada isu berkaitan dengan kos, teknologi dan sebagainya, tetapi secara keseluruhan dia *agreelah*.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Secara keseluruhannya, maknanya Menteri Besar bersetujulah. Kalau ada mungkin satu dua perkara, tetapi secara keseluruhannya Menteri Besar bersetuju.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak jelaskan lagi ini, dia kata ini Timbalan Menteri...

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Tanjong Karang, sidang DUN minggu depan.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya, siapa? Siapa yang menyampuk?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang lain jangan kacau, dia mencelah seorang.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Bangunlah siapa hendak tanya betul-betul, janganlah menyampuk.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Apa lagi mahu dijelaskan? Apa Yang Berhormat Tanjong Karang? Menteri pun sudah bagi itu jelas. Ini buang masa.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak tanya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Klang.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Apa tidak ada lagi sebab isu ini penting. Apabila Menteri Besar baru dia kata hendak suruh dedahkan ...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Tanjong Karang hendak jadi MBkah?

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Jadi tadi pun Yang Berhormat Klang pun mengaku. Yang Berhormat Klang, saya anak Selangor, Yang Berhormat Klang pun mengaku hari ini rakyat Selangor menjadi *second class citizen*. Kalau betul Menteri Besar ini betul-betul perjuangkan anak Selangor, mengapa dia boleh restu, setuju dengan perjanjian yang telah ditandatangani oleh bekas Menteri Besar. Ini memalukan. [*Dewan riuh*]

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Tanjong Karang...

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat sendiri mengatakan... [*Dewan riuh*]

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Gombak datang untuk mempertahankan diri dia. Janganlah lebih-lebih di sini bila Yang Berhormat Gombak datang.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Kapar duduk.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saja hendak buat bising sahaja.

[*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sebab apa Menteri Besar boleh restu? Kalau Menteri Besar tidak restu, okey dedahkan perjanjian.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Sabarlah dulu, bukan seluruhnya ... [*Dewan riuh*]

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ini semua kaki bodek.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang lain duduk Yang Berhormat. Cuma Yang Berhormat Tanjong Karang yang cakap, yang lain duduk Yang Berhormat.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Ini bukan perjanjian ...

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Klang yang mengatakan Selangor *second class citizen*. Ini saya orang Selangor, memalukan. Saya minta tarik balik.

■2010

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Ini UMNO *second class citizen* lah ini. [*Ketawa*]

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kenapa menghina anak Selangor? Apa menghina? Saya minta tarik balik. Ini bukan anak Selangor. Yang Berhormat orang Johor. Ini bukan anak Selangor. Ini Johor jangan cakap banyak. Saya anak Selangor.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Anak Selangor bila Yang Berhormat Gombak ada bincanglah! Yang bising dekat sini buat apa?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat. Yang lain duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Kapar duduk Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Tanjong Karang duduk dahulu.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak buat apa?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Anak jati Selangor jangan main-main!

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak boleh Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ini satu penghinaan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Jangan main-main, balik. Balik jangan masuk campur. Balik duduk diam-diam jangan masuk campur. Kau celup Selangor.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Menteri Besar yang baru restu perjanjian air. Sekarang Yang Berhormat Klang mendakwa kata Selangor *second class citizen* menunjukkan bahawa dia menghina Menteri Besar yang baru.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri..

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Inilah sebabnya Barisan Nasional tidak menang di Selangor.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat. yang lain tidak boleh mencelah. Satu orang sahaja mencelah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kasihanlah Ahli Parlimen Tanjong Karang, tidak ada...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Buang masa ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak ada orang hendak bantu, kasihanlah. Duduklah baliklah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat, duduk. Yang Berhormat Kapar duduk Yang Berhormat Kapar. [*Dewan riuh*]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Minta dedahkan perjanjian apa?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tanjong Karang...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Anak jati Selangor jangan cari fasal.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Klang, satu menghina kepada penduduk Selangor mengatakan Selangor *second class citizen*.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Buang masa ini Tuan Pengerusi!

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: ...Dan menghina Menteri Besar Selangor.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya duduk Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Kapar duduklah Yang Berhormat Kapar. Yang Berhormat Menteri.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ha, terima kasih. Jumpa lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar duduk. **Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ha, duduk, duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Undang masuk dalam perjanjian inikah?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Habis sudah, habis sudah?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Habis sudah.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Saya dalam...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, penjelasan. Saya telah mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai sistem pemantauan. Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa jawatankuasa bersama di antara Yang Berhormat Menteri bersama di antara Menteri dan juga Menteri Besar Selangor...

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Itu cadangan Yang Berhormat Klang yang itu. *You* punya cadangan. Sekarang ini kita sudah ada jawatankuasa. Kita tidak perlu...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Saya ada masalah dengan jawapan itu sebab kita dapati jawapan yang sama diberikan semasa mereka membina KLIA2. Akan tetapi sekarang kita nampak KLIA2 RM1.7 bilion telah naik kepada RM4 bilion.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Kita sekarang sudah hendak siap Yang Berhormat.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: So, oleh kerana itu mungkinkah wajar...

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Tidak wajar. Tidak perlu, tidak perlu.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Tidak perlu?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Tidak perlu fasalnya sekarang ini saya hendak beritahu Yang Berhormat misalnya terowong kita telah berada di 98.5%. Mana ada 0.15% sahaja. Yang betul-betul tidak baru hendak *construct* ini ialah Langat 2 sahaja.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang saya tahu Langat 2 itu kontraknya hanya diberikan daripada parcel 1 hingga parcel 7 tapi ada lebih kurang 20 parcel.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Kita sudah tender tapi tidak habis lagi adalah *pipeline*. Hendak hantar ke Shah Alam, hendak ke mana semua itu belum habis lagi tender. Yang itu ada jawatankuasa boleh tengok sekali. Menteri Besar ada di situ sebagai pengerusi bersama dengan Menteri. Boleh tengok. Tidak ada masalah. Saya ingat tidak perlu itu Yang Berhormat.

Kita habis masa dengan satu tajuk yang pada saya penting tapi saya tengok cara kita mengendalikan sampai Yang Berhormat sendiri sebut kami di Selangor kelas kedua semua, kasihanlah. Sebab banyak lagi orang dalam negeri lain ada di sini.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Yang Berhormat Menteri, boleh sedikit sahaja?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Ya, boleh.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Boleh Yang Berhormat Menteri ulang balik dari segi kos terowong dan juga pembinaan Langat 2. Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Saya minta masa sedikitlah sebab yang ini *figure*. Nanti minta tolong pegawai bagi. Jadi saya ingat kes yang berkaitan dengan kita di Selangor dan juga Pahang ini pembinaan air mentah pada kita, kita anggap bahawa ia boleh diselesaikan dengan cara yang terbaik dan kita sebenarnya mencari jalan penyelesaian dengan cara yang terbaik. Untuk tujuan Yang Berhormat Tanjong Karang bangkit tadi, apa hendak buat sementara Langat 2 tidak siap, terowong sudah siap. Kita sekarang sedang membina satu terowong daripada terowong itu kita membina satu saluran air sejauh 1.5 kilometer ke Sungai Langat.

Maknanya pada hujung bulan ini Yang Berhormat *insya-Allah* kita boleh guna 1.5 kilometer air itu kita lepaskan masuk dalam Sungai Langat. Jadi maknanya kita hendak tambahkan air

mentah dalam Sungai Langat dan ini kita buat kerana kita sedar bahawa hari ini waktu kita sedang dalam Dewan yang mulia ini di Sungai Selangor memang air telah meningkat. Hari ini telah mencapai 55% daripada asalnya dalam 35%. Maknanya kenaikan dalam lebih kurang 20%. Akan tetapi kita bimbang sekiranya Januari, Februari, Mac ini kalau tidak ada hujan dan kalau kita pakai kapasiti macam biasa sebab untuk Selangor, untuk Kuala Lumpur dan untuk Putrajaya kita menggunakan lebih daripada enam bilion MLD satu hari dan kita ada dekat dua *million* dengan izin pengguna ataupun *customer* kepada bekalan air di sini. Jadi sudah tentulah kapasiti yang digunakan itu akan kita harapkan bahawa kita boleh bertahan sampai kepada tahun hadapan tanpa ada apa-apa masalah catuan kepada tiga wilayah ini Selangor, Kuala Lumpur dan juga Putrajaya.

Saya hendak beralih kepada Pulau Pinang. Berhubung dengan kes air mentah di negeri Perak. Saya hendak maklum di sini bahawa air mentah ini sememangnya di bawah kerajaan negeri-negeri yang ada di Malaysia ini dan negeri Perak dan negeri Pulau Pinang hendaklah membuat perundingan. Kalau ada apa-apa perundingan itu yang datang kita di peringkat kementerian boleh membantu. Maknanya kena mula dahulu antara Pulau Pinang dan Perak untuk berbincang bagaimana saluran air mentah boleh dibawa daripada Perak ke Pulau Pinang sebab...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: [Bangun]

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Sekejap Yang Berhormat. Sebab Pulau Pinang juga ada mengambil air daripada Kedah. Ambil air daripada Kedah tetapi dalam kes Kedah, sepanjang Sungai Muda itu daripada hulunya *upstream* dengan izin, sampailah ke Pulau Pinang lebih kurang 50 lebih kilometer. Akan tetapi sempadan antara Kedah dan Pulau Pinang itu ada lebih kurang 10 kilometer. So, Yang Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang sebut bahawa kita ambil air mentah itu daripada sebelah dengan Pulau Pinang sebab katanya sempadan Kedah itu di tengah-tengah Sungai Muda itu. Jadi saya ulang balik Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang sebut bahawa dia mengambil atas *International Water Protocol*. Katanya mana-mana negeri atau mana-mana negara yang ada sempadan di tengah-tengah itu di situlah boleh menjadi *common river* dengan izin. Akan tetapi dalam kes Kedah...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: [Bangun]

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Saya habiskan Kedah. Dalam kes Kedah, Kedahlah yang menjaga *upstream water catchments area*, empangan dijaga oleh negeri Kedah tapi sampai hari ini Kedah tidak mendapat satu sen pun bayaran daripada Pulau Pinang. Atas ihsan pun tidak ada untuk jaga *water catchments area*. Jadi dalam kes Perak dengan Pulau Pinang, eloklah kalau Pulau Pinang dan Perak duduk dahulu berbincang dan kalau ada formula yang dibawa, kita di kementerian boleh membantu. Ada Yang Berhormat hendak bangkit?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Pengerusi, saya rasa Yang Berhormat Menteri jangan *divert attention*. Kita fokus kepada Pulau Pinang dengan Perak. Jangan melibatkan

Kedah. Kedah ini isu sudah selesai. Sekarang apa yang berlaku... [*Dewan riuh*] Diamlah. Tidak ada kena-mengena dengan kawasan *you*. Isu sebenar sekarang adalah Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah berunding dengan Kerajaan Negeri Perak, sudah lama ada perbincangan. Sudah berbincang lama tapi sekarang telah menemui buntu jalan...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jalan buntu Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Jalan buntu. Jadi itu sebab kita minta kementerian *step in* untuk menyelesaikan masalah ini. Ini kerana Perak mahu jual *treated water*, Penang mahu *raw water*. Perundingan tidak boleh berjalan lagi.

■2020

Jadi, sebab itu kementerian kena masuk bagi tahu Perak bahawa *interstate water transfer* harus melibatkan *raw water*, air mentah. Jadi minta Yang Berhormat Menteri jalankan tugas Yang Berhormat Menteri ya.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Isu yang sama.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Saya ingat....

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh saya tanya bersama dengan isu sama supaya dapat dijawab dengan serentak. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Apa yang telah dinyatakan tadi, Perak telah mengumumkan bahawa Perak hanya akan menjual air yang dirawat kepada Pulau Pinang. Masalahnya ialah, bagi saya, tidak ada semangat 1Malaysia ini di Malaysia yang sentiasa dilau-laungkan oleh Perdana Menteri kerana dalam tahun 2008, apabila Pakatan Rakyat memerintah negeri Perak, secara prinsip kita sudah bersedia untuk menjual air mentah kepada negeri Pulau Pinang dan juga Selangor. Pada masa kini, masalah di Perak ialah semua air yang berlebihan – kita memang di negeri Perak mempunyai banyak air yang jernih, bersih dan berlebihan. Hanya mengalir ke laut sahaja, sia-sia sahaja. Tidak ada pun apa-apa loji yang dibuat untuk merawat, menjual air kepada orang lain, melainkan kepada negeri Pulau Pinang dan Selangor. Jadi semangat 1Malaysia ini tidak ada.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat menolong dalam isu ini supaya kita semua rakyat Malaysia menikmati kurnia Tuhan kepada kita air bersih dan janganlah disia-siakan, disalurkan ke lautan besar itu. Terima kasih.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kuala Kangsar hendak menjawab isu berkaitan yang sama.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Menjawab. Ini isu air di Perak dan Selangor, kemungkinan Kerajaan Negeri Perak dia khuatir takut pengalaman yang di Selangor itu takut berulang kepada negeri Pulau Pinang dan mungkin kita khuatir juga Pulau Pinang hendak air *free*. *They want to get the best* tapi tidak runding secara *gentleman*. Jadi mungkinkah perkara ini, kekhuatiran Kerajaan Negeri Perak untuk bekalan...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ini niat jahat ini. Ini niat jahat. Kita sudah kata hendak beli. Bellah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bayan Baru, duduk Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Bukan hendak *free water*. Apa lah Yang Berhormat Kuala Kangsar ini.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita lihat pengalaman di Selangor, kemungkinan Kerajaan Negeri Perak khuatir perkara ini akan berulang lagi.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Khuatir apa? Kita sudah kata beli, bayar dengan duit.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bayan Baru, duduk.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Kuala Kangsar jangan mengelirukan. Duduklah

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Kita bukan perompak.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak boleh macam itu, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Yang Berhormat, tidak payah menjerit perompak semua.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Tuan Pengerusi, dia guna perkataan perompak, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat itu, perompak.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya sudah tegur Yang Berhormat, sudah tegur.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Dia gunakan perkataan perompak itu.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Eh, tarik balik perkataan perompak itu.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tanjong...

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Kita bukan perompak.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Tengok.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tanjong...

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Saya hendak ulang di sini, kita bukan perompak.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Apa ini Yang Berhormat Tanjong?

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Agaknya dia sudah gila. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi Yang Berhormat Beruas cakap bab tidak ada semangat 1Malaysia. Pulau Pinang tidak mahu bayar harga air kepada Kedah, apakah itu semangat 1Malaysia?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak boleh macam itu. Yang Berhormat tidak perlu hendak jawab. Yang jawab Menteri, Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Pembetulan. Itu tadi tidak kata.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang menjawab Yang Berhormat Menteri.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Sejak tahun 2008, memang *Penang* bersedia untuk membayar untuk air mentah. Memang bersedia. [Disampuk] *Pay for* kepada Perak. Itu satu kenyataan yang tidak betul. Saya hendak jelaskan...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Biar Yang Berhormat Menteri jawab.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Memang dalam perbincangan dengan Selangor dan Pulau Pinang, hendak dijual air mentah.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Yang Berhormat, saya pun tidak tahu hendak jawab yang mana satu sudah. Banyak sangat. Akan tetapi macam inilah, cerita Pulau Pinang dan Perak ini, cerita mahu kahwinlah. Jadi mahu kahwin ini, kita baik-baik dulu, kita minang-minang baik-baik dulu tapi kalau kita bergaduh daripada awal, memang kita tidak dapat.

Jadi elok kalau Pulau Pinang dan Perak duduk sekali, bincang lagi sebab Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ada bagi tahu kata dia tulis surat kepada negeri Perak minta air mentah dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak pun bagi tahu dia ada menerima surat dari Ketua Menteri Pulau Pinang, tapi sehingga waktu itulah, saya tidak tahu selepas itu. Sehingga kita berjumpa itu di Putrajaya, kedua-dua orang itu, dia orang belum duduk berbincang antara Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dengan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang belum duduk. Yang cakap itu hanya dalam surat khabar. Cakap dalam surat khabar bagi tahu semua tapi yang *technical team* tidak duduk betul-betul.

Ini kerana saya tanya, waktu itu kita ada mesyuarat Majlis Air Negara, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang pun ada, MB Perak pun ada. Jadi saya katakan kepada Ketua Menteri dan MB, lebih baiklah kalau SS *Penang* dan SS Perak datang dan duduk mesyuarat dan lepas itu baru dapat resolusi itu, baru itu boleh masuk. Sekarang ini *just* surat-menyurat macam itu saja. Jadi saya haraplah ini dapat diselesaikan di peringkat dua negeri ini.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri boleh panggil mesyuarat kan? Jadi, Yang Berhormat Menteri lah *step in*.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Tidak boleh. Dengar, air mentah adalah hak negeri. Jadi, biar negeri yang minta.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tak, tak, *mediator*. Kita minta Yang Berhormat Menteri masuk sebagai *mediator*. Kalau Yang Berhormat Menteri boleh masuk *mediator* Pahang dengan Selangor, apa pasal *double standard Penang* dengan Selangor tidak boleh buat?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: *No, no*. Selangor dan Pahang Yang Berhormat, dalam Selangor dan Pahang, mereka telah bersetuju dulu. Selangor dan Pahang telah bersetuju, baru federal masuk waktu itu. Okey?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah jelas Yang Berhormat. Yang itu jelas.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Okey, saya ingat kalau kita ulang-ulang pun yang itu juga.

Saya terus pergi tadi daripada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tanya tadi pasal harga – itulah, gaduh sampai hilang dah. Kos terowong adalah RM1.3 bilion. Langat II RM993 million. Itulah dua yang ditanya tadi.

Okey, saya terus pergi yang seterusnya mengenai dengan Sabah. Yang Berhormat Putatan, suka saya memaklumkan Yang Berhormat, saya ingat Yang Berhormat ada dalam rekod itu bahawa kita untuk Sabah dan Sarawak, untuk bekalan air, Kerajaan Pusat menghantar peruntukan itu kepada kerajaan negeri di bawah JKR air negeri. Begitu juga di Sarawak. Jadi maknanya semua *procurement* tender, projek yang hendak ditentukan, ditentukan di peringkat JKR air negeri. Macam tahun hadapan 2015, sejumlah lebih daripada RM300 juta yang akan dihantar ke Sabah. Jadi saya kira bahawa Yang Berhormat, kita sebagai di peringkat kementerian boleh membantu sahaja tapi urusan set projek, mana hendak buat satu itu, dibuat di peringkat negeri.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa kalau saya tidak silap Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri sendiri telah pun turun juga di bawah soal Kaiduan *catchment* ini yang mana ada bantahan daripada penduduk-penduduk yang mana berjumlah 200 rumah di Kaiduan dan tiada rancangan. Saya rasa Yang Berhormat Menteri sedar ini, Menteri dari Persekutuan sedar bahawa rancangan itu haruslah diambil kira penempatan itu terlebih dahulu sebelum diumumkan supaya orang-orang tidak begitu terkejut dengan cadangan untuk membina satu empangan di Kaiduan. Ini diperlukan sebab dalam masa 10 tahun kita agak kekurangan air ini termasuk kawasan rumah Tuan Pengerusi itu, mungkin dalam masa 10 tahun kita tidak cukup air. Tidak adakah perancangan yang terdekat ini untuk menangani masalah NRW ini?

Ini saya rasa bukan sahaja tanggungjawab kerajaan negeri tapi juga Kerajaan Pusat pun perlu membantu kerajaan negeri soal NRW ini yang telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri semasa menjawab peringkat dasar dulu. Jadi ini saya rasa Yang Berhormat Menteri harus sedar juga ini. Bukan kita serahkan kepada kerajaan negeri saja.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Untuk Empangan Kaiduan itu saya bersetuju dengan Yang Berhormat Putatan bahawa sebenarnya kita kena tengok secara holistik. Maknanya kita kena buat penyelesaian juga kepada penduduk-penduduk yang ada, yang tinggal di situ dan serentak dengan *design* empangan.

■2030

Jadi, saya ambil maklum Yang Berhormat dan saya akan bawa sekali lagi dalam jawatankuasa berhubung dengan pemindahan penduduk, itu pada saya penting. Keduanya, fasal NRW tadi, saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa di kawasan Kota Kinabalu, untuk penggantian paip-paip lama, diperuntukkan sebanyak RM78 juta pada tahun depan. Terima kasih. *[Disampuk]* Itu termasuk Putatan, termasuk Putatan 'bah'.

Okey, yang seterusnya Tuan Pengerusi, saya pergi kepada hal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Buntar yang ada kaitan di sini iaitu mengenai dengan *green technology*

dan ada kaitan dengan kehidupan manusia pada masa yang akan datang, yang ada kaitan juga dengan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong yang berkaitan dengan *Malaysian Green Technology Corporation* dan juga Dasar Teknologi Hijau. Jadi sukalah saya sebut di sini bahawa dalam program yang berkaitan dengan kesedaran mengenai dengan *green technology* ini ada dua komponen. Satunya ialah *green technology*, dengan izin dan satu lagi ialah *green growth*, dengan izin. Jadi dalam usaha ini, dalam usaha memahami, memberi kefahaman kepada masyarakat berhubung dengan pentingnya masa depan daripada segi *green technology* ataupun kehidupan hijau ini, kementerian telah mengambil beberapa daya inisiatif.

Pertamanya, kementerian sendiri menubuhkan *Malaysian Green Technology Corporation* iaitu sebuah agensi kerajaan yang untuk melihat secara keseluruhan apakah yang boleh kita lakukan yang berkaitan dengan *green technology* ini termasuklah hal yang berkaitan dengan tenaga yang boleh diperbaharui atau *renewable energy*, dengan izin. Kemudian, EE ataupun *Electric Energy Efficiency*, dengan izin, kemudian, EV ataupun *Electric Vehicle*, dengan izin dan juga komponen-komponen lain yang kesemuanya itu boleh memberi kehidupan, kesejahteraan kepada manusia sejagat pada masa yang akan datang.

Dalam hal ini, KeTTHA bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk memasukkan *environmental sustainable development* di dalam *syllabus* dan juga subjek di peringkat sekolah. Elemen-elemen teknologi hijau seperti tenaga yang boleh diperbaharui, kecekapan tenaga dan produk eko dengan kerajaan telah jadikan subjek kredit di peringkat universiti khususnya dalam bidang yang ada kaitan dengan alam sekitar, reka bentuk dan juga arkitek. KeTTHA juga bekerjasama dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia di dalam membangunkan modul latihan yang berkaitan dengan teknologi.

Pada masa yang sama juga, sepertimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam persidangan di Copenhagen pada tahun 2009 telah mencadangkan sasaran lebih kurang 40% pengurangan intensiti pelepasan karbon berbanding dengan paras 2005. Jadi, Malaysia telah berusaha melalui kementerian dan juga agensi-agensinya yang lain, bukan sahaja di KeTTHA tetapi di kementerian-kementerian lain juga untuk memberi satu sasaran yang boleh disasarkan sepertimana yang telah ditetapkan. Usaha-usaha ini akan diteruskan dalam banyak sektor dan banyak komponen tetapi yang paling penting sekali saya bersetuju dengan Yang Berhormat Parit Buntar bahawa kita juga hendaklah sedia untuk melahirkan tenaga-tenaga yang mahir dalam teknologi hijau.

Jadi salah satu daripada komponen untuk melahirkan kumpulan yang cekap dalam teknologi hijau ini adalah kita juga bekerjasama dengan agensi atau institut di luar negara bagi memastikan bahawa ada penyertaan kita dalam apa juga bentuk pengajian yang berkaitan dengan teknologi hijau. Pada masa yang sama kita juga menggalakkan pengusaha-pengusaha tempatan menyertai program-program yang ada kaitan dengan hijau.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Seterusnya yang sama juga Yang Berhormat Parit Sulong dan juga Yang Berhormat Parit Buntar ...

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Bercakap pasal IGEM. IGEM ini adalah salah satu daripada usaha kerajaan sebagai *flagship* yang telah dimulai pada tahun 2010, menganjurkan satu pameran dan juga persidangan untuk memberi peluang kepada ahli-ahli perniagaan dalam negeri dan luar negeri membawa produk-produk masing-masing. Suka saya sebut di sini bahawa IGEM yang baru berlangsung pada bulan Oktober, kita telah membawa 357 buah syarikat dan organisasi tempatan iaitu sebanyak 71% dan 29% adalah daripada syarikat-syarikat luar negara daripada 21 buah negara dan penyertaan keseluruhannya adalah 616 *booths* pameran. Pengunjung yang datang ke IGEM sebanyak 49,812 orang daripada keseluruhan yang direkodkan di situ adalah dari 52 negara dan paling ramai sekali adalah rakyat kita, rakyat tempatan.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Transaksi jumlah perniagaan di situ adalah RM1.9 bilion dan ada tujuh *memorandum of understanding* yang telah pun kita dapat tandatangan. Tahun hadapan, IGEM 2015 akan diadakan pada 9 September hingga 12 September 2015 juga di KL Convention Center. Akhir itu mengenai dengan ...

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebelum akhir. Beri peluang kepada Yang Berhormat Bakri untuk bertanya satu soalan sebab tadi tidak dapat tanya soalan.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Okey. Belum akhir lagilah.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: *[Ketawa]* Okey. Terima kasih PhD Datuk Seri Tuan Pengerusi dan *[Disampuk]* Timbalan Menteri memberi peluang kepada Yang Berhormat Bakri. *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Di sini saya hendak bertanya Timbalan Menteri satu soalan yang penting.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, walaupun sopan dan baik tetapi dia kena tanya tajuk yang sedang diperjelaskan oleh Timbalan Menteri Yang Berhormat ya.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Memang. Tentang tenaga dan teknologi. Saya minta Timbalan Menteri memberikan statistik yang berkaitan dengan bilangan pemilik rumah yang memohon pemasangan panel *photovoltaic solar* (PV) dan berapakah bilangan rumah yang sudah menyertai program ini? Sila memberikan jumlah ini dengan pecahan negeri dan kilowatt yang dijanakan. Menurut laporan berita beberapa hari yang lepas, sindiket penipuan telah menggunakan skim yang berkaitan dengan tenaga boleh baharu termasuk kad jimat elektrik dan *Feed-in Approval Holder* yang palsu. Adalah dipercayai beratus mangsa telah ditipu oleh skim penipuan ini. Saya juga dimaklumkan bahawa dalam skim FIT ini, lesen *Feed-in Approval Holder* dengan izin atau FIAH hanya diberikan kepada beberapa syarikat yang tertentu.

Saya minta Timbalan Menteri memberi penjelasan mengapa lesen FIAH ini tidak terbuka kepada semua syarikat yang mempunyai minta mengambil bahagian dalam skim ini? Di mana setakat ini, pemohon skim FiT perlu menunggu lama untuk mendapatkan kuota FiT. Salah satu puncanya ialah hanya kerana beberapa FIAH yang dibenarkan untuk pemasangannya dengan membuka permohonan lesen kepada syarikat-syarikat yang berminat dalam bidang ini, ia bukan sahaja boleh mengelakkan penipuan namun memberikan peluang kepada syarikat-syarikat yang bermodal kecil boleh memberikan sumbangan dalam bidang ini, bidang tenaga hijau.

Akhir sekali saya minta Timbalan Menteri memberikan pendapatan yang dikutip daripada caj tambahan 1% kepada pengguna elektrik bagi Dana Tenaga Boleh Baharu atau *Renewable Energy (RE) Fund* daripada 2012 sehingga kini. Minta penjelasan dan minta jawapan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jawab bertulislah Yang Berhormat.

■2140

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Yang *detail* itu Yang Berhormat, saya hendak bagi yang bertulislah sebab tiap-tiap rumah itu hendak kira lagi dari Johor sampai Perlis. Akan tetapi saya boleh bagi tahu kepada Yang Berhormat, fasal penipuan ini ada, minggu lepas saya ada di Pulau Pinang. Ada penipuan ini berlaku, dia buat seolah-olah SEDA yang buat seminar bagaimana hendak mendapatkan kuota kilowatt *hour*, 12 kilowatt *hour*, 7 kilowatt, 10 kilowatt *hour*. Dia buat dalam hotel, ada SEDA punya logo, dia pasang kemudian dia ada 1Malaysia - Melayu, Cina, India.

Melayu dikatakan sebagai pegawai kerajaan sebab memang lumrah kata macam begitu. Melayu dikatakan pegawai kerajaan, jadi Melayu akan bercakap sebagai pegawai kerajaan. Yang Cina ini dia akan jadi *service provider*, selepas itu ada lagi satu *lawyer*. India ini *lawyer*. Jadi, 3 ada situ. Melayu akan cakaplah ini kerajaan buat SEDA buat apa semua kemudian yang Cina ini cakap dia adalah *service provider* boleh pasang berapa banyak, satu kilowatt *hour* berapa harga. India cakap saya boleh *sign agreement*.

Dalam laporan yang diberi sekarang ini lebih kurang RM500,000 yang telah diambil kutipan daripada orang ramai. Terbaru yang kena itu di Bukit Mertajam, satu saya tidak tahu di hotel mana tapi hotel di Bukit Mertajam. Jadi, adalah orang bawa saya itu di Seberang Perai itu tunjuk macam mana dia punya slip resit cek yang dibayar itu kepada- Ini salah satu benda yang telah jadi kes polis dan polis sedang menyiasat tindakan yang diambil itu.

Akhir untuk peringkat sebelum masuk pada satu lagi tenaga ini, saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Parit Sulong fasal MyHIJAU ini. MyHIJAU buat masa ini terdapat 3 buah pemaju skim yang telah menyertai program MyHIJAU, Skim Pelaburan Eko SIRIM yang berdasarkan kriteria ISO14000, kemudian Skim *Labor* Cekap Tenaga oleh Suruhanjaya Tenaga dan ketiganya Skim Produk Cekap Air di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Berdasarkan *fluoride* sebagai main kriteria. Produk-produk yang mendapat pengiktirafan

pensijilan di bawah ketiga-tiga skim tersebut adalah layak menggunakan logo MyHIJAU. Itu mengenai dengan *green technology* dan akhir daripada *green technology*...

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jelebu bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Ya, ya.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya mungkin ketika Yang Berhormat Menteri jawab tadi saya tidak ada dalam Dewan, apakah sudah dijawab soalan saya tentang projek air Triang di Negeri Sembilan, Jelebu itu?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Saya tidak jawab tadi, ingat tak *dak* tadi, tak jawablah.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Ini kena cari pula. Kalau tak jumpa, kita bagi jawapan bertulis sahajalah. Oh, dia pergi bilik air. Tak jumpalah, *sat* ni saya tidak jumpalah. Nanti kita jumpa, kita jawab. Ada, dia orang ada bagi jawapan tadi tapi saya fasal banyak sangat ini, saya mungkin salah letak agaknya. Jadi, kita pergilah kepada sektor tenagalah yang akhir sekali. Jadi, ada banyak ini yang berkaitan, ada ini, Jelebu ada. Ini Jelebu.

Status projek bekalan air Triang. Status kemajuan projek sehingga 31 Oktober 2014 - 98% dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2015. Kos keseluruhan projek bekalan air Triang ini RM488 juta. Sistem bekalan air yang terdiri daripada empangan, loji rawatan dan sistem agihan komponen empangan diserahkan kepada kerajaan negeri mengambil kira sumber di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Loji rawatan dan sistem agihan diserahkan kepada PAAB loji dan sistem agihan diserahkan kepada PAAB dan dioperasi oleh SAINS. Itu dia punya.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Saya hendak tanya sedikit Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri. Saya dapat jawapan yang sama juga setahun yang lalu, pada 1 Oktober 2013 - 98% juga, tinggal 2% lagi. Bolehkah saya tahu apakah punca 2% ini sebenarnya tidak dapat dibereskan, 98% boleh siap, 2% lagi tidak boleh siap. Saya tahu ada 5 pakej keseluruhan projek itu. Ini tidak ada kaitan. Jadi, saya minta penjelasan, kenapa 2% ini begitu sukar? Kalau perlu bantuan Ahli Parlimen Jelebu, saya sedia bantu menyelesaikannya, kalau ia melibatkan orang kampung dan sebagainya. Ini penting Yang Berhormat Menteri, sudah setahun jawapan 98%. Saya khuatir ini jawapan tidak betul. Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Saya hendak minta pegawai buat laporan, sekejap lagi saya jawab kepada Yang Berhormat. Malam ini juga kita jawab, tidak payah tunggu kalau ada apa-apa yang perlu. Berniat jahat. Okey, kita pergi kepada sektor tenaga. Oh, ini ada lagi, Tebrau. Hendak jawab jugakah fasal ini air hujan? Okeylah, jawab jugalah sikit ada lagi. Ini fasal sistem pengumpulan air hujan. Perkara ini telah dimasukkan sebagai salah satu syarat di dalam projek-projek rumah kos sederhana, banglo, di bawah Undang-undang Kecil Bangunan Seragam di bawah seliaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

KeTTHA menggalakkan aplikasi sistem pengumpulan air hujan memandangkan ia mengurangkan pergantungan kepada penggunaan air terawat dan menyokong inisiatif dan

teknologi hijau dan bangunan hijau. Di pihak kerajaan, di Putrajaya ada enam kementerian yang telah dicadangkan untuk peringkat awal ini termasuklah bangunan KeTTTHA, bangunan Parlimen dengan tujuan air hujan ini bagi landskap dan juga siraman kepada pokok. Itu yang kita buat setakat ini oleh kerajaan tapi kita galakkan ia digunakan sepenuhnya oleh pihak swasta dan juga agensi-agensi kerajaan.

Untuk sektor tenaga, saya ingat soalan 1MDB ini banyak sudah dijawab oleh Jabatan Perdana Menteri. *[Disampuk]* Nanti sekejap, saya belum habis bercakap. Jadi, dalam soal projek. Pertamanya, fasal 3B, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara sebut tadi fasal menolak YTL. Jadi, di sini sukalah saya sebut, pemberian projek ini diberikan kepada 1Malaysia *Development* Berhad berdasarkan faktor-faktor berikut. Pertamanya, YTL tidak mematuhi kriteria teknikal yang ditetapkan dalam 42 ataupun dalam fasa 2 dalam dokumen RFP yang menetapkan spesifikasi stim generator ataupun dandang.

Pembuat stim generator tersebut telah dibenarkan oleh teknikal *committee* untuk bidaan 3B berdasarkan suhu yang ditawarkan dalam bidaan mestilah tidak melebihi suhu sedia ada dan pembuat. Apa yang ditawarkan oleh YTL ialah suhu teknologi yang tidak terbukti iaitu suhu yang lebih tinggi. Oleh itu, keputusan kerajaan untuk menawarkan projek itu pada 1MDB adalah tepat kerana 1MDB menawarkan pakej seperti mana yang telah disyaratkan. Kemudian, berhubung yang pemberian projek jana kuasa 2000 megawatt tersebut perlu dibuat sekarang kepada 1MDB walaupun tempoh pembinaan loji seperti Yang Berhormat sebut tadi 4 tahun daripada sekarang.

■2050

Ini kerana talian penghantaran baru yang boleh mengeksport 2,000 megawatt dari lokasi ini memerlukan hampir enam tahun untuk disiapkan. Tanpa talian penghantaran baru, loji jana kuasa 2,000 megawatt ini tidak boleh dimulai tugas. Okey, itu jawapan daripada sayalah Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya rasa saya tidak hendak pergi yang terperinci. Saya hanya ada satu soalan sahaja, soalan pokok iaitu kenapa dasar daripada tender terbuka telah diubah balik kepada dasar rundingan terus? Rundingan terus dengan tergopoh-gopoh. Semua orang tidak tahu projek itu akan ditawarkan, selepas itu berita keluar sudah ditawarkan kepada 1MDB. Selepas itu kementerian pun menjawab bahawa walaupun sudah ditawarkan tetapi tarikh, semua syarat masih belum ditetapkan. Kenapa membuat tawaran sebelum rundingan dibuat?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Yang Berhormat, 1MDB ini adalah syarikat kerajaan. Saya mesti - Bila saya cakap Yang Berhormat gelak. Ini kerana bila sebut 1MDB itu, diletakkan satu persepsi yang *very negative*. Kita tak boleh buat macam itu Yang Berhormat. Oleh sebab percayalah bahawa 1MDB itu ialah syarikat kerajaan. Apabila ada apa pun di dalamnya, sudah tentulah berkaitan dengan tarif, berkaitan dengan apa pun, yang kemudiannya kita tahu bahawa akhirnya nanti tidak akan membawa kepada bebanannya kepada rakyat. Kita tahu sebab bila disebut bahawa perkataan 1MDB itu, macam ada stigma yang boleh seolah-olah boleh

menjejaskan, boleh memberi satu gambaran yang sangat salah, sangat buruk. Jadi, saya minta supaya kita minta satu fikiran yang baik.

Balik kepada tender, tender terbuka, *selective tender*, open tender dan *direct nego*. Pada sayalah Yang Berhormat, itu dari segi kita cakap dari segi peraturan. Peraturannya memang boleh, cuma kerajaan hendak buat atau tidak pada waktu itu. Bukan semua kita pergi, apa yang kita buat ini atas *direct nego*. Masih ada lagi *selective tender*, masih ada lagi *open tender* dan ada lagi yang kita buat secara *pre-Q* kepada projek-projek tertentu. Jadi soalnya sekarang ini, kerajaan telah memberi projek ini kepada 1MDB dan 1MDB kena menyiapkan program ini seperti mana dalam jadual yang telah ditetapkan.

Ada Yang Berhormat hendak? Bolehlah itu, cukuplah banyak itu. Saya pun faham Yang Berhormat PJU belum berpuas hati lagi, tetapi saya ingat...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Yang Berhormat Menteri, memang betul tidak puas hati, tetapi tidak hendak panjangkan perkara ini.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih. Kemudian yang keduanya saya hendak bangkitkan mengenai Yang Berhormat Sandakan. Yang Berhormat Sandakan telah membangkitkan mengenai dengan loji. Satu lagi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat PJU tadi, suka saya menjelaskan kepada Yang Berhormat bahawa *statement* 1MDB mengenai dengan Sandakan dan Tawau ialah kenyataan dari 1MDB. Kenyataan dari 1MDB sahaja. Kementerian sampai setakat ini, sampai hari ini, kita baru hendak putuskan berapa megawatt di Sandakan. Kita sudah putuskan berapa megawatt di Sandakan, berapa megawatt di Tawau. Kita tidak melantik mana-mana kontraktor atau mana-mana pemaju untuk memajukan IPP itu lagi Yang Berhormat. Itu kenyataan yang sah yang keluar daripada kementerian KeTTHA.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya hendak buat penjelasan sahaja.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Ya.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: So, *basically* program hidro 780 megawatt dan satu lagi *gas turbine* 400 megawatt memang belum dilantik mana-mana pihak dan boleh tidak pihak Menteri menjelaskan apakah kaedah, cara...

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Jumlah Yang Berhormat sebut itu pun tidak betul.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Tidak apa. Apa yang saya baca...

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Okey, okey.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Apa yang saya baca. Saya hanya hendak pengesahan sahaja daripada kementerian.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Okey.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Tidak ada penawaran yang telah pun dibuat oleh kementerian. Itu nombor satu. Apakah kaedah yang akan digunakan untuk menawarkan kontrak tersebut?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Pertama fasal 700 megawatt dengan 400 megawatt itu, saya hendak maklumkan untuk Sabah kita tidak perlu untuk 1,100 megawatt lagi. Tidak perlu sebab

kita baru siap sahaja di Kimanis Power Plant dengan SPR Power Plant di Kimanis 400 megawatt. Baru sahaja beroperasi. Cuma yang sekarang ini yang kita hendak sekarang ini adalah di Pantai Timur Sabah, di Sandakan, di Tawau dan juga di Lahad Datu.

Pakej yang hendak ditawarkan kepada Sandakan, kepada Lahad Datu dan Tawau ini dan juga hidro yang akan diberi lebih kurang 180 megawatt ini, yang itu keseluruhan itu saya akan maklum kepada Yang Berhormat kemudian sebab saya pun tidak dapat mengesahkan lagi bagaimana kerajaan akan mengemukakan selepas ini. Jadi ada lebih kurang kalau tidak salah saya di Tawau 60 megawatt, di Lahad Datu 30 megawatt dan di Sandakan 90 megawatt.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kalau tidak pasti, tidak payah itu Yang Berhormat.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *They will quote that.*

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Baik. Okey. Kemudian saya hendak cakap fasal Sandakan ini. Yang Berhormat Sandakan sebut tadi Yang Berhormat Sandakan menggunakan perkataan untuk SESB '*perompak*'. Saya ingat tidak berapa sesuaiilah. Walaupun marah, tetapi jangan guna perompaklah, guna lain perkataan fasal bila *you* kata perompak itu, macam kira SESB jahat betul.

Jadi untuk SESB untuk Sandakan. Pertama, saya hendak sebut di sini fasal projek tahun depan tahun 2015 sampai tahun 2020. Jadi ada sudah senarai Yang Berhormat, keluar termasuklah di Sandakan. Saya boleh bagi jaminan kepada Yang Berhormat bahawa tahun hadapan, projek-projek ini ditender. Kemudian kita akan beri kepada yang menang untuk buat projek, terutamanya yang berkaitan dengan SAIDI. Ada bajet yang telah ditetapkan untuk SAIDI negeri Sabah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, panjang lagi Yang Berhormat?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Sedikit lagi. Sedikit.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Tuan Pengerusi, tentang SAIDI itu, boleh Yang Berhormat Menteri menjelaskan mengapa SAIDI itu tahun ini lebih tinggi pada tahun yang lalu? Yang Berhormat Menteri yang selalu janji kita yang mahu kurang SAIDI untuk memberi bekalan elektrik kepada kita, tetapi SAIDI tahun ini sampai tahap 700, yang *last year* baru 400 lebih. Jadi bagaimana begitu?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: KeTTHA - Ada, ada...

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Setiap hari *just for your information*, kalau Yang Berhormat Menteri bukan di Sabah, lalu Sandakan setiap hari mesti Sandakan ada gangguan elektrik.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Saya sedar Yang Berhormat, perkara itu saya sedar. Pertamanya, Yang Berhormat sebut tadi fasal – Sekarang ini dari Kolopis Penampang ini ada *transmission line* di Crocker Range itu, di banjaran naik ke Ranau, turun Telupid. Kolopis – minta maaf. Dari Kolopis pergi ke Sandakan itu, ke Segaliut di Sandakan itu lebih kurang lebih dari 400

kilometer, hanya dia bawa 100 megawatt. Sekarang ini kita *upgrade* Segaliut di Sandakan itu untuk 200 megawatt.

Pada masa yang sama, sebab itu di Pantai Timur ini ada masalah sebab kalau 100 megawatt sahaja yang *cross the* dengan izin, Crocker Range itu tidak boleh. Yang Berhormat Datuk Seri di Parlimen Beluran tidak akan mendapat dan ada lagi tempat yang memang tidak dapat bekalan elektrik. Jadi di Sandakan itu, dari Segaliut itu kita akan bawa ke Seguntur dan juga kita akan bawa ke Nangoh.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Nangoh.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Nangoh. Jadi maknanya untuk bawa itu, tetapi kita tidak cukup juga. Kita kena buat juga *power plant* di Sandakan, di Tawau dan di Lahad Datu untuk tambahan. Boleh?

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Satu lagi saya mahu tanya. Sebanyaknyanya macam Sandakan mengurangkan *power* sebab IPP yang ada di Sandakan, selalu ia tidak mengambil tugas dengan *full capacity*. Macam di Libaran punya, kita ada lebih kurang 60 megawatt. Akan tetapi kita sudah dapat tahu, selalu ia baru jalan satu dua enjin sahaja baru 30 begitu. Jadi bagaimana IPP ini selalu *break down* macam tidak ada penalti kah kasi ini IPP? Macam dia pun teragak-agak untuk *repair* dia punya enjin. Inilah masalahnya begitu.

■2100

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Okey. Saya ambil perhatian apa Yang Berhormat cakap. Okey, kemudian yang akhir daripada Yang Berhormat ini fasal *geothermal*. *Geothermal* ini adalah salah satu dari komponen dalam *renewable energy*. Kalau dalam tenaga yang boleh diperbaharui ini ada solar, ada biogas, ada biomas, ada *wind turbine*, ada ombak dan juga ada *geothermal*.

Geothermal ini telah ada di Indonesia dan ada di New Zealand sebab mereka mempunyai banyak lahar gunung berapi. Akan tetapi bila dibuat kajian, di Tawau Sabah juga ada potensi, bukan ada potensi, memang sah boleh dibuat geoterma di Tawau. Jadi sebuah syarikat telah mengemukakan permohonan kepada kerajaan untuk memulakan satu projek dipanggil Loji Janakuasa Geoterma di Apas Kiri, Tawau. Ia sekarang mematuhi semua peraturan dan undang-undang yang terpakai. Pihak syarikat telah diarah oleh kerajaan negeri untuk membina sebuah tapak pembinaan loji dengan kos pihak syarikat dipanggil Tawau Green, di mana semua kayu balak Yang Berhormat sebut tadi dikeluarkan dan kemudiannya dilelong oleh Jabatan Perhutanan Negeri Sabah. Balak itu diambil dan dilelong oleh Jabatan Perhutanan Negeri Sabah. Pihak Syarikat Tawau Green tidak mendapat sebarang ganjaran atau keuntungan daripada proses pengeluaran kayu balak daripada Tapak Loji Janakuasa Geoterma di Apas Kiri Tawau. Itu jawapan saya. Akhir sekali Yang Berhormat...

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Tuan Pengerusi, satu soalan lagi. Jadi ini geoterma punya pelan, bila boleh mula? Jadi kita sudah, ini pun sudah bangkit beberapa tahun sudah *you know*, tetapi bila yang boleh lancar ini projek? Kalau sudah kajian dia punya *feasibility*, jadi bila boleh *start*?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Sudah *start* Yang Berhormat.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Sudah *start*?

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Sudah *start*, di *ground* sudah *start*, sudah *start*. Nanti Yang Berhormat boleh melawat Tawau. Kalau tidak, kita dua orang pergi melawat.

Yang Berhormat Ipoh Timur, fasal yang berkaitan dengan tindakan TNB untuk menangani kes usikan meter dan cadangan bagi penambahbaikan SOP sedia ada. TNB telah pun mengambil tindakan terhadap kesalahan-kesalahan berhubung dengan kes pengusikan meter berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 37 dan 38 Akta Bekalan Elektrik 1990. Bagi kes pengusikan meter, pihak TNB telah melaksanakan penambahbaikan ke atas SOP yang sedia ada yang berkaitan, yang telah diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga pada 1 Jun 2014. Penambahbaikan ini telah pun mengambil kira kepentingan kedua-dua pihak iaitu pengguna dan juga pemegang lesen. Antara penambahbaikan yang dilaksanakan adalah melibatkan pendekatan yang lebih berhemah iaitu mengeluarkan surat pemberitahuan pemeriksaan dan pengujian meter kepada pengguna. Selain daripada itu, pengguna juga boleh mendapatkan laporan pemeriksaan meter daripada pihak pemegang lesen. Itulah jawapan daripada...

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan ada satu garis panduan dikeluarkan 1 Jun itu, tetapi minggu lalu masih ada satu kes di Ipoh di mana pegawai TNB memanjat pagar dan terus tukar meter. Kenapa masih boleh berlaku kerana Suruhanjaya Tenaga telah pun keluarkan satu *guideline*? Jadi itu sebab saya hendak bangkit di sini, TNB walaupun ada garis *guideline*, tetapi langsung tidak ikut. Saya harap kerajaan mengambil berat tentang isu ini. Banyak orang kena. Bukan sahaja di Ipoh, di merata tempat di Malaysia. Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Di Ipoh sahajalah, di merata tempat di Malaysia itu *statement* sahajalah. [*Ketawa*] Itu *statement*lah di Malaysia. Okey, kita ambil perhatianlah yang Yang Berhormat sebut itu dan kita bawa kepada TNB.

Jadi Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya sekali lagi...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Mengenai pengusikan meter ini, kerana dalam sesi... - Terima kasih Tuan Pengerusi. Pada sesi yang lepas, Yang Berhormat Menteri ada menyatakan ada 1%, lebih kurang 1% daripada meter baru yang dipasang ada kecacatan. Jadi masalahnya sekarang ini seperti yang Yang Berhormat Ipoh Timur katakan, ramai orang mendapat notis mengatakan ada kecurian. Ini bukan kerana perkara saya sendiri, pusat khidmat saya di Pantai Remis, bangunan baru dari mula sampai sekarang langsung kita tidak usik, tiba-tiba terima surat kata kita usik meter. Saya pun terperanjat. Oleh sebab itu, saya hendak pihak kerajaan kalau boleh menyasiat isu ini supaya betul-betul mesti ada notis diberikan sebelum meter- kebanyakan mungkin kerana pekerja TNB yang mengusik, kemudian menuduh kita. Itu masalah dia.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Yang Berhormat, siapa yang hendak percaya kata tidak usik? Siapa yang hendak percaya sekarang kata tidak usik? Jadi bila sekarang ini, kita kalau kita tuduh sana, tuduh sini pun susah...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Maksudnya untuk berlaku adil, kedua-dua pihak mesti ada...

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Yalah, sebut sahajalah.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Semasa meter dibuka.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Kalau ada usik, bawah seksyen 37, TNB mesti dakwa dan buktikan pengusikan tersebut. Bukan macam sekarang, hanya keluarkan notis dan suruh pengguna bayar. Itu tidak adil.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Ada, ada kes memang usik betul-betul punya.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Itu ada usik, kita sokong TNB, kita tidak tuduh. Itu kami tidak...

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Banyak usiknya dari yang tidak usik. Banyak usiknya.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Yang kata sekarang tiba-tiba notis terima, tidak ada bukti pengusikan ataupun pengubahsuaian, kena bayar. Itu masalahnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Tidak apa, tidak apa. Kalau usik kita ambil, tidak usik kita tidak ambillah.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Sekarang usik atau tidak usik, meter ditukar kemudian terima notis. Itu yang jadi masalah sekarang.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Tidak apa, tidak apa Yang Berhormat. Itu mungkin kes terpencil, bukan semua orang.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Tidak terpencil, banyak kes.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Tidak apa.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Bukan terpencil, banyak kes sedemikian.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Pengerusi, mungkin satu keadaan mungkin Yang Berhormat Menteri tidak sedar ialah saya sebagai ADUN Sitiawan pernah menerima aduan bahawa semasa pemasangan meter baru, ada pekerja TNB yang minta wang RM500 seorang, kemudian merekalah yang usik sebelum ia dipasang. Jadi bagi...

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Itu *report*lah. Kalau sudah minta, *report*lah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, hantar laporan Yang Berhormat, hantar laporan kepada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Hantar laporanlah.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Itu banyak kes kerana ia ada satu skim. Maksud saya, TNB mestilah juga bertanggungjawab atas pekerja sendiri.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Tidak payah. Saya ingat kalau Yang Berhormat bawa dalam Dewan pun tidak *settle* kalau melibatkan individu, melibatkan kawasan. Kalau ada *list*, bawa dulu, *report* yang itu dulu. Daripada kita jerit sini fasal satu atau dua kes, tetapi sudah jadi macam satu - Kita bising sini, *actually* kita pergi pada dasar okeylah. Akan tetapi ini bukan dasar, ini hal yang

berkaitan dengan *technician* yang ada di bawah. Jadi seolah-olah kita hendak salahkan, kita punya persepsi mahu salahkan TNB. Macam itu saya ingat tidak berapa betul juga. Tidak betul.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat, minta habiskan Yang Berhormat.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Bukan, minta penjelasan. Bukan kita hendak salahkan TNB.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Ini, ini *more on...*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat Ipoh Timur.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Itu kes terpencil sahaja itu.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: TNB kata dia ada hak. Mana boleh macam itu? Kita bukan hendak salahkan TNB. tetapi cara penguatkuasaan itu. Kalau ada kecurian, pengusikan, memang itu penjahat.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Yang Berhormat duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Yang Berhormat, saya sendiri, saya sendiri terhadap Yang Berhormat Ipoh Timur, saya ada persepsi saya sendiri terhadap Yang Berhormat Ipoh Timur. Bila Yang Berhormat Ipoh Timur cakap, saya boleh terima atau tidak sebab saya telah ada stigma pasal Yang Berhormat Ipoh Timur. Itu sahaja, *very simple*.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Persepsi. Sekarang kita katakan bukti.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Bukti bahawa memang ada pengusikan, saya sokong TNB ambil tindakan, tetapi di bawah seksyen 37 sudah jelas kenapa tidak ambil.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bawa hantar laporan, bawa kes. Cukuplah. Habiskan Yang Berhormat Menteri. Habiskanlah.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Jadi pihak TNB tidak profesional.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Kalau ada bukti, bawa. Kalau ada bukti *you* bawa.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Bukan, Timbalan Menteri mesti faham...

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih kepada...

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Menteri, kongsi sikit lagi sebelum Yang Berhormat Menteri...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Ini melibatkan banyak...

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Sebelum Yang Berhormat Menteri selesai.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Menteri...

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: *Clean coal technology* yang saya tanya tadi di Tanjung Bin dengan Manjung.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bertulis Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Kuala Kangsar mahu tanya.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Satu, sebelum Yang Berhormat Menteri tutup. Tadi saya tidak ada kesempatan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Itu Tuan Pengerusi di bawah itu.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Sandakan tidak beri kesempatan untuk saya mencelah tentang keuntungan terkini TNB sekitar RM6 bilion. Saya ucapkan tahniah kepada TNB kerana memberi bekalan yang begitu berkualiti kepada rakyat dan juga kepada industri. Jadi persoalan saya, apakah pihak TNB akan memberi CSR kepada rakyat khususnya kepada Parlimen dan juga kepada *people's economy* yang telah diutarakan oleh pihak kerajaan untuk TNB bersama-sama dengan rakyat menjalankan agenda. Jadi saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh membantu untuk TNB memberi CSR kepada kita semua. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jawapan bertulis Yang Berhormat Menteri.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada apa-apa masalah Yang Berhormat Tanjong ini? Janganlah begitu Yang Berhormat Tanjong.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: *Member* tanya, janganlah marah Yang Berhormat Tanjong. Ini Parlimen.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Parlimen. Jangan macam itu.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Kita tidak boleh *emotional*. Kita *steady*. Kita mahu marah pun tetapi kita *steady* lagi. *[Ketawa]*

■2110

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat Tanjong, duduklah ya.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Untuk Yang Berhormat Hulu Langat berkaitan dengan *Clean Coal Technology* ini sukalah saya menyebut bahawa sememangnya di Tanjung Bin dan Manjung dia punya teknologi pelepasan karbon dan juga loji di sana adalah menggunakan dipanggil FGD yang moden di mana pencemaran yang boleh menyebabkan hujan asid dapat dielakkan. Dari segi sudut pelepasan karbon loji di Tanjung Bin dan Manjung hampir menurunkan kadar pelepasan *carbon emission* pada setiap unit dijana sebanyak 12-15 berbanding loji di Kapar. Itu jawapan. Yang lain itu ada lagi jawapan di sini dan boleh dijawab

secara bertulis Yang Berhormat, ada di sini. Jadi Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada semua...

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: CSR tadi yang tenaga untung RM6 bilion.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: *Insyallah* kita boleh tengok Yang Berhormat. Jadi terima kasih – sabar Yang Berhormat-Yang Berhormat sampai 9.30 malam ada lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada kementerian lain yang masuk Yang Berhormat.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Saya jolok sedikit sahaja, semua hendak balik. Saya pun tahu. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang ambil bahagian daripada pihak kerajaan dan juga di pihak pembangkang yang telah banyak berkaitan dengan kementerian KeTTHA. Jadi saya ucapkan berbilang-bersang terima kasih atas perbincangan sebentar tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM280,970,000 untuk Maksud B.29 di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM280,970,000 untuk Maksud B.29 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,585,567,600 untuk Maksud P.29 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2015 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.]

[Wang sebanyak RM2,585,567,600 untuk Maksud P.29 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2015]

**Maksud B.47 [Jadual] –
Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan 2015] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kepala Bekalan B.47 dan Kepala Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Parit Sulong.

9.13 mlm.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih, Yang Berhormat Putatan duduklah. Pendek sahaja ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan duduk.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Satu sahaja ini Butiran 33000 ini mengenai MDeC. Saya Cuma hendak tanya pada MDeC apakah tindakan dan apakah yang akan dibuat oleh MDeC kerana pada tahun lepas dalam bajet yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk tahun 2014 ada satu program yang dinamakan *Get Malaysian Business Online* yang memberi bantuan ataupun peruntukan khas kepada usahawan-usahawan atas talian sebanyak RM1,000 kepada setiap usahawan. Program ini memang sangat menggalakkan.

Jadi saya hendak tanya pada pihak kementerian, kerana ketiadaan peruntukan khas ini dan sekarang ini peratusan mereka yang terlibat secara langsung dalam perniagaan atas talian ini semakin meningkat setiap hari. Jadi saya ingin bertanya pada pihak kementerian apakah tindakan lain yang dibuat oleh pihak kementerian dalam usaha untuk membantu usahawan-usahawan yang membuat perniagaan atas talian ini.

Jadinya seterusnya saya juga hendak bertanya kepada pihak kementerian apakah pendekatan baru yang dibuat oleh kementerian selain daripada membantu usahawan atas talian secara *general*, saya juga hendak bertanya pada pihak kementerian, adakah pihak kementerian mempunyai satu program yang khusus untuk membantu usahawan-usahawan yang berkaitan dengan IT, ini usahawan wanita daripada kalangan wanita. Apakah jenis program-program yang diatur oleh pihak MDeC ini?

Seterusnya saya juga hendak bertanya adakah pihak MDeC ada membuat satu kajian mengenai keberkesanan segala program yang telah diatur di bawah MDeC dalam membantu usahawan-usahawan terutamanya saya hendak bertanya mengenai keberkesanan program-program ataupun bantuan-bantuan yang telah diberikan oleh MDeC kepada usahawan atas talian di bawah program GMBO itu. Akhirnya – saya terdengar orang bercakap, bunyi ramai, kiri kanan saya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia minatlah itu.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Seterusnya Tuan Pengerusi, saya juga hendak bertanya adakah juga kementerian membuat satu kajian impak perniagaan atas talian di Malaysia ini hasil daripada bantuan kementerian terutamanya daripada bantuan-bantuan yang telah diberikan oleh MDeC ke atas usahawan-usahawan ini. Terima kasih banyak.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rasah.

9.16 mlm.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 060000 – Perkhidmatan Hal Ehwal Khas (JASA). Tuan Pengerusi, di sini saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa baru-baru ini kita mendapati bahawa sebanyak 46 pegawai JASA di Negeri Sembilan telah memohon menjadi Penolong Pendaftar Pengundi dan saya merujuk kepada peruntukan yang dibekalkan kepada JASA iaitu sebanyak RM21,718,100 pada tahun hadapan. Di sini saya hendak tanya adakah kemungkinan besar pendapatan pegawai-pegawai JASA di Negeri Sembilan ini tidak mencukupi.

Saya juga ingin menanya sebenarnya berapakah pegawai di dalam JASA tidak kiralah pegawai kanan ataupun pegawai-pegawai yang berada di seluruh Malaysia, adakah berapa daripada mereka merupakan lantikan politik. Sebab kami juga perhatikan bahawa ketika Pakatan Rakyat mengadakan program, mengadakan ceramah kita perhatikan ada orang ataupun ada pihak yang sorok-menyorok di tepi membuat rakaman, membuat nota. Saya hendak tanya kepada kementerian sebenarnya kerja-kerja pegawai JASA ini memang bertindih dengan *Special Branch* dari PDRM. Pada masa yang sama, kalau kerajaan ini menjimatkan kos pentadbiran sepatutnya kerja-kerja bertindih ini tidak seharusnya berlaku dan saya mohon pihak kementerian untuk memberi jawapan dan juga penjelasan di dalam Dewan yang mulia ini.

Perkara yang kedua saya merujuk kepada Butiran 090100 iaitu BERNAMA. BERNAMA pada 13 November telah pun mengeluarkan satu laporan di mana Kementerian Pendidikan dilaporkan akan bercadang untuk membuat kajian tamatkan sekolah vernakular pada 13 November. Pada 14 November pula BERNAMA telah pun mengeluarkan kenyataan akhbar bahawa BERNAMA memohon maaf atas kesilapan dan salah faham dalam laporan tersebut. Saya rasa bagi BERNAMA merupakan salah satu sumber berita yang amat penting di negara ini, sepatutnya membuat laporan berita secara berhemah.

Mengenai isu hendak menamatkan pendidikan vernakular, sebenarnya dilihat secara serius dan bukan begitu sewenang-wenangnya untuk menyebarkan berita yang tidak benar. Saya berasa simpati terhadap Menteri Pelajaran Kedua di mana selepas laporan BERNAMA pada 13 November di mana kerajaan akan mengkaji menutup sekolah vernakular, beliau Yang Berhormat Menteri Pendidikan II telah diserang oleh kawan-kawan beliau dari MCA.

■2120

Di sini saya ingin memohon BERNAMA memberi penjelasan tentang apakah tindakan yang telah diambil terhadap pihak-pihak yang telah pun membuat laporan yang tidak bertanggungjawab ini?

Sekian daripada saya, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan.

9.20 mlm.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Seputeh, ada peluang nanti. Selepas saya, mungkin Tuan Pengerusi beri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya hanya sedikit sahaja, ada 20 butiran dalam masa... [Disampuk] Kepala Pembangunan P.47 Butiran 06000 – Pembinaan Bangunan Pejabat Penerangan Daerah; Butiran 06111 – Pembangunan Sistem Bernama TV; Butiran 30000 – Projek Perkhidmatan Panggilan Kecemasan (PPK); Butiran 31000 – Projek Jalur Lebar; Butiran 33000 – *Multimedia Development Corporation (MDeC)*; Butiran 34000 – MYNIC Berhad; dan Butiran 45000 – Pembangunan Teknologi Maklumat. Kalau boleh habis. Saya cuba.

Tuan Pengerusi, hasrat kementerian untuk memperuntukkan bagi pembinaan pejabat pembangunan daerah ini amatlah dialu-alukan, sebab kalau kita melihat keadaan pejabat-pejabat

penerangan di semua daerah, khususnya bagi negeri Sabah dan Sarawak ini, memang amat-amat diperlukan, Tuan Pengerusi. Ini saya mengharapkan, walaupun dengan jumlah yang hanya RM5 juta ini mungkin tidak mencukupi. Jadi saya telah pun melihat perkara ini secara makro, ini harus diperkasakan lagi supaya penjelasan dan penerangan kepada rakyat akar umbi itu lebih kerap, lebih baik jika dibandingkan dengan apa yang berlaku sekarang.

Ini amat penting sekali kerana apa yang berlaku dan disebar di dalam *social media* ini amat *viral* betul yang dimainkan oleh Yang Berhormat Seputeh dan pihak pembangkang semua. Jadi, kita harus menjelaskan...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tenom bangun, Yang Berhormat Putatan,

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Yang Berhormat Putatan, mencelah sedikit.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Baru mukadimah.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Mahu menyokong.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Okey, okey

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih. Yang Berhormat Putatan mesti bagi punya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Setujukah Yang Berhormat Putatan, kalau Yang Berhormat Putatan tadi mengatakan bahawa bangunan-bangunan pejabat penerangan kita perlu ditingkatkan atau perlu dinaiktaraf, begitu juga kelengkapan yang ada di pejabat penerangan. Contohnya, kita bagi di negeri Sabah dan Sarawak, kita memerlukan kereta *four wheel* yang baru. Kalau saya lihat sebagai contoh di Tenom, kasihan, kereta *four wheel* hari-hari rosak. Jadi kita minta supaya pihak kementerian juga melihat kepada kemudahan-kemudahan terutama bagi kita di Sabah dan Sarawak, supaya khidmat penerangan yang dapat dilakukan ke semua pelosok kampung-kampung terutama kalau di Sabah dan Sarawak itu, jalan raya memang teruklah. Setujukah Ahli Yang Berhormat Putatan?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Setuju 102%. Masukkan dalam ucapan saya. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menjawab ucapan dari Yang Berhormat Tenom tadi.

Jadi, itulah satu-satunya yang perlu kita tangani yang mana kita melihat sungguh aktif permainan pembangkang dalam *social media* mengkritik kerajaan. Jadi kita harus turun ke akar umbi untuk memperjelaskan apa yang sebenarnya berlaku supaya rakyat kita tidak terkeliru.

Jadi, soal kenderaan, kelengkapan, alat pejabat itu, silalah beri sedikit kepada negeri Sabah dan Sarawak, Yang Berhormat Menteri. Jangan terlalu kedekut. Jangan bagi yang *second hand*. Kalau kereta yang *second hand* yang selalu diberi, itu kami kecewa. Jangan buat kami kecewa. Barang-barang yang *second hand* jangan dihantar ke negeri Sabah. Ini amat penting sekali.

Tuan Pengerusi, soal peranan BERNAMA TV amatlah dialu-alukan, sebab ini permainan pihak media kepada tempat-tempat luar bandar. Akan tetapi masalahnya, kadang-kadang kita tidak dapat menerima pancaran televisyen yang mana seharusnya juga sampai kepada

kawasan-kawasan luar bandar. Apa yang menjadi masalah kita ini ialah jalur lebar kita tidak mencukupi, kadang-kadang tidak ada *coverage* di luar bandar. Kawasan dekat-dekat bandar pun kadang-kadang tiada *coverage*. Saya mohon kepada pihak Yang Berhormat Menteri untuk mempertingkatkan perkhidmatan jalur lebar.

Ringkas sahaja berkenaan dengan MYNIC, Malaysia Network Information Centre Berhad yang telah pun *incorporated* pada tahun 2006 *under* MOSTI. Jadi kita melihat peranan MYNIC ini saya hendak tahu, berapakah yang didaftarkan di bawah syarikat ini? Walaupun ia hanya lapan kelas tapi kita mahu tahu berapakah yang mendaftar secara tempatan? Peruntukan berjumlah RM6.2 juta ini untuk apa? Saya rasa ini syarikat Berhad, kenapa di dalam kementerian ini memberikan peruntukan kepada syarikat? Adakah syarikat ini dipunyai oleh kerajaan? Saya mengharapkan ada penjelasan di situ kerana kita tidak mahu syarikat-syarikat yang lain bertanya kenapa satu-satu syarikat ini diberi peruntukan dan kenapa ada syarikat yang sama tidak diberi peruntukan. Jadi mana yang betul, mana yang tidak betul? Saya minta penjelasan sedikit berkenaan dengan itu.

Pembangunan teknologi maklumat ini, saya mohon kepada pihak kementerian untuk juga melibatkan program-program ini ke peringkat-peringkat daerah supaya program-program ini diperkasa dan diperbanyakkan. Jangan setakat dalam peringkat negeri sahaja atau di peringkat bandar sahaja, kalau boleh di pelosok-pelosok kampung. Buatlah program-program berkenaan dengan apa yang dilakukan oleh kerajaan, dasar-dasar kerajaan, misalnya program yang akan dilaksanakan di sesuatu tempat untuk kebaikan semua rakyat. Ini amat penting kerana kadang-kadang orang-orang muda tidak lagi melihat surat khabar, tidak lagi menonton televisyen...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Boleh gulung, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: ...Akan tetapi asyik bermain dengan *hand phone* dan sebagainya.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Pengerusi mana minta saya gulung itu?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya fikir Speaker sana. Ini apek punya Speaker. *[Ketawa]* Ini ada juga apek punya Speaker ini, Yang Berhormat Menteri.

Akan tetapi tak apalah, oleh kerana saya dengar suara Tuan Pengerusi tadi suruh gulung, saya gulung dan saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]: Ada seminit lagi. Ya, Yang Berhormat Beruas.

9.29 mlm.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Hanya satu perkara yang ingin saya bangkitkan di bawah Butiran 030000 – Komunikasi. Memang niat kita hendak adakan komunikasi sistem yang terbaik tetapi malangnya, kecurian kabel merupakan satu

perkara yang amat serius, sekurang-kurangnya di kawasan saya. Di Ayer Tawar, Taman Dinding, Taman Semarak Jaya sudah sebulan tidak ada telefon ataupun internet *service* kerana kabel sudah dicuri. Hampir seluruh Setiawan sekarang pun tidak ada talian telefon atau internet ini kerana kabel yang dicuri ini susah dipasang semula kerana sekarang musim hujan.

Jadi masalahnya ialah, memang itu polis tidak berkesan dalam hal ini. Saya rasa bukan mereka tidak boleh berkesan. Kalau mereka boleh bertindak seperti yang telah dilaksanakan untuk menutup semua kedai-kedai mesin judi baru-baru ini, selepas IGP mengarahkan, kita boleh dapat kesannya, hampir semua kedai mesin judi sudah ditutup. Kalau kerajaan boleh menggunakan perisikan, *special branch*, tidak payahlah ikut ahli-ahli politik pembangkang ini, kurangkan setengah dan setengah lagi gunakan tenaga ini untuk mendapat perisikan siapa yang curi kabel ini. Saya pasti ia akan mengurangkan masalah ini.

Akan tetapi apa yang penting berkenaan Kementerian Komunikasi dan Multimedia ini, saya hendak bangkitkan satu perkara. Saya dapat tahu daripada maklumat dalaman Telekom, mereka pun sudah *fed up with the old method*. Mereka sudah cadangkan supaya *fiber optic* digunakan dan bukan kabel kuprum atau *copper cable*, kerana kecurian kabel kuprum ini, pencuri-pencuri boleh menjual dengan harga yang baik dan sebab itu kecurian berlaku berulang-ulang kali.

Saya hendak tanya, difahamkan kerana Telekom hendak guna *fiber optic*, tetapi ada bantahan daripada segolongan ahli politik tentang kegunaan *fiber optic* ini. Adakah kerana ia akan menyebabkan kerugian kepada kroni atau pembekal-pembekal yang ada kaitan dengan UMNO-Barisan Nasional hinggakan rancangan ini terbengkalai?... [*Dewan riuh*] Saya nak dapat penjelasan. Difahamkan sejak permulaan tahun 2014, rancangan itu sudah dirancang, tetapi telah diberhentikan kerana ada bantahan daripada sesetengah pihak. Saya hendak tahu adakah ini benar dan hendak dapat jawapan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sambung esoklah Yang Berhormat

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sambung esok.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga jam 10 pagi, hari Rabu 19 November 2014. Terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.32 malam]